

SELANGOR

Dahulu dan Sekarang

SELANGOR

Dahulu dan Sekarang

disunting oleh
PROF. KHOO KAY KIM
DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI
MOHAMAD ABU BAKAR
ADNAN HAJI NAWANG

Diterbitkan oleh
Persatuan Muzium Malaysia
d/a Muzium Negara
Kuala Lumpur.

Penyelenggara dan Penyelaras : Jazamuddin Baharuddin
Rekabentuk : Hasan Majid
Rekaletak : Mohd Rasul

Cetakan Pertama 1985
© Hakcipta Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya/Persatuan Muzium Malaysia

M
957 515
214

432653

APB

dicetak oleh
United Selangor Press Sdn.Bhd.
Kuala Lumpur.

16 FEB 1987
Perpustakaan Negara

Kandungan

IX PENGENALAN

- 1 TRADISI JAWATAN RAJA MUDA SELANGOR: SUATU
TALAAH AWAL
Muhammad Yusoff Hashim
- 13 BANDAR TEMASYA DAN JUGRA
Mohd. Jais @ Jais Bin Sarfan
- 30 PERKEMBANGAN SISTEM PENGAJIAN ISLAM DI
SELANGOR
Sumali Amat
- 46 SUNGAI PINANG, KELANG SEBELUM 1900
Wan Muhammad bin Wan Sulong
- 67 SISTEM KEPIMPINAN DI MUKIM HULU YAM, DAERAH
HULU SELANGOR
Mohd. Azim bin Abdul Aziz
- 91 PERKEMBANGAN PELAJARAN MELAYU DI SELANGOR
1875—1920
Zainuddin bin Leman
- 113 SEJARAH PENDUDUK DAN PERKEMBANGAN SYARIKAT
KERJASAMA KILANG PADI DI SABAK BERNAM
Md. Sood bin Mohamad
- 141 PENDUDUKAN JEPUN DI HULU LANGAT
Rosnani Ibrahim
- 160 SEJARAH LEMBAGA PELABUHAN KELANG DALAM
RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA
Mohd. Sani bin Mohd. Tahar

Pengenalan

PADA tahun hadapan kerajaan Selangor akan berusia 220 tahun. Kerajaan ini yang bermula di Sungai Selangor meliputi beberapa batang sungai pada pertengahan abad ke-19, iaitu, dari utara ke selatan, Bernam, Selangor, Jeram, Kelang, Langat-Jugra, Lukut dan Sungai Raya. Selepas campur tangan British, Bernam ditetapkan sebagai sempadan Perak dengan Selangor. Di selatan pula, Lukut dan Sungai Raya diletakkan di bawah Negeri Sembilan; sebaliknya Semenyih, dahulunya kawasan Negeri Sembilan, menjadi kawasan Selangor dan Beranang adalah sempadan Selangor dengan Negeri Sembilan.

Pada awal 1970-an pula, Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan dan Syah Alam, sebuah bandar baru, menjadi ibukota Selangor. Ibukota Selangor dari masa kerajaan Selangor diasaskan pada tahun 1766 sehingga 1857 terletak di Kuala Selangor. Sultan Abdul Samad yang menaiki takhta pada 1857 bersemayam di Kelang, kemudian Bandar Temasya dan Jugra. Sementara itu, setelah British mengambil alih pentadbiran Selangor pada 1874, Kelang dipilih sebagai ibukota. Pada 1880, pusat pentadbiran berpindah ke Kuala Lumpur yang selanjutnya juga dipilih sebagai ibukota negeri-negeri Melayu Bersekutu mulai 1896.

Dalam tempoh hampir 220 tahun itu banyaklah perubahan yang telah berlaku. Sebelum pertengahan abad ke-19, ekonomi Selangor tergantung kepada perdagangan; pelabuhan Kuala Selangor kerap dilawati kapal-kapal dari luar termasuk Eropah. Pada pertengahan abad ke-19, pelabuhan Kuala Selangor telah merosot. Pelabuhan Pulau Pinang dan Melaka memberi perkhidmatan kepada Selangor.

Tidak kurang pentingnya lombong bijih timah dibuka di Kelang dan Lukut. Saudagar-saudagar Selat diberi konsesi, terutamanya di Lembah Kelang, dan semakin ramai buruh Cina dibawa masuk untuk mengerjakan lombong. Pada tahap itulah Kuala Lumpur menjadi semakin penting sebagai

depot bagi lombong-lombong, kebanyakannya terdapat di Ampang, Sungai Besi dan Petaling.

Selepas campur tangan British pembinaan infrastruktur di sekitar Kuala Lumpur berjalan dengan lebih pesat lagi. Pada 1886, Kuala Lumpur dihubungkan dengan Kelang melalui keretapi. Pada awal abad ke-20, Kuala Lumpur telah dihubungkan secara langsung dengan Seberang Perai di utara dan Johor Bahru di selatan, juga melalui keretapi.

Kerajaan Selangor diasaskan oleh orang Bugis. Tetapi pada abad ke-19, ramai penduduk dari luar telah berhijrah masuk terutamanya ke kawasan Kelang dan Hulu Langat. Orang Batu Bahara, Rawa dan Mendeling, juga Minangkabau adalah sebahagian besar daripada berbagai rumpun bangsa Melayu yang menetap di Selangor.

Proses imigrasi ini tetap berlaku pada abad ke-20. Satu golongan besar yang datang pada waktu ini ialah orang Jawa, kebanyakannya menetap di bahagian pantai, terutamanya Jeram, Kelang dan Langat-Jugra. Orang Banjar pula menetap di Tanjong Karang. Ditambah dengan orang Cina dan orang India yang datang semasa ladang getah dibuka pada awal abad ke-20, masyarakat Selangor adalah di antara yang paling kosmopolitan di Semenanjung ini. }

Ternyata sejarah Selangor memang kompleks. Monograf ini tidak dapat memberikan suatu gambaran yang lengkap tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam tempoh dua abad itu. Walau bagaimanapun, esei-esei yang termuat di dalam monograf ini meliputi beberapa perkara yang mustahak dan di samping itu memberi tumpuan kepada beberapa perkara yang mustahak dan di samping itu memberi tumpuan kepada beberapa aspek sejarah tempatan.

Tak dapat disangkal, setakat ini belum ada sebarang penerbitan yang dapat memberikan suatu perspektif yang begitu luas tentang sejarah dan masyarakat Selangor. Tulisan-tulisan R.O. Winstedt dan Buyong Adil lebih condong kepada pembicaraan tentang peristiwa-peristiwa yang membawa kepada wujudnya pentadbiran British serta perkembangan sistem pentadbiran moden itu. Monograf ini lebih menitikberatkan sejarah sosioekonomi.

Kajian-kajian tentang sejarah Selangor yang diselenggarakan oleh para mahasiswa setakat ini tidaklah begitu banyak berbanding dengan, misalnya, sejarah Kelantan. Mudah-mudahan monograf ini akan menggalakkan lebih ramai lagi penuntut sejarah memberi perhatian kepada aspek-aspek sejarah Selangor yang masih kabur.

Yang sangat diperlukan sekarang ialah kajian sejarah tempatan kerana jelas perkembangan di satu-satu kawasan tidaklah sama dengan perkembangan di kawasan lain. Kajang berbeza dengan Tanjong Malim sebagaimana Rawang berbeza dengan Jeram. Beranang juga berbeza dengan Batang Berjantai. Apabila kajian-kajian tentang berbagai kawasan Selangor itu telah siap ditulis barulah kita akan mendapat suatu gambaran yang lebih lengkap tentang sejarah dan masyarakat Selangor.

Tradisi Jawatan Raja Muda Selangor: Suatu Talaah Awal

MUHAMMAD YUSOFF HASHIM *

TRADISI dan jawatan Raja Muda Selangor telah bermula sejak awal-awal kewujudan Selangor sebagai sebuah entiti politik dan sejak kemunculan tradisi kesultananannya pada pertengahan pertama abad ke-18.

Sumber-sumber sejarah membuktikan bahawa di samping panggilan Raja Muda jawatan ini juga disebut sebagai *Tengku Muda* dan *Yang Dipertuan Muda* atau *Tengku Putera Mahkota*, manakala Pemerintah dan Sultan yang merajai Selangor dipanggil juga sebagai *Yang Dipertuan Besar Selangor*, apakala Raja Lumu atau Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak ditabal, dinobatkan serta dianugerahkan cap mohor oleh DYMM Sultan Perak untuk menjadi raja, Sultan atau Yang Dipertuan Selangor yang pertama sekali.

Setelah memperteguhkan takhta kerajaan dan memulakan tradisi kesultanan yang berentitikan politik Selangor, Almarhum Sultan Salehuddin belumlah lagi melantik sebarang puteranya sebagai Raja Muda Selangor dan sebagai waris pengganti takhta Kerajaan Selangor yang dicadangkan berpotensi. Maka belumlah lagi bermula tradisi dalam perjawatanan Raja Muda ini.

Tidak terdapat sebarang bukti sejarah secara tertulis yang menyebut bahawa dewasa pemerintahan baginda telah pun diwujudkan jawatan dan tradisi Raja Muda tersebut. Oleh itu apabila baginda mangkat pada tahun 1778 pihak yang bertanggungjawab melantik pengganti Sultan Salehuddin yang bergelar Marhum Saleh itu ialah tokoh dari keluarga kerabat Johor-Bugis iaitu Raja Haji ibni Daeng Chelak (Marhum Teluk Ketapang, Melaka)

* Penulis ialah Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

yang dewasa itu menyandang gelaran Yamtuan Muda Riau ke-IV. Baginda sendiri datang ke Selangor untuk melantik putera Sultan Salehuddin, iaitu Raja Ibrahim sebagai pengganti almarhum ayahandanya. Sebuah sumber sejarah tradisional dari Johor, iaitu *Hikayat Johor* menyebut pada masa perlantikan tadi dilakukan Raja Haji bergelar Pangeran Suta Wijaya.

Perlantikan dan istiadat perlantikan ini adalah amat wajar kerana dua sebab. Pertama, Raja Ibrahim adalah putera sulung kepada Sultan Salehuddin. Yang kedua, Raja Haji adalah ayahanda saudara kepada Raja Ibrahim kerana beliau adalah adinda Raja Lumu. Betapa pula hubungan kekeluargaan di antara kerabat diraja Johor-Bugis dengan kerabat diraja Selangor pada masa itu masih amat erat.

Dewasa pemerintahan Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Salehuddinlah adinda Baginda Raja Nala dilantik menjadi Raja Muda. Dengan ini beliaulah merupakan Raja Muda yang pertama sekali di dalam negeri Selangor. Dengan inilah juga maka bermulanya tradisi Raja Muda di dalam institusi pemerintahan kerajaan Selangor dan ditradisikan sebagai waris pengganti pertama yang amat berpotensi di dalam sistem penggantian raja-raja yang bakal memerintah negeri ini.

Setelah beberapa lama menyandang jawatan ini Raja Muda Nala telah mangkat di Aceh. Sultan Ibrahim melantik puteranya sendiri, Raja Muhammad sebagai Raja Muda. Perlantikan ke jawatan Raja Muda pada masa itu adalah bergantung kepada kehendak, perkenan dan hak 'prerogative' sultan yang memerintah. Walaupun Raja Muhammad bukanlah putera dari isteri Sultan Ibrahim yang tua, baginda berbuat demikian atas budi bicara dan perkenannya sendiri sebagai bertujuan untuk menjamin pengwarisan ganti takhta kerajaan.

Maka apakala Baginda mangkat pada tahun 1826 didapati terjadi sedikit perkecohan di dalam istana tentang pengganti baginda. Ada kalangan istana yang cuba meletakkan seorang putera baginda dari isterinya yang lebih tua sebab tidak bersetuju dengan Raja Muhammad sebagai pengganti ayahandanya. Tetapi oleh kerana telah pun memegang jawatan ini semenjak hidup ayahandanya lagi, maka Raja Muhammad pun dirasmikan sebagai Sultan Selangor yang ketiga, sebagai pengganti almarhum ayahandanya.

Memandangkan jawatan Raja Muda mempunyai potensi secara tradisi yang amat besar sebagai waris yang pertama pengganti dan bakal menjadi raja, maka pada masa pemerintahan Sultan Muhammad telah terjadi perkecohan di kalangan puteri-puteri Sultan Muhammad yang saling berebutan mahu menjadi Raja Muda. Hak perkenan dan 'prerogative' yang dimiliki oleh sultan yang memerintah bagi melantik seorang Raja Muda dengan budi bicaranya sendiri juga adalah satu masalah lain yang pokok. Masing-masing putera Sultan Muhammad didapati mula saling 'lobbying' ayahandanya untuk mendapatkan dan merebut jawatan tersebut, diakhirkan dengan pergaduhan di antara sesamanya. Putera-putera tersebut ialah Raja Sulaiman, Raja Othman dan Raja Yusoff.

Malangnya ketiga-tiga orang putera ini mangkat terlebih awal sebelum kemangkatan Sultan Muhammad.

Untuk menjamin supaya ada waris penggantinya, Sultan Muhammad

telah melantik puteranya yang masih kecil lagi, Raja Mahmud, menjadi Raja Muda. Dengan demikian baginda terpaksa pula melantik Raja Tua, iaitu Raja Jumaat, memangku tugas-tugas rasmi Raja Muda.

Setelah Sultan Muhammad mangkat terjadilah lagi perselisihan faham mengenai penggantinya. Terdapat dua pihak yang terlibat. Pertama ialah pihak yang menyokong Raja Muda Mahmud supaya beliau menjadi Sultan menggantikan ayahandanya. Tokoh yang memainkan peranan di sini ialah Tengku Puan Basik, iaitu Permaisuri Sultan Muhammad dan bonda Raja Mahmud sendiri. Beliau memberikan alasan bahawa Raja Mahmud adalah seorang putera gehara. Dicadangkannya juga bahawa Raja Abdullah ibni Raja Jaafar yang berasal dari Riau dilantik sebagai Raja Muda dan Raja Abdul Samad menjadi Tengku Panglima Raja.

Pihak yang kedua ialah Raja Jumaat dan Raja Abdullah, kedua-duanya adalah putera Raja Jaafar yang mahukan supaya putera saudara Sultan Muhammad, iaitu Raja Abdul Samad, merajai Selangor. Raja Abdul Samad ialah putera Raja Abdullah ibni Almarhum Sultan Ibrahim dan menantu Sultan Muhammad.

Setelah tiga tahun lamanya soal perlantikan dan penggantian raja ini bertelingkah, akhirnya pada tahun 1859 terpilihlah Raja Abdul Samad menjadi Sultan Selangor menggantikan Almarhum Sultan Muhammad. Dewasa itu usia baginda telah menjangkau hampir 50 tahun dan baginda bersemayam di Bandar Termasa (Langat).

Hanya kira-kira 16 tahun lamanya Sultan Abdul Samad menjadi Raja Selangor, baharulah baginda melantik puteranya yang sulung, Raja Musa menjadi Raja Muda Selangor pada 16 Mei 1875. Raja Muda Musa diberikan pegangan kawasan lembahan Sungai Selangor. Dan pada tahun 1878 beliau dilantik oleh ayahandanya menjadi Yang Dipertuan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, menggantikan Tengku Kudin.

Pada tahun 1884 YTM Raja Muda Musa mangkat. Jawatan Yang Dipertuan Muda sekali lagi kosong. Baginda sepatutnya boleh melantik salah seorang puteranya, seperti Raja Kahar, adinda Almarhum Raja Musa sebagai Raja Muda. Tetapi baginda tidaklah berbuat demikian, malah telah berkenan dan melantik pula cucundanya, Raja Sulaiman, iaitu putera Almarhum Raja Musa untuk memenuhkan jawatan ini. Ini dilakukannya pada tahun 1887, iaitu setelah 3 tahun lamanya Almarhum Raja Muda Musa mangkat.

Raja Sulaiman memegang jawatan ini selama lebih kurang sebelas tahun. Pada tahun 1898, apakala Sultan Abdul Samad mangkat (digelar Marhum Jugra) Raja Sulaimanlah tokoh yang tidak dapat disangsikan lagi dilantik untuk menggantikan nendanya, mentakhtai kerajaan Selangor dengan gelaran Sultan Alauddin Sulaiman Syah.

Setahun setelah menjadi Raja Selangor, Baginda Sultan Sulaiman melantik pula nenda saudaranya, iaitu Raja Laut ibni Almarhum Sultan Muhammad menjadi Raja Muda. Namun demikian, perlantikan ini tidak dilakukan secara tradisi, setakat disuratkan di dalam warta kerajaan; barangkali didalangi oleh kuasa Inggeris yang telahpun menjajah Selangor ketika itu.

Pada tahun 1903, apakala perlantikan ini diisytiharkan, ramai pembesar

dan anggota kerabat diraja Selangor telah menentangnya dengan hebat, sebab ianya dilakukan luar dari garis tradisi dan bertentangan dengan adat istiadat temurun negeri Selangor. Reaksi yang muncul tanpa diduga ini menyebabkan perlantikan yang dibuat ke atas Raja Laut sebagai Raja Muda Selangor ditarik semula dan dibatalkan. Jawatan Raja Muda kosong semula. Kekosongan ini terjadi sampailah ke tahun 1920.

Pada tahun 1920 Sultan Sulaiman melantik putera sulungnya, Tengku Musaeddin menjadi Raja Muda Selangor dengan rasminya. Pada masa itu Tengku Musaeddin dikenali juga sebagai *Tengku Muda* Musaeddin atau *Tengku Putera Mahkota* Musaeddin. Sementara Tengku Alam Syah, putera Baginda yang ketiga dijadikan Tengku Panglima Raja Selangor. Sebelas tahun kemudiannya, Tengku Panglima dijadikan pula Tengku Laksamana Selangor, iaitu jawatan terhampir selepas jawatan Raja Muda atau Tengku Muda Selangor dalam tradisi pengwarisan takhta kerajaan.

Selama 14 tahun Tengku Musaeddin menyandang jawatan Raja Muda, tiba-tiba pada tahun 1934, akibat terjadinya perubahan-perubahan yang tidak diduga berlakulah sedikit kekecohan di dalam penyandangan jawatan ini. Tengku Musaeddin dilucutkan jawatannya sebagai Raja Muda. Hal ini menimbulkan kekejutan yang bukan kecil di kalangan istana Selangor dan di antara para pembesar negeri, terutama mereka yang amat kuat memegang tradisi dan adat istiadat raja-raja Melayu di negeri ini. Kekecohan ini terjadi hampir dua tahun lamanya, hinggalah ke tahun 1936, bersamaan 20 Julai, manakala Tengku Laksamana, iaitu Tengku Hisamuddin Alam Syah dengan rasminya dilantik menggantikan kakandanya, Tengku Musaeddin, sebagai Raja Muda Selangor yang keenam. Sementara Tengku Musaeddin sendiri dianugerahkan gelaran Tengku Kelana Jaya Putera oleh ayahandanya.

Jawatan ini dipegang oleh beliau sehinggalah ke tahun 1938, apakala tepat pada 4 April 1938 Tengku Muda Alam Syah dilantik menjadi Sultan Selangor, menggantikan ayahandanya, Marhum Atiqullah yang telah mangkat.

Dewasa pemerintahan kerajaan Jepun, Tengku Musaeddin menjadi sultan dan pemerintah negeri ini dengan gelaran Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Syah. Tiada terdapat gelaran Raja Muda yang diwujudkan sepanjang pemerintahan baginda.

Pada masa Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Syah berkerajaan semula di negeri ini mulai tahun 1945, Baginda menghidupkan semula secara tradisi jawatan tersebut. Dan pada 13 Mei 1950, sempena dengan sambutan hari jadi DYMM Baginda Sultan Hisamuddin, putera baginda yang sulung, iaitu YM Raja Abdul Aziz dirasmikan sebagai Raja Muda Selangor. Sepanjang menyandang jawatan ini YTM Raja Muda Abdul Aziz beberapa kali pula memegang jawatan Pemangku Raja dewasa ketiadaan ayahanda baginda di negeri ini.

Selama kira-kira sepuluh tahun jawatan ini disandang olehnya, maka pada tahun 1960, bersamaan 3 September, YTM Raja Muda Abdul Aziz pun dilantiklah menjadi Sultan Selangor, menggantikan almarhum ayahanda baginda yang mangkat ketika memegang jawatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Setahun selepas itu, iaitu pada 1961 baginda pun melantik putera sulungnya YM Tengku Idris Shah sebagai *Tengku Muda* atau Raja Muda Selangor yang kelapan bagi menggantikan tempat yang telah dikosongkan oleh ayahandanya yang telah pun menaiki takhta kerajaan negeri ini, sampailah ke saat ini.

Sebagaimana pengalaman ayahandanya dahulu, YTM Raja Muda Idris Syah ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Alhaj pernah beberapa kali menyanggah jawatan Pemangku Raja pada kala-kala ketiadaan DYMM ayahandanya di negeri ini.

Dari keterangan di atas nyatalah bahawa beberapa kesimpulan awal mengenai tradisi Raja Muda Selangor dapat dinyatakan sebagai berikut. Jawatan Raja Muda bukanlah dibawa dari Sulawesi dan bertradisikan Bugis sepertimana tradisi pengsalasilahan raja-raja Selangor yang terawal, tetapi diwujudkan selepas kemangkatan Sultan Salehuddin (Raja Lumu), Yang Dipertuan Selangor yang pertama. Seorang yang dilantik menjadi Raja Muda tidak semestinya terdiri dari putera 'gehara' bagi raja yang sedang bertakhta, walaupun secara tradisi dan seharusnya adalah seorang putera sulung baginda.

Hak melantik Raja Muda berada di tangan raja yang sedang memerintah dengan syarat mendapat persetujuan ramai ahli Dewan Diraja Selangor. Akhirnya, walaupun Raja Muda menduduki tempat pertama sebagai pengganti sultan namun seorang pemegang jawatan Raja Muda tidak semestinya mempunyai potensi yang positif untuk menggantikan raja yang mangkat. Tenaga-tenaga tertentu yang bergerak di belakang institusi perajaan, elemen-elemen lain dan peranan Dewan Diraja Selangor patutlah amat diambil kira. Sejarah telah membuktikan kesemuanya.

Susunan Pemegang-pemegang Jawatan Raja Muda Selangor dari Tahun 1884 hingga 1961—1985:

1. Raja Muda Nala ibni Almarhum Sultan Salehuddin (Raja Lumu).
2. Raja Muda Mahmud ibni Almarhum Sultan Muhammad.
3. Raja Muda Musa ibni Almarhum Sultan Sir Abdul Samad....1884
4. Raja Muda Sileiman Syah ibni Almarhum Raja Muda Musa....1887
5. Raja Muda Musaeddin ibni Almarhum Sultan Suleiman Syah1920
6. Raja Muda Alam Syah ibni Almarhum Sultan Suleiman Syah1936
7. Raja Muda Abdul Aziz Syah ibni Almarhum Sultan Sir
Hisamuddin Alam Syah1950
8. Raja Muda Idris Syah ibni Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Syah Alhaj1961—1985

Rujukan:

1. Sumber Oral:

Tengku Suleiman Syah Alhaj ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Alhaj, (Tengku Panglima Diraja Selangor dan Ketua Istiadat).

Tengku Shaharuddin Syah ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Suleiman Syah, (Tengku Andika Seri Amar Diraja).

Raja Abdul Wahid bin Raja Haji Othman, (Engku Maha Kurnia Diraja).

Tengku Abdul Aziz Syah Alhaj ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Suleiman Syah, (Tengku Orang Kaya Menteri).

2. Sumber Bacaan:

Istiadat Bersiram Tabal dan Kemahkotaan DYMM Sultan Selangor, Jun 1961.

Keputusan DYMM Sultan Selangor, 10 Mac 1970.

Cenderamata Keputusan DYMM Sultan Selangor, 8 Mac 1979.

Fail-fail Pejabat DYMM Sultan Selangor, (Siri 8, 12, 15), tidak bertarikh.

Datuk Amar Wan Muhammad Amin bin Wan Muhammad Said, *Kenang-kenangan Selangor*, (tidak bertarikh).

Abdul Samad Ahmad, *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur, 1966.

Virginia Matheson, (ed.), *The Precious Gift, (Tuhfat al-Nafis)*, Kuala Lumpur, 1982.



Lambang YTM Raja Muda Selangor.



(Gambar — Ikhsan Muzium Negara)

YTM Raja Muda Sulaiman Syah yang kemudian menjadi Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Syah, Marhum Atiqullah.




Potret Raja Muda Musaeddin yang kemudian menjadi Sultan Musa Ghiatuddin, Tengku Kelana Jaya Putera, (1942—1945).



(Gambar — Ikhsan Muzium Negara)

YTM Raja Muda Alam Syah yang kemudian menjadi Sultan Sir Hisamuddin Alam Syah Alhaj.



YTM Raja Muda Abdul Aziz (Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Alhaj) yang bertanda x, bergambar pada tahun 1956 bersama-sama Ketua Kerabat-kerabat dan Orang-orang Besar Selangor.



YTM Tengku Idris Syah ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Alhaj sedang menjalani istiadat perlantikan Raja Muda Selangor oleh ayahandanya, pada tahun 1961.

Bandar Temasya dan Jugra

MOHD. JAIS @ JAIS BIN SARFAN*

Pendahuluan

BANDAR Temasya pada suatu masa dahulu lebih terkenal daripada Jugra.¹ Pada masa Selangor di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad ibni Al-marhum Raja Abdullah, (1957 hingga 1898), baginda telah berpindah membuat tempat semayamnya di bandar Temasya berikutan daripada berlakunya 'Perang Kelang' (1867). Sejak ketika itu, bandar Temasya dikenali sebagai 'Bandar Diraja'. Beberapa peristiwa yang bersangkutan dengan politik negeri Selangor telah berlaku di sana. Kemudian-nya apabila Inggeris mencampuri pemerintahan negeri Selangor, muncul pula Jugra yang mengembari bandar Temasya.

Walaupun dari segi sejarah yang lebih awal,² nama Jugra lebih terkenal daripada bandar Temasya, tetapi bandar Temasya lebih menarik minat Sultan Abdul Samad; ini mungkin disebabkan oleh perhubungan antara Kelang dengan bandar Temasya lebih mudah menyeberang Sungai Langat di Rantau Panjang (lihat peta II). Kemudiannya, apabila Inggeris mencampuri pemerintahan negeri Selangor, Jugra didapati lebih baik dari segi perhubungan perniagaan dengan negeri Melaka.

Pendeknya, sejak 1870-an itulah munculnya dua tempat yang seolah-olah adik-beradik 'Kembar' memainkan peranan penting dalam perkembangan politik dan sosial serta ekonomi negeri Selangor. Untuk meninjau sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh kedua-dua tempat itu, perlulah lebih dahulu dilihat sejarah yang lebih awal bagi tempat itu.

Pergolakan politik telah berlaku di negeri Selangor akibat daripada dua peristiwa. Pertama, Sultan Muhammad mangkat tanpa meninggalkan anak

* Penulis ialah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1975.

1 Bandar Temasya dibuka oleh Sultan Abdul Samad kira-kira pada 1867, apabila Raja Mahadi berjaya menghalau Raja Abdullah, adik Raja Jumaat. Jugra dibuka pada 1876, apabila sultan mendirikan Istana Jugra.

2 Nama 'Jugra' telah disebutkan pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Shelliebear, *Sejarah Melayu (Malay Annals)*. Lihat WTC. Singapore, 1954, hlm. 202.

gahara. Kedua, akibat daripada 'termakan budi',³ beliau terpaksa memberikan Kelang kepada Raja Abdullah (adik Raja Jumaat), yang sepatutnya diletakkan di bawah pentadbiran Raja Mahadi, anak Raja Sulaiman (Orang Besar Kelang). Pada 1867 berlaku 'Perang Kelang' 1866 yang kemudiannya berlarutan hingga menjadi 'Perang Saudara Selangor' yang memakan masa lebih kurang selama tujuh tahun. Pergolakan itu membawa kepada campur tangan British pada 1875. Sebagaimana telah disebutkan nama Jugra telah terkenal pada masa keagungan kesultanan Melaka.⁴ Sebenarnya dipercayai Jugra telah wujud sebelum kemunculan Kerajaan Melayu Melaka. Perkara ini mungkin dapat diakui jika dilihat daripada bukti arkeologi yang dijumpai di Kampung Sungai Lang pada tahun 1964.⁵ Tetapi pada abad ke-19, bandar Temasya lebih terkenal kerana ia dibuka oleh Sultan Abdul Samad.

Sejarah Awal

Negeri Selangor yang wujud pada pertengahan kedua abad ke-18 itu, adalah mengikut nama sungai di mana mula dibina sebuah kerajaan baru. Pada zaman dahulu di mana Yang Dipertuan bersemayam, bersama-sama rakyat dan orang-orang besarnya, di sanalah letaknya ibu negeri. Dari Sungai Selangor kerajaan telah berkembang meliputi lima buah sungai yang besar disatukan atas dasar melantik 'Orang Besar' di setiap jajahan yang patuh kepada sultan. Dengan penyatuan itu wujudlah NEGERI SELANGOR DAN JAJAHAN TAKLUKNYA.⁶

Selangor, sebagai sebuah kerajaan dengan seorang 'Sultan' sebagai kemuncak sistem politiknya, telah bermula apabila Raja Lumu ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran 'Sultan Salehuddin Syah' seperti yang dianugerahkan oleh Sultan Perak pada 1766.⁷

Pada zaman yang lebih awal negeri Selangor, merupakan jajahan Kerajaan Melayu Melaka, selepas 1511, kerajaan Johor telah muncul sebagai gantinya. Pada abad ke-17 dan 18, orang Bugis telah datang ke rantau ini

3. Sultan Muhammad dikatakan berutang kepada saudagar Cina di Melaka, sejumlah \$169,000; Ini telah dilunaskan oleh Raja Jumaat. (J.M. Gullick, "A Careless Heathen Philosopher", dalam *JMBRAS*, Vol. 26, Pt. 1, 1953, hlm. 87).

4. Menurut Shahabuddin Ahmad, dalam wawancara dengan Datuk Batin Selapan di Dengkil pada 1950, nama Jugra itu berasal dari "Kumpulan yang mendiami di sana diketuai oleh 'Juru Kerah' ". (Catatan tanpa cetak).

5. D.A.V. Peacock, "Kampung Sungai Lang", dalam majalah *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jun 1969, hlm. 20—30.

6. J.M. Gullick, *Sistem Politik Buntiputeru*, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 149—150.

7. Perlantikan ini, walaupun pada dasarnya terdapat satu pendapat yang sama, mempunyai perbezaan tentang orang yang sebenarnya bertanggungjawab dalam perlantikan itu menurut: *Perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor I*, adalah diperkenankan oleh satu kumpulan masyarakat Melayu dibawah ketuanan Datuk Ungku Naga Mengelor yang diakui oleh Sultan Johor sebagai wakilnya, dengan diberi sebuah 'mohor' pada tahun 1700".

(b) Mohd. Said bin Hj. Mohd. Radzi, dalam "Sejarah Ringkas Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam", dalam *Tinjauan Sejarah*, Jilid 1, Mac 1973: "Kira-kira t.m. 1756, empat orang-orang besar: Dato' Aru, Dato' Penggawa Permatang, Dato' Jeram dan Orang Kaya Kecil, iaitu pemerintah beberapa tempat yang disebut diatas, dikatakan telah bersepakat menjemput anak Daeng Celak, Raja Lumu diangkat menjadi Yamtuan Selangor".

(c) Barbara Watson Andaya (yang menggunakan sumber Belanda sezaman), Raja Lumu ditabalkan di Kota Lumut, Perak, pada 1766. ("The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766" dalam *JMBRAS*, vol. XLVII, Pt. 1, 1974).

akibat daripada perang dengan Belanda (1667). Bugis yang telah terlibat secara mendalam dalam pergolakan politik kerajaan Johor pada abad ke-18 itu, sebenarnya, telah membuka sebuah penempatan di Jeram dan Langat di mana mereka menjalankan perniagaan dengan Melaka. Petempatan ini telah terus berkembang, dan akhirnya mampu melantik seorang anak Raja Bugis (Raja Lumu) menjadi Sultan Selangor yang pertama.

Perkembangan selanjutnya dan penentuan sebuah negeri dengan sempadan- sempadan tertentu seperti yang terdapat pada hari ni, adalah hasil daripada campur tangan British. Sempadan- sempadan seperti Sungai Bernam di utara, Sungai Sepang di selatan, Selat Melaka di barat dan Banjaran Gunung TitiWangsa di timur, telah membentuk sebuah kerajaan 'Selangor' yang luasnya lebih kurang 5,760 kilometer persegi. Sebelumnya, nama-nama seperti: Langat, Jeram, Morib, Jugra, Bernam, Kelang, Selangor dan Lukut memang telah dikenali dan ada penduduknya sebagai jajahan-jajahan yang di bawah kewibawaan Selangor.⁸ Berikutan dengan itu, apabila perusahaan melombong bijih timah mula terkenal, nama-nama baru yang penting dengan penghasilan bijih pula muncul seperti: Kancing, Petaling, Pangkalan Lumpur (kemudian Kuala Lumpur), Cheras, Serdang, Kajang, Ampang, dan beberapa tempat lain.

Bandar Temasya Abad Ke-19

Keadaan bandar Temasya pada abad ke-19 itu sebenarnya daripada beberapa aspek tidak menampakkan perubahan yang besar berbanding dengan abad ke-20. Justeru itu, tinjauan yang penting terutamanya ialah dari segi geografi pada abad itu. Dalam hal ini, kita juga tiada dapat lari daripada membincangkan secara umum tentang negeri Selangor.

Kedudukan bandar Temasya bolehlah dikatakan penting pada masa itu kerana sistem pengangkutan berasas laut dan sungai. Dari semasa ke semasa tempat itu menjadi tumpuan penduduk dari kawasan berhampiran, atau ada juga kemasukan dari luar, seperti pedagang Sumatera dan Bugis. Kemudian, apabila Sultan Abdul Samad membuka tempat itu pada 1866 bertambahlah semaraknya.

Di muara Sungai Langat pula terdapat hutan bakau; tanahnya rata dan rendah, melerang hingga ke Bukit Jugra yang tingginya 795 kaki. Kedudukan Bukit Jugra rapat dengan pantai. Temasya berhampiran dengan tebing Sungai Langat yang dilindungi oleh Pulau Carey. Ini menjadikan sungai itu lebih selamat digunakan untuk menghilir-mudik.

Daripada faktor kedudukan inilah tempat itu menjadi terkenal pada ketika itu. Hawanya pula jenis 'panas-lembab' dan menerima hujan mengikut angin musim Barat-Daya. Dengan begitu, tumbuh-tumbuhan di kawasan ini adalah jenis tropika. Walaupun pada ketika itu belum ada perusahaan membuat 'arang kayu', kayu bakau di kawasan itu berguna juga dengan fungsi yang berlainan.⁹ Keadaan yang terdapat pada abad ke-19 itu,

⁸ Menurut Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 26: "By the early 1860s, all the major districts had come under the control of the 'anak raja', Sungai Bernam under Raja Hitam, Sungai Selangor under Raja Musa, Sungai Jeram under Raja Ali, Sungai Kelang under Raja Abdullah, Sungai Langat under Sultan Abdul Samad Sungai Lukut under Raja Jumaat and Sungai Raya under Raja Sulaiman".

⁹ Menurut Datuk Abas bin Pandak, perusahaan membuat arang kayu dimulakan oleh orang Cina, lebih kurang pada dasawarsa pertama abad ke-20. Hingga kini perusahaan itu masih dalam tangan orang Cina.

sebahagian besarnya, masih ada hingga hari ini. Perubahan yang nyata mungkin tertumpu kepada tumbuh-tumbuhan yang telah diubah dari pokok liar, menjadi pokok tanaman yang berhasil, seperti kelapa, getah dan juga buah-buahan.

Pemerintahan Sultan Abdul Samad

Pemerintahan baginda itu dapat dibahagikan kepada *tiga* tempoh:

- (a) Masa yang terawal, yang dapat disebut sebagai 'pemerintahan berbentuk feodal' hingga 1867.
- (b) Zaman 'Perang Kelang' atau 'Perang Saudara' di Selangor, dari 1867 hingga tahun 1873.
- (c) Babak terakhir pemerintahan baginda, di mana British telah mencampuri pemerintahan Selangor dengan memperkenalkan 'Sistem Residen', iaitu sejak dari tahun 1874 hingga tarikh kemangkatan baginda pada tahun 1898 di Jugra.¹⁰

Nyatalah sepanjang period kedua itulah bandar Temasya dan Jugra memainkan peranan penting sebagai pusat negeri Selangor.¹¹

Pada tahap pertama, baginda bersemayam di Kelang, walaupun Kelang di bawah pentadbiran Raja Abdullah bin Raja Jaafar. Ini adalah kerana Kelang menjadi semakin penting sebagai pusat perlombongan. Tetapi apabila berlakunya 'Perang Kelang' baginda pun berpindah ke Langat, khususnya 'Bandar Temasya'.

Seterusnya, pada tahap kedua pemerintahannya baginda berada di Bandar Temasya (1867 hingga 1873). Masa itu adalah zaman kekacauan di negeri Selangor. 'Perang Kelang' itu berlanjutan, bukan hanya melibatkan orang Raja Mahadi dengan orang Raja Abdullah, tetapi juga melibatkan sama pelombong Cina dan pihak British.¹²

Oleh kerana kekacauan itu kian membesar, dan melibatkan banyak pihak, sultan cuba mencari jalan keluar. Untuk mengatasi hal ini, baginda melantik **menantu** baginda Tengku Dzia-Uddin (Tengku Kudin) menjadi wakil sultan. Justeru itu ada anggapan bahawa baginda hendak melepaskan diri daripada tanggungjawab sebagai sultan, serta hidup bersenang-lenang di Bandar Temasya.¹³

Pendeknya, pada tahap kedua pemerintahan baginda ini, Selangor telah mencipta satu sistem pemerintahan yang belum pernah wujud di negeri Melayu lain di Semenanjung. Biasanya dalam sistem politik di negeri-negeri Melayu, sultan duduk di puncaknya, orang-orang besar di bawahnya.¹⁴

10 Mohd. Amin bin Hasan, 'Peranan Kelang', Tesis m.t., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1970, him. 72.

11 Masa 'Perang Kelang' sedang bergelora, segala.

12 Lihat misalnya Ab. Talib Hj. Ahmad, *Perang Saudara di Selangor*, Kuala Lumpur, 1962, him. 28.

13 Sebagaimana yang digambarkan oleh Swettenham, dalam catatan lawatannya; 'Swettenham Papers, 1874, bil. 12/8'.

14 Di kebanyakan negeri Melayu, sistem politiknya berbentuk 'pyramid'. Negeri Sembilan agak berlainan sedikit, dengan adanya Datuk-datuk Undang Yang Empat, dan Yang Dipertuan hanya sebagai 'Ketua Adat'. Ini adalah mengikut Adat Perpatih.

Tetapi bagi negeri Selangor, masa itu, Wakil Raja seolah-olah duduk di atas segala orang besar daerah.

Babak terakhir, atau tahap ketiga pemerintahan baginda, merupakan satu lembaran baru dalam sejarah politik negeri Selangor. Walaupun pada dasarnya, tidak begitu banyak hal yang akan dibincangkan pada tahap ini, tetapi peristiwa/babak inilah yang sebenarnya membawa beberapa perubahan penting mengenai 'Bandar Temasya dan Jugra'. Apa yang menarik perhatian ialah dengan campur tangan British itu, sultan masih dianggap sebagai pemerintah berdaulat dan mengekalkan kewibawaannya ke atas rakyat baginda. Di samping itu, British meletakkan seorang Residen, yang berkuasa memungut cukai, dan menentukan bayaran kepada sultan daripada hasil cukai itu.

Oleh kerana kepentingan sumber ekonomi lebih tertumpu di Kuala Lumpur, pihak British pada tahun 1880 telah memilih Kuala Lumpur sebagai tempat kediaman Residennya, sedangkan di Langat (Bandar Temasya dan Jugra), British hanya meletakkan seorang 'Pemungut Hasil'.¹⁵ Nyatalah pada babak terakhir ini, baginda lebih mempunyai kuasa terhadap rakyat yang berada di sekitar tempat semayam baginda.¹⁶

Perpindahan dari Kelang ke Bandar Temasya

Walaupun 'Langat' tidak begitu kaya jika dibandingkan dengan 'Kelang', tetapi ramai juga yang bermastautin di sana dengan mengamalkan ekonomi cukup-hidup. Bahkan terdapat sedikit kemajuan bila wujudnya satu komuniti orang Bugis di Langat, berniaga ke Melaka.¹⁷ Jadi, sebelum tempat itu didatangi oleh sultan ia telah sedia sebagai penempatan yang agak penting.

Satu soalan yang penting ialah mengapakah tempat itu menjadi pilihan sultan. Pada dasarnya, faktor utama yang membawa perpindahan itu ialah akibat serangan Kelang oleh Raja Mahadi. Tetapi dari aspek lain, tentunya ada faktor faktor lain mengapa tempat itu yang menjadi pilihan baginda. Andaiannya ialah, pertama, dari segi politik, daerah-daerah lain di Selangor adalah di bawah pentadbiran orang-orang besar tertentu, dan Sultan Abdul Samad sendiri menguasai daerah Langat.¹⁸

Kedua, dari segi sosial pula, sebagaimana dinyatakan di atas, nyatalah tempat itu memang telah sedia diteroka oleh orang. Bahkan dari beberapa segi, ia telah maju. Begitu juga jika dikaji dari segi ekonomi. Walaupun kawasan itu tidak menghasilkan galian berharga (bijih), tetapi pertanian dan perikanan telah sedia diusahakan oleh penduduk tempatan; begitu juga dengan hasil-hasil hutan yang tidak juga kurang pentingnya sebagai eksport.

Perkembangan Bandar Temasya

Sebaik baginda berpindah ke Bandar Temasya sebuah istana yang sesuai mengikut keadaan masa itu telah dibina. Di samping itu, berberapa buah rumah pengiring-pengiring baginda juga dibina di sekitar kawasan itu.

¹⁵ Pegawai pemungut hasil pertama ialah James Innes.

¹⁶ H. J. Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 54.

¹⁷ Raja Ali Al-Haji, *Tuhfat Al-Nafis*, Singapura, 1965, hlm. 55.

¹⁸ Khoo Kay Kim, op. cit., hlm. 38.

Seluruhnya itulah disebut sebagai 'Tanah Raja'. Selain daripada itu, beberapa keperluan utama di kawasan itu telah juga dibina. Antara lain ialah jalan-jalan darat yang walaupun tidak begitu sempurna telah dibina untuk kemudahan lalulintas, terutama bagi sultan pergi balik antara sungai dengan istana. Pada peringkat ini, pangkalan perahu yang penting ialah di muara Sungai Langat.

Bagaimanapun, selama lebih kurang tujuh tahun pertama baginda bersemayan di Bandar Temasya, iaitu masa berlakunya 'Perang Saudara' di Selangor, baginda sibuk dengan hal yang serius itu.

Beberapa Peristiwa di Bandar Temasya

Antara peristiwa yang boleh dianggap penting dan terawal sekali sejak perpindahan sultan ke sana ialah perlantikan Tengku Kudin sebagai wakil mutlak. Walaupun peristiwa itu mungkin hanya satu perkara kecil sahaja, dari segi kesannya, adalah besar maknanya kerana, selain daripada mengurangkan kuasa sultan juga membentuk satu pola baru dalam sistem susunan politik. Begitu juga dari segi sosial; Tengku Kudin, setelah dilantik, membawa bersama-samanya 500 orang Kedah ke Langat.¹⁹ Keadaan ini sedikit sebanyaknya melibatkan hubungan sosial antara mereka dengan orang tempatan.

Peristiwa lain yang agak penting berkaitan dengan ekonomi. Lombong bijih di Kancing pada keseluruhannya dijalankan oleh puak Ghi Hin; sementara yang di Kuala Lumpur pula, oleh puak Hai San. Lombong di Kancing itu asalnya dibuka oleh sultan Abdul Samad, ketika ia menjadi Tengku Panglima Raja. Ketuanya orang Cina, bernama Chin Ah Chan,²⁰ telah dikalahkan oleh Yap Ah Loy. Untuk mencari keselamatan, Chin Ah Chan pergi ke Langat menemui sultan dan meminta ampun. Kebetulan pada ketika ia tiba di Langat, sultan telah kehilangan sebentuk cincin yang sangat disayangi. Puas baginda mencarinya, tiada juga berjumpa.

Chin Ah Chen telah berjaya menjumpai cincin itu. Untuk mengenang jasanya itu, sultan telah membenarkan ia membuka lombong di Hulu Langat. Pembukaan lombong di Hulu Langat itu merupakan satu babak baru dalam ekonomi daerah Langat. Segala hasil bijih yang dikeluarkan dari Hulu Langat itu mestinya melalui Sungai Langat, membawa ke Kuala Langat, iaitu Bandar Temasya. Itu menjadikan tempat itu pusat pemungutan cukai yang penting.

Tambahan pula daerah Hulu Langat muncul sebagai satu lagi pusat perlombongan di Selangor. Sehingga hari ini, memang terbukti, banyak didapati lombong bijih yang telah dibuka, atau yang telah tinggal di sekitar daerah ini; antaranya di Dengkil, Sungai Merab, Sungai Chua dan Hulu Langat.

Bandar Temasya dan Jugra sejak 1874

Berdasarkan perjanjian ataupun surat pengisytiharan, Sistem Residen diperkenalkan di Selangor, Frank Swettenham telah bertolak dari Singapura

19 Abdul Samad Ahmad, *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 30.

20 Chin Ah Chan, dari puak Ghi Hin, menyebelahi Raja Mahadi kerana puak Hai San menyebelahi Tengku Kudin. Lihat Abdul Talib Hj. Ahmad, op. cit., hlm. 28.

pada 15 Ogos 1874 menuju ke Selangor dengan sebuah kapal *Hart*. Dalam perjalanan itu, beliau singah di Melaka, mengambil 20 orang mata-mata Melayu, lalu pergi ke Bandar Temasya untuk menjalankan tugasnya sebagai Penolong Residen.²¹ Kemudian J.G. Davidson dilantik sebagai Residen British.

Swettenham tinggal di Bandar Temasya, Residen pula menetap di Kelang pada tahun 1875. Pegawai Daerah dan Pemungut Hasil British tinggal di Bandar.²² Nyatalah bandar telah memainkan peranan yang penting dalam sistem politik yang baru bagi negeri Selangor pada tahun itu.²³

Di antara Bandar Temasya dengan Jugra pula kerana kedudukan Jugra itu lebih baik dari segi perhubungan dengan negeri-negeri lain menerusi Selat Melaka, Justeru sejak tahun 1876 itu, Jugra lah yang lebih kerap disebut-sebut daripada Bandar Temasya. Kemudian Sultan Abdul Samad telah berpindah dan membina istana di Jugra. Selanjutnya Pejabat Daerah dan Rumah Pegawai Daerah juga dibuat di Jugra.²⁴

Dalam pada itu Kuala Lumpur, yang walaupun tidak menjaid tempat semayam sultan, telah muncul menjadi 'urat-nadi' negeri Selangor terutama selepas 1888.

Ternampak, dalam konteks kajian ini, dua perubahan besar berlaku sejak British mencampuri pentadbiran negeri Selangor. Pertama, perpindahan dari Bandar Temasya ke Jugra, dan keduanya, apabila Bandar Temasya serta Jugra itu dibiarkan mengalami kemerosotan. Di sekitar Kuala Lumpur pula jalan raya dibina dan bandar itu dihubungkan dengan Kelang pada 1885 melalui keretapi. Dengan itu pelabuhan Kelang pula menjadi penting sebagai saluran utama pengeluaran hasil dari Kuala Lumpur.

Sebelum itu, pada 1876, Jugra menjadi tempat semayam Sultan Abdul Samad dengan terbinanya 'Istana Jugra'. Di samping itu, pihak British mendirikan bangunan yang mustahak untuk melicinkan jentera pentadbiran, seperti: sebuah Pejabat Daerah, rumah kediaman Pegawai Daerah, juga jalan raya di sekitar kawasan itu.

Selain daripada itu di Bandar Temasya dan Jugra, terdapat juga pertanian moden misalnya, pada 1880,²⁵ sebuah tender untuk membuka sebuah ladang kelapa telah dikeluarkan. Dan perubahan itu terus berlaku dari semasa ke semasa apabila keadaan negeri Selangor mengalami pembangunan yang pesat. Tetapi selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad, Bandar Temasya dan Jugra merosot dengan lebih nyata lagi.

Kemangkatan Sultan Abdul Samad

Sultan Abdul Samad mangkat pada 6 Februari 1898. Makam Sultan Abdul Samad berada di Jugra; baginda juga digelar sebagai 'Marhum

21 Hj. Buyung Adil, op. cit., hlm. 141.

22 G.L. Peat, "Pilgrimage to Bandar", *The Straits Times Annual 1957*, hlm. 63.

23 Bandar seperti yang disebut oleh G.L. Peet itu sebenarnya ialah Jugra, ini terbukti dari tinggalan bangunan di Jugra. Sultan juga akhirnya pada 1876, pindah dan membina istana di Jugra. Perpindahan surut ke Jugra 1876 itu, sila lihat: Abdul Samad Ahmad (ed.), op. cit., hlm. 54.

24 Surat-surat pengisytiharan untuk menerima Residen British, perliantikan Tengku Kudin, perbicaraan hal rompakian di Langat, semua berlaku di Bandar. Dan terbukti dari surat-surat dalam 'Selangor Secretariat File' semua beralamat di Jugra pula, menunjukkan berlaku perpindahan ke Jugra. Pada zaman Sultan Alauddin Sulaiman Syah, Bandar dipilih semula sebagai tempat semayam sultan.

25 'Selangor Secretariat File', Misc. 324/80.

Sultan Ala-Uddin Sulaiman Syah

Walau bagaimanapun kemangkatan Sultan Abdul Samad bukanlah bermakna lenyap sama sekali riwayat hidup Bandar Temasya dan Jugra. Sultan Ala-Uddin Sulaiman Syah, Sultan Selangor yang kelima, diisytiharkan perlantikannya di Istana Jugra, pada jam 3.00 petang 7 Februari 1898, sama semasa dengan istiadat permakaman jenazah Marhum Jugra.

Kemunduran Bandar Temasya dan Jugra mula kelihatan sejak awal pemerintahan baginda. Ini adalah akibat daripada beberapa faktor. Antaranya ialah, dengan terbentuknya 'Negeri-negeri Melayu Bersekutu' pada tahun 1896, menjadikan Kuala Lumpur lebih penting lagi sebagai 'pusat pentadbiran'; Residen-General diam di sana. Jabatan-jabatan Persekutuan juga berada di Kuala Lumpur.

Serentak dengan itu, sebaik sahaja baginda diisytiharkan menjadi Sultan Selangor, baginda telah beristerikan seorang kebanyakan dan dibawa ke Langat. Ini menyebabkan permaisuri baginda, Tengku Mahrum, merajuk.²⁷ Akibatnya, pertabalan baginda terbantut buat beberapa ketika. Sebenarnya, peristiwa ini walaupun pada dasarnya tidak begitu mustahak dari segi politik, ada kaitan secara langsung dengan sejarah Bandar Temasya dan Jugra. Selama lebih kurang dua setengah tahun peristiwa 'merajuk' itu berlaku, Tengku Ampuan Mahrum berada di luar Selangor. Akhirnya, pada tahun 1903, barulah dapat diselesaikan.

Tengku Ampuan Mahrum kembali ke Selangor dengan syarat ia tidak lagi tinggal di Bandar Temasya; ini jelaslah menjejaskan kedudukan tempat itu. Kerajaan Selangor kemudian mendirikan sebuah istana di Kelang, sebagai tempat semayam sultan. Perpindahan sultan mengikut Tengku Ampuan itu, tentulah disertai oleh alat-alat kebesaran diraja. Justeru, keagungan yang dahulunya berada di Bandar Temasya berpindahlah ke Kelang. Bandar Temasya dan Jugra, terus kurang dihiraukan; kecuali hanya masih ada kerabat Diraja yang menetap di sana, dan satu kawasan tanah di sana, seluas 10 ekar, kemudiannya dijadikan 'Tanah Raja'.

Tempat dan Bangunan Bersejarah Masjid Bandar

Masjid ini masih kukuh, dan digunakan sebagai tempat ibadat penduduk Kampung Bandar. G.L. Peet,²⁸ yang mengambil gambar masjid itu kira-kira 17 tahun yang lampau menerangkan bahawa masjid itu digunakan oleh Sultan Sulaiman setiap hari Jumaat. Kemungkinan ini boleh diterima. Kemudiannya, selepas kemangkatan baginda, masjid ini hanya digunakan oleh penduduk setempat.²⁹ Walau bagaimanapun, kerana kepentingan agama,

26 Makam di Bukit Jugra, kini diperlempangi dengan anak-anak tangga batu, bekaln api letrik, air, sebagai memberi kemudahan para pelawat. (Menurut Datuk Abas, ini adalah inisiatif dari Yang Mulia Raja Muda Selangor).

27 Abdul Samad Ahmad (ed.), op. cit., hlm. 77.

28 *Straits Times Annual for 1957*, op. cit., hlm. 64.

29 Masjid Ar-Rahmah, Kelang, yang didirikan pada 1939 dikenali sebagai 'Masjid Sultan', dan ini menjadikan Masjid Bandar tidak lagi dikunjungi oleh Sultan Selangor berikut (Sultan Hishamuddin).

dan kedudukannya agak sesuai (hampir dengan kebanyakan penduduk Bandar), justeru ia tetap dipelihara dan dibaiki dari semasa ke semasa.

Masjid yang didirikan lebih kurang pada dasawarsa pertama abad ke-20 itu, nampaknya terselamat dari dimakan kelapukan. Sultan Ala-Uddin Sulaiman Syah, yang alim selalu memberi khutbah di masjid-masjid di seluruh negeri.³⁰ Inilah sebabnya masjid itu terus terpelihara dengan baik hingga hari ini.

Makam 'Marhum Jugra'

Sebagaimana pusara bagi orang kebanyakan, yang sentiasa dikunjungi oleh kaum kerabat,³¹ maka bagi makam sultan ini juga sentiasa dikunjungi terutama oleh kerabat diraja, bahkan juga oleh rakyat jelata.³² Oleh yang demikian, makam Sultan Abdul Samad ini, yang letaknya di atas Bukit Jugra itu, sentiasa dijaga dengan rapi dan terus terpelihara. Pada masa ini, kira-kira 90 meter dari makam itu, telah disediakan sebuah padang letak kereta. Dari situ, untuk sampai ke makam, disediakan tangga batu untuk memudahkan para pelawat naik ke atas. Bekalan api dan air juga diadakan di sekitar kawasan makam itu.

Di satu kawasan yang luasnya lebih kurang lima ekar, terdapat antara lain, sebuah binaan batu yang besar, dan di dalamnya terdapat Makam Sultan Abdul Samad. Di luar bangunan itu, terdapat beberapa perkuburan, terutama yang berhampiran dengan bangunan itu adalah pusara kerabat diraja, dan setengahnya adalah bangunan yang lebih kecil, seperti pusara Yang Mulia Raja Kahar, Tengku Maharum, dan Raja Muda Musa yang mangkat pada tahun 1884.

Baki Bangunan 'Pejabat Daerah Jugra'³³

Baki bangunan ini agak jauh tersembunyi di dalam belukar berhampiran dengan tebing Sungai Jugra juga berhampiran dengan pondok 'Bakar Arang'. Agak sukar untuk mencarinya, seandainya tidak ada pemandu. Hanya sebahagian kecil sahaja daripada tembok bangunan itu yang masih ada. Besar kemungkinan, untuk beberapa tahun yang akan datang ia tidak dapat dikesan lagi. Dengan menaiki kereta, seseorang dapat sampai ke sana dengan menyusur di belakang pondok 'Bakar Arang', dan kira-kira 9 meter dari bekas bangunan itu, seseorang harus berjalan kaki menempuh semak dan belukar.

Sebenarnya, tiada apa yang dapat dilihat dengan jelas, melainkan sebahagian tembok yang menghalu ke laut yang masih tegak. Itu pun tidak dapat dipegang melainkan setelah bersusah payah menebas semak-semak di situ. Yang pentingnya, dengan kedudukannya yang di tebing sungai itu, menjadikan ia sebagai pejabat yang menguasai segala perkara terutama kapal-kapal yang keluar masuk ke pangkalan Jugra masa itu.


³⁰ Hj. Buyung Adil, *op. cit.*, hlm. 170.

³¹ Biasanya, secara tradisi orang Melayu menziarahi pusara keluarganya, waktu hampir memegang puasa bulan Ramadan, atau waktu hari raya.

³² Rakyat jelata, biasanya menziarahi Makam Sultan; ada dengan tujuan membayar 'nazar'. Hal ini selalu berlaku di Makam Marhum Jugra ini.

³³ Menurut Dato' Abas, ianya 'Pejabat Daerah' Jugra, tetapi bagi G.L. Peet, (*op. cit.*, hlm. 64) dikatakan "Government Office" di Jugra.

Peta I



Istana Jugra

Istana yang bertiangkan batu, berlantai papan dan dinding bahagian tingkat atasnya juga papan; tetapi ia tidak boleh didiami lagi. Apa yang ada hanya sebuah bilik di tingkat atas, tersimpan di dalamnya sebuah peti besi, yang dikatakan kepunyaan Marhum Jugra. Pada satu ketika, 'peti besi' itu telah dibawa ke Muzium Negara, Kuala Lumpur, untuk dipamerkan sebagai barang antik. Tetapi dikatakan, pengawal-pengawal tidak senang hati mendengar bunyi-bunyi dari dalam peti itu, yang bila dibuka tanpa isi apa-apa. Sebab itu, peti itu terus diletakkan di tempat asalnya dengan aman. Untuk melihat peti itu, seseorang terpaksa menaiki tangga istana yang begitu uzur, dan seharusnya berhati-hati.

Walaupun bangunan ini tidak digunakan lagi, ia terpelihara dengan baik. Kawasan sekitar istana ini juga sentiasa bersih, kerana ada penduduk kampung yang mengerjakannya dan diam di situ, sambil bertanam buah-buahan seperti jambu batu, durian dan sebagainya. Bangunan ini kurang menarik minat rakyat jelata untuk berkunjung ke sana, kecuali bagi pelancong atau peminat sejarah yang ingin melihat keadaan yang sebenarnya.

Baki Bangunan 'Rumah Pegawai Daerah Jugra'

Bangunan ini hampir musnah, terutama kerana tapak bangunannya dari semasa ke semasa telah dikorek untuk keperluan mendapatkan tanah merah guna menimbun tanah-tanah rendah, juga untuk pembinaan jalan.³⁴ Adalah dipercayai, apabila penggalian tanah terus-menerus kemungkinan bangunan dan bekasnya juga akan lenyap sama sekali. Bangunan ini dibina di tempat yang begitu menarik, di satu tempat yang tinggi, lebih tinggi daripada Makam Marhum Jugra. Udaranya dingin dan menyegarkan.

Sebenarnya, kajian yang terperinci mengenai bangunan itu tidak dapat dilakukan; secara umum, ia hanya merupakan 'rumah' jenis kelas atasan, bagi Pegawai Penjajah Inggeris.

Istana Bandar

Letaknya tidak berapa jauh dari 'Masjid Bandar', boleh dikatakan bersempadan. Tetapi satu hal yang berbeza ialah, kalau Masjid Bandar dijaga rapi, Istana Bandar ini terbiar begitu sahaja, dengan kawasanya yang semak dipenuhi oleh lalang. Besar kemungkinan, kalau ia dipelihara dengan teliti, masih boleh digunakan.


Istana ini, yang dibina pada penghujung abad ke-19 dengan perbelanjaan Sultan Ala-Uddin Sulaiman Syah sendiri,³⁵ berbetulan dengan masa berlakunya krisis dalam istana sultan Selangor, iaitu peristiwa Tengku

³⁴ Oleh kerana tanah di situ jenis yang baik, pihak Jabatan Kerja Raya daerah Kuala Langat, memikirkankan di sanalah tempat yang sesuai mengambil tanah.

³⁵ Lihat misalnya, Abdul Samad Ahmad (ed.), op. cit., hlm. 80: "Melek juga kusebutkan iaitu selama Yang Maha Mulia Tengku Ampuan berangkat itu istana Kelang telah sunyi dan hilang serinya, sa-olah2 tiada bersemangat lagi. Isteri Orang Besar2 pun jarang datang melainkan aku dan isteri-ku sahaja yang kerap pergi ka-situ itu pun di-sebabkan rumah-ku berhampiran dengan istana. Ada pun Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa itu bersemayam di-Bandar Temasha, hanya sa-kali sa-kala sahaja datang ke-Kelang, kerana baginda menumpukan perhatian kepada binaan istana yang sedang di-dirikan oleh baginda di-Bandar Temasha. Bangunan istana itu la-lah dengan perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia Sendiri".

PETA II

Peta lakar, menunjukkan kampung-kampung dalam mukim Bandar dan Jugra, dan juga petunjuk kedudukan tempat dan bangunan bersejarah



Petunjuk:-

- = Sempadan kampung
- - - - - = Sempadan mukim
- 1 = Istana Bandar
- 2 = Masjid Bandar
- 3 = Pejabat Daerah Jugra
- 4 = Makam Sultan Abdul Samad
- 5 = Istana Jugra
- 6 = Rumah Pegawai Daerah Jugra

Ampuan Mahrum merajuk. Pendeknya pada dua atau tiga dasawarsa pertama abad ke-20 itu, istana ini masih digunakan sebagai tempat semayam baginda sultan bersama isteri baginda orang kebanyakan, Hajjah Safiah. Dan, walaupun sejak 1903, setelah baginda ditabalkan dengan rasminya dan bersemayam di Kelang, baginda sentiasa melakukan ibadat sembahyang Jumaat di Masjid Bandar.³⁶ Jadi, nyatalah sehingga terbinanya 'Masjid Ar-Rahmah' Kelang (Kampung Jawa), kira-kira pada tahun 1939, sentiasalah baginda berkunjung ke Bandar Temasya, bersembahyang di sana, di samping menemui isteri baginda di Istana Bandar ini. Hanya setelah baginda mangkat pada tahun 1938, barulah betul-betul istana itu ditinggalkan kosong hingga kini.

Dengan bentuk sejarahnya yang demikian itu, tidaklah menghairankan, istana itu boleh dikatakan masih dalam keadaan baik. Tembok-tebok batunya masih kukuh, sekadarkan alat-alat kayunya sahaja telah rosak, setengahnya dicuri oleh orang, kerana kayunya terdiri daripada jenis kayu yang tinggi nilainya. Dengan begitu kalaulah dilakukan pembaikan secara besar-besaran, tentunya istana itu masih boleh digunakan,³⁷ atau sekurang-kurangnya dijadikan 'barang antik' yang menjadi tumpuan para pelancong ke sana.

Pendeknya, berdasarkan bangunan 'Istana Bandar' inilah, menjadi satu bukti yang paling kukuh, bagi menunjukkan Bandar Temasya itu memang terkenal sekurang-kurangnya hingga tiga dasawarsa pertama abad ke-20. Ini tentunya sangat menarik perhatian. Satu perkara yang harus dinyatakan ialah asal pembukaan 'Bandar Temasya' oleh Sultan Abdul Samad itu, sebenarnya menjadi pembuka jalan menjadikan tempat itu begitu diperhitungkan. Lanjutan daripada Sultan Ala-Uddin Sulaiman Syah itu, nampaknya tidak dikekalkan terus kepentingan tempat itu.

Penutup

Kajian ini hanyalah secara pintas lalu. Tujuan utama adalah untuk menggalakkan peminat sejarah supaya, dengan adanya asas ini, menjalankan penyelidikan yang lebih mendalam dan luas kerana Bandar Temasya dan Jugra ini adalah salah satu daripada empat kawasan terpenting dalam perkembangan sejarah Selangor; yang tiga lagi ialah Kuala Selangor, Lembah Kelang dan Lukut.

Di setiap kawasan itu masih terdapat peninggalan sejarah yang penting. Di antara yang masih terpelihara dengan agak baik ialah kota-kota di Kuala Selangor, Gedung Raja Abdullah (di Kelang) dan bangunan-bangunan di sekeliling Padang Kelab Selangor.

Sejarah dan tradisi tidak dapat dipisahkan. Untuk memahami tradisi satu-satu masyarakat, sejarahnya harus diteliti, ini termasuk bahan-bahan dan bangunan-bangunan yang bersejarah, selain daripada segala dokumen bertulis yang masih wujud.

³⁶ G.L. Peet, *op. cit.*, hlm. 63.


³⁷ Dalam pertemuan secara tak rasmi dengan Yang Dimuliakan Raja Borhan bin Raja Yaakub, Orang Kaya Maha Bijaya, Kuala Langat, selaku Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kuala Langat tahun 1974, beliau menerangkan, peruntukan sebanyak \$10,000/- telah diberi oleh Kerajaan Selangor untuk membaiki istana Bandar itu. Besar kemungkinannya, setelah dibaiki nanti, bangunan itu akan dijadikan 'Muzium Sejarah' bagi Daerah Kuala Langat.




Bekas bangunan rumah Pegawai Daerah Jugra.



Pangkalan Jugra.



Bekas bangunan Pejabat Daerah Jugra.



Makam Sultan Abdul Samad.



Masjid Bandar.



Istana Jugra.



Istana Bandar.

Perkembangan Sistem Pengajian Islam Di Selangor

SUMALI AMAT

ADALAH dipercayai agama Islam telah sampai ke Selangor melalui Melaka. Tetapi dengan melihatkan kedudukan negeri Selangor yang jauh lebih hampir kepada Perak, Sumatera Aceh dan Pasai jika dibandingkan dengan Melaka maka harus juga Selangor adalah lebih awal menerima agama Islam dari Melaka kerana kawasan dipersisiran Sumatera itu sudah menerima Islam sejak abad 13 lagi. Walau bagaimanapun perkembangan agama Islam di Selangor umumnya sama dengan negeri-negeri Melayu yang lainnya, begitu juga dengan negeri-negeri persisiran Sumatera. Suatu masalah mengkaji perkembangan Islam dalam abad-abad ke-15, 16 dan 17 ini ialah kurangnya sumber-sumber bertulis yang boleh didapati, jadi tidaklah banyak yang dapat diperkatakan mengenainya.

Sultan atau raja-raja Melayu sejak zaman-berzaman lagi dianggap bukan sahaja pemerintah atau ketua di bidang pentadbiran politik tetapi juga ketua agama Islam. Baginda menguasai segala hal-ehwal mengenai agama Islam dan adat istiadat Melayu terutama di dalam hal memberi keputusan sesuatu perkara yang berkaitan. Sebelum kedatangan imperialis Inggeris memang sudah ada bentuk-bentuk jawatan yang berkaitan dengan Islam di Selangor, seperti juga di Melaka yang jelas didapati ialah jawatan *kadzi*. Jawatan ini sudah sedia ada di Selangor sejak pemerintahan Baginda Sultan Salehuddin (1826—1857) Kadzi pada ketika ini ialah Sahibul Fadzilah Tuan Sheikh Abdul Ghani iaitu seorang ulama dari *Bema*, Sumatera yang telah datang ke Selangor. Beliaulah yang telah mengharamkan pemakaian mahkota lenang dari emas yang berasal dari Bugis dan seterusnya telah diputuskan bahawa segala barang-barang perhiasan yang diperbuat dari emas telah dihapuskan¹

¹ *Pesaka Selangor*, ms. 89.

Ini adalah sesuai dengan hukum Islam di mana orang lelaki adalah diharamkan sama sekali memakai sebarang bentuk perhiasan atau yang seumpama dengannya daripada emas. Dari bukti-bukti di atas menunjukkan adanya *ulama-ulama* dari Sumatera yang datang ke Selangor terutama di zaman Sultan Muhammad.

Pada tahun 1874 Selangor jatuh dibawah naungan pemerintah Inggeris, dan di dalam pentadbiran Inggeris juga telah diwujudkan beberapa badan yang memberi perhatian berat kepada perkembangan hal-ehwal agama Islam di negeri ini. Bagi melicinkan lagi menjalankan soal-soal yang berkait dengannya, maka pada tahun 1877 Inggeris telah menubuh *Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (State Council)* dan salah satu dari fungsinya ialah menjalankan undang-undang serta pentadbiran negeri termasuk hal-ehwal agama Islam. Majlis ini ditubuhkan di bawah arahan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan iaitu Lord Carnavron. Pada 5 September 1879 DYMM Sultan Abdul Samad telah dilantik menjadi Ketua Agama Islam Negeri Selangor dengan rasminya

Pada tahun 1884 Majlis Mesyuarat Negeri ini telah mengiktiraf jawatan Kadi dan Imam masjid. Kadi mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat; kadiliah yang memutuskan dan mengatasi masalah yang timbul akibat dari perselisihan penganut-penganut Islam mengenai agama itu, begitu juga dengan adat istiadat Melayu. Majlis juga telah menggesa kepada Imam supaya menyimpan sebuah buku daftar mengenai hal-ehwal perkahwinan, pernikahan, penceraian dan urusan pengkebumian. Majlis juga telah meluluskan undang-undang berzina yang pertama iaitu yang dinamakan Undang-undang Mencegah Perzinahan tahun 1894 yang diluluskan pada tanggal 26 Julai 1894, dan ia diperkuatkuasakan hanya keatas orang-orang Islam sahaja.

Dalam pada itu marilah kita perhatikan bagaimanakah perkembangan dan sistem pelajaran agama terutama di sekolah-sekolah agama yang menjadi suatu aspek yang penting dalam penyebaran agama Islam di Selangor. Sebenarnya adalah susah untuk memastikan dengan tepat bila masakah bermulanya pengajaran agama Islam di Selangor, dan ini memanglah tidak dapat dinafikan kerana bahan-bahan bertulis serta data-data mengenainya memang amat sedikit terkumpul. Sumber-sumber dari buku sejarah lama juga kurang menumpukan gambaran yang luas dan detail mengenai pelajaran agama ini, malah sejauh yang telah ditinjau penulis-penulis dan sarjana-sarjana moden masih belum lagi membuat kajian yang benar-benar teliti dan mendalam serta kritikal untuk perkara ini. Walau bagaimanapun dapatlah dikatakan bahawa secara tradisinya pengajaran agama ni sememangnya bergantung kepada tanggungjawab ibubapa anak-anak yang mempelajarinya. Untuk pelajaran yang asas anak-anak Melayu selalunya dihantar oleh ibu bapa mereka mengaji ke rumah tuk imam, bilal masjid, khatib dan sebagainya terutama untuk belajar mengaji al-Quran. Bentuk pelajaran yang diajarkan pada keseluruhannya adalah sama dari satu tempat ke tempat yang lain, iaitu dimulai dengan mempelajari cara mengenal huruf Arab atau Jawi, kemudian belajar mengeja huruf-huruf itu iaitu Alif....Baa....Taa....dan seterusnya berpandukan kepada kitab *Muqaddam*. Cara-cara mengajar ini memang terdapat sedikit perbezaan di antara setengah tempat dengan yang

lainnya bergantunglah kepada tempat dan guru masing-masing. Selain dari sifat rajin dan usaha dari kanak sendiri, kecekapan dan cara mengajar guru-guru juga penting dalam proses pemahaman murid-murid. Seterusnya setelah murid-murid sudah faham menega dari *Muqaddam* maka mereka pun diajarlah cara-cara membaca al-Quran pula termasuk cara-cara mempelajari sebutan *makhraj*, *tajuid*, gaya, lagu dan sebagainya.

Dalam pada itu memanglah tidak dapat dinafikan bahawa adanya perkembangan pelajaran agama ini bermula dari inisiatif guru-guru agama itu sendiri yang dijalankan secara sukarela, diatas dorongan dan kesedaran betapa pentingnya pelajaran agama ini diajarkan terutama kepada kanak-kanak Islam yang semestinya perlu diasuh untuk menanam semangat keislaman kepada jiwa mereka, dan juga diatas rasa tanggungjawab bagi menyebarkan pengetahuan agama Islam setakat mana yang boleh. Golongan pengajar-pengajar ini adalah terdiri dari mereka yang mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan asas pelajaran Islam yang diperturunkan dari zaman yang silam secara tradisi. Kanak-kanak yang berminat untuk belajar dan juga yang disuruh oleh ibu-bapa mereka dijemput datang ke rumah guru-guru agama ini (yang lazimnya dipanggil "*Ustaz*") dan di sinilah tempat yang mula-mula bagi kanak-kanak menerima pelajaran agama secara rasmi. Apabila bilangan murid-murid kian bertambah ramai, maka tempat pelajaran pun beralih pula ke surau-surau atau madrasah yang kadang-kadang dipanggil sebagai pondok mengaji agama. Pada hari ini ia telah berkembang dan menjadi asas pembenaan sekolah agama, madrasah atau *makhad* menurut panggilan di tempat-tempat tertentu.

Selain daripada belajar membaca *Muqaddam* dan seterusnya membaca al-Quran beberapa pelajaran sampingan lain turut diberikan seperti ilmu *Tauhid*, *Usuluddin*, *Fiqh*, *Tajuid*, adab, budi pekerti dan lain-lain lagi menurut tradisi ajaran Islam, sebagai melengkapkan lagi pengetahuan murid-murid dalam mengenali agama Islam mereka. Mata-mata pelajaran ini sahaja harus tidak mencukupi pada mana-mana tempat pengajian pada masa itu oleh yang demikian pelajaran-pelajaran yang baharu juga turut diajarkan termasuk membaca *berzanji*, lagu *Qasidah*, *Marhaban Nasyid* dan juga *Syair* yang berunsurkan keagamaan diubah begitu rupa sebagai hasil seni yang dapat menarik minat pendengar dan memikat hati peminat seni Islam.

Barangkali ada suatu lagi ajaran yang boleh dikatakan penting dan menarik hati iaitu pengajaran mengenai kisah-kisah zaman kegemilangan Islam, zaman nabi-nabi, riwayat hidup nabi-nabi, dan sebagainya. Di sini murid-murid telah disuakan dengan banyak contoh-contoh kepahlawanan pemimpin-pemimpin Islam, semangat keberanian kepahlawanan pemimpin-pemimpin Islam, semangat keberanian ketika menentang orang-orang kafir di zaman silam. Ketokohan yang paling menonjol sekali ialah mengenai kisah-kisah junjungan nabi besar Muhammad S.A.W. yang dapat dijadikan teladan kepada murid dari segi keperibadian, tingkah laku, kepemimpinan dan sebagainya. Dengan ini jiwa keislaman semakin meresapi dalam pemikiran murid-murid yang kian menabal.

Perlulah juga diingat bahawa pengajian agama seperti ini selalunya diadakan di sebelah malam, bermula dari *waktu maghrib* dan berakhir hingga

waktu lewat isyak. Setengah-setengah guru juga memberikan kesempatan kepada murid-muridnya mempraktikkan rukun-rukun ibadat sambil mempelajarinya. Contoh yang paling baik sekali ialah bersembahyang dan di sini murid-murid digalakkan memahami dan menjalani sekali apa yang mereka telah pelajari itu. Murid-murid akan bersembahyang bersama-sama dengan diketuai oleh gurunya sebagai imam pada waktu maghrib iaitu sebelum bermulanya belajar mengaji dan pada waktu isyak selepas pengajian mereka tamat tiap-tiap malam. Setengah-setengah guru juga memberi dan kesempatan kepada murid-muridnya mempelajari cara-cara berazan sebelum bersembahyang waktu maghrib dan isyak.

Di samping pelajaran-pelajaran yang telah disebutkan itu terdapat pengajaran keimanan iaitu mempelajari ilmu Tauhid, seperti *Sifat 20, rukun Iman dan Islam* begitu juga dengan didikan mengenai akhlak secara khusus. Bagi golongan muda mudi pula, ramai di antara mereka yang mempelajari bezanji marhaban yang diajarkan oleh tuk-tuk imam dan lebai masjid yang mahir serta dipandang tinggi oleh masyarakat. Kebolehan berzanji, mengaji al-Quran, marhaban memang merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan kepada masyarakat pada ketika itu. Sementara itu golongan orang-orang tua pula juga digalakkan menambahkan ilmu pengetahuan mereka dengan mendengar syarahan-syarahan masjid pada ketika-ketika selepas sembahyang maghrib dan isyak.

Tidaklah dapat dipastikan sejauhmanakah dapat diukur perkembangan pelajaran agama Islam seperti ini, tetapi tentu kita setuju bahawa tempat-tempat pengajian itu pasti memainkan peranan yang penting dalam tugas penyiaran Dakwah Islamiah di negeri Selangor masa itu. Seterusnya guru-guru agama mula dikenali di kalangan masyarakat di tempat masing-masing, mereka sudah mula merupakan golongan yang disegani dan dihormati serta masyarakat telah meletakkan status sosial mereka di peringkat yang agak tinggi juga, malah disetengah-setengah tempat di mana masyarakatnya menyanjungi guru-guru seperti ini hingga menempatkan mereka sama taraf dengan penghulu ataupun ketua kampung.

Oleh yang demikian memang menarik hati juga apabila dikaji tentang nilai-nilai sosial terhadap guru-guru agama ini di masa akhir-akhir abad yang ke-19 dan awal abad ke-20, kerana mereka amat disanjung orang-orang Melayu walaupun pendapat mereka itu tidaklah seberapa dan kadang-kadang malah tidak tetap pula. Nyatalah bahawa penilaian ekonomi tidaklah berapa dipentingkan sangat apabila kepandaian tentang keagamaan sudah melebihi segala-galanya. Satu dari sebab maka berlakunya demikian ialah guru-guru agama ini juga penting menjadi tumpuan orang ramai bukan sahaja sebagai yang mengajar anak-anak mereka mengaji malah merekalah tempatnya orang-orang meminta nasihat terutama dalam masalah sekitar agama Islam. Sebagai bukti yang nyata, Tuan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Manan, nazir di Pejabat Pelajaran Agama Islam Selangor telah membentangkan pendapatnya mengenai guru-guru agama ini:-

'..... dengan tidak disedari atau dengan lain-lain perkataan dengan tidak secara langsung guru-guru agama di masa yang lampau telah dapat memainkan peranan yang penting dalam usaha mengembangkan pelajaran-pelajaran agama Islam yang

kian berjalan dengan gigihnya, sekalipun nilai kebendaan tidak atau kurang diberikan perhatian kepada guru-guru yang berkenaan, namun mereka tetap terus menjalankan dakwah Islamiah bukan hanya dikalangan murid-murid yang berumur rendah malahan di peringkat belia dan beliawanis serta di peringkat tua."²

Suatu perubahan besar telah berlaku menjelang awal kurun ke-20-an atau akhir kurun ke-19 di mana pelajar-pelajar agama Islam di Selangor telah mula keluar dari negeri ini bagi menambahkan pengetahuan agama mereka ke negeri Tanah Melayu yang lain seperti Perak, Pulau Pinang, Kelantan, Singapura dan lain-lain tempat. Dalam pada itu ramai pula di antara mereka terutama yang datang dari golongan berada telah meluaskan pelajaran agama mereka keluar negeri Semenanjung sendiri seperti belajar di Sumatera, Jawa, India malah hingga ke Mekah, Kaherah dan sebagainya. Bagi mereka yang kurang mampu untuk keluar negeri hanya berpuas hati dengan mendapatkan pelajaran dalam negeri mereka sendiri sahaja. Ini tidaklah menghairankan kerana pada ketika itu pergerakan pembaharuan Islam telah sampai ke Tanah Melayu. Segala-galanya bermula dengan pergerakan Wahabi bertujuan membawa pembaharuan masyarakat dan agama, berdasarkan tumpuan yang benar-benar terhadap kitab al-Quran sebagai asas kepercayaan Islam.

Kerajaan Inggeris sejak awal-awal pemerintahannya telah juga memberatkan aspek pelajaran agama ini dijalankan. Pada tahun 1894 kerajaan telah campur tangan dengan mengadakan kelas-kelas al-Quran di sekolah-sekolah Melayu. Untuk membantu kemajuan perkembangan pelajaran agama, kerajaan telah memperuntukkan belanjauan belajar al-Quran di *vernacular schools*, iaitu pada tahun 1894 sebanyak \$1,500/- tahun 1895 sebanyak \$1,730/- dan pada tahun 1896 sebanyak \$1,930/- Frank W. Haes, Inspektor Sekolah-sekolah Selangor, telah melaporkan bahawa kelas-kelas al-Quran yang seperti ini telah dimulakan pada tahun 1894 di 17 buah sekolah iaitu pada waktu petang, selepas persekolahan biasa. Malangnya kedatangan murid-murid tidaklah memuaskan, mungkin salah satu dari sebab-sebabnya ialah murid-murid tidaklah diwajibkan datang.

Kedatangan ke kelas-kelas al-Quran merosot dari tahun kesetahun. Contohnya pada tahun 1894 kedatangannya adalah sebanyak 75%, kemudian dalam tahun 1895 telah turun kepada 74% dan guru-guru yang mengajar sekali lagi terpaksa banyak menghabiskan masa mengambil inisiatif pergi ke rumah ibu bapa murid dalam usaha untuk mendapatkan kedatangan yang baik. Ketua Pegawai Daerah Kuala Langat C.H.A. Turney mengumumkan bahawa di kawasanannya memang banyak sekolah-sekolah yang mengadakan kelas mengaji al-Quran tetapi tempat yang terbanyak sekali digunakan ialah di masjid-masjid dan di surau-surau dan tidaklah dibawah kawalan sekolah-sekolah Melayu itu sendiri. Sultan Sulaiman yang memerintah telah menambah beberapa mata-mata pelajaran yang baharu bagi mempertingkatkan mutu pengajian agama, dan di samping itu baginda telah melantik guru-guru pelawat serta nazir untuk mengawasi guru-guru al-Quran. Apabila tiba kepada zaman meleset dunia, belanjawan telah berkurangan, maka kelas-kelas ini telah terhenti sehingga akhirnya disambung kembali sampai pecah perang Jepun.

2 Ahmad Dahlan Hj. Abd. Manan, *Pentadbiran dan perkembangan pelajaran Islam Selangor*, ms. 8.

Dalam pada itu untuk memastikan di manakah sekolah agama yang pertama sekali muncul di Selangor ini adalah sukar. Bagaimanapun berdasarkan kepada sebuah buku lama yang bernama *Sentosa Ketakhtaan* bahawa sekolah yang pertama dibina ialah yang letaknya di sebuah kampung bernama Bandar dalam daerah Kuala Langat yang dikenali sebagai Sekolah Agama Perempuan Bandar, Kuala Langat. Inila satu-satunya tempat pelajaran agama yang telah dibina dengan rasmi khusus untuk pendidikan agama. Sekolah ini telah dibuka oleh DYMM Sultan Alauddin Sulaiman Syah pada tahun 1905 tatkala baginda menjadi Raja Muda Selangor dahulu. Baginda sempat bergambar ramai dan disebelah gambar itu telah tercatat tulisan dalam bahasa Inggeris yang bermakna "Sekolah Melayu Perempuan yang pertama di Selangor sebelum tahun 1898" Menurut buku itu lagi, sekolah ini telah banyak mengalami kemajuan yang pesat dan ini mendorong kerajaan negeri Selangor membuka beberapa sekolah Melayu lagi di merata-rata kampung di dalam negeri Selangor ini.

Pengajian Pelajaran Agama telah maju setapak lagi dengan tertubuhnya sekolah-sekolah rakyat, yang dibangunkan hasil dari inisiatif individu dan penduduk tempatan secara bergotong-royong di samping mendapat bantuan derma material dari orang ramai. Sekolah-sekolah itu didirikan di kawasan tanah-tanah waqaf khas atau waqaf am dan juga di kawasan tanah yang dipunyai oleh kerajaan. Dalam pada itu bilangan pondok-pondok serta madrasah-madrasah kian bertambah dipelosok negeri Selangor sebagai tempat pengajian. Walaupun susunan mata-mata pelajarannya belumlah begitu teratur seperti pada masa sekarang ini, tetapi dari sekolah-sekolah seperti inilah lahirnya mereka-mereka yang berkecimpung dalam lapangan guru agama sampailah pada masa sekarang ini, malah ada yang menjadi pegawai-pegawai jabatan agama di bawah Pentadbiran Pejabat Agama Islam Selangor.

Di samping itu peranan yang dimainkan oleh sultan-sultan yang memerintah Selangor juga mengandungi erti yang besar dalam bidang pendidikan agama. Tokoh-tokoh yang penting di sini ialah seperti Sultan Alauddin Sulaiman Syah dan Sultan Hishammuddin Alam Syah. Sultan Alauddin memang terkenal dengan ketaatan baginda dalam suruhan agama dan amalan ibadat keakhiratan. Baginda suka membuat bakti dan mengambil berat tentang pelajaran agama rakyat. Pada tiap-tiap bulan puasa, baginda telah memanggil ramai orang datang ke istana baginda untuk bertarawikh, bertadarus dan lain-lain amalan. Tidak sedikit derma dan sedekah yang telah diberikan untuk kemajuan pelajaran agama rakyat dan bagindalah yang menggesa supaya diadakan kelas-kelas al-Quran di sekolah-sekolah, mendirikan sekolah agama di Bandar, menyusun kitab-kitab untuk sekolah agama dan mendirikan sekolah agama di Kelang untuk anak-anak perempuan.

Bukan setakat itu sahaja, malah baginda sendiri telah melantik Ahli Jawatankuasa Pelajaran Agama yang telah menentukan corak dan sukatan pelajaran agama di sekolah-sekolah ketika itu. Pada tahun 1931 baginda telah melantik seorang penasihat agama atau Syeikh Islam Setia Diraja yang menasihat baginda dalam hal-ehwal agama Islam dan memberikan beberapa

siri syarahan agama di beberapa kawasan negeri Selangor. Di Kuala Langat baginda sempat membina sebuah masjid yang dinamakan Masjid Alauddin Bandar dan di masjid inilah baginda pernah menjadi khatib membaca khutbah sembahyang Jumaat. Sebelum baginda wafat, baginda sempat menyuruh supaya dibinakan sebuah lagi masjid iaitu masjid Jamek Rahmah.

Usaha kebajikan yang dijalankan oleh Sultan Hishamuddin tidak terhenti selepas kemangkatan baginda sahaja, malah usaha ini telah disambung oleh anakanda baginda Sultan Hishamuddin Alam Syah (1938—1960) Baginda juga terkenal kerana telah membuat kebajikan kepada rakyat. Pada tahun 1925 baginda dilantik menjadi Ketua Masjid Alauddin di Bandar dan bagi menjaga harta di masjid ini baginda telah mendirikan sebuah syarikat khas mengendalikannya. Pada tahun 1929 baginda dititahkan untuk melawat semua masjid-masjid dan menyasiat segala hal-ehwal mengenai urusan masjid yang berada di seluruh ceruk negeri Selangor. Seterusnya pada tahun 1933 baginda menjadi yang diPertua Sekolah Arab lelaki dan perempuan daerah Kelang.

Baginda Sultan Hishammuddin Alam Syah juga terkenal sebagai seorang yang *warak* dan pemurah yang banyak memberikan derma khusus untuk masjid seperti masjid Alam Syah di Jalan Pudu dan juga masjid Morib Kuala Selangor. Baginda juga telah mewaqafkan bangunan istana Jemaah Kelang untuk dijadikan Kole Islam Kelang yang menjadi pusat pengajian tinggi Islam hingga sekarang ini. Pada masa pemerintahan bagindalah maka terkanunnya *Undang-undang Pentadbiran Pejabat Agama Islam Selangor Tahun 1952*. Baginda amat dipermulia dan disanjung rakyat kerana suka berdam-ping dengan mereka, terutama di kalangan orang-orang alim untuk menerima nasihat mereka mengenai agama Islam. Sebelum baginda mati baginda sempat menunaikan fardu haji ke Mekah bersama-sama dengan Tengku Ampuan Jemaah.

Setakat ini belum lagi didapati suatu perangkaan yang tepat mengenai berapa banyakkah jumlah sekolah-sekolah agama yang telah muncul sejak bermula zaman pendidikan pelajaran agama Islam. Sekolah-sekolah yang dimaksudkan itu termasuklah sekolah-sekolah agama rakyat, pondok dan madrasah. Memang ada pondok-pondok yang begitu terkenal di kalangan orang-orang Selangor seperti Pondok Kiai Haji Ali di Sejangkang daerah Kuala Langat dan Pondok Kiai Dardak di Kampung Sungai Pinang daerah Kelang. Pada tahun 1933 dibangunkan sebuah madrasah bernama Martaul Ulum Addiniyah di bandar Diraja Kelang iaitu berhampiran dengan Bangunan Dewan Melayu sekarang ini. Adalah dipercayai bahawa madrasah ini dibina dan ditanggung perbelanjaan perjalanannya oleh almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Syah, Sultan Selangor yang kelima. Mudir atau Guru Besar madrasah ini ialah Almarhum Sahibul Fadilah Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman iaitu bekas Shaikhul Islam Selangor. Beliau dibantu oleh beberapa orang guru agama di samping satu jawatankuasa khas yang mengendalikan perjalanan madrasah itu, yang terdiri dari kerabat-kerabat Diraja Selangor serta alim ulama dan orang-orang Besar Daerah, juga dari golongan cerdik pandai. Pelajaran di Madrasah ini berjalan lengkap dengan sistem sepertimana yang ada di sekolah biasa; juga diperuntukkan

banyak perabot-perabot bagi kegunaan murid-murid serta guru-guru.

Sahibul Fadilah Tengku Mahmud Zuhdi, Guru Besar sekolah itu, merupakan seorang tokoh pemimpin yang terkenal dan sangat-sangat dihormati oleh masyarakat Islam di negeri ini bahkan namanya sudah sedia terkenal di Mekah, Jambi Sumatera. Di samping itu dalam menjalankan tugasnya sebagai Guru-Besar yang bertanggungjawab ke atas madrasah yang bolehlah dikatakan besar juga pada ketika itu, beliau juga turut mengajar dan pernah mengarang serta menyusun beberapa buah kitab agama di dalam bahasa Melayu dan Arab. Sememangnya madrasah di bawah Tengku Mahmud Zuhdi ini amat terkenal di Selangor kerana pada tahun-tahun 30-an pusat ini telah menjadi tumpuan murid-murid yang datangnya dari semua daerah Selangor seperti Kuala Selangor, Kuala Langat, Hulu Selangor, Hulu Langat dan Kuala Lumpur.

Tengku Zuhdi juga telah menyusun sebuah kitab panduan Ilmu Nahu yang berguna dalam mempelajari cara-cara *ikrab*, pada tahun 1933. Kitab ini telah disusun di dalam bahasa Arab dan di dalamnya tertulis tarikh penyempurnaan karangannya iaitu pada 11 Rejab 1352 Hijrah bersamaan dengan 30 Oktober 1933 Masihi. Tengku Zuhdi kemudiannya diganti oleh Ustaz Haji Abdul Ghani bin Haji Othman. Salah seorang dari Guru Besar kemudiannya iaitu Abdul Aziz Ashimi alMasri yang telah membuat beberapa pembaharuan dalam tahun 1937 iaitu dalam cara dan sistem pendidikan, dengan menggalakkan murid-murid di madrasah Martau Ulum Addiniyah supaya mempelajari, menulis dan bertutur di dalam bahasa Arab, di samping menggunakan kitab-kitab yang beliau susun sendiri seperti Ilmu Nahu, Agama dan sebagainya dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Abdul Aziz juga telah menganjurkan satu sistem ajaran yang meliputi bahagian *Ibtidai dan Thanawi* yang akhirnya disemak sendiri oleh Sultan Alauddin Sulaiman Shah, pemerintah Selangor ketika itu. Ketetapan bertulis perlaksanaannya ditandatangani pada 11 Ogos 1937 tetapi malangnya ia tidak dapat dilaksanakan kerana tempoh perkhidmatan Abdul Aziz secara kebetulan telah tamat tiada beberapa lama kemudian selepas itu. Beberapa pembaharuan lagi telah cuba dijalankan oleh penganjur-penganjur berikutnya, seperti Ustaz Sulaiman Abussuud, Al Ustaz Mahmud Arif Al Bukhari, demi meninggikan mutu pelajaran agama dan dapat menjamin bahawa murid-murid adalah benar-benar dapat menguasai pelajaran Agama Islam mereka dengan sepenuhnya.

Dalam tahun 1930-an juga dipercayai telah tumbuh beberapa buah Sekolah Agama Rakyat dalam Selangor terutamanya setelah terhentinya kelas al-Quran yang selama ini, diajarkan di Sekolah-sekolah Melayu untuk beberapa lama. Sekolah-sekolah agama rakyat yang dimaksudkan ini dibentuk dengan inisiatif dari bekas-bekas murid tua yang telah tamat pengajian mereka dari mana-mana sekolah atau madrasah dari Selangor dan luar Selangor. Sekolah Agama Rakyat sebenarnya mempunyai sistem pelajaran yang lebih kurang sama dengan Sekolah Madrasah dan sekolah ini menggunakan kitab-kitab sama ada dari bahasa Melayu ataupun Arab.

Perkembangan sekolah-sekolah Agama Rakyat memang pesat terutama selepas pemerintahan Jepun di Tanah Melayu dan satu contoh yang baik

ialah Sekolah Agama Rakyat Manbaul — Ulum di Tanjung Karang yang merupakan sekolah yang dibangunkan dan dibiayai oleh masyarakat tempatan di situ. Ini adalah merupakan satu-satunya contoh sekolah agama di mana pembangunannya adalah terbit dari rasa kesedaran masyarakat tempatan yang berganding bahu memberikan sokongan moral dan material menegakkan perkembangan agama Islam. Peranan yang penting juga dimainkan oleh ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan juga kaum cerdik pandai yang bersedia menjadi pengajar di mana dengan inisiatif merekalah maka sekolah agama rakyat dapat berjalan.

Jepun telah menyerang Tanah Melayu pada penghujung tahun 1941 dan dengan penaklukan serta pemerintahan pun di Tanah Melayu, maka sekolah-sekolah Agama Arab dan Melayu telah terhenti perjalanannya buat sementara waktu di Selangor. Dalam keadaan seperti inilah maka timbul kembali tokoh Tengku Mahmud Zuhdi yang berusaha memberi kembali sinar perkembangan pelajaran sekolah agama yang telah mulai padam itu. Sebagai langkah pertamanya beliau memulakan kembali pelajaran Agama Islam di bangunan Sekolah Melayu Kelang (Sekolah Kebangsaan Kelang) yang selama ini tertinggal kosong sejak pemerintahan Jepun berlangsung. Sekolah itu telah digunakan sebagai sebuah Sekolah Arab yang mula berjalan sejak awal tahun 1942.

Tengku Mahmud Zuhdi sendiri yang memimpin Sekolah Arab itu yang akhirnya diberikan nama baharu iaitu Madrasah Bahjatul Islam Giyathuddin. Ramai kalangan pelajar-pelajar bahkan guru-gurunya juga datang dari madrasah Martail Ulum Addiniyah. Di antara guru-guru yang pernah mengajar di madrasah ini ialah Ustaz Haji Abdul Hakim iaitu bekas Guru Pelawat sekolah-sekolah Agama dan Haji Mohd. Salleh Hassan Farid, imam besar Masjid Negara. Madrasah-madrasah lain juga turut berkembang seperti di Tanjung Karang iaitu terdirinya Madrasah Mambaul Ulum yang dipelopori oleh Kiai Muid dan Ustaz Haji Abdul Jalil Safuan. Apabila Jepun berundur pada tahun 1945 bilangan sekolah agama semakin bertambah dan di antaranya ialah *Madrasah Unwanussaadah* Kancung Darat Banting. Dalam pada itu kelas-kelas al-Quran juga turut berjalan.

Kita harus juga menyentuh tentang pelajaran-pelajaran yang dipelajari dari luar negeri supaya penjelasan mengenai pendidikan agama ini akan menjadi lebih lengkap lagi. Ramai juga orang-orang dari daerah-daerah Selangor yang telah mendapat pendidikan lanjutan di Mekah dan Masir dan tokoh-tokoh ini merupakan golongan yang penting sebagai sarjana yang sudah lulus di pusat-pusat pengajian tinggi yang menjadi puncak pelajaran Islam bukan sahaja di Timur Tengah bahkan diseluruh dunia. Mereka ini juga membawa pembaharuan dan semangat reformasi Islam sekembalinya ke tanahair. Di samping berkhidmat dengan pihak kerajaan negeri mereka juga menjalankan usaha-usaha dakwah Islamiyah bagi kepentingan semua rakyat.

Di antara tokoh-tokoh yang terkenal berkelulusan luar negeri di Mekah ialah seperti Raja Osman bin Raja Yahya, bekas Ketua Kadi Selangor. Kemudian Raja Haji Abdullah bin Raja Yahya iaitu bekas Ketua Kadi

Selangor juga, begitu juga dengan Haji Ja'afar Bandar. Antara yang lain ialah Haji Yusuf Shihabuddin bekas Mufti Selangor. Sementara mereka yang lulus dari universiti Al Azhar Kahirah Masir ialah Haji Hussin Abbas bekas kadi Besar Selangor. Jadi memanglah jelas bahawa sumbangan tokoh-tokoh ini bukanlah sedikit untuk dinilai. Ramai lagi pegawai-pegawai agama dan alim ulama dari Selangor yang telah belajar atau melanjutkan pelajaran mereka keluar negeri dan sekarang masih lagi berkhidmat dengan kerajaan negeri.

Hingga ke hari ini banyak sekolah-sekolah agama yang didirikan dengan tenaga dan usaha dari rakyat negeri ini. Lama-kelamaan Pejabat Agama Islam Selangor telah memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan banyak sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah Arab dan sebagainya. Seorang diantara dari yang Dipertuanya ialah Tuan Haji pateh Akhir yang telah berjaya memaju dan mengembangkan pelajaran Agama Islam di negeri itu dengan begitu pesat sekali kerana Sultan Hishammuddin ketika itu memang terlalu mengambil berat dan mementingkan kemajuan serta urusan Pelajaran Agama Islam Selangor.

Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Selangor telah ditubuhkan pada tahun 1952 dan ia memang memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan segala hal-ehwal yang bersangkutan dengan kemajuan agama Islam di negeri ini. Penubuhannya dalam tahun tersebut itu mempunyai sejarahnya yang tersendiri, hasil dari inisiatif Sultan Hishammuddin diangkat semula oleh Inggeris memerintah Selangor dan pada ketika inilah baginda tidak puas hati apabila memperlihatkan akhlak orang-orang Melayu yang hingga masa itu semakin merosot. Pengalaman yang dialami semasa Jepun memerintah sebenarnya memberi keinsafan dan kesedaran dalam jiwa baginda. Itulah sebabnya dalam tahun 1945 baginda telah mendesak supaya ditubuhkan suatu institusi semacam Jabatan Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam.

Pada 1 Oktober 1945 baginda telah melantik Raja Nong bin Raja Hussin menjadi Setiausaha Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam yang dirancang ini. Kerajaan Inggeris juga berpendapat bahawa jabatan seperti ini mesti diadakan bagi memperbaiki akhlak dan kepercayaan agama Islam dan yang lebih penting sekali ialah bertujuan untuk menyekat supaya fahaman Komunis supaya tidak akan merebak khususnya di Selangor. Saat-saat selepas pemerintahan Jepun ini memang jelas memperlihatkan unsur-unsur dan pengaruh-pengaruh Komunis yang kian berkembang di dalam pertubuhan-pertubuhan, kelab, syarikat dan sebagainya. Hasilnya apabila golongan ini tidak berjaya mencapai tuntutan mereka melalui jalan demokrasi maka mereka pun mengambil keputusan untuk menjalan revolusi bersenjata di dalam hutan, sehingga pemerintah Inggeris terpaksa mengisytiharkan keadaan darurat dalam tahun 1948.

Pada tahun 1946 suatu rombongan mengkaji penubuhan jabatan yang dimaksudkan itu telah dihantarkan ke Johor bagi mengkaji dan mempelajari bentuk dan sistem Jabatan Agama Islam Johor yang sudah sedia terwujud dan dapat dijadikan contoh yang baik untuk negeri-negeri Melayu pada ketika itu. Berikutnya pada tahun 1947 Undang-undang Penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Selangor telah digubal. Pada tahun 1948

digubal pula undang-undang pentadbiran pejabat ini yang diluluskan pada 11 Oktober tahun 1952. Akhirnya pada tanggal 5 Disember 1952 undang-undang itu pun berjalanlah dengan kuat kuasanya.

Untuk kajian kita maka bolehlah dikatakan bahagian Pelajaran Agama dalam Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam ini penting dalam menguruskan pelajaran Agama di Sekolah Agama, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Agama Rakyat dan perkhidmatan bagi guru-guru agama. Segala perjalanan sekolah-sekolah itu diperuruskan oleh Yang Dipertua dan Setiausahanya. Sukatan-sukatan pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah tersebut disusun begitu rupa oleh Pejabat Agama Islam dan diubah begitu rupa dari masa ke semasa sesuai dengan perkembangan pelajaran Agama Islam itu sendiri. Mulai tahun 1948 boleh dikatakan ramai guru-guru telah dilantik oleh pejabat ini untuk memenuhi keperluan pengajaran di kesemua sekolah-sekolah agama yang berkenaan.

Mulai tahun 1961 Pelajaran Agama Islam telah diajarkan di kesemua sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan. Pejabat Agama Islam telah menyediakan guru-guru agama untuk mengajar di sekolah ini dan pada peringkat permulaan seramai 346 guru-guru berkhidmat di sekolah-sekolah tersebut. Kedudukan dan keperluan guru-guru itu sentiasa dikaji supaya jangan berkurangan ataupun berlebihan di satu-satu sekolah. Pejabat Agama Islam Selangor sentiasa sedar di atas keperluan bilangan guru-guru Agama Islam di negeri ini yang terpaksa ditambah dari masa ke semasa. Pada tahun 1966 bilangan guru-guru agama telah ditambah meningkat kepada bilangan 578 orang kesemuanya.

Banyak kitab dan buku-buku telah dijadikan bahan bacaan dan buku-buku teks serta bahan rujukan yang dapat dibeli oleh murid-murid sekolah agama. Kitab-kitab itu yang tercetak dalam bahasa Melayu kebanyakannya dicetak dan diterbitkan di Johor sementara yang berbahasa Arab kebanyakan dikeluarkan dari luar negeri terutama dari Masir. Badan Kebajikan Agung Persatuan Guru-guru Agama Islam Selangor (PEGAS) banyak memberikan sumbangan pelajaran di Selangor mulai tahun 1959. Buku-buku yang kebanyakannya berjilid itu termasuklah *Kitab Panduan Feqah, Tauhid, Panduan Hidup, Siran dan Kebajikan Hidup* (Akhlak). Mereka yang telah berjasa dalam tugas menyusun sukatan pelajaran buku-buku itu termasuklah Tuan Haji Husin Abas (Bekas Kadi Besar Selangor) dan Haji Mohd. Abdul Hakim Haji Azahari (Bekas Guru Pelawat Agama).

Kesemua sukatan pelajaran di sekolah-sekolah bantuan kerajaan adalah disusun oleh Pejabat Agama Islam Selangor iaitu selain dari mata pelajaran am atau akademik seperti yang terdapat dalam sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan, maka terdapat pelajaran agama yang sebenarnya. Pelajaran ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Arab dan Melayu. Seperti yang sudah sedia dimaklum pelajaran Am dan akademik diatur bersama sukatan pelajarannya dan diselaraskan dengan sukatan pelajaran Kementerian Pelajaran Pusat. Sukatan pelajaran agama sekolah biasa bantuan kerajaan disusun oleh jawatankuasa tertentu dan disemak oleh Jawatankuasa Kementerian Pelajaran menurut Akta Pelajaran tahun 1961.

Menurut banci yang dijalankan pada tahun 1969 ada sebanyak 145 buah

sekolah agama di Selangor dan bilangan majoritinya ialah yang terdiri hasil dari pembinaan oleh rakyat iaitu yang dinamakan sekolah agama rakyat. Selain dari itu sekolah-sekolah agama yang lain juga menerima bantuan dari kerajaan melalui Majlis Agama Islam Selangor dan juga melalui Perancangan Pembangunan Luar Bandar. Tanah-tanah tapak bangunan ialah terdiri dari wakaf-wakaf persendirian dan wakaf kerajaan.

Sekolah-sekolah agama seperti ini mengandungi dua peringkat iaitu darjah rendah dari darjah 1 hingga ke darjah V kemudian diikuti dengan darjah menengah khas bermula dari Tingkatan I hingga IV. Bagaimanapun tidaklah kesemua sekolah-sekolah yang didapati itu mengandungi kelas memperuntukkan darjah menengah khas malah darjah ini amat sedikit bilangannya, iaitu dari jumlah 145 buah sekolah tadi cuma 36 sahaja yang ada. Kelas-kelas dijalankan pada waktu pagi dan petang dan pelajar-pelajarnya berumur dari 6 hingga 20 tahun. Mereka yang berpeluang melayakkan diri dan lulus di tahun akhir tidak akan berpeluang melanjutkan ke sekolah lain iaitu sekolah kerajaan, tetapi mengikut sistem yang baharu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia pelajar-pelajar diwajibkan mengambil peperiksaan SRP atau LCE begitu juga dengan peperiksaan SPM ataupun MCE dan dengan ini mereka akan dapat meneruskan pelajaran akademik ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Kebanyakan dari lulusan sekolah agama ini akan menjawat jawatan guru agama tingkatan B, pegawai-pegawai masjid, imam, khatib, bilal ataupun siak, kecuali bagi mereka yang mengikuti peperiksaan kerajaan dan dapat melanjutkan pelajaran lebih jauh lagi.

Dalam bancian tahun 1969 juga ada terdapat sebanyak 13 buah sekolah-sekolah Arab di Selangor. Sekolah ini samalah dengan sekolah agama biasa sebagaimana yang tersebut di atas tadi. Di Kelang terdapat dua buah sekolah dari jenis ini yang dibina dan dibantu oleh kerajaan negeri bernama Sekolah Makhad Hishammuddin dan Makhad Jemaah. Peringkat sekolah yang demikian ini bolehlah diringkaskan seperti berikut, iaitu peringkat rendah bermula dari Ibtidai 1 hingga Ibtidai 4 dan peringkat kedua bermula dari Thanawi 1 hingga Thanawi 4. Penuntut-penuntut juga berumur di antara 6 hingga 20 tahun. Mereka yang lulus dari sekolah seperti inilah yang dapat meneruskan pelajaran ke luar negeri seperti ke Indonesia, India dan juga di Timur Tengah, walaupun bilangannya adalah kecil.

Peluang untuk ke Kolej Islam Kelang bagaimanapun adalah tipis jika sekiranya penuntut-penuntut tidak mengambil peperiksaan akademik SRP atau LCE dan juga SPM atau MCE dan begitulah seterusnya. Di sekolah-sekolah yang tidak mempunyai pelajaran seperti ini, maka penuntutnya terpaksa memasuki kelas-kelas malam umpamanya ataupun mempelajari sendiri sekurang-kurangnya bagi melayakkan diri mengambil peperiksaan yang ditentukan oleh kerajaan pusat itu. Penuntut-penuntut yang layak masuk ke Kolej Islam dari sekolah Arab Selangor ini amatlah sedikit bilangannya jika dibandingkan dengan penuntut-penuntut yang datang dari lain-lain negeri di Tanah Melayu. Pada tahun 1956—1968 seramai 374 orang telah lulus Rabe'Thanawi dari sekolah Arab di Selangor. Dari bilangan ini maka ramai yang menjadi guru agama dan pegawai-pegawai masjid seperti

Imam dan Khatib. Setakat ini cuma tiga orang sahaja yang telah dilantik menjadi Nazir pelajaran agama dan dua orang pula telah menjadi penghulu.

Sekarang kita lihat bagaimanakah perjalanan agama Islam di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan pula. Sejak tahun 1961 sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, pelajaran Agama Islam telah mula diajarkan di sekolah-sekolah ini. Hanya kepada kanak-kanak Islam sahaja diajarkan mata pelajaran ini yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Mata-mata pelajaran yang dipelajari ialah membaca dan mentafsir makna al-Quran, Tauhid iaitu rukun Islam, Iman dan Sifat Allah serta Rasul. Didapati juga pengajian Feqah yang menyetuh tentang ibadat, bersuci dan sembahyang, ini diikuti dengan Sejarah Islam yang menumpukan sejarah perjuangan Nabi besar Muhammad S.A.W. serta lain-lain nabi. Akhir sekali ialah pelajaran Akhlak bagi mengasuh kanak-kanak supaya berbudi pekerti yang terpuji melalui cerita-cerita nabi dan Rasul. Kandungan pelajaran ini dijalankan meliputi tempoh masa dari 90 hingga 120 minit.

Berikutnya kita tinjau lagi bentuk sekolah agama yang dapat dilihat di merata-rata tempat di negeri ini iaitu Sekolah Agama Rakyat. Sekolah ini samalah keadaannya dengan sekolah Arab dan Sekolah Agama biasa sekadarkan ia menggunakan kedua-dua bahasa Melayu dan Arab sebagai bahasa pengantarnya di sekolah. Kitab-kitab teks dan rujukannya adalah terdiri dari 100% berbahasa Arab. Pada tahun 1969 sebanyak 17 sekolah agama Rakyat telah didirikan oleh penduduk-penduduk tempatan. Guru-gurunya mendapat tauliah dari Pejabat Agama Islam dan telah mula mengajar sejak zaman sebelum perang lagi.

Murid-murid lepasan sekolah agama rakyat ini digalakkan menyambungkan pelajaran mereka ke sekolah Arab malah ada yang menyambungkan pelajaran mereka ke luar negeri. Standard dan mutu pelajaran murid-murid dari sekolah agama rakyat ini memang tinggi ini terbukti dan dapat dilihat bila mereka dapat menyesuaikan diri dengan pelajaran baharu apabila melanjutkan pelajaran ke sekolah Arab kerajaan.

Sekolah ini seperti sekolah agama yang lain diawasi perjalanannya oleh Jabatan Agama Islam. Nazir-nazir juga selalu menyelaraskan perjalanan sekolah tersebut dan kalau mereka tidak puas hati dengan kemajuan dan perkembangan sekolah itu, maka mereka berkuasa memberikan perintah untuk ditutup. Bagaimanapun secara keseluruhan dapatlah diberikan kesimpulan bahawa "... Perkembangan Pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah Agama, Arab, Sekolah Rendah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan adalah bertambah maju dari tahun ke setahun. Kemajuan ini adalah didasarkan kepada pertambahan bilangan sekolah dan guru-guru agama serta murid-muridnya sendiri"(12) Pada tahun 1949 hanya terdapat seramai 130 guru-guru agama yang bertauliah, bilangan ini meningkat dalam tahun 1970 angka ini naik menjadi seramai 928 orang semuanya.

Guru-guru agama yang seramai 928 orang ini mengajar di semua sekolah-sekolah agama dan berpelajaran agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam. Perlantikan guru-guru ini dibuat menurut peraturan 5 Pentadbiran Agama Islam tahun 1953. Mereka sebenarnya dapat dibahagikan kepada 2 golongan iaitu yang berpendidikan sekolah agama serta sekolah agama

rakyat. Peringkat pertama tadi meliputi seramai 446 kesemuanya yang merupakan golongan kakitangan kerajaan bahagian 4 sementara peringkat kedua pula mengandungi 482 orang. Perbezaan keduanya juga dapat dilihat dari gaji masing-masing di mana golongan pertama tadi (dipanggil kategori A) mendapat pembayaran yang lebih dari golongan kedua (dipanggil kategori B).

Guru-guru yang baharu diambil akan diberi kursus masa cuti yang berjalan selama 5 tahun. Pada mula-mulanya kursus ini dijalankan pada tiap-tiap hari Sabtu di tempat atau daerah kediaman guru-guru itu dengan diawasi oleh Nazir. Penceramahnyanya adalah terdiri dari pensyarah Kolej Islam dan guru-guru tempatan. Pada masa sekarang kursus itu dilaksanakan pada masa-masa cuti penggal di Kolej Islam Kelang sejak tahun 1969 dan penceramahnyanya hanya terdiri dari pensyarah-pensyarah Kolej itu sendiri. Mata-mata pelajaran yang diajarkan ialah Feqah, Tauhid, *Tasawuf*, Sejarah Islam, Panduan Mengajar dan Ilmu Jiwa. Pada tiap-tiap akhir tahun mereka dikehendaki menduduki peperiksaan tetapi yang terpenting ialah peperiksaan pada akhir tahun ketiga yang menentukan sama ada mereka akan layak untuk menjadi guru agama yang terlatih atau tidak. Jikalau sekiranya mereka tidak lulus maka jawatan guru agama mereka akan dilucutkan. Buku-buku teks yang digunakan adalah seperti yang diperlihatkan dibawah ini:-

Mata Pelajaran Buku Teks

| | |
|-----------------------|------------------------|
| Feqah | Matla-ul-Badrin |
| Tauhid | Aqidatun-Nasim |
| Tasawuf | Hidayatus-Salikin |
| Sejarah Islam..... | Suluh Agama |
| Panduan Mengajar..... | Panduan Mengajar Agama |
| Ilmu Jiwa..... | Psaiologi kanak-kanak |

Guru-guru agama yang akan mengajar di sekolah-sekolah bantuan kerajaan mendapat kursus yang berlainan sedikit. Untuk memahir dan kecekapan guru-guru agama ini maka pihak Kementerian Pelajaran telah menjalankan kursus-kursus dalam cuti sekolah di Sekolah Alam Shah, Cheras Kuala Lumpur. Kursus ini telah dimulai pada cuti penggal kedua tahun 1967 hinggalah berjalan sampai sekarang. Kursus ini dihadiri juga oleh guru-guru dari tempat-tempat lain seperti Perlis, Melaka dan Johor. Mereka yang mempunyai kelulusan SRP dan LCE sahaja yang diberi peluang mengajar di sekolah-sekolah bantuan kerajaan, sementara pembayaran gaji mereka setengahnya diberi oleh kerajaan pusat.

Mata-mata pelajaran yang dipelajari itu termasuklah kaedah mengajar, Ilmu Jiwa Kanak-kanak, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Lukisan dan Pertukangan Tangan, Muzik dan Latihan Jasmani. Kursus yang diterima ini sebenarnya lebih kurang sama tingkatannya dengan kursus yang diterima oleh guru-guru DTC dan selepas tamat latihan mereka pun diiktiraf sebagai

3 Ahmad Rafai Abdullah, *Struktur, Organisasi dan fungsi Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Selangor*, ms. 72—73.

guru-guru yang terlatih dan mempunyai taraf sama dengan guru-guru lepasan DTC. Tegasnya tujuan kursus yang diadakan ini ialah semata-mata melatih guru-guru agama bukan sahaja supaya dapat mengajar dalam mata pelajaran agama tetapi perkara-perkara lain, dan juga untuk meninggikan nilai perguruan mereka supaya setaraf dengan guru-guru lepasan maktab yang lain.

Pelajaran agama di Selangor bukan sahaja terhad di kalangan kanak-kanak ataupun muda mudi sahaja, tetapi peluang seperti ini juga terbuka kepada orang-orang dewasa atau yang sudah berumur dan juga kepada kanak-kanak yang dibawah umur. Sejak tahun 1952 Pejabat Agama Islam telah mengadakan sistem Pelajaran Agama Dewasa bertempat di surau-surau, masjid dan madrasah. Guru-guru yang mengajar diberikan pembayaran elaun oleh Pejabat Agama sebanyak \$3.00 bagi tiap-tiap satu jam. Daerah-daerah yang ingin mengadakan pelajaran seperti ini dikehendaki memohon kepada Pejabat Agama Islam untuk dipertimbangkan. Ada beberapa syarat yang dikenakan oleh Pejabat Agama dalam penubuhan Pelajaran Agama Dewasa ini iaitu:-

1. Pelajar-pelajar Dewasa itu nanti tidak akan kurang dari 25 orang dari 1 kelas.
2. Seorang guru yang akan disediakan akan dikehendaki mengajar sebanyak 4 kelas sekurang-kurangnya.
3. Kelas itu akan meliputi tempoh masa 8 jam dan tiap-tiap kelas akan mengadakan pelajarannya sebanyak 2 kali dalam sebulan.

Perkara-perkara yang selalu diajarkan dalam Kelas Dewasa seperti ini ialah mengenai fardu ain iaitu perkara yang wajib diikuti dan dipraktikkan oleh setiap orang Islam dan juga dalam pelajaran Tauhid seperti mempelajari sifat 20 dan sebagainya. Ini bukanlah bermakna bahawa orang-orang dewasa yang datang menghadiri kelas ini baharu sahaja mahu mempelajari perkara-perkara seperti itu tetapi sekadarkan menambahkan penjelasan dan menguatkan lagi serta merapatkan lagi jiwa mereka terhadap amalan lagi serta merapatkan lagi jiwa mereka terhadap amalan ibadat. Bagaimanapun kelas-kelas ini tidaklah begitu berkembang terutama dengan tertubuhnya Kelas Dewasa Agama di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Sistem pelajaran yang tidak kurang pentingnya ialah Taman Asuhan yang memberatkan pengajaran Islam di kalangan kanak-kanak Melayu yang belum masuk ke sekolah. Taman Asuhan ini telah ditubuhkan dalam tahun 1968 di bandar Diraja Kelang. Mula-mula kelas ini berjalan di atas hasil kutipan yuran yang dikutip dari murid-murid yang datang belajar iaitu sebanyak \$5.00c untuk sebulan. Kutipan yang pertama ini menghasilkan jumlah wang sebanyak \$2,245.00c sahaja, tetapi jumlah ini tidaklah mencukupi kerana Taman Asuhan ini telah membelanjakan wang sebanyak \$3,996.00c dalam pentadbirannya. Oleh yang demikian Majlis Agama Islam telah meluluskan belanjawan sebanyak \$4,000.00c pada tahun 1969. Bangunan Taman Asuhan ini ialah bekas Pejabat Kadi daerah Kelang dan

sekarang ia menampung murid-murid seramai lebih kurang 45 orang. Guru-guru yang mengajar diberi gaji sebanyak \$150.00c sebulan sementara pengasuhnya diberi sebanyak \$70.00c sebulan.

Struktur pentadbiran Pejabat Agama Islam Selangor telah disusun begitu rupa, mengendalikan perjalanan sekolah-sekolah agama di seluruh Selangor dan beribu pejabatkan di Kelang. Yang Dipertuanya sekarang ini, Encik Ismail Hitam, diberikan kuasa mengawal sekolah-sekolah agama kerajaan dan bersendirian di Selangor. Setiausahanya bertanggungjawab dalam pentadbiran Pejabat Pelajaran Agama, mengawas nazir-nazir Pelajaran Agama dan guru-guru agama di semua sekolah-sekolah berpelajaran agama. Nazir-nazir yang dimaksudkan itu tiap-tiap seorang mewakili daerah yang ditetapkan khas iaitu di Kelang, Hulu Langat, Hulu Selangor, Kuala Lumpur bandar, Kuala Lumpur Pinggir, Sabak Bernam, Sungai Besar, Kuala Selangor, Tanjung Karang, Kuala Langat Utara dan akhir sekali di Kuala Langat Selatan. Seorang lagi nazir ditugaskan berkhidmat di ibu pejabat.

Nazir-nazir ini semuanya dilantik oleh kerajaan melalui peperiksaan kelolaan Jawatankuasa Peperiksaan Calon-calon Kadi, Nazir, Guru-guru Agama dan pemilihan oleh Pemilih Pegawai-pegawai Agama. Calon-calon Nazir mestilah lulus Rabe' Thanawi dari mana-mana sekolah Arab yang diakui. Tugas Nazir ini ialah untuk mengawasi guru-guru agama dan pelajar agama di sekolah-sekolah yang berpelajaran agama. Mereka juga terpaksa melakukan kerja-kerja pejabat, membayar gaji guru-guru agama dan kakitangan sekolah agama. Mereka juga diarahkan supaya bertindak aktif dalam segala aktiviti keagamaan di daerah masing-masing.

Sungai Pinang, Kelang Sebelum 1900

WAN MUHAMMAD B. WAN SULONG*

DI sini akan dihuraikan sejarah ringkas kawasan Sungai Pinang sebelum tahun 1900. Perbincangan akan tertumpu kepada permulaan sejarah Sungai Pinang yang lebih merupakan pecahan kampung-kampung, sehingga menjadi sebuah kawasan perbandaran. Selain itu akan disentuh juga mengenai penubuhannya, keluasannya, serta meninjau Sungai Pinang dari segi geografi, khususnya tentang pola-pola penempatan pada peringkat awal yang menjadi asas penempatan yang menentukan corak ekonominya. Di samping itu perhatian akan diberikan terhadap kegiatan-kegiatan awal yang dilakukan oleh penduduk di sini, juga sedikit-sedikit perkembangan infrastruktur politik dan sosial. Dari perbincangan secara ringkas itu nanti akan dapat diketahui sama ada terdapat kemajuan di tahun-tahun sebelum 1900 dengan tahun-tahun yang dikaji, iaitu 1900—1973.

Kewujudan Kawasan Sungai Pinang, Kelang

Bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa nama Kelang terkenal sejak zaman Melaka lagi, bahkan lebih awal daripada itu. Di Kelang dijumpai sejenis "genderang" yang dinamakan "Dong-Son Drum". Jenis loceng gangsa yang dijumpai di Kelang itu adalah sama dengan loceng gangsa yang ditemui orang di Dong Son dalam daerah Thank Hoa di Utara Annam, yang dipercayai telah dibuat kira-kira dalam tahun 200 B.C.¹


Sebenarnya nama Kelang juga telah dikenali di awal kurun ke-13 Masihi lagi. Ini dapat dilihat dalam Kitab Sejarah Jawa, *Nagarakartagama* (Naghura — Karet Agama) yang terkarang dalam tahun Masihi 1365 itu ada menyebutkan bahawa Kelang tertakluk kepada Majapahit. Dalam peta

* Penulis ialah Kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975/76.

1 R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, Marican & Sons, Kuala Lumpur, 1962, hlm. 23—25.



NEGERI SELANGOR



DAERAH KELANG

(Sumber : Pejabat Daerah Kelang).

kuno Cina yang dipercayai telah digunakan oleh Laksamana Cheng Ho yang membuat pelayaran dalam tahun 1403—1433 ada tercatat di antara lain-lain nama-nama "Beting-Beting Selatan (di Kuala Sungai Kelang), Selangor Darat dan Sungai Kelang.² Sultan Melaka itu supaya Tun Perak dijadikan Penghulu di Kelang.³ Demikianlah beberapa bukti yang menguatkan wujudnya Kelang di zaman-zaman dan masa yang disebutkan itu.

Sebagai sebuah kawasan yang mana berasal dari beberapa buah kampung, Sungai Pinang merupakan satu kawasan yang seluas 3.2km persegi sahaja. Ia merupakan kawasan yang pertama dalam Mukim Bukit Raja, Daerah Kelang.

Kewujudan Sungai Pinang dapatlah dikaitkan dengan bukti-bukti kewujudan Kelang itu sendiri. Ini adalah satu andaian sahaja kerana tidak ada rekod-rekod nyata yang menunjukkan tarikh kewujudannya. Walaupun begitu, besar kemungkinan yang kewujudan berkait rapat Kelang disebabkan kawasan Sungai Pinang itu hanya beberapa rantai sahaja dari pusat bandar Kelang itu sendiri.⁴ Pada 1365 apabila kerajaan Majapahit menakluk Kelang, mereka juga mungkin turut sama mendatangi Kawasan Sungai Pinang dan turut bermastautin di situ. Apakah lagi bahagian pantai Kawasan Sungai Pinang itu pula menyusuri tebing sungai Kelang dan bahagian sungai yang pasti ditempuh terlebih dahulu sebelum tiba ke Pengkalan Batu, iaitu Pelabuhan Kelang yang mula-mula muncul di bandar Kelang itu di zaman silam yang penuh dengan kegemilangannya ialah kawasan Sungai Pinang.

Tarikh kewujudan kawasan Sungai Pinang yang seperti keadaannya sekarang ini yang termasuk dalam salah satu daripada tujuh buah daerah⁵ yang diperintah oleh seorang raja, dipercayai telah ada sejak kurun Masihi ke-17. Dalam *Dagh-Register* ada menyebutkan bahawa pada tahun Masihi 1700 Tuk Engku Kelang, ketua yang memerintah di Kelang yang berkeluarga dengan Bendahara Johor telah menghadiahkan sebuah mohor tanda berkuasa kepada Yamtuan Bugis (Yamtuan Selangor) yang tinggal di sungai Selangor.⁶

Asal Nama Sungai Pinang

Menentukan asal nama sesuatu tempat, kampung atau negeri yang kita tidak turut sama semasa kelahirannya adalah amat sukar. Begitu pula dengan asal nama Sungai Pinang ini. Walaupun demikian kita boleh membuat kesimpulan tertentu berdasarkan bukti-bukti sejarah terutama dari sumber lisan. Belum ada sejarawan yang dapat menafikan ketidakbenarannya asal usul nama-nama yang ada dalam sejarah tempatan kita selama ini, contohnya asal nama Singapura seperti tercatat *Sejarah Melayu*.⁷

Menurut penduduk di situ nama⁸ Sungai Pinang itu berasal dari nama

2 Haji Buyong Adil, *Sejarah Alam Melayu V*. The Malaya Publishing House Ltd., Kuala Lumpur, 1949, hlm. 55.

3 W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Malaya Publishing House Ltd., Kuala Lumpur, 1962, hlm. 76—77.

4 Lihat rajah kedudukan Sungai Pinang yang disediakan.

5 Tujuh daerah tersebut ialah Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kelang, Kuala Lumpur, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sabak Bernam.

6 R.O. Winstedt — *op. cit.*, hlm. 144.

7 R.O. Winstedt *op. cit.*, hlm. 32—33.

8 Kebanyakan orang Melayu memang lahir di Sungai Pinang.

sebatang sungai⁹ yang pada ketika mula-mula kawasan ini diterokai adalah amat aktif sebagai tempat lalu-lalang perahu-perahu dan tongkang-tongkang. Sungai itu mengalir hingga ke kaki Bukit Berangan yang terletak di kampung Batu Belah yang bersempadan dengan Kawasan Sungai Pinang di sebelah timurnya.

Dalam menamakan sesuatu tempat biasanya orang-orang Melayu mengambil sempena sesuatu yang ganjil, begitu pula dengan nama kawasan ini. Adalah menjadi amat masyhur di sini kedapatan amat banyak pokok-pokok pinang dan ia bertambah ganjil bagi mereka melihat pokok-pokok pinang ini hidup juga disepanjang sungai itu. Oleh kerana pokok nipah sudah menjadi perkara biasa kepada mereka maka nama yang dipilih ialah Sungai Pinang dan ini kekal hingga kini.

Kawasan Sungai Pinang dari Segi Geografi

Kawasan Sungai Pinang ini merupakan suatu kawasan yang mana terdapat di dalamnya beberapa buah kampung kecil. Ia terdiri daripada Kampung Durian Sakat,¹⁰ Kampung Sungai Binjai¹¹ dan Kampung Sungai Pinang. Namun demikian oleh sebab perkampungan itu amat kecil tambahan nama yang digunakan amat kompleks sekali, seperti Kampung Sungai Binjai yang memang telah sedia ada 10 km dari pusat bandar Kelang yang juga dikenali sebagai Kampung Meru dan begitu juga Kampung Durian Sakat yang lebih merupakan gelaran dan bukan kampung, sebenarnya, maka dengan tidak disedari kampung-kampung itu selalu disebut sebagai Kampung Sungai Pinang, Sungai Binjai atau Kampung Duria Sakat, kemudian menjadi pula Sungai Pinang Batu Satu (Kampung Durian Sakat), Sungai Pinang Batu 1½ (Kampung Sungai Binjal).¹² Akhirnya apabila kekeliruan sentiasa terjadi ketiga-tiga kampung ini menjadi satu kawasan dengan dikenali sebagai "Sungai Pinang" sahaja.

Kedudukannya bolehlah dikatakan dalam bandar Kelang itu sendiri; di utaranya adalah Kampung Rantau Panjang, di selatannya bandar Kelang, sempadan sebelah timurnya kampung Batu Belah dan bahagian baratnya lebih merupakan sebagai pantai. Ini disebabkan di bahagian itulah terletaknya sungai Kelang, yang menjadi ibu kepada ketiga-tiga sungai yang ada dalam kawasan Sungai Pinang itu.

Di bahagian utaranya, Sungai Putus menjadi sempadan antara Sungai Pinang dengan Kampung Rantau Panjang; di timurnya pula, alur dari Sungai Binjai adalah menyusuri sepanjang-panjang sempadan antara Kampung Batu Belah dengan Kawasan Sungai Pinang itu. Di bahagian barat pula sungai Kelang menjadi sempadan antara Sungai Pinang dengan Kelang selatan. Jalan Raja Bot yang bersambung dengan Jalan Nenas adalah sempadan antara Sungai Pinang dengan pusat bandar Kelang.¹³

Oleh kedudukannya yang sangat hampir dengan sungai Kelang, maka


9 Antara Sungai Putus dengan Sungai Binjai ada sebarang sungai yang oleh edaran zaman telah sebu dan lebih merupakan parit besar. Lihat rajah yang disediakan.

10 Berdasarkan kepada banyaknya pohon-pohon durian di kampung itu.

11 Bersempena nama sungai yang mengalir ke kampung itu. Lihat rajah kedudukannya.

12 Wawancara dengan Muhammad Said bin Mohd. Arif, Ketua Pos (bersara), pada 4 Oktober, 1975.

13 Wawancara dengan Encik Shafie bin Ahmad, Penghulu Mukim Bukit Raja pada 18 Mei, 1975.



PETA KEDUDUKAN KAWASAN SUNGAI PINANG, KELANG.
 (Sumber : Pejabat Daerah Kelang.)

kedapatan tanahnya amat rendah dari permukaan laut. Apalagi dengan adanya tiga buah sungai yang mengalir masuk ke Kawasan Sungai Pinang itu, menjadikan kawasan ini sentiasa ditenggelami air, terutama di peringkat awal pembukaan kawasan ini.

Dengan keadaan itu, di kurun Masihi ke-17 dan ke-18 ketiga-tiga sungai ini menjadi tempat lalu-lalang perahu-perahu dan tongkang-tongkang. Pendatang-pendatang baharu ramai yang membuat penempatan di situ. Setengah yang lain mudik ke kuala sungai itu dan seterusnya membuat perkampungan di pedalaman. Oleh itu tidak hairanlah kawasan itu mudah menjadi kawasan perbandaran kemudiannya.

Kawasan Sungai Pinang sebagaimana yang dikatakan tadi mempunyai tanah-tanah yang rendah terutamanya di bahagian pantai. Ia dipenuhi hutan belukar, kayu-kayu api dan lalang, di mana kayu-kayu api ini memainkan peranan yang penting dari segi ekonomi, begitu juga pokok-pokok nipah dan pinang yang tumbuh secara merata di tebing-tebing sungai dan di kawasan-kawasan tertentu.

Di permukaan kuala Sungai Binjai itu pada awal abad kelapan belas telah secara tak rasmi terdapat sebuah pangkalan yang digunakan oleh orang-orang Kampar dari Sumatera. Kemudiannya pangkalan itu lebih dikenali sebagai Pengkalan Kampar.¹⁴ Dari Pangkalan Kampar inilah biasanya peneroka-peneroka dan pendatang-pendatang baharu masuk ke kawasan ini dan kampung-kampung sekitarnya untuk membuka tempat-tempat berkenaan.

Penduduknya Sebelum 1900

Walaupun jumlah sebenar penduduk Sungai Pinang di zaman itu sukar ditentukan, tetapi dipercayai ia memang mempunyai penduduk yang agak ramai juga. Ketika Tun Perak yang menjadi penghulu pada kurun ke-15 di Kelang beliau dikatakan telah membawa orang-orang Kelang (lelaki dan perempuan) pergi ke Melaka untuk membantu orang-orang Melaka melawan dan mengalahkan orang-orang Siam yang menyerang Melaka.¹⁵ Begitu pula dengan keterangan yang boleh dipercayai bahawa di kurun ke-17 orang-orang Bugis didapati telah menetap di Kelang. Selain itu pada 4 Ogos, 1681, seorang dari Kedah yang mengaku ianya adik kepada sultan Kedah telah meminta kebenaran kepada orang Belanda hendak menggunakan Dinding untuk dijadikan tempat berkumpul seramai 150 orang, orang-orang Bugis dari Kelang bagi membantu abangnya sultan Kedah menghadap musuhnya.¹⁶


Ini menunjukkan orang-orang Bugis telah ramai di Kelang pada masa itu dan antara mereka yang datang atau tinggal di Kelang itu sudah pasti ada yang telah bermastautin di salah satu kampung dan kawasan Sungai Pinang itu.

Di akhir-akhir kurun Masihi 19, dari sumber yang boleh dipercayai kawasan di sebelah timur yang bersempadan dengan Kampung Batu Belah itu dipenuhi oleh hutan belukar, pohon buah-buahan dan dusun yang di-

14 Nama ini lebih biasa dikenal oleh penduduk Sungai Pinang dan kampung-kampung yang berhampiran sahaja.

15 Haji Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 4.

16 *Ibid.*, hlm. 6.



KEDUDUKAN KAWASAN DAN PENGARUH ORANG-ORANG KAYA.

(Sumber : Raja Abdul Samad bin Raja Wok).

jagai oleh kaum asli seperti Semang. Mereka ini terpaksa tinggal jauh di pedalaman kerana di bahagian Barat yang berhampiran dengan tebing sungai Kelang itu telah dipenuhi oleh orang-orang Melayu yang kebanyakannya berasal dari orang Melayu Melaka. Hanya terdapat tiga atau empat keluarga Melayu Selangor di situ dan mereka ini kebanyakannya tinggal di kampung Sungai Pinang dan Kampung Durian Sakat. Selainnya terdiri daripada orang-orang Melaka, Bugis dan Kampar.

Andaian keramaian penduduk kawasan Sungai Pinang sebelum kurun ke-19 hanya dapat diagakkan lebih kurang 140 atau 150 orang sahaja. Ini adalah berdasar kepada rumah-rumah segi yang dapat dikesani, seperti di Kampung Sungai Pinang terdapat 10 buah rumah, di Kampung Sungai Binjai tiga buah rumah dan di Kampung Durian Sakat dua buah rumah orang Melayu.¹⁷ Keramaian itu adalah juga berikutan dengan kedatangan orang Cina yang terlibat dalam perang saudara yang berlaku di akhir kurun ke-19 itu. Ada sederet rumah kedai lebih kurang 12 pintu terletak sebatu dari pusat bandar Kelang yang telah dibina sebelum tahun 1900.¹⁸

Keramaian itu mungkin bertambah apakala di awal abad ke-20 bertambah ramainya orang-orang Cina yang datang sebagai peniaga-peniaga di sepanjang Jalan Kapar dan Jalan Nenas dan Jalan Goh Hock Huat. Kedatangan mereka ini kebanyakannya adalah kerana membuat tempat kediaman dan membuka kedai-kedai kopi dan kedai-kedai runcit di kawasan itu. Di tempat-tempat yang disebutkan itu mereka membuat penempatan kerana berhampiran dengan pusat bandar Kelang.

Sebagai kesimpulannya penduduk di kawasan Sungai Pinang telah mula berkembang di abad ke-19, terutama di tahun-tahun akhirnya.

Pentadbiran Sebelum 1900

Oleh sebab Kawasan Sungai Pinang telah dibuka dan mula dikenali di kalangan penduduk tempatan, maka tak dapat tiada ia mesti dimasukkan dalam satu pentadbiran yang tersusun, namun demikian pentadbiran di kawasan Sungai Pinang sebelum tahun 1900 masih belum begitu tersusun.

Besar kemungkinan sewaktu kemunculan kesultanan Bugis di Selangor dan Kelang di bawah Raja Abdullah yang berkubu di Pengkalan Batu pentadbiran kawasan Sungai Pinang ini bertambah nyata, terutama apabila Tengku Kudin dapat mengambil alih kubu itu dari kuasa Raja Mahadi. Dalam zaman Tengku Kudin inilah iaitu bermula pada 1872, di Kelang ada pasukan askar yang terdiri daripada orang Sepahi dan Melayu di bawah beberapa orang pegawai Orang Putih.¹⁹ Oleh kerana pada ketika itu Kelang lebih merupakan sebagai sebuah "negeri" bagi Kesultanan Melayu, tak dapat tiada Sungai Pinang berada di bawah perintah Tengku Kudin yang lebih merupakan sebagai "Sultan".

Di kalangan penduduk kawasan Sungai Pinang pada ketika itu memang tidak ada bukti menunjukkan adanya sistem Penghulu atau Ketua Kampung, sehingga ke akhir abad ke-19 itu. Bahkan institusi Ketua Kampung Baru

17 Wawancara dengan Haji Ismail bin Pie pada 9 Mei, 1975.

18 Ibid.

19 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 104.

kedapatan setelah tahun 1930-an. Tetapi di dalam masyarakat orang asli yang tinggal di pedalaman kawasan Sungai Pinang itu, jawatan Tuk Batin telah muncul di akhir abad ke-19.²⁰

Bentuk pentadbiran yang nyata di tahun-tahun sebelum kurun ke-19 itu lebih merupakan tidak formal yang mana tiap-tiap kampung mungkin diketuai oleh orang-orang perseorangan yang dihormati di kalangan mereka. Namun demikian ketua-ketua itu tidaklah ada hubungan apa-apa dengan pihak pemerintah. Hubungan hanya terjalin antara satu kampung dengan kampung yang berhampiran atau antara individu-individu dalam satu-satu kawasan itu sahaja.

Dalam konteks pentadbiran secara perkampungan besar kemungkinannya orang-orang kaya di kalangan mereka yang lebih berkuasa dalam kehidupan masyarakatnya. Ini terdapat dalam kehidupan masyarakat di kawasan Sungai Pinang di mana empat orang kaya di kalangan mereka memainkan peranan mentadbir di kampung masing-masing.²¹ Biasanya kepada orang-orang kaya inilah segala keputusan dibuat. Hal ini bertambah nyata apabila keempat-empat mereka itu mempunyai pengikutnya masing-masing dan antara kelompok itu pertandingan dalam lapangan kehidupan sentiasa berlaku.

Pengaruh orang-orang kaya di kawasan Sungai Pinang tidaklah berdasar kepada kampung yang wujud di kawasan itu, sahaja tetapi lebih daripada itu.

- (a) Raja Jumaat dari Jalan Nanas hingga memanjang ke Sungai Binjai.
- (b) Encik Omar dari Sungai Binjai memanjang ke Sungai Putus.
- (c) Encik Pie dari Jalan Raja Bot memanjang ke Sungai Binjai.
- (d) Raja Wok dari Sungai Binjai memanjang ke Sungai Putus.²²

Dengan keadaan itu, di bawah mereka inilah orang-orang yang ada dalam tempat-tempat yang dinyatakan itu memberi atau menerima apa-apa perintah dan pengaduan. Ini merupakan empat unit pentadbiran yang berasingan di zaman tersebut. Semua hal diselesaikan dalam kuasa empat orang itulah dengan tidak pula disampaikan kepada pemerintah di Kelang yang pada ketika itu di bawah tadbiran keluarga Diraja Selangor.

Apabila terbentuknya sistem penghulu dan ketua-ketua kampung di daerah, mukim atau kampung di Selangor²³ baharulah cara pentadbiran individu-individu atau kelompok ini berakhir, iaitu di tahun-tahun 1930-an.

Ekonomi, Infrastruktur Politik dan Sosial Sebelum 1900

Kedudukan ekonomi sesebuah tempat atau negeri itu bergantung kepada kecekapan pentadbirannya. Seperti yang diketahui, disebabkan pentadbiran kawasan Sungai Pinang itu lebih merupakan pentadbiran kelompok atau

20 Wawancara dengan Encik Mohd. Said bin Mohd. Arif.

21 Nama-nama mereka sangat terkenal di tahun-tahun 1890-an:

- (a) Raja Jumaat bin Raja Abdul Hamid
- (b) Encik Pie
- (c) Raja Wok bin Raja Kahar
- (d) Encik Omar bin Haji Yaakub

22 Wawancara dengan Raja Abdul Samad bin Raja Wok, pada 15 Jun, 1975. Lihat peta.

23 Ibid.

individu-individu, maka dengan demikian keadaan ekonomi yang muncul juga merupakan kegiatan perekonomian peringkat individu sahaja. Tegasnya keadaan ekonomi di kawasan Sungai Pinang sebelum 1900 hanya bergantung kepada ekonomi pertanian semata-mata iaitu seperti kelapa, pinang, ubi kayu, kopi, atap nipah dan buah-buahan sahaja. Oleh kerana kawasan Sungai Pinang ini hanya 3.2 km persegi sahaja, maka sudah barag tentu hasil-hasil yang diperolehi mencukupi untuk kegunaan pengusaha-pengusaha itu sahaja.

Selain itu, kerana kedudukan kawasan Sungai Pinang itu sendiri amat berhampiran dengan sungai Kelang, dan kalau menghilir terus akan sampai ke laut lepas, iaitu Selat Melaka, maka tidak hairanlah mereka juga menjalankan aktiviti di laut. Percubaan ada juga dibuat di tahun-tahun sebelum abad kedua puluh untuk menanam padi tugal,²⁴ namun ia tidak mendatangkan hasil yang besar dan ini menyebabkan usaha-usaha itu ditinggalkan.

Usaha yang paling aktif dijalankan di Kawasan Sungai Pinang itu ialah membuat atap dari pokok-pokok nipah. Hal ini bersangkutan dengan adanya pokok-pokok nipah di tebing-tebing Sungai Kelang yang menjadi pesisir Sungai Pinang itu. Dengan banyaknya permintaan atap disebabkan pembangunan perumahan yang pesat ketika itu, maka kebanyakan penduduk-penduduk yang tinggal di Kampung Sungai Pinang mengusahakan pembuatan atap.²⁵ Pada peringkat awal usaha ini adalah secara persendirian, tetapi di awal abad kedua puluhan ia merupakan satu usaha yang besar.

Di pedalaman sebelah timur, hutan belantaranya dipenuhi pula pokok-pokok rumbia. Biasanya sagu dari pokok ini menjadi bahan makanan sampingan bagi penduduk kawasan Sungai Pinang; daun-daun dari pokok-pokok itu mereka jadikan juga atap-atap rumah atau pondok-pondok menunggu dusun buah-buahan seperti durian, rambutan dan manggis yang memang banyak didapati.

Kelapa juga merupakan tanaman utama dan perusahaan ini ialah secara besar-besaran menjelang abad ke-20. Kelapa biasanya ditanam bersama tanaman seperti ubi kayu, buah-buahan, pisang serta sayur-sayuran. Di sekitar 1890-an harga kelapa meningkat dan ini menambahkan minat penduduk kawasan Sungai Pinang menanamnya. Dalam tahun 1894, harga kelapa ialah \$23.00 tiap-tiap 100 biji.²⁶

Sungguhpun pokok pinang terlalu banyak di kawasan ini dan hidup dengan suburnya dengan mengeluarkan buah yang amat banyak, tetapi ia tidak mendatangkan apa-apa hasil yang besar kepada penduduk-penduduk. Dengan itu pinang tidak dipasarkan ke mana-mana; buah-buahnya kebanyakan terbuang begitu sahaja. Ada juga usaha mengeringkannya, tapi hanya untuk kegunaan sendiri sahaja. Percubaan penanaman kopi dilakukan di akhir-akhir tahun 1800, tetapi disebabkan pasarannya amat kurang, ia semata-mata digunakan untuk sendiri juga.

Perkembangan infrastruktur sebelum 1900 tidaklah begitu menggalak-

24 Keterangan Encik Mohd. Said bin Mohd. Ariff.

25 Ibid.

26 *Singapore Free Press*, Selasa, 3 Julai, 1894, hlm. 5.

kan; hanya terdapat lorong-lorong yang kecil untuk kenderaan seperti basikal dan kereta-kereta lembu. Perjalanan banyak dibuat melalui ketiga-tiga sungai yang ada di kawasan itu. Dengan pembukaan kampung-kampung oleh orang-orang awal di Batu Belah dan Kampung Meru, ketiga-tiga sungai tadi bertambah-tambah rancak penggunaannya di akhir-akhir tahun 1800 dan di awal tahun 1900.

Dalam kehidupan sosial, bolehlah dikatakan memang terbentuk kemesraan di antara orang-orang Melayu dengan Bugis, Kampar dan orang-orang Jawa yang mendatang. Dari segi pendidikan, sekolah Melayu hanya ada di persimpangan antara Jalan Meru dan Jalan Kapar, yang kedudukannya boleh dikatakan di tengah-tengah pusat bandar Kelang dan terkeluar dari kawasan Sungai Pinang. Pengajian yang ada hanyalah secara bersendirian, iaitu mengaji agama di surau dan masjid atau di rumah masing-masing.

Namun demikian, bolehlah dikatakan surau sebagai institusi pengajian mengambil peranan penting dalam kawasan Sungai Pinang ini. Ada dua buah surau yang didirikan di peringkat awal penempatan di kawasan Sungai Pinang ini; satu di Kampung Sungai Pinang didirikan pada tahun 1890-an dan satu lagi di Kampung Sungai Binjai, juga dalam tahun yang sama.²⁷

Perkembangan Penduduk dan Pola Penempatan

Kehadiran orang-orang Bugis, Kampar dan Jawa menambahkan lagi penduduk di kawasan ini dan mula membuka kawasan penempatan baru, serta memulakan kawasan bercucuk tanam. Menjelang tahun 1905, apabila getah mulai ditanam dan dengan adanya galakan daripada kerajaan, kemasukan kilang-kilang di kawasan ini dan kawasan sekitarnya, buruh-buruh Cina dan India mula membanjiri kawasan ini. Dengan itu boleh dikatakan pola penempatan di kawasan Sungai Pinang ini berubah dari masa ke masa selepas tahun 1900.

Sehingga akhir tahun 1911, orang-orang Melayu adalah yang paling ramai menduduki kawasan ini, iaitu lebih kurang 900 orang diikuti oleh orang-orang Cina 300 orang²⁸ yang kebanyakannya tinggal berhampiran dengan bandar Kelang itu.

Seawal-awal penempatan orang India di kawasan Sungai Pinang ialah di tahun-tahun 1940-an. Mereka membuka kedai-kedai runcit di Kampung Sungai Pinang. Hingga sekarang memang tidak ada kaum ini yang dapat memiliki tanah-tanah di kawasan Sungai Pinang sebagai tempat kediaman kekal mereka. Kebanyakan yang mendatang hanya penyewa-penyewa kedai kepunyaan orang-orang Melayu atau menduduki rumah-rumah sewa yang dibina oleh orang-orang Melayu di kawasan ini.

Berikut akan dibincang perkembangan penduduk kawasan Sungai Pinang ini mengikut tiap-tiap bangsa itu serta pola-pola penempatan mereka secara keseluruhannya.

²⁷ Keterangan Raja Abdul Samad bin Raja Wok.

²⁸ Keterangan Encik Shafie bin Ahmad, Penghulu Mukim Bukit Raja yang juga turut mentadbir kawasan Sungai Pinang. Wawancara dengan beliau pada 18 Mei, 1975.

Orang-orang Melayu

Pada 1911 orang-orang Melayu merupakan penduduk kawasan Sungai Pinang yang teramai sekali. Oleh kerana keadaan pemerintahan tradisi di Kelang ketika itu, maka sudah menjadi kebiasaan orang-orang Melayu untuk cuba menjauhkan penempatan mereka dari pusat pemerintahan. Ini adalah untuk mengelakkan kerahan atau cukai-cukai yang akan dikenakan oleh pihak pemerintah. Jadi tidak hairanlah orang-orang Melayu lebih suka membuat penempatan di Kampung Sungai Pinang, kerana kedudukannya adalah terjauh sekali dalam zaman tersebut.

Di kawasan penempatan yang sedemikian mereka merasa aman untuk menjalani hidup mereka yang hanya bergantung pada pertanian dan hasil laut yang dibuat hanya untuk secukup hidup sahaja. Di samping itu dari tahun ke tahun jentera pentadbiran yang telah ditadbirkan dengan campur tangan pihak Inggeris di Selangor pada tahun 1877 menjadikan kawasan ini mula dimasuki kemudahan perhubungan yang mendatangkan keadaan hidup yang berlainan dengan sebelumnya.

Boleh dikatakan sejak awal penerokaan kawasan Sungai Pinang ini orang-orang Melayu Melakalah yang ramai sekali mendatangi kawasan ini.²⁹ Hal ini berikutan dengan hubungan awal yang telah terjalin sejak zaman Sultan Mudzaffar Syah dahulu lagi. Begitu juga dengan kedatangan orang-orang Melayu dari negeri Melayu lain seperti Terengganu, Kelantan atau Johor.

Kalau dibandingkan dengan orang-orang Cina dan India, penduduk Melayu adalah paling ramai kerana orang Melayu terdiri dari berbagai-bagai golongan. Bagi penduduk Melayu bumiputera pula, peratus pertambahannya adalah 2% setahun³⁰ dan ini lebih merupakan kadar pertambahan biasa terutama sekali dengan adanya kemudahan kesihatan umum yang sudah mula diperkembangkan.

Pertambahan penduduk Melayu menjadi tinggi lagi pada 1921 disebabkan kedatangan orang-orang Jawa dan Kampar yang menjadikan jumlah penduduknya 1,200 orang.³¹ Kadar pertambahan ini meningkat sedikit pada tahun 1931, iaitu kepada 1,350 orang.³²

Sehingga akhir tahun 1941, apakala meletus Perang Dunia Kedua, pertambahan penduduk Melayu meningkat kepada 1,460 orang.³³ Hal ini bolehlah dikatakan oleh perkembangan kilang-kilang di kawasan Sungai Pinang ini telah bertambah seperti pembinaan Kilang Fung Keong pada tahun 1939³⁴ dan Kilang Minyak Kelapa Sin Teck Hong 1935.³⁵

Dalam tahun 1951 kedapatan pertambahan penduduknya tidaklah berapa rancak disebabkan perpindahan orang-orang Melayu di sepanjang pendudukan Jepun dan kerana merosotnya pengeluaran kilang-kilang. Lebih kurang 1,520 orang sahaja orang-orang Melayu pada masa itu di kawasan

29 Keterangan Haji Ismail bin Pie.

30 J.E. Nathan, *The Census of British Malaya 1921*, London, 1922 hlm. 21.

31 Keterangan Encik Shafie bin Ahmad.

32 Ibid.

33 Ibid.

34 Wawancara dengan Encik Wong Sin Keng pada 16 Oktober, 1975.

35 Wawancara dengan Encik Khoo Kek Kuan pada 24 November, 1975.

Sungai Pinang ini.³⁶

Sepanjang tahun 1950-an ke tahun 1960, kehidupan di kawasan Sungai Pinang telah giat semula. Selain dari kilang-kilang yang mendapat galakan dan giat menjalankan usaha-usaha pengeluarannya, suasana Kemerdekaan tahun 1957 juga memainkan peranan penting dalam hubungan dagang antarabangsa. Pelabuhan Swettenham (Pelabuhan Kelang) yang jauhnya lebih kurang 10 km. dari kawasan Sungai Pinang ini memerlukan ramai pekerja dan buruh-buruh kasar. Ini direbut oleh ramai orang-orang Melayu, dan mereka-mereka ini pula membuat tempat-tempat kediaman di berhampiran dengan pelabuhan atau kilang-kilang itu. Orang-orang Melayu dari daerah-daerah luar memasuki dan menduduki kawasan sekitar Pelabuhan Kelang.

Di kawasan Sungai Pinang juga ramai orang-orang Melayu, terutama dari Melaka, Perak, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan menyewa dan mendirikan rumah-rumah di kawasan tanah-tanah saudara-mara mereka. Ini menjadikan penduduk yang ada di kawasan Sungai Pinang ini lebih kurang 2,200 orang pada tahun 1961.³⁷

Kegiatan ekonomi yang memuncak di sepanjang tahun-tahun 1960-an hingga tahun 1970 menjadikan pertambahan penduduk di Sungai Pinang juga turut meningkat di kalangan orang Melayu. Rumah-rumah sewa bertambah banyak didirikan dan begitu pula rumah-rumah persendirian juga turut dibina. Lebih kurang 4,300 orang³⁸ Melayu mendiami kawasan Sungai Pinang ini.

Shingga akhir tahun 1973, mengikut daftar fitrah yang dicatatkan, ada lebih kurang 4,500 orang³⁹ Melayu yang mendiami kawasan-kawasan yang termasuk dalam kawasan Sungai Pinang ini. Meningkatnya keramaian penduduk Melayu ini disebabkan keadaan hubungan yang bertambah baik sama ada dari segi pengangkutan dan tempat-tempat pekerjaan serta peluang-peluang mendapatkan pekerjaan yang mudah.

Kemasukan Orang Bugis, Kampar dan Jawa

Memang tidak dapat dinafikan orang-orang Bugis merupakan penduduk di Selangor yang memainkan peranan memerintah negeri, berserta itu kemasukan orang-orang Bugis di Selangor tentulah dituruti pula oleh peringkat rakyat biasanya.

Di kawasan Sungai Pinang ini terdapat keturunan Bugis yang terdiri dari beberapa keluarga, iaitu antara 30 atau 40 orang³⁹ sahaja. Seawal-awal penempatan keluarga ini ialah pada tahun 1890-an. Hingga sekarang keramaian mereka bertambah rumit untuk dikesan disebabkan hubungan yang begitu erat dengan orang-orang Melayu di kawasan ini, sama ada melalui perkahwinan atau perpindahan yang terjadi dari tahun ke tahun.

Begitu pula dengan orang-orang Kampar yang datang dari daerah Kampar di Sumatera. Didapati ada dua keluarga yang menduduki kawasan

36 Keterangan Encik Shafie Ahmad.

37 Ibid.

38 Wawancara dengan Encik Baharuddin bin Abu Bakar, Setiausaha Jawatankuasa Kampung, Sungai Pinang pada 4 Mei, 1975.

39 Wawancara dengan Encik Mahmud bin Haji Basir, Ketua Kampung Sungai Pinang pada 11 Mei, 1975.

Sungai Pinang ini. Walaupun ramai juga orang-orang Kampar yang mendarat di situ, tetapi meneruskan perjalanan ke bahagian pedalaman negeri Selangor seperti di Kuala Lumpur, Sungai Penchala atau di Selayang. Kedatangan keluarga orang-orang Kampar yang ada di kawasan Sungai Pinang kini ialah pada tahun 1926.⁴⁰ Sehingga hujung tahun 1973 lebih kurang 32 orang keturunan ini masih ada dan kekal mendiami Sungai Pinang.⁴¹

Satu lagi golongan yang datang dari Sumatera ialah orang yang datang dari Bagan Api-api. Bagi penduduk tempatan, golongan ini biasa disebut sebagai Orang-orang Kubu. Sehingga akhir tahun 1973 didapati lebih dari 70 orang⁴² keturunan ini berada di kawasan ini sebagai penduduk tetap. Kedatangan mereka ke sini ialah lebih kurang pada tahun 1923.⁴³ Kebanyakan mereka ini mengusahakan penjualan kayu-kayu bakau di pulau-pulau yang berhampiran dengan Daerah Kelang.

Di samping itu, orang-orang Jawa merupakan tenaga buruh yang aktif sebab orang-orang Jawa rajin bekerja kalau dibanding dengan orang-orang Melayu lainnya. Melalui Singapura, mereka datang dan membuat tempat kediaman di kawasan-kawasan yang belum dibuka. Mereka membersihkan tanah hutan lalu mengusahakannya dengan tanaman kelapa, pinang dan kopi. Di samping itu orang-orang Jawa dan juga yang bekerja sebagai tenaga buruh murah dan tidaklah luar biasa jika mereka menjadi golongan dinamis di ladang-ladang getah. Buruh-buruh ini dikenali sebagai Orang Tebusan⁴⁴ yang berkhidmat kepada tuannya.

Orang-orang Jawa ini juga sering membuat penempatan yang hanya mengandungi kelompok-kelompok individu dari rantau yang sama dan hanya orang dari Sumatera sahaja dapat bersama sekampung dengan orang Melayu lain.⁴⁵ Jadi tidak hairanlah kebanyakan mereka itu ramai yang membuat penempatan di Rantau Panjang, Batu Belah, Meru dan Sementa, iaitu kampung-kampung yang paling hampir dengan kawasan Sungai Pinang itu.

Di kawasan Sungai Pinang terdapat lebih kurang 120 orang Jawa sehingga akhir tahun 1973 dan ini termasuk mereka-mereka yang menyewa di kawasan tanah-tanah kepunyaan orang-orang Jawa yang awal sampai ke kawasan itu.

Penempatan awal orang-orang Jawa di kawasan Sungai Pinang ialah lebih kurang pada tahun 1912,⁴⁶ yang mana pada tahun itu hanya dua keluarga sahaja yang mula-mula sampai terdiri dari sembilan orang.⁴⁷ Pertambahan keturunan ini didapati bukan kerana kedatangan mereka terus dari Tanah Jawa, tetapi adalah disebabkan kemasukan mereka yang datang dari Johor, Sabak Bernam, Tanjung Karang dan Kuala Selangor untuk bekerja di kilang-kilang di Sungai Pinang ini dan sekitarnya, juga ke Pelabuhan

40 Wawancara dengan Encik Harun bin Baamal pada 9 Mei, 1975.

41 Berdasarkan pada milik tanah yang kekal untuk mereka di akhir tahun 1973.

42 Keterangan Encik Mahmud bin Haji Basir.

43 Ibid.

44 Syed Husain Ali, "Sosial Stratification in Kampung Bagan," *Malayan Branch Royal Asiatic Society, Monograph*, 1964, hlm. 30.

45 B. Ramsy, "Indonesians in Malaya" *JMBRAS*, Vol. 29, Bil. 1, May, 1956, hlm. 19.

46 Wawancara dengan Encik Talib bin Pie pada 14 Mei, 1975.

47 Ibid.

Kelang. Keluarga asal yang membuat penempatan di Sungai Pinang itu sehingga kini (1973) masih mengusahakan kebun getah di samping penanaman kelapa dan buah-buahan.

Orang India

Tidak banyak yang dapat diperkatakan berkenaan kaum ini disebabkan orang-orang India adalah sebagai kelompok terkecil pada awal abad ke-20. Kedatangan kaum ini bawa masuk oleh kerajaan British berikutan dengan pembukaan ladang kopi di Selangor pada tahun 1880 dan 1890-an.⁴⁸ Kemasukan mereka bertambah rancak di awal dan di pertengahan tahun 1900, berikutan dengan luasnya perusahaan ladang-ladang getah di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini dapat dikesan sehingga tahu 1931, iaitu daripada 424,000 orang penduduk di ladang-ladang getah lebih daripada 70% terdiri dari orang-orang India.⁴⁹

Di Selangor, kebanyakan orang India mendiami ladang-ladang getah kepunyaan orang Inggeris atau individu-individu Cina. Oleh kerana perusahaan ladang-ladang getah secara besar-besaran tidak ada di kawasan Sungai Pinang, melainkan di sekitarnya sahaja, seperti di Bukit Raja Estate, Estate Kapar, iaitu kawasan yang di luar dari Sungai Pinang ini, maka tidak hairanlah bilangan mereka tidak kedapatan di tahun 1911, 1921, 1931 dan selepas pendudukan Jepun, 1945. Hanya pada tahun 1947⁵⁰ baharu kedapatan tiga keluarga India yang menyewa di tanah orang Melayu di kawasan ini.

Antara tahun-tahun 1950 ke tahun 1960, bilangan mereka meningkat ke 30 atau 40 orang disebabkan kemasukan mereka menyewa dan membuka kedai-kedai runcit yang dibina oleh penduduk tempatan. Sehingga terdapat lebih kurang 120 orang⁵¹ dari mereka ini yang menyewa dan membuka kedai,⁵² serta menjadi buruh di kilang-kilang dan di Pelabuhan Kelang.

Semua orang-orang India di kawasan Sungai Pinang ini bolehlah dikatakan golongan penduduk yang tidak kekal. Hal ini berdasar kepada kenyataan, sehingga tahun 1973 golongan mereka tidak pun memiliki walau secebis tanah-tanah di Sungai Pinang ini.

Orang-orang Cina

Adalah amat menarik sekali apabila ditimpa perkembangan penduduk dan pola-pola penempatan orang-orang Cina di tempat ini. Dengan kemasukan mereka di kawasan ini, Sungai Pinang berubah menjadi sebuah kawasan perbandaran dan bukan lagi sebagai kawasan tiga buah kampung yang telah disatukan pentadbirannya seperti sebelumnya. Ini juga menyebabkan akhirnya kawasan ini dikenali dengan nama "Sungai Pinang" sahaja.

Keluarga orang-orang Cina yang awal dapat dikesan penempatannya di

48 Sinnappah Azarasatnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 14.

49 Karnial Singh, *Indian in Malaya*, London, 1969, hlm. 253.

50 Keterangan Tuan Haji Ismail bin Pie.

51 Keterangan Encik Shafie bin Ahmad, op. cit.

52 Dalam siasatan penulis terdapat lima buah kedai kepunyaan keturunan India di sini.

Batu Satu, Jalan Kapar apabila sederet rumah kedai papan dibina pada tahun 1896.⁵³ Pada asalnya mereka ini adalah penyewa sahaja di tanah tapak kedai itu.

Sebenarnya orang-orang Cina di Selangor ini memang telah lama mengusahakan bijih timah. Sehingga tahun 1911, terdapat 300 orang-orang Cina di kawasan ini dan hal ini berikutan dengan pembukaan sederet lagi rumah-rumah kedai di Jalan Nenas yang didirikan pada tahun 1906.⁵⁴ Tetapi rumah-rumah ini lebih merupakan tempat-tempat tinggal.

Dari 1910 ke 1920 penduduk Cina bertambah di kawasan Sungai Pinang ini apabila kawasan ini membesar dan dianggarkan pada 1921 ada lebih kurang 610 orang Cina yang mendiami di sekitar Jalan Nenas dan Jalan Goh Hock Huat yang pada tahun-tahun itu masih merupakan jalan tanah merah sahaja. Ini ditambah dengan Jalan Goh Hock Huat itu sebelumnya lebih dikenal dengan nama Jalan Landasan Keretapi iaitu berikutan dengan pembukaan jalan keretapi dari Kelang ke Kapar yang siap dibina dan digunakan pada 1 Februari, 1913.⁵⁵ Penduduk-penduduk biasanya menyusur jalan keretapi ini bagi kemudahan mereka memasuki penempatan mereka itu.

Menjelang 1931, orang-orang Cina bertambah ramai lagi memasuki kawasan kampung-kampung dalam kawasan Sungai Pinang ini. Sebagai contoh dalam tahun 1928 ada 3 keluarga orang Cina berjaya membeli tiga buah lot perumahan orang Melayu di Kampung Sungai Pinang. Mereka terdiri dari keluarga Ng Chin Kai yang bekerja sebagai kontraktur persendirian yang sebelumnya tinggal di Kuala Lumpur dan datang dari negeri China semasa berumur 15 tahun.⁵⁶

Satu keluarga lagi terdiri dari keluarga Yap Thiam Hua yang berniaga di bandar Kelang sejak tahun 1923 lagi, dan yang akhirnya keluarga Teo Kim Kuan, peniaga barang-barang runcit di bandar Kelang⁵⁷ yang membuka kedai runcit pula di Kampung Sungai Pinang ini.

Sehingga tahun 1940 pula, pola-pola penempatan orang-orang Cina turut berubah dengan pembukaan kilang Shum Yip Leong, Kilang Fung Keong, Sin Teck Hong dalam tahun-tahun 1930-an. Kilang-kilang ini lebih memeningkan orang-orang Cina sahaja, yang demikian tidak hairanlah pekerja kilang ini dengan bantuan majikan mereka memberikan bantuan untuk mencari atau mendirikan rumah-rumah untuk mereka itu.

Dengan tertutupnya landasan keretapi di tahun 1934⁵⁸ orang-orang Cina ini menjadikan kawasan di sepanjang bekas jalan keretapi itu sebagai satu perkampungan mereka. Ada lebih kurang 50 atau 60 buah rumah papan yang dibina untuk mereka ini yang mana tanah yang asalnya dipunyai oleh orang kaya Melayu dahulu telah dapat dibeli oleh Goh Hock Huat, yang mana sebahagiannya telah beliau dermakan pula kepada pembinaan Sekolah Cina Pin Hwa. Didapati pada tahun 1941 penduduk-penduduk Cina di

53 Keterangan Raja Abdul Samad bin Raja Wok, op. cit.

54 Keterangan Encik Shafie bin Ahmad.

55 *F.M.S. Railway Report*, 1935, Arkib Negara, Kuala Lumpur, hlm. 74.

56 Wawancara dengan Ng Ah Ba, pada 15 November, 1975.

57 Ibid.

58 Keterangan Encik Shafie bin Ahmad.

59 Wawancara dengan Encik Abdul Aziz bin Hashim, pada 22 Jun, 1975.

kawasan Sungai Pinang keseluruhannya meningkat kepada 2,300 orang.⁶⁰

Di akhir tahun 1940 inilah pula tanah yang luasnya antara Jalan Nenas sehingga ke Sungai Binjai di mana telah menjadi tapak perumahan orang-orang Cina, kilang-kilang Fung Keong dan Kilang Shum Yip Leong dan selari sepanjang Jalan Kapar bertemu pula Sungai Binjai itu telah dimiliki oleh orang Cina seluruhnya.

Pertambahan penduduk Cina juga berlaku antara tahun 1940 sehingga ke 1950. Pada tahun 1951 terdapat sejumlah 3,730 orang dan penempatan orang-orang Cina bertumpu pula di sepanjang Jalan Kapar dan di Jalan Raja Bot.⁶¹

Rumah-rumah kedai sederet 10 atau 12 pintu banyak didirikan pada ketika itu. Lebih kurang satu batu dari persimpangan Jalan Nenas dengan Jalan Raja Bot itu di selang-seli antara rumah kedai dan rumah kediaman biasa. Walaupun suasana kemerdekaan tahun 1957 berlaku dalam dekad ini, tetapi peluang untuk mendapatkan tapak perumahan baharu tidak berapa menggalakkan. Oleh yang demikian keramaian orang-orang Cina pada tahun ini ada lebih kurang 3,800 orang sahaja.⁶²

Kemudian antara tahun-tahun 1960-an sehingga ke tahun 1970, keadaan ekonomi menjadi rancak. Pertambahan ahli-ahli perniagaan di Kelang sungguh mengagumkan; di sana sini sekitar Kelang terutama kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pusat-pusat begitu pesat kemajuannya.

Dalam dekad-dekad ini rumah-rumah yang dahulunya terdiri daripada rumah-rumah papan telah diruntuhkan. Sebagai gantinya rumah-rumah batu telah didirikan. Tanah-tanah perumahan yang dahulunya hanya mengandungi dua atau tiga buah rumah papan juga telah diruntuhkan, kemudian dibina kompleks perumahan secara berkelompok-kelompok yang mengandungi 30 atau 40 unit rumah yang dikenali sebagai rumah berderet.

Dalam tahun-tahun yang diperkatakan ini, 1960—1970 terdapat kawasan-kawasan perumahan di:-

- (a) Enam blok perumahan Jalan Kertas, yang mengandungi 56 unit rumah deret terletak antara Jalan Goh Hock Huat dengan Jalan Nenas yang dibina dalam tahun 1965.
- (b) Lapan blok perumahan Tat Eng Construction yang mengandungi 86 unit perumahan yang terletak di antara Jalan Raja Bot dengan Jalan Kapar.
- (c) Dua belas blok perumahan Eastern Garden yang mengandungi 122 unit perumahan bentuk berderet dan bentuk sebuah yang dibina pada tahun 1970 yang terletak di Jalan Kapar.⁶³

Dalam dekad tersebut rumah-rumah kedai di sepanjang Jalan Kapar, mulai persimpangan jalan antara Jalan Raja Bot dengan Jalan Nenas sejauh hampir sekilometer memanjang di kiri kanan Jalan Kapar itu, rumah-rumah kedai dua tingkat telah juga menggantikan rumah-rumah kedai yang asal.

60 Keterangan Encik Shafie bin Ahmad.

61 Ibid.

62 Ibid.

63 Wawancara dengan Encik Tan Swee Thin, Pegawai Penilaian, Malis Bandaran Kelang, pada 28 November, 1975.

Selain mempunyai bentuk dua tingkat unit-unit bagi tiap-tiap satu blok yang dibina itu juga bertambah dari unit asalnya.

Dari kepesatan pembangunan rumah-rumah dan kedai-kedai ini, maka tidak hairanlah didapati bilangan orang Cina terutama di Kampung Durian Sakat itu telah meningkat menjadi 55,630 orang.⁶⁴ Hal itu bolehlah dikatakan kerana orang-orang Cina yang tinggal di kawasan perumahan dan kedai-kedai itu sebenarnya menetap dan menjadikan kawasan itu sebagai tempat tinggal yang kekal bagi mereka.

Setakat 1973 terdapat 7,110 orang, Cina yang bermastautin di kawasan Sungai Pinang itu. Hal ini disebabkan di penghujung tahun 1973 terdapat empat buah kawasan perumahan dan kompleks rumah kedai tiga tingkat telah siap dibina dan didiami oleh kebanyakan Cina.

Selain itu terdapat dua buah lagi kawasan perumahan:

- (a) Sebuah terletak di antara Jalan Kapar dengan persimpangan Jalan Sungai Putus yang dinamakan Taman Seri Pinang, siap diduduki pada bulan Jun, 1973. Taman ini mengandungi empat blok rumah deret mempunyai 32 buah unit rumah dan satu blok rumah kedai dua tingkat mengandungi 24 unit rumah.
- (b) Terletak di antara Sungai Binjai dengan Jalan Kapar mengandungi empat blok rumah deret dua tingkat mempunyai 24 unit rumah yang dinamakan Taman Kota, Sungai Pinang.⁶⁵

Kemudian di tahun berakhir 1973 ini juga pola penempatan orang Cina juga berturut-turut dengan:

- (a) Pembinaan projek perumahan di Sun Rice Development yang kesemuanya dipenuhi oleh orang-orang Cina belaka. Di sini terdapat empat blok rumah deret mengandungi 42 unit rumah.⁶⁶
- (b) Begitu pula sederet panjang rumah kedai dan tempat kediaman juga setinggi tiga tingkat di Jalan Nenas, mengandungi 72 unit, siap diduduki di akhir tahun 1973.⁶⁷

Dengan hal yang demikian itu tidak hairanlah keseluruhan keramaian orang Cina di akhir tahun 1973 itu sahaja sudah meningkat kepada lebih 7,000 orang. Ini bermakna bilangan penduduk Cina di kawasan Sungai Pinang itu telah mengatasi keramaian orang-orang Melayu sebanyak 2,560 orang.

Juga dapat dilihat penempatan dua kaum ini, iaitu orang-orang Melayu lebih tertumpu penempatannya di Kampung Sungai Pinang dan bagi orang-orang Cina di seluruh kawasan antara Jalan Raja Bot terus ke Jalan Nenas membawalah ke Sungai Binjai.

Faktor-faktor Perkembangan dan Pola-pola Penempatan

Dari perbincangan-perbincangan yang dibuat, kita dapati banyak faktor

64 Keterangan Encik Shafie bin Ahmad.

65 Keterangan Encik Tan Swee Thin.

66 Ibid.

67 Ibid.

yang menggalakkan pertumbuhan penduduk dan pola-pola penempatan bagi dua kaum yang terbesar di Kawasan Sungai Pinang ini.

- (a) Faktor utama adalah dengan pembukaan kilang-kilang di kawasan Sungai Pinang ini menarik kedua-dua kaum ini mencari tempat kediaman yang paling hampir dengan kilang-kilang itu. Oleh sebab kilang-kilang itu dipunyai oleh orang Cina sendiri, maka tidak hairanlah mereka bertumpu ke kawasan ini. Pada asalnya mereka menyewa tapak-tapak perumahan di tanah-tanah orang-orang Melayu itu dan oleh himpitan hidup orang-orang Melayu di kawasan itu, tanah-tanah tadi terlepas ke tangan orang Cina itu secara jual beli.
- (b) Oleh keadaan ekonomi orang Melayu yang merosot kerana berhutang sama ada kepada ceti atau orang-orang perseorangan, menyebabkan tanah terjual. Ini dapat dibuktikan dengan tanah Encik Pie di Durian Sakat, yang pada mulanya seluas 21 ekar, habis terjual sedikit demi sedikit sehingga di akhir tahun 1968, tanahnya cuma tinggal 8 ekar sahaja, dan oleh kesempitan, tanah itu juga dijual dengan harga hanya \$80,000.00 sahaja dan didapati pula dari wang yang sebanyak itu cuma berbaki \$16,000.00 sahaja kerana ditolak hutang ceti dan cukai-cukai yang tidak dibayar beberapa tahun lamanya.⁶⁸
- (c) Keadaan perhubungan dan pengangkutan yang amat maju seperti terbinanya jalan raya Kapar dan jalan keretapi Kelang-Kuala Selangor, menyebabkan orang-orang Cina di luar telah mengambil peluang memasuki kawasan-kawasan perkampungan ini dan dengan bijak pandai mereka berjaya menyewa, membeli dan terus memiliki tanah-tanah di kawasan itu. Bila hal ini berlaku maka tidak hairanlah golongan ini menjadi ramai. Sebaliknya orang Melayu menjadi kurang dan terpaksa berpindah ke daerah atau kampung-kampung yang lain.
- (d) Dari segi kesihatan pula, peraturan-peraturan yang sempurna sentiasa diambil berat, tandas-tandas yang baik disediakan seperti tandas lubang, tandas angkat dan tandas yang menggunakan baldi. Di samping itu pencegahan malaria dijalankan di semua kawasan yang diarahkan oleh doktor-doktor yang melawat ke tempat-tempat yang berkenaan. Kerajaan telah menyediakan banyak alat yang boleh membunuh kuman.
Pihak Kerajaan juga membina hospital daerah Kelang yang terletak 3.2 km sahaja dari kawasan Sungai Pinang itu. Ini juga memudahkan ibu-ibu yang bersalin dan kematian bayi dapat dikurangkan.
- (e) Faktor yang penting bagi perkembangan penduduk di kawasan ini ialah sebab terbinanya beberapa projek perumahan sebagai yang dibincangkan terlebih awal. Projek-projek perumahan di kawasan Sungai Pinang inilah yang benar-benar telah melipatgandakan keramaian orang-orang Cina sehingga keramaian orang-orang

68 Keterangan Tuan Haji Ismail bin Pie.

Melayu sendiri sudah diatasi sejak tahun-tahun 1930-an yang mana pertambahan itu langsung tidak dapat diatasi oleh orang-orang Melayu sehingga akhir tahun 1973.

(f) Dalam pola-pola penempatan pula kita dapati orang Cina sahaja yang telah mendiami kawasan antara Jalan Raja Bot terus ke Jalan Nenas membawalah kepada Sungai Binjai. Ini disebabkan:

- (1) Keadaan kukuh ekonomi orang-orang Cina yang dapat membeli dan memiliki terus tanah-tanah orang Melayu di kawasan itu. Walaupun orang-orang Melayu mempunyai tanah yang luas di kawasan itu pada asalnya, tetapi kerana tidak ada modal untuk mengusahakannya, maka mereka lebih rela menjualnya, apatah lagi hutang-hutang yang banyak untuk menampung hidup.
- (2) Proses perbandaran di kawasan itu menjadikan cukai-cukai tanah meningkat, padahal hasil-hasil yang didapati dari tanah-tanah itu tidak seberapa.
- (3) Peranan yang dimainkan oleh ceti-ceti di Kelang juga menyebabkan orang Melayu di kawasan ini terpaksa menjualkan tanah mereka. Terlepasnya tanah-tanah itu dapat dikatakan oleh kelalaian tuan-tuan punya tanah sendiri. Mereka meminjam wang dengan tidak mengira atau menghitung banyak yang sudah mereka pinjam. Kebiasaannya waktu meminjam mula-mulanya geran tanah mesti diserahkan. Dari bulan ke bulan hutang tidak dijelaskan, malahan pinjaman diambil lagi secara beruncit-runcit, hingga pada akhirnya jumlah hutang sudah tidak dapat dibayar.

Inilah saat pihak ceti menuntut hutangnya dan kesudahannya terlepaslah hak tanah-tanah itu. Ceti tidak mahu menyimpan tanah terlalu lama dan apakala ada tawaran harga yang tinggi (biasanya orang-orang Cina sahaja yang sanggup membelinya) maka terlepaslah tanah-tanah itu dari orang Melayu. Tanah-tanah inilah kemudiannya dibina oleh mereka projek-projek perumahan yang dijual pada keseluruhannya kepada orang-orang Cina sahaja.

Maka dengan hal yang demikian pola-pola penempatan orang-orang Cina di kawasan Sungai Pinang ini makin berkembang dari dekad ke dekad, sementara orang-orang Melayu makin kecil dan keramaian juga makin kurang di kalangan orang-orang Melayu sebaliknya makin bertambah di kalangan orang-orang Cina.

Sistem Kepimpinan di Mukim Hulu Yam, Daerah Hulu Selangor⁺

MOHD AZIM BIN ABDUL AZIZ*

Pendahuluan

TULISAN ini adalah usaha penulis untuk memperkenalkan sistem kepimpinan yang ada di mukim Hulu Yam sekarang. Mukim ini dipilih kerana penulis sendiri tinggal di kawasan ini; dan oleh ini memberi pertolongan besar kepada penulis menyediakan artikel ini, tambahan pula ianya dibuat secara temu ramah semata-mata.

Latar Belakang Mukim

Mukim Hulu Yam terletak di dalam daerah Hulu Selangor, kira-kira 48.3 km. ke Utara dari Bandaraya Kuala Lumpur. Luasnya lebih kurang 1035.9 km. persegi. Bilangan penduduknya berjumlah 9,786 orang, dan terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India.

Di negeri Selangor, mukim adalah unit terkecil dalam pembahagian sistem pentadbirannya. Mukim diketuai oleh seorang Penghulu. Di negeri-negeri lain Penghulu dikenali juga sebagai Penggawa, Ketua Sidang dan Ketua Kampung.

Jawatan Penghulu adalah satu institusi pentadbiran tradisional yang telah wujud lebih lama sebelum kerajaan British mengambil alih pentadbiran di

* Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah banyak memberikan pertolongan dan kerjasama kepada penulis dalam menjayakan kertas ini, terutamanya kepada Datuk Penghulu Mukim Hulu Yam, Encik Abdul Rahman Bin Lani, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Agama dan kepada penduduk-penduduk mukim Hulu Yam keseluruhannya. Juga ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya diberikan kepada Profesor Khoo Kay Kim selaku Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya di atas galakan, panduan dan nasihat yang telah diberikannya kepada penulis.

* Penulis adalah lulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

negara ini. Dahulunya jawatan Penghulu ini hanya dipegang oleh orang yang berketurunan raja atau bangsawan sahaja dan ia dilantik sendiri oleh sultan. Dengan itu Penghulu menjadi wakil mutlak Sultan di satu-satu mukim yang dikuasainya.

Apabila British mengambil alih pentadbiran di negara ini, Lembaga Penghulu ini masih diteruskan tetapi telah banyak dilakukan perubahan sama ada di segi perlantikan ataupun di segi fungsinya. Penghulu sekarang bertugas sebagai orang perantara di antara kerajaan dengan rakyat. Apa jua arahan atau rancangan-rancangan yang hendak disampaikan kepada masyarakat kampung akan disalurkan oleh pihak kerajaan melalui penghulu. Sebaliknya segala kehendak-kehendak dan masalah rakyat desa terhadap Kerajaan juga akan disampaikan melalui penghulu.

Untuk memudahkan lagi perjalanan pentadbiran, mukim dipecah-pecahkan kepada beberapa buah kampung. Tiap-tiap ketua kampung diketuai oleh seorang ketua kampung atau dikenali juga sebagai Datuk Empat. Ketua Kampung bertanggungjawab menjaga hal-ehwal anak buahnya; oleh itu ketua kampung boleh dianggap sebagai Penolong Penghulu yang menjalankan tugasnya di peringkat kampung sahaja.

Pentadbiran di Peringkat Mukim

Tiap-tiap mukim diketuai oleh seorang Penghulu. Penghulu bertanggungjawab di dalam hal pimpinan dan pentadbiran serta menjaga hal-ehwal anak-anak buahnya. Memang tidak dapat dinafikan setiap masyarakat memerlukan seorang pemimpin yang dapat mereka jadikan sebagai Ketua, juga tempat mengadakan hal dan menyelesaikan sebarang masalah.

Cara Penentuan Jawatan Penghulu

Perlantikan jawatan Penghulu ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian:-

- a) Perlantikan Tradisional
- b) Perlantikan sebelum Merdeka
- c) Perlantikan selepas Merdeka

Perlantikan Secara Tradisional

Penghulu-penghulu tradisional adalah dilantik sendiri oleh Sultan di dalam negeri yang berkenaan. Selalunya bakal Penghulu ini datangnya daripada orang-orang Sultan sendiri. Jika didapati tiada orang Sultan yang layak, maka akan dilantik orang-orang daripada keluarga Pembesar atau pun Ketua-ketua masyarakat yang bergelar yang ada kaitan kekeluargaan dengan pihak istana.

Apabila seseorang Penghulu itu dilantik, ia akan diberikan Surat Tauliah yang dikeluarkan oleh baginda Sultan sendiri. Di dalam Surat Tauliah ini diterangkan tugas-tugas dan kuasa Penghulu. Dengan ini Penghululah merupakan wakil mutlak Sultan bagi mentadbir dan mengetuai satu-satu mukim yang telah diamanahkan kepadanya. Penghulu tidak diberi gaji tetap, tetapi mendapat kurniaan daripada Sultan dalam bentuk harta atau wang.

Sebagai seorang Pegawai Sultan, sebulan sekali Penghulu dikehendaki datang ke istana Sultan untuk 'menjunjung Duli'. Di waktu inilah Penghulu akan membawa persembahannya yang berupa hasil-hasil cukai atau apa sahaja yang dipersembahkan oleh rakyat. Inilah juga waktunya Penghulu membuat laporan mengenai mukimnya dan menerima arahan-arahan terbaru daripada Sultan.

Jawatan Penghulu Tradisional ini adalah secara warisan. Apabila seseorang Penghulu itu meninggal dunia, secara automatik jawatan itu diperturunkan kepada anak lelakinya yang sulung. Sekiranya anak lelaki itu didapati tidak layak atau ia sendiri menolak, maka akan diberi peluang kepada saudara lelakinya yang lain. Jika kedapatan satu-satu Penghulu itu tidak langsung mempunyai anak lelaki, maka jawatan itu diberikan kepada saudara lelakinya yang terdekat (saudara kandung).

Tugas Penghulu Tradisional selain daripada menjadi wakil mutlak kerajaan, juga bertanggungjawab menjaga hal-ehwal kebajikan dan keselamatan anak-anak buahnya.

Sebelum Merdeka

Apabila British datang dan mentadbir negeri ini sepenuhnya, terdapat beberapa perubahan di segi cara perlantikan dan kuasanya. Calon-calon Penghulu tidak lagi semestinya datang daripada keluarga Raja, tetapi boleh daripada rakyat biasa.

Syarat-syarat untuk menjadi Penghulu:-

1. Umur — tidak kurang daripada 35 tahun.
2. Agama — mempunyai pengetahuan fardu ain dan kifayah.
3. Tahu adat istiadat dan kebudayaan negeri Selangor.
4. Mempunyai pengetahuan am yang luas.
5. Pelajaran — sekurang-kurangnya darjah 5 sekolah Melayu, darjah 6 sekolah agama.

Apabila seseorang calon itu telah memenuhi syarat-syarat di atas, maka namanya akan dibawa kepada satu badan khas yang akan menentukan perlantikan Penghulu itu. Badan khas ini dianggotai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Wakil-wakil dari Pejabat Daerah dan Wakil dari Majlis Diraja.

Kemudian calon-calon ini dikehendaki menduduki satu peperiksaan yang akan menanyakan soal-soal:-

1. Soalan-soalan Am
2. Sejarah Negeri Selangor
3. Adat Istiadat Negeri Selangor
4. Dikehendaki membuat satu karangan dalam tulisan Jawi lebih kurang 500 perkataan panjangnya.

Selain daripada itu calon-calon juga akan diberi ujian lisan tentang hal-hal agama Islam. Kadang-kadang calon itu dikehendaki bersyarah untuk

beberapa minit untuk menguji kepetahan percakapannya. Setelah calon itu lulus segala ujian, maka badan khas itu akan mempersembahkan namanya ke bawah Duli Baginda Sultan untuk diluluskan. Jika Sultan memperkenankannya, barulah sah perlantikan Penghulu itu.

Sultan sendiri akan mengeluarkan surat tauliah perlantikan Penghulu tersebut. Dalam surat tauliah ini dicatatkan tugas-tugas tertentu yang akan menjadi panduan pada Penghulu untuk mentadbirkan mukimnya. Di peringkat ini Penghulu masih lagi menjadi wakil mutlak Sultan. Ia mengetahui hal-hal mengenai agama dan adat istiadat orang Melayu. Selain daripada itu Penghulu juga mempunyai kuasa dalam pungutan cukai dan undang-undang.

Supaya pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih licin, Penghulu diberi kuasa mahkamah untuk mengatasi soal-soal jenayah dan melindungi hak-hak perseorangan. Di tiap-tiap Balai Penghulu disediakan satu tempat yang dipanggil mahkamah Penghulu, di mana setiap perbicaraan dijalankan. Semasa menjalankan undang-undang ini Penghulu perlu mengikut peraturan-peraturan seperti yang tercatat di dalam undang-undang Islam.

Satu contoh kuasa Penghulu di dalam undang-undang Islam ialah dalam cipta 198, seksyen 3, *volume 3*:

"Seseorang Penghulu berkuasa membicarakan seseorang Islam yang berumur 16 tahun ke atas, jika tidak pergi menunaikan sembahyang Jumaat, ia boleh dibicarakan di mahkamah Penghulu dan didenda \$5.00 untuk kesalahan pertama, \$10.00 kesalahan kedua dan \$25.00 untuk kesalahan ketiga".

Begitu juga di dalam soal-soal puasa, berkhawat, tidak mahu pergi ke sekolah, kes-kes jenayah yang kecil-kecil dan lain-lain di mana Penghulu mempunyai kuasa untuk menjalankan pendakwaan.

Selepas Merdeka

Kuasa yang ada pada Badan Khas yang mengendalikan perlantikan seseorang calon Penghulu sebelum Merdeka telah dimansuhkan, sebaliknya tugas ini telah diambil oleh pihak Kerajaan negeri sendiri iaitu melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor. Suruhanjaya ini akan membentuk satu badan yang dianggotai oleh pihak Kerajaan negeri dan wakil dari Majlis Agama Islam Selangor untuk menjalankan temuduga dan peperiksaan kepada calon-calon Penghulu.

Syarat-syarat menjadi Penghulu:

1. Umur — tidak kurang daripada 25 tahun, tetapi tidak melebihi daripada 35 tahun.
2. Kelulusan — sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dan lulus darjah 6 sekolah agama.

Apabila didapati satu-satu jawatan Penghulu kosong, ia akan diiklankan di akhbar-akhbar. Calon-calon boleh mendapatkan borang permohonan dari Pejabat Daerah. Kemudian calon-calon dikehendaki menduduki satu peperiksaan khas yang diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Soalan-soalan yang ditanya ialah mengenai:

1. Sejarah Negeri Selangor.
2. Soalan-soalan Am.
3. Membuat satu karangan dalam tulisan Jawi.

Setelah lulus ujian ini, calon-calon dimestikan pula menghadiri satu temuduga di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Di sini calon-calon akan diuji pengetahuannya dalam hal-hal agama. Calon-calon yang lulus akan diberi surat pengesahan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan, dan tidak lagi dikeluarkan oleh Sultan sepertimana sebelumnya.

Dengan cara perlantikan begini, Penghulu sekarang telah dijadikan sebagai Pegawai Kerajaan yang bergaji tetap. Sebagai seorang Pegawai Kerajaan Penghulu ini boleh dipindah-pindahkan ke mana-mana mukim di dalam negeri Selangor. Hal ini berbeza dengan jawatan Penghulu tradisional di mana Penghulu-penghulu itu menetap di satu-satu kawasan hingga tamat tempoh perkhidmatannya.

Tanggagaji Penghulu

Sebagai Pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Penghulu tergolong di dalam Pegawai bahagian ketiga. Sebelum 1973, gaji Penghulu berbeza mengikut negeri. Gaji Penghulu di negeri Johor dan Kelantan mengatasi gaji Penghulu di lain-lain negeri. Tetapi sejak 1.8.1973 gaji Penghulu-penghulu di Semenanjung Malaysia telah diselaraskan. Calon-calon Penghulu yang berjaya akan diletakkan sebagai Pegawai Percubaan selama 3 tahun dengan mendapat gaji \$220.00 sebulan. Di akhir tahun perkhidmatannya jika didapati kerja-kerjanya memuaskan oleh Pegawai Daerah dan setelah lulus dalam satu peperiksaan, barulah ia dijadikan Penghulu yang berjawatan tetap. Gajinya dinaikkan kepada \$250.00 sebulan dan bertambah \$25.00 setiap tahun hinggalah mencapai ke \$350.00. Kemudian dikenakan peperiksaan untuk memasuki ke sekatan kecekapan (*Efficiency Bar*) dan seterusnya ke peringkat Tingkatan Khas (*Special Grade*).

Tanggagaji Penghulu

| | |
|-----------------|--|
| Sementara | \$220.00 |
| Tingkatan Biasa | \$250.00 x 25.00 = 350.00 (Tingkat peperiksaan) \$350.00 x 25.00 = 650.00 (Sekatan Kecekapan — peperiksaan) |
| Tingkatan Khas | \$750.00 — \$1,000 |

Lain-lain Keistimewaan

Selain daripada gaji bulanan yang diterima, Penghulu juga diberikan beberapa keistimewaan yang lain. Sehingga tahun 1973, Penghulu dikecualikan daripada membayar cukai tanah seluas 4.05 hektar.¹ Tetapi

¹ Keistimewaan ini diberikan oleh Sultan kerana dahulu Penghulu tidak mempunyai gaji yang tetap dan tidak diakui sebagai Pegawai Kerajaan.

sejak 1973 keistimewaan ini telah dibatalkan oleh majlis mesyuarat kerajaan negeri Selangor dengan alasan bahawa Penghulu kini telah iktiraf sebagai kakitangan kerajaan.

Elaun Keraian

Penghulu diberi elaun keraian sebanyak \$35.00 sebulan. Elaun ini bertujuan untuk membantu perbelanjaan Penghulu, kerana dalam masa-masa tertentu terpaksa menyediakan juadah makanan dan minuman serta lain-lain persiapan, umpamanya bila pembesar daerah datang menghadiri mesyuarat mukimnya. Penghulu terpaksa menyediakan sedikit jamuan.

Elaun Luar

Elaun ini berjumlah \$75.00 sebulan. Peruntukan ini disediakan kerana Penghulu selalunya terpaksa menjalankan tugas di luar dari mukimnya yang mana ini memerlukan perbelanjaan yang lebih di segi pengangkutan dan wang untuk makan minum.

Faktor-faktor Untuk Menjadi Penghulu

Walaupun sekarang jawatan Penghulu ini boleh disandang oleh orang-orang kebanyakan tetapi masih terdapat beberapa faktor tertentu yang mesti dipenuhi supaya seseorang Penghulu itu benar-benar dapat memimpin anak buahnya dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.

Faktor Umur

Seseorang calon Penghulu mestilah sekurang-kurangnya telah berumur 25 tahun. Had umur ini tidak mempunyai ketetapan yang jelas di zaman tradisional, tetapi yang nyata seseorang itu mestilah telah dianggap matang dan dipercayai dapat menjadi seorang pemimpin dan pentadbir yang baik.

Faktor Peribadi

Faktor ini sangat-sangatlah dipentingkan untuk menjadi seorang pemimpin yang baik. Bakal Penghulu mestilah memiliki sifat-sifat peribadi yang termulia, menarik di segi budi bahasa, gaya, banyak pengalaman dan tinggi ilmu pengetahuannya. Sebagai seorang pemimpin di mukimnya, Penghulu mestilah memberikan contoh-contoh yang baik kepada anak buahnya. Hal ini adalah perlu jika Penghulu itu ingin mendapat dan mengekalkan penghormatan serta kepercayaan daripada orang-orang di bawah pimpinannya.

Faktor Pelajaran

Di zaman tradisi faktor pelajaran tidak diperhitungkan, tetapi sekarang faktor ini telah menjadi salah satu syarat yang dimestikan. Kelulusan minima yang diperlukan ialah di peringkat Sijil Rendah Pelajaran. Jadi, lagi tinggi tingkat pelajarannya lebih baik kerana ini amat berguna kepada dirinya semasa menjalankan tugas. Selain daripada itu Penghulu juga di mestikan mempunyai kelulusan sekolah agama sekurang-kurangnya lulus darjah 6.

Faktor Status Sosial

Sebelum kedatangan British, faktor status sosial ini amat dipentingkan kerana hanya orang-orang Sultan atau pembesar negeri sahaja yang berhak menjadi Penghulu. Tetapi faktor ini sekarang tidak lagi menjadi satu kemestian, jawatan Penghulu telah terbuka kepada rakyat jelata.

Faktor Harta

Menurut Penghulu yang ditemui oleh penulis, faktor harta ini walaupun tidak termasuk dalam syarat-syarat untuk menjadi Penghulu, tetapi faktor harta tidak kurang juga pentingnya dalam memperkukuhkan kedudukan seseorang Penghulu. Di zaman tradisi Penghulu perlu mempunyai banyak harta kerana lagi banyak harta yang dimiliki, lagi ramai pengikut-pengikut yang boleh dibiayainya dan bermakna semakin kuatlah pengaruhnya. Di zaman sekarang walaupun Penghulu tidak ada pengikut tetapi dengan mempunyai harta yang banyak, Penghulu akan dapat menolong anak-anak buahnya yang dalam kesempitan kewangan dengan memberi bantuan dari wangnya sendiri. Dengan ini pasti Penghulu itu akan lebih disayangi dan dihormati.

Tugas-tugas Penghulu

Di peringkat mukim Penghulu dianggap sebagai seorang Ketua. Selain daripada menjadi Ketua Agama dan adat istiadat pada orang Melayu, ia juga menjadi Ketua Pentadbir di kawasannya. Di zaman moden yang serba membangun ini, berbagai projek Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang kampung telah dirancang dan dilaksanakan. Jadi di peringkat pentadbiran yang di bawah sekali, Penghululah yang menjadi orang perantara kerajaan dalam menjayakan projek pembangunan itu.

Peranan Penghulu dalam Pembangunan Ekonomi

Dalam hal ini peranan Penghulu amat penting sekali kerana segala arahan dan projek-projek kerajaan yang disediakan akan diarahkan terus pada Penghulu melalui Pegawai Daerah untuk disampaikan kepada orang-orang kampung.

Untuk melicinkan lagi sistem pentadbiran di peringkat kampung ditubuhkan satu badan yang dinamakan Badan Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Badan ini dianggotai oleh golongan masyarakat yang aktif dalam hal-hal kemasyarakatan, wakil-wakil dari parti politik, Ketua-ketua Agama, Ketua Belia dan pemimpin Kaum Ibu. Tugas badan ini adalah untuk mentadbir dan merencana jenis-jenis projek yang sesuai untuk kemajuan satu-satu kampung itu. Apabila orang-orang kampung mengemukakan satu-satu projek untuk dijayakan, badan ini akan mengadakan perbincangan untuk memastikan projek-projek itu benar-benar diperlukan, jika difikirkan penting, usul itu dibawa ke peringkat mukim untuk dibincangkan pula oleh satu lagi badan khas yang dianggotai oleh Penghulu (sebagai Pengerusi), Ketua-ketua Kampung, Guru-guru Besar dan Pegawai-pegawai Kerajaan. Apabila perkara itu telah diluluskan, maka cadangan projek itu akan dibawa ke pengetahuan Pegawai Daerah untuk mendapatkan bantuan kewangan.

Walaupun Kerajaan ada menyediakan bantuan di bawah rancangan pembangunan masyarakatnya, tetapi ia lebih memberikan galakan kepada orang-orang kampung untuk melaksanakan satu-satu projek itu secara gotong-royong kerana beberapa faktor:-

- i) Perpaduan masyarakat akan bertambah erat.
- ii) Kerajaan kekurangan wang.
- iii) Kadang-kadang projek-projek yang dijalankan secara gotong-royong lebih sempurna daripada kerja-kerja dibuat secara kontrak (upah).

Selain daripada menjadi penggerak utama dalam rancangan kemajuan ini, Penghulu juga bertanggungjawab untuk mengawasi setiap kerja-kerja pembangunan di mukimnya, sentiasa memeriksa dan mengambil tahu tentang kampung, parit dan tali air ampangan dan lain-lain. Penghulu juga diberi kuasa untuk menyuruh anak buahnya sentiasa menjaga dan mengerjakan kebun atau binatang-binatang ternakan mereka supaya mendatangkan faedah di segi ekonomi. Penghulu-penghulu juga diarahkan supaya sentiasa membuat laporan pembangunan mukimnya kepada Pegawai Daerah supaya pihak atas dapat memastikan kerja-kerja pembangunan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan berjalan lancar di peringkat kampung.

Peranan Penghulu di Segi Sosial

Apa sahaja kerja-kerja sosial yang dilakukan di mukimnya, selalunya Penghulu diberi penghormatan untuk merasmikan atau mengetuainya. Umpamanya, jika diadakan projek gotong-royong membina surau di kampung, Penghulu akan dijemput untuk meletakkan batu asasnya, jika diadakan upacara-upacara keramaian atau jamuan, Penghulu akan menjadi tetamu yang istimewa.

Di segi perhubungan antara masyarakat, Penghulu menjadi tempat harapan orang-orang kampung mengadukan apa-apa persengketaan yang tidak dapat diselesaikan sesama mereka. Kebiasaannya Penghulu bertindak sebagai orang tengah dan cuba menyelesaikan masalah itu dengan seadil-adil tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Menurut Penghulu yang ditemui, beberapa kes persengketaan telah dibawa ke pengetahuan beliau untuk diselesaikan. Antaranya termasuklah kes perkelahan antara suami isteri dan pertelingkahan adik-beradik kerana soal tanah pusaka. Jadi di sinilah Penghulu perlu menggunakan segala pengalaman dan pengetahuannya supaya masalah itu dapat diselesaikan dengan sebijak-bijaknya. Dalam kebanyakan perbalahan itu, beliau hanya menggunakan nasihat-nasihat sahaja. Oleh kerana Penghulu merupakan orang yang dihormati, seringkali perbalahan itu dapat diselesaikan secara demikian.

Bagi menjaga taraf hidup anggota masyarakatnya, Penghulu menganjurkan penyiasatan keadaan orang-orang miskin, orang-orang tua dan orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan. Dengan cara ini mereka yang kurang bernasib baik akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Peranan Penghulu dalam Pelajaran.

Penghulu diberi tanggungjawab untuk membantu meninggikan mutu

pelajaran anak buahnya. Penghulu sentiasa mengambil tahu tentang kesulitan orang-orang kampung dalam melanjutkan pelajaran anak-anak mereka. Jika terdapat orang-orang yang benar-benar tidak mampu untuk membiayai persekolahan anak-anak mereka, Penghulu akan berikhtiar untuk mengatasinya dengan mendapatkan bantuan-bantuan yang berupa biasiswa atau dermasiswa daripada pihak yang berkenaan. Dalam hal ini Penghulu akan menghubungi pihak Pejabat Pelajaran untuk mendapatkan bantuan-bantuan.

Sekiranya terdapat satu-satu keluarga yang sengaja membiarkan anak-anaknya tanpa mendapat didikan, Penghulu diberi kuasa mengarahkan pihak keluarga itu menghantarkan anaknya ke sekolah. Jika ia enggan, ketua keluarga itu boleh didenda sebanyak \$5.00 atau seminggu penjara, walaupun Penghulu mempunyai kuasa sedemikian, tetapi belum pernah lagi dilakukan kerana setakat ini belum ada didapati ibu bapa yang sengaja membiarkan anak-anak mereka tanpa mempunyai pelajaran.

Memang menjadi kebiasaannya setiap Penghulu menjadi Pengelola Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah di mukimnya. Dengan ini Penghulu dan ahli Jawatankuasa yang lain sentiasa berusaha untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi oleh sekolah itu di samping sentiasa berusaha untuk meninggikan mutu pelajarannya. Untuk tujuan ini Penghulu berkenaan, selaku Pengetua Pengelola Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Hulu Yam, telah berjaya menubuhkan sebuah Tabung Biasiswa di mana tabung ini mempunyai simpanan tetap \$1,000/- di dalam Bank Rakyat. Daripada simpanan inilah wang dikeluarkan untuk memberi bantuan kepada murid-murid yang benar-benar miskin juga untuk menyediakan hadiah-hadiah sagu hati kepada penuntut-penuntut yang mendapat keputusan terbaik di dalam peperiksaan di akhir tahun. Dengan cara ini sudah tentu akan memberi galakan kepada murid-murid itu supaya belajar dengan lebih bersungguh-sungguh lagi.

Peranan Penghulu di Bidang Agama

Peranan Penghulu dalam agama merupakan satu tanggungjawab yang berat kerana ia perlu mengambil tahu dan memberi perangsang kepada anak buahnya supaya sentiasa mengerjakan suruhan Tuhan, di samping itu Penghulu sendiri perlu memperlibatkan dirinya dan patuh kepada ajaran agama supaya dapat diteladani oleh orang-orang di bawahnya. Oleh sebab itulah pengetahuan agama menjadi syarat penting dalam perlantikan jawatan Penghulu. Penghulu juga dikehendaki berhubung rapat dengan Ketua-ketua Agama, seperti Imam dan Pegawai-pegawai Masjid di dalam mukimnya untuk mengatasi masalah-masalah agama yang timbul dan juga berusaha untuk memajukan dan mempertingkatkan lagi kedudukan agama Islam di kalangan masyarakatnya.

Di Segi Politik

Di zaman tradisi Penghululah yang bertanggungjawab sepenuhnya di atas kesejahteraan dan keselamatan anak buahnya. Penghululah yang memerintahkan anak buahnya membuat benteng-benteng pertahanan

sekiranya diserang musuh. Penghulu jugalah yang akan mengadili apa sahaja jenis jenayah yang dilakukan oleh orang-orang di bawah jagaannya. Di zaman sekarang tugas dan peranan Penghulu itu telah berkurangan kerana adanya pihak-pihak tertentu seperti Polis dan Hakim yang bertugas untuk menegakkan keadilan. Namun demikian Penghulu masih diberi kuasa untuk mewujudkan keamanan di kawasan di bawah jagaannya. Sekarang dengan adanya unit RELA (Ikatan Relawan Rakyat) yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi menentang anasir-anasir komunis dan antinasional, Penghulu dengan sendirinya dilantik menjadi ketua kepada unit-unit RELA yang ada di dalam mukimnya.

Penghulu juga diberi kuasa menangkap sesiapa sahaja orang-orang di mukimnya tanpa waran jika didapati mereka itu melanggar peraturan undang-undang melakukan kesalahan, menceroboh hak orang lain, mengerjakan tanah ataupun mengeluarkan hasil dari tanah kerajaan tanpa kebenaran. Jika bersabit kesalahannya, Penghulu boleh menjatuhkan hukuman denda sehingga \$25.00 tetapi cara ini jarang dilakukan kerana Penghulu lebih suka menyelesaikannya secara damai dengan memberikan nasihat.

Masalah-masalah Penghulu

Di dalam apa jua bentuk pekerjaan, memang timbul beberapa masalah semasa mengendalikannya. Lebih-lebih lagi jawatan seperti Penghulu ini di mana ia terpaksa menjaga kepentingan beribu-ribu orang penduduk di bawah jagaannya.

Masalah Keselamatan Diri

Masalah ini timbul kerana seseorang Penghulu sentiasa berdepan dengan orang ramai semasa menjalankan tugasnya. Kadangkala di waktu bertugas Penghulu perlu mendapat kawalan tertentu untuk menjaga keselamatan dirinya, seperti sewaktu hendak mendamaikan pergaduhan yang menggunakan alat-alat senjata yang merbahaya atau cuba menegakkan undang-undang ke atas orang-orang yang telah melanggar peraturan. Misalnya pernah pada suatu ketika Penghulu berkenaan dikejar oleh penceroka-peneroka tanah haram dengan batang cangkul kerana marah terhadap Penghulu yang cuba menjalankan tugasnya. Jadi dalam soal ini Penghulu merayu kepada pihak kerajaan supaya memberi kebenaran kepada Penghulu memiliki senjata api demi menjaga keselamatan dirinya.

Kurang Tenaga Kerja

Oleh kerana negara Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun, kesannya dipikul juga oleh Penghulu. Setiap waktu Penghulu diberi arahan-arahan tertentu di segi pembangunan, di samping tugas harian nya yang sememangnya telah banyak. Jadi Penghulu tidak cukup masa untuk mengendalikan hal-hal ini semua dengan cekap, seperti menjawab surat-surat rasmi, menaip surat, membuat laporan, menyediakan minit mesyuarat dan menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh masyarakat setiap masa. Untuk mengatasi hal ini Penghulu berharap pihak kerajaan negeri supaya mengadakan seorang pembantu Penghulu atau

seorang kerani untuk menolong Penghulu menjalankan tugasnya.

Kerjasama Dari Anak Buah

Sewaktu menjalankan tugasnya, Penghulu terpaksa menghadapi berbagai bentuk ragam manusia. Dengan ini tidak hairanlah setiap arahan dan nasihat yang diberikan oleh Penghulu tidak dapat dipatuhi oleh semua anak buahnya, tambahan pula manusia memang mempunyai sifat 'degil', menentang dan tidak puas hati secara semula jadi. Lantaran itu kedapatan beberapa orang yang enggan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Penghulu yang mengakibatkan Penghulu tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan selicin-licinnya.

Jawatan Penghulu di Masa Hadapan

Tidaklah dapat di sangkal lagi bahawa jawatan Penghulu sangatlah penting sebagai pemimpin di peringkat mukim. Dengan peranan yang ditugaskan kepadanya nyatalah jawatan Penghulu tidak mungkin akan dihapuskan selagi sistem pemerintahan yang ada sekarang ini masih diamalkan. Penghulu sebagai seorang pemimpin, juga merupakan sebagai pentadbir di kawasannya. Sebagai memperlihatkan betapa penting dan beratnya jawatan dan tanggungjawab yang dipegang oleh Penghulu selain daripada tugas rasmi yang telah diamanahkan kepadanya, di sini dicatatkan jawatan lain yang disandang oleh Penghulu di mukim Hulu Yam:-

1. Penasihat kepada seluruh unit-unit Kemajuan Kampung.
2. Penasihat kepada Pertubuhan Belia.
3. Penasihat Agama.
4. Pengerusi Kemajuan dan Keselamatan Kampung.
5. Pengerusi Keselamatan Mukim.
6. Pengerusi Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan.
7. Pengerusi Pelancaran Projek-projek Pembangunan dan Kesihatan.
8. Pengetua Jemaah Penasihat Sekolah-sekolah.

Walaupun jawatan Penghulu ini amat penting dalam menguruskan segala hal di kawasannya, semakin hari didapati pengaruh dan penghormatan yang ada pada Penghulu telah semakin berkurangan. Jika dahulu Penghulu didampingi dan diperlukan dalam segala aspek kehidupan anak buahnya. Sekarang keadaan begini telah berubah kerana telah ada orang-orang lain yang lebih mahir atau bertanggungjawab dalam satu-satu hal tertentu. Umpamanya, di segi keselamatan telah ada pihak polis; Pegawai Pertanian menguruskan hal-hal pembangunan ekonomi; dan di bidang kesihatan terdapat Pegawai-pegawai Kesihatan. Begitu juga telah muncul golongan ahli politik yang tidak kurang pengaruhnya dalam masyarakat. Dengan munculnya unsur-unsur yang baru ini, kelihatan pengaruh Penghulu terhadap anak buahnya semakin berkurangan jika dibandingkan dengan masa sebelum ini.

Pentadbiran di Peringkat Kampung

Tiap-tiap mukim dipecahkan lagi kepada unit pentadbiran yang lebih

kecil yang disebut kampung. Tiap-tiap kampung diketuai oleh seorang Ketua Kampung atau dikenali juga sebagai Datuk Empat.

Syarat-syarat untuk Menjadi Ketua Kampung

Sebagai juga jawatan Penghulu, untuk menjadi seorang calon Ketua Kampung dikenakan beberapa syarat tertentu:-

- i) Umur — antara 30 tahun hingga 55 tahun.
- ii) Mengetahui undang-undang kerajaan negeri.
- iii) Mengetahui adat istiadat orang Melayu.
- iv) Pelajaran — tidak ada kelulusan yang diperlukan, memadai dengan mempunyai sedikit ilmu pengetahuan dan pandai menulis serta membaca.
- v) Mempunyai tanah sekurang-kurang 3 ekar.
- vi) Mempunyai pergaulan yang mesra.
- vii) Telah tinggal menetap sekurang-kurangnya 2 tahun di kampung yang berkenaan.

Walaupun terdapat beberapa syarat tertentu untuk menjadi Ketua Kampung, tetapi syarat-syarat itu tidaklah merupakan satu kemestian seperti yang berlaku kepada syarat-syarat untuk menjadi Penghulu. Syarat yang hanya benar-benar dipentingkan ialah bakal Ketua Kampung itu mesti mempunyai bakat sebagai seorang pemimpin dan mesra pergaulannya dengan orang ramai. Jika lain-lain syarat itu ada, itu adalah yang lebih baik. Tidak ada sebarang peperiksaan dikenakan di dalam pemilihan jawatan Ketua Kampung ini.

Cara Perlantikan

Terdapat dua cara bagaimana seseorang Ketua Kampung dipilih:-

Secara Warisan

Penentuan jawatan secara warisan ini samalah seperti yang berlaku pada jawatan Penghulu. Tetapi di sini calon-calon Penghulu itu adalah terdiri daripada rakyat biasa sahaja yang telah tinggal menetap di kampung-kampung yang berkenaan. Faktor yang dipentingkan ketika itu ialah sifat peribadinya. Ia mestilah seorang yang paling berpengaruh dan dihormati. Apabila seseorang Ketua Kampung meninggal dunia, secara automatik anak lelakinya akan mengambil alih jawatan itu; dan keutamaan diberikan kepada anak sulung. Penentuan jawatan secara warisan ini boleh dikatakan tidak lagi wujud di zaman sekarang ini.

Secara Perlantikan

Di waktu sekarang penentuan Ketua Kampung secara perlantikan adalah yang biasa dilakukan. Terdapat dua cara perlantikan yang masih lagi dipraktikkan.

Dilantik Secara Pilihan

Apabila didapati jawatan Ketua Kampung kosong dalam satu-satu

kampung itu, maka orang-orang kampung akan memilih penggantinya yang difikirkan layak, yang telah memenuhi syarat-syarat seperti yang telah disebutkan. Kiranya terdapat lebih daripada seorang calon, maka perlantikan secara undian akan dijalankan. Selalunya undian dilakukan secara mengangkat tangan sahaja dan tugas ini dipengerusikan oleh Datuk Penghulu. Siapa yang mendapat undi terbanyak dialah akan dipilih. Tetapi jika hanya terdapat seorang calon, nama itu terus dihantar kepada Penghulu untuk mendapat pengesahan.

Dilantik oleh Pegawai Daerah

Cara begini adalah cara yang terbaru dilakukan. Pegawai Daerah akan menghubungi Penghulu yang berkenaan untuk mengetahui latar belakang bakal Ketua Kampung itu. Setelah butir-butir itu diperolehi dan memuaskan, Pegawai Daerah terus memanggil calon itu ke Pejabat Daerah dan memberikan Surat Tauliah sebagai lantikan menjadi Ketua Kampung. Surat Tauliah ini dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan ditandatangani oleh Menteri Besar Selangor, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pegawai Daerah yang berkenaan.

Kebiasaannya Ketua-ketua Kampung yang dilantik itu adalah daripada orang yang paling dihormati serta disegani di kampung itu. Faktor ini penting kerana segala nasihat-nasihatnya nanti akan dipatuhi oleh orang-orang kampungnya. Ketua Kampung juga hendaklah peramah dan baik tingkah lakunya. Apabila ia dapat bergaul dengan anak buahnya, maka mereka tidak akan segan atau takut untuk berjumpa dengan Ketua Kampung itu mengadakan apa-apa kesulitan ataupun ingin mendapatkan nasihat.

Tugas dan Tanggungjawab Ketua Kampung

Pada keseluruhannya tugas dan tanggungjawab Ketua Kampung dapat dianggap seakan-akan sama seperti tugas dan tanggungjawab seorang Penghulu. Hanya yang berlainan di segi perluasan kekuasaannya, Penghulu menguasai sebuah mukim sedangkan Ketua Kampung terbatas di kawasan kampungnya sahaja.

Tugas utama Ketua Kampung adalah bertanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman kampung diketuai, serta berusaha untuk memajukan kampung dan cuba menyelesaikan masalah yang senang sedaya upaya secara bersendirian.

Walaupun Ketua Kampung dapat dianggap sebagai Ketua Pentadbiran di kawasanya, tetapi kuasa dan tugas-tugasnya tidaklah berapa jelas kerana ia tidak mempunyai hubungan yang tegas dengan pihak Kerajaan. Tidak seperti Penghulu, Ketua Kampung ini tidak diakui sebagai kakitangan kerajaan, oleh sebab itu ia tidak mendapat gaji tetap, tetapi hanya diberikan wang saku hati sahaja sebagai tanda penghormatan di atas tugas-tugas yang telah dijalankannya.

Sebagai orang yang bertanggungjawab untuk mengekalkan keamanan di kampungnya, Ketua Kampung sentiasa mengambil tahu ataupun diberitahu jika timbul sebarang persengketaan di antara anak buahnya. Kiranya persengketaan itu tidak dapat diselesaikan sesama mereka yang terlibat, Ketua

Kampung akan bertindak sebagai orang tengah dan cuba menyelesaikan masalah itu dengan seadil-adilnya. Biasanya cara menyelesaikannya; orang-orang terlibat akan dipanggil ke rumah Ketua Kampung atau di surau. Di sini Ketua Kampung akan menunjukkan kebijaksanaannya sebagai orang yang dipercayai oleh anak buahnya. Kerap kali hal itu dapat diatasi secara muafakat berdasarkan persefahaman dan tolak ansur.

Di segi kemajuan dan pembangunan, Ketua Kampunglah orang yang benar-benar mengambil inisiatif yang utama. Satu badan khas untuk tujuan ini telah ditubuhkan di tiap-tiap kampung iaitu Badan Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang mana Ketua Kampung bertindak sebagai Pengerusinya. Menerusi badan ini semua rancangan dan projek yang diperlukan oleh masyarakat kampung diperbincangkan untuk dibawa ke pihak atasan. Demi untuk kebaikan bersama, Ketua Kampung berhak menasihati orang-orang kampungnya mengamalkan kerja-kerja gotong-royong seperti dalam kerja-kerja membersihkan jalan, parit dan tali air, surau, masjid, kubur dan lain-lain lagi.

Di kampung-kampung di mukim Hulu Yam ini, kemajuan yang telah dicapai sehingga sekarang dapatlah dikatakan memuaskan. Di antara projek-projek yang telah dibina oleh Kerajaan ialah surau, sekolah agama, tali air, jalan minyak tar di sekeliling kampung, dewan orang ramai, bekalan paip air dan letrik.

Di bidang pelajaran pula, Ketua Kampung sentiasa berusaha untuk meninggikan lagi mutu pelajaran anak buahnya. Sebagai Ketua, ia berhak memberi nasihat kepada ibu bapa yang tidak memberi pelajaran kepada anak-anak mereka tanpa sebab yang munasabah. Jika terdapat di kalangan mereka yang benar-benar tidak mampu, Ketua Kampung akan membuat laporan kepada Penghulu supaya tindakan selanjutnya dilakukan, seperti mendapatkan bantuan ataupun biasiswa.

Di segi agama, Ketua Kampung bersama-sama dengan Ketua-ketua Agama yang lain, sentiasa berusaha supaya anak buahnya sentiasa mengamalkan ajaran agama dengan sempurna, menggalakkan mereka bersembahyang beramai-ramai di masjid, berpuasa di bulan Ramadan dan melakukan kerja-kerja yang mendatangkan faedah bersama. Memang telah menjadi kelaziman setiap Ketua Kampung dilantik oleh Pejabat Agama Islam Negeri menjadi Jemaah Penasihat Masjid. Di sini dapatlah dilihat betapa besarnya peranan Ketua Kampung di bidang agama, di mana untuk menjadi Penasihat Agama kepada sebuah masjid tidaklah mudah kerana Penghulu sendiri memerlukan pengetahuan agama yang secukupnya.

Wang Sagu Hati

Ketua Kampung, walaupun dapat dianggap sebagai Penolong Penghulu di unit pentadbiran yang lebih kecil, tetapi ia tidak diakui sebagai seorang Pegawai Kerajaan seperti Penghulu. Oleh itu Ketua-ketua Kampung tidak menerima gaji bulanan yang tetap, sebaliknya kerajaan hanya memberikan wang yang berupa sagu hati (elaun). Semua Ketua-ketua Kampung di mukim ini mendapat elaun sebanyak \$400.00 setahun. Cara pembayarannya dilakukan secara berperingkat-peringkat, iaitu tiap-tiap tiga bulan dibayar

\$100.00. Tiada kaedah tertentu yang ditetapkan untuk kenaikan jumlah elaun itu. Seperti yang diberitahu kepada penulis oleh salah seorang daripada Ketua Kampung itu, elaun ini akan ditambah berdasarkan kemajuan dan pembangunan sesebuah kampung. Kerana ini akan menggambarkan kecekapan dan keaktifan Ketua Kampung yang berkenaan. Tetapi jumlah elaun yang akan ditambah itu tidak akan melebihi \$600.00 setahun.

Masalah-masalah Ketua Kampung

Semua Ketua Kampung yang ditemui oleh penulis menyuarakan rasa kebimbangan tentang kedudukan Ketua Kampung di masa hadapan. Seperti yang diketahui bahawa jawatan Ketua Kampung ini merupakan satu lembaga warisan tradisi yang masih diteruskan, tetapi kedudukan Ketua Kampung tidak banyak mengalami perubahan. Jawatan Ketua Kampung masih lagi tidak diiktirafkan sebagai kakitangan kerajaan sebagaimana Penghulu, sedangkan tugas Ketua Kampung di masa pembangunan ini agak berbeza daripada tugas-tugas Ketua Kampung masa tradisi. Sekarang Ketua Kampung adalah diharapkan oleh kerajaan sebagai orang yang dapat menyalurkan urusan-urusan pentadbiran yang diarahkan oleh Pegawai Daerah atau Penghulu untuk disampaikan kepada masyarakat kampung. Jadi, Ketua Kampung itu mengharapkan kerajaan mengambil mereka sebagai kakitangan kerajaan dan diberi gaji bulanan yang tetap, tidak lagi seperti yang berlaku sekarang.

Semasa menjalankan tugas seharian juga, Ketua Kampung sering menemui masalah yang ditimbulkan oleh anak buahnya. Kadang-kadang masalah keluarga atau pertengkaran di antara jiran-jiran; mereka datang kepada Ketua Kampung untuk mendapatkan penyelesaian. Soal tiadanya kerjasama yang diberikan sepenuhnya oleh masyarakat kampung juga timbul, umpamanya jika hendak diadakan projek gotong-royong, tidak semua penduduk kampung yang mahu menghadirkan diri. Jadi, perlulah Ketua Kampung menggunakan kebijaksanaannya menasihatkan anak buahnya supaya datang sama-sama mengerjakan kerja-kerja amal yang demikian.

Pimpinan Keagamaan

Setelah agama Islam dibawa masuk ke negara ini berabad-abad yang lalu, boleh dikatakan bahawa sekarang setiap orang Melayu menganuti agama suci ini. Bersesuaian pula dengan dasar perlembagaan negara ini menjadi agama Islam sebagai agama negara, maka sewajarnya kerajaan menubuhkan satu badan khas yang bertanggungjawab dalam segala hal mengenai agama Islam terutamanya di segi pentadbirannya, supaya amalan agama ini dapat dikerjakan dengan sempurna. Di negara ini di setiap negeri ada mempunyai majlis agamanya sendiri yang diketuai oleh Sultan. Majlis Agama inilah yang menjalankan segala urusan tentang agama Islam di negeri-negeri yang berkenaan. Majlis jugalah yang mengeluarkan surat tauliah kepada Pegawai-pegawai rasmi agama (Ketua-ketua agama di peringkat mukim dan kampung).

Perlantikan Pegawai rasmi agama ini dilakukan dalam mesyuarat agung

yang diadakan di tiap-tiap masjid di kariah yang berkenaan dengan mendapat kelulusan dari pihak Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri terlebih dahulu. Mesyuarat itu pula hendaklah dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam atau sesiapa juga yang telah diizinkan untuk mewakilinya. (Selalunya diwakili oleh Kadi Daerah). Apabila seseorang calon telah dipilih dalam mesyuarat agung itu untuk memenuhi jawatan-jawatan tertentu, maka ia dikehendaki terlebih dahulu menghadiri satu peperiksaan di Pejabat Agama Islam daerah. Soalan-soalan yang dikemukakan ialah tentang hal-hal agama Islam sahaja. Setelah calon-calon itu lulus peperiksaan, maka baharulah Surat Tauliah diberikan. Di dalam Surat Tauliah itu ada tercatat tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada Pegawai rasmi agama itu.

Di antara tugas-tugas Pegawai rasmi agama itu ialah seperti berikut:-

Nazir Masjid

1. Sentiasa mengambil berat perjalanan dan kemajuan masjid.
2. Mengawasi tugas-tugas Imam, Khatib dan Bilal.
3. Mengambil berat tentang kebersihan masjid.
4. Mengawasi kebersihan tanah wakaf perkuburan kariahnya.
5. Bertanggungjawab di atas segala pungutan wang masjid atau yuran-yuran kebajikan yang berkait dengan masjid.

Imam

1. Menjadi Imam sembahyang Jumaat, Hari Raya, Teraweh dan sembahyang kawatib termasuk juga sembahyang jenazah.
2. Berusaha dan berikhtiar supaya qariahnya datang berjemaah ke masjid.
3. Membaca khutbah ketika khatibnya tidak hadir.
4. Menggalakkan dan mengajar pelajaran agama Islam bagi ahli kariahnya.

Khatib

1. Membaca khutbah pada hari Jumaat atau pada Hari Raya.
2. Menjadi Imam ketika Imam tidak ada.
3. Membuat atau menyediakan khutbah yang sesuai bagi kariah masjidnya. (Sekiranya ada kelayakan dan setelah khutbahnya disahkan oleh majlis agama Islam atau oleh Kadi).

Bilal

1. Menjaga waktu sembahyang serta azan dengan suara yang baik dan nyaring.
2. Membantu dan menjayakan kerja-kerja Imam dan Khatib.
3. Hadir dan menguruskan hal-hal jenazah.

Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan semua Pegawai Rasmi Agama ini mempunyai tugas yang sama, iaitu untuk menjalankan seruan agama, berusaha untuk meninggikannya lagi serta memberi galakan dan nasihat

kepada penduduk-penduduk di kariahnya supaya sentiasa mengerjakan amalan-amalan yang diwajibkan ke atas mereka. Setiap pegawai agama ini mendapat penghormatan daripada orang-orang kampung terutamanya apabila diadakan sesuatu upacara yang berunsurkan keagamaan seperti majlis musabaqah al-Quran, Maulud Nabi, dan Korban (pada hari raya haji). Kehadiran pegawai-pegawai agama ini sangat-sangat diperlukan. Berlainan dengan Penghulu dan Ketua Kampung, Pegawai-pegawai Agama ini hanya dapat dikatakan menjadi pemimpin di bidang agama sahaja.

Penutup

Dapatlah dikatakan jawatan Penghulu sangat penting untuk mengetuai pemerintahan di peringkat mukim. Kepentingan Penghulu ini jelas dilihat dengan berkekalan jawatan ini sejak zaman tradisional lagi. Tetapi dahulu Penghulu merupakan wakil mutlak Sultan, mengetuai anak buahnya di dalam segala hal. Tetapi di hari ini Penghulu tidak lagi menjadi wakil Sultan, sebaliknya telah dilantik sebagai Pegawai Kerajaan dan fungsinya juga telah banyak berubah. Kini Penghulu lebih banyak menjalankan tugas sebagai agen kerajaan untuk menyalurkan unsur-unsur pembaharuan dan pembangunan di peringkat luar bandar.

Begitu juga dengan kedudukan Ketua Kampung, walaupun jawatan ini merupakan satu lembaga warisan tetapi sama seperti jawatan Penghulu, fungsinya dalam masyarakat telah banyak berubah, tidak seperti dahulu. Ketua Kampung dianggap mengepali dalam semua hal di peringkat kampung, tetapi kini lebih merupakan sebagai pembantu Penghulu sahaja. Kepentingannya sebagai pentadbir di kampung semakin merosot akibat munculnya pemimpin-pemimpin baru yang dicipta oleh sistem pentadbiran moden, yang bertugas khusus di bidang-bidang tertentu.

LAMPIRAN A

| Nama Penghulu-penghulu Mukim Hulu Yam | |
|---------------------------------------|-----------|
| 1. Engku Habib | 1889—1899 |
| 2. Engku Chik | 1900—1905 |
| 3. Mohd Aris | 1905—1910 |
| 4. Haji Abdul Hamid | 1910—1920 |
| 5. Kasim | 1920—1925 |
| 6. Raja Shamsusah | 1939—1951 |
| 7. Othman | 1952—1960 |
| 8. Raja Hisham | 1960—1962 |
| 9. Tajuddin | 1962 |
| 10. Shafie | 1962 |
| 11. — ² | |
| 12. — ³ | |
| 13. A. Rahman bin Lani | 1.5.1971 |

2 Tidak diketahui bila bermulanya sistem Penghulu di Hulu Yam dan siapakah Penghulunya yang pertama.

3 Penghulu gantian (dipinjam sementara Penghulu dari mukim lain).

LAMPIRAN B
Surat Tauliah Penghulu di Bidang Agama

Jabatan Agama Islam Selangor,
3016/203.

Bismillahirrahmanirrahim

قال الله : " ولتكن منكم امة يدعون الى الخير ويامر بالمعروف
وينهون عن المنكر واولئك هم المفلحون . "

Ertinya: Dan hendaklah di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh dengan kebajikan dan melarang daripada kejahatan dan mereka itulah mendapat kemenangan.

1. Mengikut ketetapan yang telah diambil oleh Majlis Agama Islam Selangor dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor Darulhisn, bahawa.....
Penghulu Mukim..... daerah.....
telah diangkat menjadi Penasihat kerana memberi nasihat dalam segala lapangan urusan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Masjid dan ahli Jawatankuasa Qariah Masjid yang ada di dalam mukimnya mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan undang-undang pentadbiran Agama Islam tahun 1952 (undang-undang Negeri Selangor no. 3, tahun 1952).
2. Demikian lagi mengikut undang-undang pentadbiran negara Islam yang tersebut pada pasal 61 pecahan (ا) (ب) (ب) adalah tuan diberi kuasa, jika Pegawai Polis diketahui tiada, boleh menangkap dengan tiada waran mana-mana anak buah di Qariah Masjid ini yang membuat kesalahan dalam undang-undang pada pasal yang tersebut dan lagi pada pasal 64 pecahan boleh jadi pendakwa di Mahkamah Kadi.
3. Adalah diminta Datuk Penghulu supaya bekerja sama dengan ikhlas dan jujur membantu dan menyokong buat menjayakan segala urusan yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor.
Barang diberkati Allah Subhanahu Taala atas perkhidmatan Datuk itu.

Dengan titah perintah D.Y.M.M.

.....
Yang Dipertua Majlis Agama Islam
Negeri Selangor.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

Tertulis di dalam
Pejabat Majlis Agama
Islam Selangor.
Padahb sunat
bersamaan 19

LAMPIRAN C
Nama-nama Ketua Kampung Mukim Hulu Yam
dan Kampung-kampung di bawah jagaannya

- | | | |
|------------------------------|---|---|
| 1. Ja'afar Bin Abdul Latif | — | Kampung Hulu Kalong, Kampung Batu Balang, Kampung Talu. |
| 2. Nordin Bin Hj. Abdullah | — | Kampung Sungai Kamin, Kampung Masjid. |
| 3. Haji Ismail Padang | — | Kampung Tengah, Kampung Hilir. |
| 4. Ismail Bin Mohd Jalid | — | Kampung Pasir. |
| 5. Mohd Zain Bin Hj. Ariffin | — | Kampung Padang. |
| 6. A. Talib Bin Hj. A. Hamid | — | Kampung Batu 30. |

LAMPIRAN D
(Tauliah Ketua Kampung)

Surat Kuasa

Bagi Jawatan Ketua Kampung

Bahawa dengan ini adalah dilantik
menjadi Ketua Kampung..... Mukim.....
daerah..... pada.....

Kuasa

Sebagai Ketua Kampung tuan adalah ditugaskan serta bertanggungjawab di atas kemajuan, ketenteraman dan keamanan kampung. Selain daripada ikhtiar dan usaha yang am untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab itu, tuan sebagai Ketua Kampung adalah dikehendaki:-

- a) Memberi anjuran dan galakan kepada anak-anak buah di segenap lapangan hidup untuk mencapai kemajuan dalam cara dan gaya mengikut dasar kerajaan yang berkuasa.
- b) Menyampaikan kepada anak-anak buah segala pengumuman dan perintah kerajaan serta menasihatkan mereka supaya taat setia kepada hukuman itu.
- c) Menggalakkan anak-anak buah mengamalkan suruhan agama yang sah serta mengukuhkan pegangan mereka kepada adat resam bangsanya yang bersesuaian dengan kehendak masa.
- d) Menggalakan anak-anak buah menyempurnakan bayaran apa-apa hasil kepada kerajaan yang ditetapkan mengikut sebaran undang-undang.
- e) Menegah perbuatan jenayah di dalam kampung serta memberi kerajaan tahu perkara-perkara yang luar biasa yang difikirkan boleh mendatangkan akibat yang tidak baik dalam kampung itu.
- f) Memberi segala bantuan yang munasabah jika dikehendaki kepada semua kakitangan kerajaan yang datang menjalankan pekerjaan di dalam kampung.
- g) Mengemukakan kepada kerajaan apa-apa perkara di dalam kampung yang tidak memuaskan hati anak-anak buah atau perkara-perkara yang mereka kehendaki.

Peraturan menjalankan pekerjaan

- a) Semua perkara-perkara yang hendak disampaikan kepada kerajaan hendaklah terlebih dahulu dirundingkan di kampung.
- b) Semua perkara yang telah dirundingkan untuk disampaikan kepada kerajaan mahulah melalui Penghulu mukim.
- c) Penghulu mukim hendaklah sentiasa diberitahu di dalam segala peker-

jaan, gerak langkah dan kejadian-kejadian yang berlaku di dalam kampung.

- d) Perkhidmatan Tuan sebagai Ketua Kampung adalah dikawal oleh peraturan-peraturan dan tatatertib yang ditetapkan oleh kerajaan dari satu masa ke satu masa.

Dikeluarkan di Ibu Pejabat Kerajaan Selangor pada.....hb.....
19.....

.....
Setiausaha Kerajaan
Selangor.

.....
Pegawai Daerah
Hulu Selangor.

.....
Menteri Besar Selangor.

LAMPIRAN E
Surat Tauliah Nazir Masjid

Kebawah Duli Mohor Kerajaan

.....
D.Y.M.M. Sultan Negeri Selangor

Ibu Pejabat Agama Islam Selangor. 56/81(M)

Surat Tauliah Nazir Masjid

Bismillahirrahmanirahhim

1. Mengikut kuasa yang ditentukan di dalam undang-undang pentadbiran agama Islam tahun 1952 (undang-undang Negeri Selangor no. 3 tahun 1952) pada pasal 116 ceraihan (4) & (5) bahawa adalah..... telah diperkenankan menjadi seorang daripada Pegawai Masjid iaitu Nazir Masjid Qariah..... di mukim..... daerah.....
 2. Maka berkausalah..... mengetuai menjaga dan memelihara segala hal-ehwal masjid dan tanah perkuburan yang tersebut dengan baik iaitu mana-mana yang jadi kebajikan bolehlah dijalankan, demikian jua berhak memberi nasihat kepada anak-anak buah masjid-nya supaya berkelakuan baik mengikut ajaran agama Islam.
 3. Demikian lagi berkuasa..... menetapkan hari-hari waktu bermesyuarat hal masjid atau tanah perkuburan atau lainnya yang mengenai hal agama Islam di dalam Qariahnya yang difikirkan patut dan mustahak, sama ada mesyuarat ahli jawatankuasa ataupun mesyuarat ramai, mesyuarat A.J.K. [Ahli Jawatankuasa] masjid itu mahulah diadakan sekurang-kurangnya 2 bil. IX, [2 bulan sekali] tiap-tiap keputusan mesyuarat yang telah diambil hendaklah dihormati dan dijalankan buat menjayakannya.
 4. Demikian lagi hendaklah..... mengetuaikan tiap-tiap persidangan mesyuarat yang telah ditetapkan dan ditentukannya di dalam Qariahnya manakala persidangan itu tiada mempunyai pengerusi tetap yang telah dilantik.
 5. Demikian lagi hendaklah bersungguh-sungguh mengetuaikan adanya majlis Taibul 'Alim itu, terutamanya menunaikan sembahyang Jumaat.
 6. Demikian lagi hendaklah memberitahu dengan segera kepada Majlis Agama Islam segala perkara yang terjadi di dalam Qariahnya yang patut diketahui oleh Majlis Agama Islam.
- Barang diberkati Allah Subhanahu Taala.

Dengan titah perintah D.Y.M.M.

.....
Yang Dipertua Majlis Agama Islam
Negeri Selangor.

Tertulis di dalam
Pejabat Majlis
Agama Islam
pada 15hb.....
bersamaan.....

Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor 1875-1920

ZAINUDDIN BIN LEMAN*

Pengenalan

PADA tahun 1875, pentadbiran Selangor dikendalikan dengan nasihat Residen British.¹ Bermula dari tahun ini penyusunan pentadbiran telah dilakukan.

Salah satu perkara yang diperkenalkan ialah pelajaran. Dalam bidang ini British menegaskan untuk melengkapkan anak-anak tempatan dengan pelajaran Melayu supaya dapat mengisi kekosongan pekerjaan; juga supaya dapat membaca, menulis dan mengira untuk membantu ibu bapa mereka dalam pekerjaan harian serta juga menyesuaikan mereka dengan kehidupan kampung. Di samping itu bertukang, bersawah dan bercucuk tanam juga turut diajarkan.

Dalam artikel ini akan dititikberatkan perkembangan pelajaran Melayu sejak mula-mula sekolah Melayu ditubuhkan hingga ke tahun 1920 sahaja. Sebelum pelajaran berbentuk sekular ditaja oleh British, orang-orang Melayu telah pun mendapatkan pelajaran melalui sistem *informal*. Pelajaran yang diberikan itu boleh digolongkan dalam dua bentuk. Pertama, pelajaran al-Quran, dengan harapan agar mereka akan menjadi seorang Islam yang baik dan memasuki syurga. Kedua pula berbentuk fizikal seperti kerja-kerja yang membanting tulang seperti bersawah, bertani, bertukang, dan menangkap ikan, dan bagi anak-anak perempuan pula menjaga rumahtangga dan menganyam. Oleh kerana jenis-jenis pekerjaan itu tidak boleh dicapai

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1973.

¹ Emily Sadka *The Protected Malay States 1874-1875*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 48.

kemahirannya serta-merta, maka terpaksa anak-anak itu belajar dahulu daripada orang tua mereka. Cara ini dilakukan dengan tujuan merekalah kelak akan mengambil tanggungjawab daripada orang tua mereka di kemudian hari.

Apabila British bertapak di Selangor mereka telah menjadikan Kelang sebagai pusat pentadbiran, dan pertama kalinya Sekolah Melayu didirikan di situ pada tahun 1875.² Selama lebih kurang lima tahun berlalu tidak ada sebarang catatan mengenai pelajaran yang diterima oleh anak-anak Melayu dibuat. Namun begitu apabila pusat pentadbiran dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1881³ barulah ada penyusunan yang tertentu dibuat.

Di peringkat awal penubuhan sekolah-sekolah ini terdapat beberapa masalah, seperti sikap penjaga mendapatkan guru. Walau bagaimanapun masalah guru dapat diatasi dengan melantik seorang guru yang terlatih dari Singapura⁴ sebagai Guru Pelawat (*Visiting Teacher*). Matlamatnya ialah untuk mengawas dari segi pentadbiran dan pengajaran. Oleh kerana ketiadaan alat-alat yang mustahak, beliau telah diberitahu supaya membawa bersama dari Singapura alat-alat belajar seperti papan batu dan buku kira-kira. Sikap penjaga-penjaga peringkat awal ini adalah negatif dan sehingga tahun 1920-an masih ada yang enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Dalam usaha mengatasi rintangan ini, Selangor telah mendahului negeri-negeri lain dengan mewajibkan murid-murid bersekolah pada tahun 1891.⁵

Sehingga tahun 1899 mata-mata pelajaran yang diajar ialah membaca, menulis, mengira dan juga ilmu alam. Pengajarannya pula tidak seperti yang dijalankan pada masa ini. Guru-guru yang dipilih hanya dihantar ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan tunjuk ajar daripada seorang guru yang berpengalaman, dan masa latihan pula adalah singkat sekali.⁶

Menjelang kurun ke-20 satu pembaruan berlaku di bidang pelajaran ialah tulisan. Mulai dari tahun 1894⁷ pengajaran tulisan rumi lebih dipusatkan kepada kaedahnya yang tertentu supaya mereka yang meninggalkan bangku sekolah mendapat peluang bekerja dengan lebih baik lagi. Pada tahun itu juga sebuah *manual* bentuk tulisan yang disusun oleh H.B. Collinge, Nazir Sekolah (*Inspector of School*) Perak, telah digunakan.⁸

Sebelum tahun 1895 pelajaran adalah untuk anak lelaki sahaja, tetapi pada tahun 1895 ia juga dinikmati oleh anak-anak percampuran pula.⁹ Sungguhpun sekolah untuk murid-murid perempuan telah dibuka tetapi ia menghadapi berbagai rintangan. Penjaga bersikap negatif untuk melepaskan

2 Fail Setiausaha Kerajaan Selangor, 802/1883, juga dipanggil dengan nama Pangkalan Batu. (Seterusnya digunakan FSKS sahaja).

3 FSKS, *Inspector of School*, 2123/1887, Laporan berkenaan Pelajaran Selangor, 1880—7.

4 FSKS, 226/1882.

5 *Annual Report of the State of Selangor, 1891*, hlm. 26.

6 Latihan perguruan itu tidak lama kerana salah satu daripada sebabnya mungkin sekolah sangat-sangat berkehendakan guru.

7 Laporan tahunan bagi tahun 1894 oleh Residen Selangor, hlm. 19, perenggan 64.

8 FSKS, *Inspector of School*, 1420/1895. Laporan tahunan bagi 1894.

9 Di sini ada pertelingkahan dari segi tarikh pembukaan. Mengikut laporan Residen Selangor tahun 1895 sekolah perempuan yang pertama dibuka pada tahun itu. Tetapi dalam laporan tahunan 1896, *Inspector of School* ialah pada tahun 1896. Lihat laporan dalam fail 1634/1897, Setiausaha Kerajaan Selangor oleh *Inspector of School*.

anak mereka belajar kerana bimbangan keselamatan. Oleh itu berbagai cara telah dilakukan semata-mata untuk memberi kepercayaan bahawa memberi pelajaran kepada anak-anak tidaklah merugikan. Dalam usaha ini peranan yang dimainkan oleh penghulu-penghulu dan guru-guru tidak boleh dilupakan. Mereka telah mempelopori dengan menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Selain daripada itu murid-murid yang cergas otaknya di sekolah Melayu berpeluang untuk belajar di sekolah Inggeris.¹⁰

Perkembangan pelajaran tidaklah hanya terhad di bilik darjah sahaja; di luar darjah aktiviti-aktiviti seperti senaman, bersukan pengakap dan *brownie* serta tanaman digalakkan. Satu ciri yang jelas kelihatan sebelum akhir kurun ke-19 ialah sukan sekolah selalunya diadakan pada hari-hari dalam bulan hari raya.

Selangor: Geografi dan Sejarah

Selangor terletak di tengah-tengah antara kedua-dua buah pelabuhan yang terkenal iaitu Pulau Pinang di sebelah Utara dan di Selatannya Singapura. Kedudukannya yang sedemikian iaitu lebih kurang 402.3 km sama ada ke Utara atau ke Selatan telah menjadikannya agak penting dari segi kedudukan perdagangan. Luas muka bumi Selangor ialah lebih kurang 3,150 batu persegi. Bijih timah adalah hasil galiannya yang utama. Di sebelah pantainya pula, mata pencarian penduduknya ialah bergantung kepada sawah, menjadi nelayan dan juga mengait kelapa.

Dari segi sejarahnya pula elok rasanya dipetik secara ringkas daripada laporan pentadbiran Selangor tahun 1928.¹¹ Mengikut laporan itu dalam kurun ke-14 Kelang dikatakan terletak di bawah naungan kerajaan Majapahit. Pada zaman kegemilangan Melaka, pada kurun ke-15, Kelang telah diserahkan kepada seorang penghulu daripada keluarga Bendahara dan juga kepada anak Sultan Mansor Syah (hasil daripada perkahwinannya dengan seorang perempuan Tionghua). Dan beliau telah dijadikan raja di sebuah kampung bernama Jeram yang letaknya lebih kurang 30.6 km dari Kelang. Di Kuala Selangor pula Belanda telah membuka sebuah loji untuk dijadikan pusat bagi membeli bijih timah.

Keturunan Upu-upu Bugis lima bersaudara lain Raja Lumu telah menduduki takta kerajaan Selangor dengan gelaran Sultan Sallehuddin Syah sebagai sultan yang pertama di masa pemerintahan Sultan Ibrahim berlaku peperangan dengan Belanda dan mengakibatkan Belanda berjaya menjadikan Selangor sebagai negeri naungannya.

Ketika pemerintahan Sultan Muhammad tidak ada banyak peristiwa bersejarah berlaku, tetapi apabila Sultan Abdul Samad memerintah berlaku bermusuhan antara Tengku Ziau'ddin, menantu sultan, dengan Raja Mahadi. Akibatnya berlakulah Perang Saudara yang berlarutan hingga datang bantuan dari Pahang kepada Tengku Ziau'ddin. Ini berkesudahan kekalahan Raja Mahadi pada tahun 1873.

Setahun kemudian beralasanakan perlanunan British telah campur tangan dalam pentadbiran Selangor; seorang Residen British ditempatkan. Pada

¹⁰ Kenyataan diterima hasil temuduga dengan Encik Mohd. Yusof bin Ahmad.

¹¹ FSKS, 330/1929, Laporan Pentadbiran Selangor bagi tahun 1928.

tahun ini (1874) bermulalah sistem birokrasi barat di negeri Selangor.

Zaman Prasekolah Moden

Tidak diketahui dengan tepat adakah pelajaran yang bercorak *formal* telah dipelajari oleh anak-anak Melayu pada masa sebelum kedatangan British. Tetapi mengikut keterangan-keterangan yang didapati ada dua bentuk pelajaran yang didapati oleh anak-anak mereka pada masa itu. Pertama, pelajaran secara tidak langsung pada masa itu didapati daripada al-Quran. Keduanya pula anak-anak mengikut ayah-ayah mereka sama ada ke laut, sawah padi, bercucuk tanam, bertukang, membuat barang daripada rotan dan juga mengait kelapa. Pendek kata sebelum anak itu mengambil alih tempat orang-orang tua mereka, mereka telah dilengkapi dengan beberapa jenis pekerjaan tersebut.

Elok diterangkan apakah dia coraknya pelajaran pada al-Quran itu. Kedatangan Islam telah betul-betul menjadikan orang-orang Melayu taat kepada agama baru itu. Mengikut L.R. Wheeler tidak terdapatnya kesan-kesan kuil Hindu untuk bertanding dengan keutuhan agama Allah yang satu itu.¹² Jadi orang-orang Melayu dengan penuh takwa telah menghantar anak-anak mereka mengaji al-Quran, mempelajari hukum-hukum sembahyang dan lain-lain cabang pelajaran agama Islam. Selalunya penyerahan anak mereka kepada Tuk Guru itu disampaikan dengan sebatang rotan, sepinggan nasi kunyit, sehelai kain putih. Pada ketika itulah juga, Sayah itu akan memberikan kebenaran kepada Tuk Guru itu untuk melakukan apa sahaja yang boleh, supaya anak mereka pandai, kecuali mencederakan anggota tubuh anak itu.

Bentuk kedua pelajaran yang tidak *formal* ialah berupa pelajaran yang diterima hasil mengikut ayah mereka dalam kerja-kerja seperti menangkap ikan, bersawah padi, bercucuk tanam, bertukang, membuat barang-barang daripada rotan dan juga mengait kelapa. Kanak-kanak itu pada umumnya tidaklah membuat kerja yang berat, mereka hanya disuruh menjalin bubu, jermal, lukah, belat dan menyirat jala.

Jadi sebelum kerja-kerja yang lebih berat seperti berkelung dan menjaga jermal, seseorang bakal nelayan perlulah juga tahu cara-cara berenang, faham dengan selok-belok sampan seperti berdayung.

Langkah berhati-hati

Walaupun begitu British tidaklah terus sahaja mengenakan pelajaran *formal* kerana itu menyentuh hal-hal yang bersangkutan dengan adat resam. Tetapi dengan berhati-hati pada tahun 1875 perkara pelajaran sebagai salah satu daripada pembaharuan telah diperkenalkan. Mengikut Emily Sadka lagi sekolah Melayu yang pertama ialah di Kelang.¹³ Ini disebabkan pusat pentadbiran terdapat di situ. Dalam laporan John. E. Howley pada 15 Disember, 1879¹⁴ didapati di Kelang sudah ada sekolah Melayu, tetapi dia tidak menyebutkan bila tarikh yang sebenarnya sekolah Melayu didirikan di

12 L. Richmond Wheeler, *The Modern Malay*, London, 1928, hlm. 97.

13 Emily Sadka, *The Protected Malay States, 1874—1895*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 289.

Selangor. Daripada lawatannya telah dapat dilihat bahawa sudah ada peraturan yang ditetapkan, waktu belajar bermula pada pukul 7 pagi hingga 10.30 pagi. Kemudian disambung pula pada pukul 1.00 petang hingga pukul 4.00 petang. Hari Jumaat dijadikan hari kelepasan, manakala pada hari Sabtu mereka belajar separuh hari sahaja.¹⁵

Sungguhpun dalam jadual kedatangan terdapat seramai 30 orang murid, tetapi yang hadir belajar mengikut hitung panjang bulanan ialah 15 orang sahaja. Walaupun begitu guru tidaklah berdiam diri, bahkan mereka mencuba memujuk penjaga-penjaga supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Tiada kekerasan digunakan untuk membawa mereka datang belajar. Mengikut laporan tersebut, keengganan penjaga menghantar anak mereka ke sekolah kerana sikap guru menyuruh anak-anak mereka membuat kerja seperti memotong kayu di rumah guru.

Untuk memperbaiki keadaan tersebut beberapa perubahan dilakukan, tetapi ia tidak mendatangkan apa-apa kemajuan. Selepas bersekolah selama tiga tahun, yang dapat membaca hanyalah tiga orang. Dalam ujiannya hanya terdapat anak-anak guru itu sahaja yang boleh membaca. Ini pun mungkin guru itu sendiri yang mengajar anaknya membaca di waktu malam.¹⁶

Sikap guru

Terdapat tabiat guru yang suka menjerit ketika mengajar. John E. Howley yang pernah menyaksikan sikap ini ketika lawatannya telah mengesyorkan bahawa pengajaran yang berkesan bukanlah dengan cara menakut-nakutkan, tetapi mendekati murid itu dan bercakap secara perlahan dan berperaturan, dan berdiplomasi.

Dari tahun 1880 hingga ke tahun 1886 berbagai-bagai ikhtiar telah diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan murid-murid belajar. Walaupun demikian dasar penjajah pada masa ini ialah memberikan pelajaran yang tidak membolehkan anak-anak negeri itu mencapai kejayaan yang tinggi dalam hidupnya, serta tidak dapat berfikir sendiri. Namun begitu sekurang-kurangnya dapat juga sedikit sebanyak mencelikkan mereka. Di saat itu kerajaan British mahu mendapatkan satu keputusan yang baik, dari segi penyelarasan mahupun peraturan yang tersusun dalam pentadbiran sekolah. Oleh itu telah diperkenalkan cadangan oleh H.C. Syers & John. E. Howley¹⁷ sebagai sebuah aturan kerja yang bertujuan untuk menentukan:-

- i. Kaedah penyampaian pelajaran.
- ii. Lama masa menghadiri sekolah.
- iii. Satu 'return' bulanan semua kanak-kanak yang bersekolah diadakan.
- iv. Satu peperiksaan $\frac{1}{4}$ tahun hendaklah dijalankan oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh Residen. Peperiksaan itu hendaklah dibuat dengan secara mendalam berkenaan dengan kemajuan kanak-kanak itu.

14 FSKS, *Inspector of School*, 108/1880.

15 Ibid.

16 Ibid.

17 Ibid.

Penubuhan sekolah di tiap-tiap jajahan telah diletakkan di bawah tanggungjawab Pegawai Daerah. Ini adalah disebabkan mungkin Pegawai Daerah itu akan dapat mengawal serta memberi bimbingan kepada, sama ada guru yang bertugas atau kepada penduduk-penduduk itu sendiri. Faktor kedua ialah kerana orang Melayu pada adatnya memang menghormati ketua-ketua mereka. Juga di pusat-pusat jajahan terdapat pembesar-pembesar. Jadi dengan pembinaan sekolah di pusat-pusat jajahan tadi, dapatlah keadaan yang disebutkan di atas mempengaruhi masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka belajar.

Di peringkat ini dalam bidang pengajaran mata-mata pelajaran di sekolah masih terhad lagi. Residen sendiri umpamanya mahukan mereka terus diajar membaca al-Quran, membaca dan kemudian kelak baharulah diajar bahasa Inggeris.¹⁸ Dalam mencari jalan tentang bagaimana sekolah-sekolah itu dapat berjalan dengan lancar dan teratur beliau sendiri telah mengesyorkan pengambilan guru dari Singapura untuk dijadikan sebagai *Visiting Teacher*.¹⁹ Orang yang dianggapkan sesuai dalam kerja-kerja mengawas kerja itu pula, setuju datang dan sanggup menerima ganjaran \$35.00 sebulan.²⁰

Hingga ke tahun 1890 sambutan penjaga-penjaga terhadap pelajaran tidaklah begitu memuaskan. Ini disebabkan oleh sikap ibu bapa itu sendiri yang menganggap sepi sahaja terhadap pelajaran. Ini terdapat terutama sekali sebelum 1885 bilamana berbagai-bagai masalah dihadapi. Laporan *Visiting Teacher* ada menyebutkan bahawa nampaknya menjadi ikutan ramai, bila seorang tidak menghantar anaknya ke sekolah yang lain pun turut berbuat demikian.²¹ Pernah *Visiting Teacher* mungkin untuk menakut-nakutkan penjaga itu, telah menghantar seorang sarjan polis tetapi malangnya polis tersebut diseranah oleh penjaga. Daripada siasatan *Visiting Teacher* hanya orang-orang yang tinggal berdekatan dengan pejabat sahaja menghantar anak-anak ke sekolah, manakala anak-anak yang tinggal berdekatan istana sultan tidak datang. Guru sendiri tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka. Kalau mereka dikejar mereka akan lari masuk ke istana sultan dan sudah tentulah guru tidak berani masuk ke kawasan istana.

Salah sebuah sekolah yang mendapat sanjungan sama ada dari *Inspector of School* atau dari Ketua Pemungut Hasil ialah sekolah Melayu Jeram. Sekolah ini mengikut nama senarai sekolah-sekolah adalah sebuah sekolah yang pertama diketahui dibuka jauh dari pusat pentadbiran daerah.

Mengikut laporan *Inspector of School* dalam tahun 1886 Sekolah Jeram telah dirancangkan tiga tahun sebelum itu dan hanya ditubuhkan pada tanggal 4 Julai, 1886,²² dengan bilangan murid seramai 44 orang.

Untuk mengatasi masalah kurangnya kedatangan murid-murid, telah disyorkan satu sistem yang mana hadiah \$5.00 dibahagi-bahagikan kepada tiap-tiap sekolah yang mempunyai kedatangan terbaik. Darjah yang tinggi kadar kedatangan akan mendapat hadiah sebanyak \$3.00, manakala darjah

18 FSKS, 226/1882.

19 Ibid.

20 Ibid.

21 FSKS, 802/1883.

22 FSKS, 2151/1886.

yang 'baik' kadar kedatangannya akan dihadaiahkan \$1.00 bagi tiap-tiap darjah. Pemberian hadiah itu hanya dapat diberi jika seseorang kanak-kanak itu menghadiri diri sebanyak $\frac{1}{4}$ bahagian hari persekolahan.²³

Oleh kerana kurangnya kedatangan murid-murid termasuk untuk mendaftarkan diri, Residen telah mengesyorkan satu undang-undang mewajibkan anak-anak yang berumur 6 tahun dihantar ke sekolah. Sekiranya mengingkari sama akan dikeluarkan dan hukuman akan dikenakan.²⁴

Satu lagi ciri baru dalam perkembangan pelajaran Melayu pada waktu itu ialah dengan pengenalan sistem pengambilan guru-guru pelatih dan murid-murid yang berbakat. Mengikut jadual kedatangan sekolah Kuala Selangor bulan Ogos 1886, 65 orang murid-murid dalam jadual kedatangan. Berdasarkan kepada bilangan inilah Pemungut Hasil telah mengesyorkan penambahan guru bagi sekolah itu. Ini telah dicadangkan dengan pengambilan dua orang murid dari sekolah itu yang dianggap bijak.²⁵ Selain daripada sebab di atas, pegawai itu menyedari bahawa mungkin kanak-kanak yang terpilih itu akan berasa bangga²⁶ dapat menjadi guru dan mungkin sekurang-kurangnya menyedarkan masyarakat sekitar bahawa mereka menjadi pelopor menempa kejayaan daripada pengenalan sekolah Melayu di Selangor.

Adalah tidak tepat bahawa kekurangan murid-murid Melayu di sekolah itu bererti semua penjaga tidak menggalakkan anak-anak mereka ke sekolah kerana terdapat seorang penjaga memohon kepada Residen untuk mengambil anak saudaranya untuk disekolahkan²⁷ di Kuala Lumpur dengan bantuan wang daripada Residen.

Di sepanjang tahun 1875 hingga 1890 kemajuan persekolahan tidak begitu memuaskan terutama sekali dari segi kedatangan murid-murid dan penambahan murid-murid di sekolah. Mungkin faktor-faktor seperti sikap penjaga, juga lawatan pun tidak dibuat oleh *Inspector of School* yang sendiri mengakuinya.²⁸ Mengikut laporan tahun 1887 sekolah-sekolah seperti Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Jeram, Hulu Selangor dan Kajang langsung tidak dilawatinya.²⁹

Teguran Pemangku Pemungut Hasil

Pemungut Hasil telah memberi pendapatnya berkenaan ketidakpuasan hatinya terhadap perkembangan sekolah yang ada. Pada pendapatnya patut didirikan lebih dari sebuah sekolah.³⁰

Kedaaan anak-anak Melayu yang belajar di sekolah Inggeris memanglah tidak memuaskan. Satu daripada sebabnya ialah pelajaran sekular itu baru diperkenalkan, sudah tentulah keraguan timbul ke atas niat British

23 FSKS, *Inspector of School*, 343/1887, Laporan tahunan bagi tahun 1886.

24 FSKS, 706/1886.

25 FSKS, 187/1886, *Journal of Collector and Magistrate*, Kuala Selangor.

26 Ibid.

27 FSKS, 256/1886.

28 FSKS, *Inspector of School*, 341/1888, Laporan tahunan bagi 1887.

29 Ibid.

30 FSKS, *Acting Collector of Hulu Selangor*, 655/1889, Laporan tahunan bagi tahun 1888. "Education however appears to hold a very low position in the estimation on the government judging from the way the district is supplied with schools. At least four schools should be established instead of one".

memperkenalkan sistem persekolahan yang sama sekali berlainan dengan yang dialami oleh anak-anak mereka. Walau bagaimanapun dalam senarai jadual kedatangan sekolah kerajaan Inggeris pada bulan September 1889 terdapat tiga orang murid-murid iaitu Moosah, Raja Jumaat dan Omar.³¹

Dalam mata-mata pelajaran yang diajarkan tidak langsung membolehkan kanak-kanak itu diberi peluang untuk mempraktikkan satu-satu pelajaran yang dipelajari. Misalan bacaan bagi darjah satu, dalam rangka kerja (*Scheme of Work*) bagi darjah itu berbunyi demikian "Mengeja dan membaca perkataan yang senang-senang yang tidak lebih dari dua suku kata".³²

Ke Arah Penyesuaian

Perkembangan pembinaan sekolah selama lima belas tahun sehingga tahun 1890 adalah lambat. Jika ditinjau dalam laporan tahunan Residen bagi negeri Selangor hanya ada dua belas buah sekolah.³³ Respons ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka sangat dingin, dan dengan sebab itu dua daripada sekolah-sekolah itu ditutup. Sebelum 1891 terdapat hanya tiga orang sahaja anak Melayu yang belajar di sekolah Inggeris. Begitu juga dengan pelajaran anak-anak perempuan masih tidak mendapat perhatian daripada kerajaan. Barangkali kerajaan sedar tentang sikap dingin penjaga-penjaga, untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah.

Di atas ketidakpuasan, pihak kerajaan telah melantik seorang padri, F.W. Haines³⁴ untuk menjawat jawatan *Inspector of School* bagi Selangor. Beliau serta-merta merancang satu program yang difikirkan dapat mengatasi masalah kekurangan murid-murid di sekolah Melayu. Di antara lain syornya ialah mengawasi perjalanan yang teratur dalam pentadbiran sekolah serta juga memberi tekanan-tekanan yang tertentu terhadap guru-guru. Mewajibkan anak-anak yang cukup umur dihantar ke sekolah; mengadakan peperiksaan penggal dan memberi hadiah kepada murid-murid yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Kesan daripada program ini ialah terdapat dua belas sekolah yang berjalan dengan agak memuaskan. Terdapat beberapa buah sekolah yang boleh dianggap sebagai pelopor dalam sistem baru tersebut, iaitu sekolah-sekolah Kuala Lumpur, Kelang, Kuala Langat, Pasir Penambang, Jeram, Kajang, Cheras, Kalumpang, Kuala Kubu, Rawang dan Serendah.³⁵ Di antara sekolah-sekolah itu hanya sekolah Jeram sahaja yang mempunyai lebih daripada 60 orang murid.

Pelopor dalam mewajibkan pelajaran

Pada tahun 1891 telah diluluskan dalam Majlis Negeri iaitu penjaga-penjaga wajib menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Pada tahun 1892 Residen Selangor, E.W. Birch telah membuat satu kenyataan dalam laporan tahunan bahawa pelajaran adalah untuk melatih anak-anak supaya tahu menjaga kebersihan sebagai satu tabiat yang patut diamalkan. Dalam laporan

31 FSKS, *Acting Inspector of School*, 3297/1890, 'register for September'. Saya menganggap Moosah adalah orang Melayu kerana Raja Jumaat itu dieja Raja Jumahat.

32 Ibid.

33 Laporan tahunan bagi negeri Selangor untuk tahun 1890 oleh W.E. Maxwell.

34 Ibid.

yang sama juga beliau menyatakan kekecewaan tentang adanya anak-anak yang merasakan bahawa mereka lebih bijak daripada penjaga-penjaga mereka dan telah memperkecilkan penjaga mereka sendiri. Walau bagaimanapun golongan ini sangat kecil dan tidak membahayakan keadaan yang boleh menyebabkan penjaga-penjaga enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Memandangkan Selangor pada masa itu pesat dalam pembangunan, jadi ramailah pegawai-pegawai rendah pentadbir diperlukan, seperti kerani dan penterjemah. Dengan itu Residen mencadangkan supaya murid-murid yang bijak diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah Inggeris. Juga disyorkan mendirikan rumah tumpangan bagi kanak-kanak tersebut.³⁶

Selain daripada ini dicadangkan juga melantik seorang *Visiting Teacher*³⁷ untuk melicinkan pentadbiran dan hal-hal yang bersangkutan dengan persekolahan supaya tidak berlaku penyelewengan. Sebenarnya, pada masa mula-mula sekolah ditubuhkan sudah ada *Visiting Teacher* yang didatangkan dari Singapura. Tetapi sejak dari 1884 apabila jawatan *Inspector of School* diadakan jawatan *Visiting Teacher* itu tidak kedengaran lagi.

Peranan Pegawai Daerah

Dengan berdasarkan kepada "Code of Rules" yang dicontohi dari Perak, Residen berharap Pegawai-pegawai Daerah dan *Inspector of School* dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih berkesan lagi; umpamanya masalah kedegilan penjaga-penjaga tidak mahu menghantarkan anak-anak mereka dapat diatasi. Pegawai-pegawai Daerah telah memanggil ibu bapa yang enggan menghantar anak mereka ke sekolah.³⁸ Langkah ini sekurang-kurangnya dapat 'menakutkan' ibu bapa dan menyedarkan mereka bahawa kerajaan mengambil berat tentang pelajaran. Tindakan Pegawai Daerah ini telah berjaya menambahkan bilangan murid datang ke sekolah.

Kerajaan juga menggalakkan pelajaran al-Quran bagi anak-anak pada masa itu. Tambahan pula pada tahun 1894³⁹ telah ada 17 buah pusat pengajaran itu. Surau-surau didirikan untuk tempat mengaji al-Quran di atas inisiatif Penghulu dan anak buahnya. Mereka mengeluarkan wang sendiri untuk mendirikan surau-surau tersebut. Namun begitu, apabila kelas-kelas al-Quran ditubuhkan sambutan tidak menggalakkan. Alasan yang dikemukakan ialah kanak-kanak penat dan jauh dari rumah.

Dalam perkara pelajaran kanak-kanak, Raja Muda Selangor patut dipuji kerana peranannya untuk memajukan pelajaran dan mengambil peranan dalam aktiviti-aktiviti di luar darjah seperti hari sukan sekolah. Beliau dengan suka hati telah mengeluarkan wangnya sendiri untuk perbelanjaan bagi sekolah Bandar. Selain daripada itu beliau juga telah membayar gaji kepada seorang perempuan yang membawa anak-anak perempuan untuk belajar di tempat yang sama. Pendek kata kalaulah tidak kerana beliau pelajaran bagi

35 Laporan tahunan bagi negeri Selangor untuk tahun 1891 oleh W.E. Maxwell, hlm. 26.

36 Laporan tahunan bagi negeri Selangor dalam tahun 1892 oleh E.W. Birch.

37 Ibid.

38 FSKS, *Inspector of School*, 623/1893, laporan tahunan bagi tahun 1892.

39 FSKS, *Inspector of School*, 1420/1895, laporan tahunan bagi tahun 1894.

anak-anak perempuan mungkin lebih lambat dari tahun 1895.⁴⁰

Sekolah Perempuan yang Pertama

Tahun 1895⁴¹ bolehlah dianggapkan sebagai tahun bertuah bagi anak-anak perempuan kerana pertama kalinya telah didirikan sekolah bagi mereka. Mengikut FSKS, *Inspector of School*, 1634/1897 laporan tahunan bagi tahun 1896, sekolah untuk murid-murid perempuan dimulakan pada tahun 1896. Walaupun sebahagian besar penjaga-penjaga masih lagi ragu-ragu untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka, tetapi ada juga yang menghantar anak mereka ke sekolah. Ketika di sekolah mereka diajar bertenun, jahit-menjahit, memasak, membaca dan menulis.⁴²

Code B.E. Shaw

Juga dalam masa yang sama satu *code* yang baru disusun oleh B.E. Shaw telah diperkenalkan. Di antara lain *code* ini mengesyorkan bantuan kewangan hanya boleh diberikan kalau sesebuah sekolah itu ada menunjukkan kecekapan. Dengan itu bermakna sistem lama di mana pemberian hadiah kepada individu itu telah diberhentikan.

Pengenalan pelajaran teknikal

Pada tahun 1896 pula telah dicadangkan pengajaran "Pelajaran Teknikal". Dengan itu pelajaran bertukang kayu diperkenalkan di dua buah sekolah yang besar sahaja. Pada tahun itu juga kerajaan telah memberikan biasiswa kepada sepuluh orang murid yang dianggap berbakat. Pemberian biasiswa ini adalah untuk membolehkan kanak-kanak yang keluar dari sekolah nanti menjawat jawatan-jawatan rendah di pejabat-pejabat kerajaan.

Mulai faham kata-kata Inggeris

Bola sepak dan sukan adalah aktiviti-aktiviti di luar sekolah yang diperkenalkan. Kepada kanak-kanak, kedua jenis permainan ini adalah sebahagian daripada perkara yang penting dalam persekolahan mereka. Kerajaan memperkenalkan permainan pada masa ini adalah melatih murid-murid mengenali "subordination".⁴³ Jadi dengan ungkapan "subordination" itu akan hilang norma-norma untuk membersihkan kekusutan fikiran akibat daripada pelajaran yang diterima pada tiap-tiap hari itu. Tetapi satu kebaikan yang diterima oleh kanak-kanak hasil daripada permainan bola sepak itu ialah pertambahan perbendaharaan kata-kata di kalangan murid-murid Melayu. Mengikut laporan tahunan 1897, terdapat di setengah-tengah daerah yang memahami kata-kata seperti "hand", "offside" dan "goal".⁴⁴

Untuk mengatasi kecikiran

Kebiasaannya anak-anak Melayu meninggalkan bangku sekolah sebaik-baik sahaja dapat menguasai tiga "M". Oleh itu untuk mengatasi perkara

40 Laporan tahunan bagi negeri Selangor untuk tahun 1895 oleh J.P. Rodger, Pemangku Residen.

41 Ibid., hlm. 17.

42 FSKS, *Inspector of School*, 1634/1897, Laporan tahunan bagi tahun 1896.

43 FSKS, *Inspector of School*, 1634/1897, laporan tahunan bagi tahun 1896.

44 FSKS, *Inspector of School*, 848/1898, laporan tahunan bagi tahun 1897.

ini kerajaan telah mencadangkan memberi biasiswa⁴⁵ kepada mereka supaya melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris. Selain daripada itu untuk mengelakkan kanak-kanak daripada berhenti terus, *Inspector of School* hendaklah membenarkan kanak-kanak bercuti untuk menolong ibu bapa mereka di sawah, sama ada untuk pekerjaan menuai atau mengawal tikus dan burung-burung daripada memakan padi mereka. Namun begitu sekolah-sekolah yang terlibat hendaklah berjalan seperti biasa sebagaimana yang dijalankan di Perak.⁴⁶

Sebelum akhir kurun ke-19 sekolah-sekolah telah bertambah; dan ini bermakna kerja-kerja mengawas pun bertambah. Dengan itu di penghujung tahun 1894⁴⁷ seorang *Visiting Teacher* dilantik.

Mengatasi kekurangan buku bacaan

Memandangkan kekurangan bahan-bahan bacaan kerajaan telah mengambil langkah mencetak buku-buku lama yang ditulis semula secara mudah. Tujuannya ialah melengkapkan sekurang-kurangnya sebuah buku bagi tiap-tiap satu tajuk untuk disimpan di sekolah sebagai peringkat permulaan penubuhan kutubkhanah yang kecil supaya guru-guru dan kanak-kanak yang berbakat dapat membaca bagi menambahkan pengetahuan mereka. Buku yang pertama dicetak dalam bentuk baru itu ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*.⁴⁸

Lain-lain inovasi dalam percubaan memajukan pelajaran ialah dengan menghantar guru-guru untuk dilatih, pada kali pertamanya pada bulan Jun 1898 ke Taiping. Sungguhpun bilangannya kecil iaitu sepuluh orang⁴⁹ tetapi ia telah dapat meninggikan taraf pengajaran guru-guru dan dengan itu dapat meninggikan lagi taraf pelajaran sekolah-sekolah Melayu.

Tidak ketinggalan juga untuk memperbaiki cara-cara mengajar dan menulis dengan baik dalam tulisan rumi, pada tahun 1894 sebuah buku karangan H.B. Collinge, *Inspector of School Perak*, telah digunakan.⁵⁰

Mengikut laporan tahunan 1899, dalam segala lapangan pelajaran keadaannya bertambah baik. Murid-murid sudah boleh membaca, dan faham tentang apa yang telah dibaca. Mereka boleh menjawab apabila disoal. Juga, dalam pelajaran Ilmu Alam sudah mula banyak memusatkan pengajarannya ke Tanah Melayu.⁵¹

Bagi anak-anak Melayu yang berbakat pula satu *grant-in-aid* telah diperkenalkan, dan mereka dihantar ke Victoria Institution dan Anglo-Chinese School, Klang.

Berkenaan dengan pelajaran bagi kanak-kanak perempuan laporan itu mengatakan "Female education in the state is not an encouraging position. Of the three Malay girls schools only one is in anything like a flourishing condition".⁵²

45 FSKS, *Inspector of School*, 623/1893, laporan tahunan bagi tahun 1892.

46 FSKS, *Inspector of School*, 1420/1895, Laporan tahunan bagi tahun 1896.

47 FSKS, *Inspector of School*, 1420/1895, Laporan tahunan bagi tahun 1894.

48 FSKS, *Inspector of School*, Negeri-negeri Melayu Bersekutu 761/1899 bertarikh 6 Februari 1899.

49 FSKS, *Inspector of School*, 1156/1899, Laporan tahunan bagi tahun 1898.

50 FSKS, *Inspector of School*, 1420/1895.

51 FSKS, *Inspector of School*, 1163/1900, Laporan tahunan bagi tahun 1899.

52 Ibid.

Undang-undang Mewajibkan Anak-anak Bersekolah

Sungguhpun pada tahun 1891 di Selangor telah ada sebuah undang-undang yang mewajibkan penjaga menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah tetapi kesan daripadanya tidak begitu mendalam. Kalaupun ada kesannya hanya dua atau tiga tahun selepas undang-undang itu diluluskan bilamana kedatangan murid-murid itu bertambah. Undang-undang tahun 1891 itu juga telah meletakkan Selangor sebagai pelopor dalam menguatkuasakan kepada penjaga-penjaga supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Tetapi menjelangnyanya kurun ke-20 berupa bentuk perubahan, pembaruan dan pelaksanaan sesuai dengan keadaan setempat telah dijalankan.

Pada tahun 1900 telah kedapatan kesusahan penjaga-penjaga untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Sebagai alasan mereka menjelaskan bahawa kedudukan rumah mereka jauh dengan sekolah. Oleh kerana adanya keingkaran ini pada tahun 1902 sekali lagi undang-undang yang mewajibkan mereka menghantarkan anak-anak ke sekolah diluluskan. Inti sari Ordinan No. 1 bagi 1902 adalah seperti berikut:⁵³

- i. Semua kanak-kanak lelaki yang berumur di antara 7—14 tahun yang dibawah jagaan penjaga yang sah adalah diwajibkan untuk dihantar ke sekolah, dan dengan itu kanak-kanak itu akan mendapat pelajaran dalam penggunaan bahasanya sendiri.
- ii. Kedatangan tetap bermakna adalah kedatangan yang tidak kurang dari 50%.
- iii. Jika tidak mengikut perintah yang tersebut penjaga itu bolehlah didenda tidak lebih dari \$5.00 ataupun penjara tidak lebih dari 14 hari.

Walaupun begitu pihak berkuasa tidak berjaya sepenuhnya mendesak penjaga supaya menghantar anak-anak ke sekolah kerana ada pula sebab-sebab yang tertentu yang membolehkan kanak-kanak itu dikecualikan daripada belajar. Di antara sebab-sebabnya ialah:-

- i. Tidak adanya sekolah kerajaan yang terletak dalam lingkungan 2 km dari rumah.
- ii. Jika kanak-kanak itu belajar di sekolah Inggeris.
- iii. Jika kanak-kanak itu sudah lulus darjah yang tertinggi pada masa itu ataupun telah mendapat *a grant-in-aid* daripada kerajaan.
- iv. Kanak-kanak berpenyakit.

Dalam masa lebih kurang sepuluh tahun yang pertama bagi kurun ke-20 jumlah sekolah meningkat dari 34⁵⁴ pada tahun 1900 kepada 46 buah.⁵⁵ Jika ditinjau daripada jumlah sekolah yang bertambah memang dikatakan adalah satu zaman yang pesat dalam perkembangan pelajaran Melayu di Selangor.

53 FSKS, *Inspector of School*, 925/1903, Laporan oleh Residen General bagi tahun 1902.

54 Mengikut FSKS, 635/1901 *return* bagi bulan Disember 1900.

55 Dalam laporan tahunan bagi tahun 1908, ada 46 buah sekolah tetapi dalam laporan tahunan 1909 (Laporan Pentadbiran) bilangan sekolah tidak bertambah sebab tiga buah yang lama ditutup dan tiga buah yang baru dibuka.

Daya usaha Sultan

Beberapa langkah telah diambil dalam masa lebih kurang sepuluh tahun itu bagi kepentingan perkembangan pelajaran serta bagi kebaikan anak-anak itu. Dalam hal ini sultan sendiri patut diberi kepujian; kerana mengambil berat tentang pelajaran, sanggup sejak beberapa tahun yang lampau mengawasi sekolah di Bandar. Di samping itu guru-guru juga tidak ketinggalan dari segi mempengaruhi ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah. Ini dapat dibuktikan apabila seorang guru telah bersusah payah berdayung sampan⁵⁶ semata-mata kerana membawa kanak-kanak ke sekolah.

Ada kemajuan yang tertentu

Kemajuan dalam pelajaran membaca pun telah ada kedapatan. Seperti yang sudah-sudah kanak-kanak itu membaca tanpa mengerti apa yang dibacanya. Tidak hairanlah apabila disuruh mengingatkan kembali ataupun disoal tentang apa yang telah dibaca. Mungkin guru yang mengajar itu telah memahami sedikit sebanyak berkenaan prinsip pengajaran membaca dan memahami apa yang telah dibaca dengan mengikut kehendak-kehendak yang menarik minat kanak-kanak itu.

Dari Pegawai Daerah ke *Inspector of School*

Dalam pemilihan murid-murid untuk mendapatkan biasiswa peranan Pegawai Daerah tidaklah seperti di masa-masa yang lalu. Satu bentuk baru dalam pemberian biasiswa ini, *Inspector of School* sendiri yang menyampaikan hadiah itu kepada murid-murid yang berkenaan.⁵⁷ Tujuannya ialah supaya ia mengukur kecerdasan kanak-kanak itu serta memberi perangsang jangan mensia-siakan pemberian daripada kerajaan. Dengan perubahan cara ini, bermaknalah Pegawai Daerah tidak lagi bersusah payah menyelenggarakan hal ini.

Cara-cara menolong anak Melayu

Pada awal kurun ke-20 Selangor adalah sebagai sebuah negeri yang makmur. Oleh itu timbullah fikiran tentang apakah yang hendak dibuat bagi melengkapkan anak-anak Melayu untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran.⁵⁸ Dalam laporan, beberapa saranan dikemukakan untuk memajukan anak-anak Melayu dalam pelajaran, dan mencari jalan untuk membolehkan kanak-kanak mengambil bahagian dalam pelajaran teknikal. Di antaranya menghantar anak-anak Melayu di Victoria Institution, dan menyediakan seorang pengukir dan tukang perak. Manakala di Kuala Lumpur, Bandar dan Kuala Selangor disediakan alat-alat menenun.

Langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak berkuasa ialah menghantar murid-murid yang berbakat ke sekolah Inggeris seperti di Victoria Institution. Mereka ini ditempatkan di sebuah rumah tumpangan⁶⁰ di bawah jagaan seorang guru supaya mereka dapat pengawasan yang baik

56 FSKS, *Inspector of School*, 770/1901, laporan tahunan bagi tahun 1900.

57 FSKS, *Inspector of School*, 1673/1901, Laporan tahunan bagi tahun 1900.

58 FSKS, *Inspector of School*, 1845/1901, sebuah memo.

59 FSKS, *Inspector of School*, 379/1901, "memo".

60 FSKS, *Inspector of School*, 2515/1902, Laporan tahunan bagi tahun 1901.

dan teratur. Juga kerajaan telah mengeluarkan pas percuma⁶¹ menaiki keretapi kepada murid-murid dari berbagai tempat supaya ramai dapat datang belajar ke Victoria Institution dan di Anglo Chinese School, Kelang.

Masalah pelajaran anak-anak perempuan masih menjadi tajuk perbincangan yang penting. Residen General dalam laporan 1902 menyatakan bahawa anak-anak perempuan "sharp dan quick witted",⁶² pakaian pun sederhana sahaja, malang bagi mereka kerana sangat sedikit bahan sastera yang dapat dibaca untuk menambahkan bidang pengetahuan. Suratkhbar tempatan pun hanya Gazet Kerajaan sahaja. Selain daripada itu sudah menjadi kebiasaan anak-anak perempuan diasingkan setelah mereka meningkat umur 9 atau 10 tahun sehinggalah ke hari perkahwinan mereka. Keadaan ini menimbulkan kesukaran untuk memperbaikinya dan mengambil masa yang lama.

Walaupun dalam masa sepuluh tahun pertama kurun ke-20 guru-guru perempuan yang terlatih belum ada lagi tetapi sekolah perempuan di Kuala Lumpur telah mencapai keputusan 100% dalam peperiksaan tahunan sekolah itu.⁶³ Di sini membuktikan bahawa pelajaran anak-anak perempuan tidaklah lemah tetapi ia masih ke peringkat minima. Sehingga tahun 1908 jumlah kanak-kanak perempuan memasuki bangku sekolah belum mencapai ke angka 100 orang.⁶⁴ Namun demikian kini telah wujud untuk mempelajari bahasa asing. Misalnya seorang daripada cucu Raja Mahmud adalah dipercayai menjadi anak Melayu yang pertama di negeri ini dihantar ke sekolah Cina.⁶⁵

Pelajaran membuat bakul daripada rotan telah dimulakan. Sebagai permulaannya hanya lapan orang sahaja yang belajar membelah, meraut dan membentuknya berupa bulatan. Selain daripada itu mereka juga telah diajar membuat kerusi daripada rotan. Guru yang mengajar pertukangan ini ialah seorang bangsa Cina dan gajinya pula sebanyak \$25.00 sebulan. Pelajaran ini juga menghadapi masalah kerana memerlukan belanja yang besar⁶⁶ terutamanya untuk mendapatkan rotan dari Singapura.

Satu rancangan lagi ialah untuk menubuhkan asrama⁶⁷ bagi menggalakkan mereka bekerja di pejabat-pejabat umum setelah tamat pelajaran nanti. Dengan itu mereka dapat memainkan peranan dalam industri, perdagangan dan pertanian.

Satu lagi cara yang dijalankan, dan ada diutarakan dalam laporan bagi tahun 1903 ialah melantik orang ramai untuk menduduki dalam jawatankuasa pengurusan sekolah.⁶⁸ Dengan cara ini diharap ibu bapa akan lebih cenderung dalam hal-hal pelajaran terutama sekali dalam hal-hal pelajaran anak-

61 Ibid.

62 Laporan Residen General, 925/1903, Laporan tahunan bagi tahun 1902.

63 FSKS, *Inspector of School*, 1632/1904, Laporan tahunan bagi tahun 1903. Tetapi laporan ini tidak dalam fail tersebut kerana dipindahkan ke dalam fail nombor kelas barunya 879/67 Jabatan Pelajaran Selangor, P/JP/B 1.

64 Ini berdasarkan kepada laporan tahunan 1908 dalam FSKS, 747/1909, yang menunjukkan hitung panjang murid-murid dalam daftar (register) ialah 49 orang sahaja.

65 FSKS, *Inspector of School*, Laporan tahunan bagi tahun 1908.

66 FSKS, *Inspector of School*, 1454/1903, "Instruction of Rattan working to Malay lads in Kuala Lumpur".

67 Satu salinan minit oleh Residen General, 321/1904.

68 Laporan tahunan bagi tahun 1903 oleh Residen General.

anak mereka. Diharapkan juga dalam penubuhan itu dapatlah dibincangkan perkara-perkara pincang yang dihadapi sama ada oleh guru atau kanak-kanak itu sendiri, dan mencari jalan bagaimana untuk memperbaikinya.

Dalam masa yang sama juga telah dilakukan peluasan penggunaan huruf rumi dengan mencetak buku-buku sastera Melayu ke dalam huruf tersebut. Dalam menuju kepada matlamat ini kerajaan telah mendahuluinya dengan mencetak suratkhbar dalam huruf rumi.⁶⁹

Untuk membanteras kemasukan karangan buatan dari luar negeri yang mungkin boleh membunuh hasil-hasil tempatan dan dikhuatiri juga akan menghilangkan kebolehan serta akan menghilangkan minat ke atas barang-barang tempatan kajian dijalankan untuk meninggikan mutu barang-barang pertukangan tangan itu. Selain daripada itu kerajaan pula hendak mengambil langkah mengiktiraf keistimewaan barang-barang yang dikerjakan oleh mereka itu.⁷⁰

Kerajaan sebenarnya kurang berminat untuk memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak Melayu di pejabat-pejabat kerajaan. Ini dapat diperhatikan daripada jumlah perbelanjaan yang dibiayai oleh kerajaan untuk sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris. Perbelanjaan bagi anak-anak yang bersekolah Inggeris lebih tinggi berbanding dengan sekolah Melayu. Bagi tiap-tiap seorang murid yang belajar di sekolah Inggeris perbelanjaannya dari \$60.00 hingga ke \$70.00 berbanding dengan kanak-kanak di sekolah Melayu hanya \$14.00 sahaja. Dengan ini jelas kelihatan ini menguntungkan anak-anak mereka yang berada, padahal hitung panjang perbelanjaan sekolah tidak melebihi dari \$20.00 setahun.⁷¹

Pengajaran rumi telah diperkenalkan bagi kali pertamanya kepada murid-murid darjah II.⁷² Sebelum ini pelajaran rumi ini diperkenalkan kepada murid-murid darjah III. Ini bermakna kanak-kanak lebih awal setahun diperkenalkan dengan tulisan rumi.

Untuk mengatasi masalah keciciran dan kanak-kanak tidak belajar, padahal umur mereka masih rendah, kerajaan telah buat pertama kalinya memperkenalkan darjah V.⁷³ Dengan pengenalan darjah V ini diharapkan tidak berlaku lagi kanak-kanak terpaksa menduduki sehingga tiga tahun dalam satu-satu darjah.⁷⁴ Sudah menjadi kebiasaan sesuatu yang baru diperkenalkan itu tidaklah agak terus berjaya dan boleh dibanggakan. Mengikut laporan, sejak ianya ditubuhkan tidak banyak sekolah yang mampu untuk meneruskan darjah V itu.⁷⁵ Ketidaksanggupan sekolah meneruskan darjah V kerana tidak ada guru yang berkelayakan. Oleh kerana sebelum ini tidak ada darjah V, jadi adalah mustahil bagi guru yang hanya lulus darjah IV mengajar murid-murid darjah V dengan baik. Di samping itu guru-guru itu sendiri tidak berpengalaman dalam darjah V. Selain daripada itu mata pelajaran pula hendak selaras dengan darjahnya, dan ini sudah pasti di luar kemajuan guru-guru itu sendiri. Berdasarkan kepada beberapa alasan

69 Ibid. Laporan tahunan 1903 oleh Residen General.

70 Ibid.

71 Ibid.

72 FSKS, *Inspector of School*, 1031/1905. Laporan tahunan bagi tahun 1904.

73 Ibid.

74 Ibid.

75 FSKS, *Inspector of School*, 1254/1906. Laporan tahunan bagi tahun 1905.

ini menyebabkan sebilangan kecil sekolah-sekolah sahaja yang menyediakan darjah V.

Dalam pelajaran pertukangan tangan murid-murid dikatakan dengan cepat dapat mempelajarinya. Keadaan ini, dan ditambahkan dengan kebolehan guru hanya manis untuk dua atau tiga jenis bentuk anyaman sahaja menyebabkan murid-murid cepat jemu. Walau bagaimanapun dalam pertunjukan-pertunjukan yang diadakan seperti di Kuala Kangsar⁷⁶ dan di Kuala Lumpur⁷⁷ maka barang-barang yang dipamerkan seperti kain sutera yang ditenun, ukiran kayu dan jaring ikan telah mendapat hadiah.

Sejauh itu yang terdapat ciri-ciri dalam pelaksanaan pengajaran dan penerimaan murid-murid pada masa sepuluh tahun yang pertama kurun ke-20.

Ruangan Untuk Murid-murid dalam akhbar

Tahun 1910-an hingga ke tahun 1920 adalah tahun-tahun yang penuh dengan berbagai ragam pembaruan dan pengenalan dalam perkembangan pelajaran. Di antaranya berbagai rencana dimuatkan di dalam akhbar untuk murid-murid sekolah.

Dalam akhbar harian Inggeris, *The Malay Daily Chronicle*⁷⁸ dimuatkan rencana-rencana yang bersangkutan dengan pelajaran untuk dibaca oleh murid-murid yang berpelajaran Inggeris. Akhbar ini menasihatkan murid-murid bahawa datang ke sekolah bukanlah untuk mendapatkan pekerjaan, takut dimarahi oleh ibu bapa dan supaya menjadi orang yang bijak, tetapi juga untuk melatihkan diri supaya fikiran dapat mengawal badan. Walaupun beberapa langkah diambil untuk memajukan pelajaran Melayu tetapi langkah pihak berkuasa keretapi Tanah Melayu menutup perhentianya di Bangi telah memberi kesan kepada penutupan sekolah. Akibat daripada ini seorang guru telah mencadangkan supaya dibina sebuah sekolah disini kerana dikhuatiri lebih kurang 40 orang murid akan terkandas dalam pelajaran. Cadangan ini diambil perhatian oleh Pengarah Pelajaran dan beliau kemudiannya bersetuju untuk mendirikan bangunan sekolah di situ.⁷⁹

Tidak rela anak-anak buta huruf

Menyedari bahawa ibu bapa nampaknya sangat-sangat berkehendakkan supaya anak-anak mereka tidak buta huruf seperti mereka, kerajaan terpaksa menyewa rumah buat sementara bagi murid-murid di Tambak Jawa dan Hulu Kelang.⁸⁰

Pada tahun 1910 juga satu perubahan telah dibuat untuk memberikan kepada murid-murid Melayu yang berbakat belajar di Victoria Institution.⁸¹ Namun demikian ada pula syor supaya peruntukan untuk kanak-kanak itu diberhentikan sahaja. Cadangan merugikan anak-anak Melayu, tambahan pula pada awal-awal kurun ke-20 masih ketinggalan jauh berbanding dengan

76 FSKS, *Inspector of School*, 1158/1908. Laporan tahunan bagi tahun 1907.

77 Ibid.

78 *The Malay Daily Chronicle*, 12 Oktober 1912.

79 Fail Setiausaha Kerajaan Selangor 444/1910.

80 FSKS, 463/1900.

81 FSKS, *Inspector of School*, 747/1911, Laporan tahunan bagi tahun 1912.

kanak-kanak dari keturunan lain. Kerugian ini memang ada kebenarannya, sebab anak-anak Melayu yang menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar adalah anak-anak Raja dan Orang-orang Besar sahaja. Padahal kecekapan murid-murid luar bandar terbukti di mana dua orang anak kampung dari sekolah Teluk Panglima Garang telah mendapat tempat pertama dalam ujian-ujian memasuki ke Victoria Institution dan Maktab Perguruan Melayu Melaka.⁸²

Mengatasi keadaan kesihatan

Pada tahun-tahun ini juga (1910—1920) beberapa langkah diambil untuk memastikan kesihatan murid-murid. Walaupun begitu pemeriksaannya tidaklah serapi yang dilakukan dalam tahun 1920-an nanti. Namun begitu ini sudah cukup bagi menjamin sekurang-kurangnya menjauhkan murid-murid daripada dihindangi oleh penyakit malaria. Penyakit ini adalah sudah satu daripada beberapa faktor besar yang menghalang kedatangan murid-murid Melayu di sekolah dan maju dalam pelajaran. Penyakit ceret-beret juga amatlah merbahaya kerana akibat daripadanya dua buah sekolah terpaksa ditutup selama dua bulan.⁸³ Pemberian quinin secara percuma oleh Jabatan Perubatan menerusi sekolah-sekolah adalah satu usaha yang pertama pernah diusahakan. Dalam sebuah "Laporan Tahunan bagi tahun 1911" ada menyebut:

The Medical Department have now adopted a scheme of free distribution of quinine through the agency of the Malay Vernacular Schools, which ought to have a most beneficial effect.⁸⁴

Satu lagi percubaan yang dilakukan untuk mengatasi masalah kesihatan anak-anak sekolah ialah langkah Jabatan Perubatan dengan ikhsannya telah mengadakan satu kursus percubaan Ilmu Kesihatan untuk guru-guru sekolah Melayu. Seorang pegawai perubatan Melayu dari hospital Kajang telah menyelenggarakan kursus itu. Dalam kursus itu guru-guru diberi penerangan tentang sebab-sebab berlakunya penyakit; cara-cara mengenal penyakit-penyakit itu; dan langkah yang perlu diambil jika adanya sesuatu wabak taun yang dianggap merbahaya. Di samping itu guru-guru juga diajarkan tentang cara-cara menyuntik, menjauhkan serta pengubatan kepada penyakit-penyakit yang selalu terjadi seperti demam dan penyakit kulit. Pengajaran *first aid* pun ada disertakan termasuk juga cara-cara mengubati dan merawat luka-luka dan melepuh; bahkan kaedah penjagaan dan penyusunan bayi-bayi pun ada juga disyarahkan.

Selain daripada itu, dalam usaha untuk menjamin kesihatan kanak-kanak itu dan masyarakat sebuah buku kesihatan karangan Doktor Brooke diterbitkan sebagai buku bacaan.⁸⁵ Juga sekumpulan surat-surat pekeliling dari hal sebab-musabab penyakit-penyakit telah juga diedarkan ke sekolah-sekolah.⁸⁶ Untuk memberikan kesan yang mendalam kepada murid-murid,

82 Ibid.

83 FSKS, *Inspector of School*, 1505/1912. Laporan tahunan bagi tahun 1911.

84 Ibid.

85 FSKS, 252/1913.

86 FSKS, 536/1912.

di darjah-darjah tinggi, dikenakan tugas untuk menjawab soalan-soalan yang didasarkan daripada bahan-bahan yang terkandung dalam buku itu.

Kemunculan sekolah-sekolah baru

Perkembangan dalam penubuhan sekolah-sekolah baru terus berjalan dengan lancarnya. Pada tahun-tahun 1913⁸⁷ sekolah Sungai Buaya dan Hulu Semenyih; dibuka 1914 Rantau Panjang, Kampung Selayang dan Petaling. Juga di masa yang sama (1914) sekolah untuk murid-murid perempuan dibuka di Kelang dan Setapak. Pada tahun 1916 hanya sebuah sahaja iaitu di Sungai Jenderam. Pada tahun 1917 ada tiga buah sekolah baru dibina pada tahun 1918 sekolah lelaki bertambah sebuah iaitu di Tanjong Karang, dan dua buah lagi sekolah perempuan iaitu di Hulu Langat dan Dusun Tua. Bertambahnya pembukaan sekolah ini adalah kesan daripada pengertian ibu bapa untuk melengkapkan anak-anak mereka untuk mendapatkan pelajaran yang sempurna.⁸⁸ Manakala minat kanak-kanak perempuan telah timbul dalam pelajaran akibat perlantikan *Lady Supervisor Malay Girls School*.⁸⁹

Selain daripada pelajaran biasa, juga dalam masa yang sama telah diperkenalkan aktiviti-aktiviti luar darjah. Perkara-perkara itu adalah seperti bertukang, berkebun dan bersawah.

Cadangan untuk mengadakan darjah-darjah VI dan VII

Undang-undang yang dikuatkuasakan pada peringkat awal untuk mewajibkan murid-murid datang belajar telah menimbulkan masalah. Didapati ada kanak-kanak yang menduduki satu-satu darjah memakan masa hingga tiga tahun. Dipercayai, kalau mereka ini berhenti sekolah ia akan memupuk semangat malas⁹⁰ sungguh walaupun diakui mereka sudah tahu sedikit sebanyak kerja-kerja yang dibuat oleh ibu bapa mereka tetapi mereka masih muda dan tidaklah perlu bersusah payah kerana si penjaga masih lagi bertanggungjawab untuk menanggung mereka. Dengan sebab itu timbul satu cadangan untuk menubuhkan pula darjah VI dan jika perlu darjah VII.⁹¹ Dengan adanya darjah-darjah seperti itu maka dapatlah penekanan yang lebih berkesan lagi dalam mata pelajaran teknikal disampaikan kepada mereka. Malangnya sehingga tahun 1930 cadangan itu darjah VI dan VII tidak ada disebut. Mungkin sebab yang menghalang kepada pembukaan darjah itu ialah kekurangan guru-guru yang terlatih dan juga bangunan-bangunan yang sesuai tidak dapat dibina. Nampaknya *Inspector of Schools* sendiri dalam laporan tahun 1915 itu tidak puas hati, kerana dari wang \$125,000 didapati \$75,000 dibelanjakan untuk sekolah Inggeris walhal yang ramai belajar bangsa asing.⁹²

Perlantikan Lady Supervisor

Pada tahun 1910 terdapat dua buah sekolah perempuan. Jumlah ini

87 Berdasarkan kepada laporan-laporan tahunan yang berkenaan.

88 FSKS, *Inspector of School*, 1054/1914. Laporan tahunan bagi tahun 1913.

89 FSKS, *Inspector of School*, 832/1921. Laporan tahunan bagi tahun 1912.

90 FSKS, *Inspector of School*, 1224/1916. Laporan tahunan bagi tahun 1915.

91 Ibid.

92 Ibid.

menjadi enam buah diakhir tahun 1920. Walaupun begitu jumlah ini belum memuaskan. Di antara tahun 1910 hingga 1915 bilangan sekolah-sekolah bagi murid-murid perempuan ialah enam buah, tetapi selepas jumlahnya menjadi empat buah, dan kemudiannya bertambah dua buah lagi menjadikan enam buah semula pada tahun 1920. Faktor besar yang telah menyebabkan penjaga-penjaga tidak menggalakkan anak-anak perempuan mereka ke sekolah ialah adanya golongan pemuda-pemuda yang suka mengusik. Selain daripada itu dikatakan mereka tidak berapa mahu anak-anak perempuan hilang daranya akibat dari pelajaran bersenam yang telah diajarkan kepada murid-murid pada masa itu.⁹³ Anak-anak Melayu di sekolah Inggeris sendiri pun sangat kurang. Perkara besar yang menghalang anak-anak mereka untuk belajar di sekolah Inggeris adalah disebabkan sekolah-sekolah itu dianjurkan oleh mubaligh Kristian yang memang pada tujuannya adalah untuk mengkristiankan budak-budak itu. Inilah yang menakutkan mereka. Tetapi dengan perlantikan *Lady Supervisor for Malay Girls School* dalam tahun 1918⁹⁴ diharapkan dapatlah perasaan-perasaan yang meragukan itu dihapuskan. Dilaporkan bahawa perlantikan *Lady Supervisor* untuk sekolah Melayu Perempuan

"... has caused a revival of interest in this branch of education and the teachers are now working with considerable enthusiasm especially at needlework."⁹⁵

Jahitan tangan juga telah melalui perubahan baru. Dengan pengenalan-nya di sekolah-sekolah maka pelajaran itu dibahagi-bahagi kepada tingkat yang berbeza-beza dari satu darjah ke satu darjah mengikut kebolehan kanak-kanak dari segi umur. Untuk mengelakkan murid-murid darjah rendah, misalnya supaya tidak rosak mata mereka maka kursus *stitching* dan *embroidery* yang halus tidak diajarkan, sebaliknya diajarkan kepada murid-murid darjah tinggi sahaja. Guru-guru juga telah memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan kecenderungan murid-murid kepada pelajaran itu. Tambahan pula dengan daya usaha mereka sendiri telah dapat mempelajari bentuk baru yang kemudiannya diajarkan pula kepada murid-murid mereka.⁹⁶

Penyatuan dalam bacaan-bacaan rumi dan jawi

Satu kemudahan baru telah diperkenalkan agar murid-murid tidak berasa susah dalam membaca. Kaedah baru yang dimaksudkan itu ialah kedua-dua bacaan rumi dan jawi dipersatukan.⁹⁷ Tujuan dilakukan penyelarasan itu untuk menghindarkan sistem lama, yang mana kedua-duanya tidak langsung ada bersangkutan paut, ringkasnya penyelarasan kedua-dua itu dapatlah

93 Temuduga dengan Encik Mohd. Yussuf bin Ahmad. Beliau adalah lulusan dari Maktab Perguruan Melayu Melaka dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Mula memegang jawatan *Malay Assistant Inspector of School* pada 1 Februari, 1920.

94 Perlantikan itu ditangguhkan selama enam bulan untuk memberi peluang kepada beliau mempelajari bahasa Melayu. Sila lihat FSKS, 1465/1919.

95 FSKS, *Inspector of School*, 832/1921. laporan tahunan bagi tahun 1920.

96 Ibid.

97 FSKS, 1465/1919.

sekurang-kurangnya memberi kanak-kanak itu mencapai kecekapan sama ada fahaman dan kelancaran dalam pembacaan. Dengan ini juga diharapkan dapatlah membina semangat kepada tabiat suka membaca yang sangat kurang di kalangan murid-murid itu.

Mendapat cemuhan

Satu lagi inovasi dalam cita-cita untuk memajukan anak-anak Melayu dalam pelajaran ialah inisiatif Residen Broadrick membenarkan pembukaan kelas di sebelah petang untuk belajar bahasa Inggeris atas permintaan penduduk tempatan. Malangnya selepas empat bulan kelas itu berjalan ianya terpaksa diberhentikan pada bulan April 1917.⁹⁸ Dalam surat kepada beliau, Pesuruhjaya Tinggi telah memberi amaran supaya jangan menjalankan sesuatu yang tidak ada dalam dasar kerajaan.

Masalah kekurangan guru telah menjadi bahan yang diperbincangkan dalam laporan tahunan 1913. Penghantaran guru ke Melaka sangat kurang dan bilangan yang kecil ini bila kembali dari sana selalunya dijadikan sebagai guru besar. Jadi diharapkan agar bila dibuka Maktab Perguruan di Matang dapatlah ramai lagi guru-guru dari Selangor dihantar ke Melaka.⁹⁹

Lain-lain perkembangan yang dibuat ialah membekalkan buku-buku untuk menarik minat ramai murid-murid membaca buku sebagai usaha menambahkan ilmu serta memperkayakan perbendaharaan kata-kata mereka. Dari itu telah ditubuhkan khutubkhanah-khutubkhanah di tiap-tiap sekolah walaupun bilangan buku-bukunya sedikit. Kemudahan seperti ini telah dapat dinikmati oleh murid-murid darjah tinggi di mana dapat meminjam buku untuk dibaca di rumah.¹⁰⁰

Di sekolah-sekolah yang dipilih khas telah diadakan percubaan bagi mengadakan kebun-kebun sayur. Tujuan ini tidak mencapai kejayaan yang diharapkan, ini kerana timbul beberapa rintangan seperti masalah benih yang terpaksa dibawa dari India. Mengikut Penguasa Kebun Percubaan Kerajaan¹⁰¹ ramai murid-murid yang berhenti sekolah telah menceburkan diri dalam lapangan pertanian. Dengan sebab itu diharapkan kanak-kanak tersebut akan dapat mempraktikkan ilmu yang mereka dapati di sekolah itu untuk membaiki mutu penanaman sayur mereka.

Dalam lapangan pertanian ini suatu percubaan penanaman padi dijalankan di Beranang. Rancangan penanaman padi itu telah diusahakan oleh dua puluh orang murid-murid sekolah dengan dibantu oleh Jabatan Pertanian sebagai penasihat. Di peringkat awal-awalnya padi itu sangat subur tetapi malangnya hujan yang turun dengan lebat dan ancaman daripada belalang maka hasil yang diperolehi sangat sedikit. Walaupun usaha ini merugikan tetapi dari segi pengalaman menguntungkan.

Peperiksaan ke atas guru-guru tanpa latihan

Untuk meninggikan lagi taraf pengajaran dan penyampaian yang baik supaya kanak-kanak itu memahami dan dapat mengikuti pelajaran mereka

⁹⁸ FSKS, *Inspector of School*, 886/1918. Laporan tahunan bagi tahun 1917.

⁹⁹ FSKS, *Inspector of School*, 1053/1914. Laporan tahunan bagi tahun 1913.

¹⁰⁰ FSKS, *Inspector of School*, 1505/1912. Laporan tahunan bagi tahun 1911.

¹⁰¹ Ibid.

dengan penuh minat serta untuk menyingkirkan guru-guru yang tidak layak maka buat pertama kalinya dalam sejarah perkembangan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu di Selangor, *Inspector of School* telah mengadakan peperiksaan terhadap mereka.¹⁰² Peperiksaan itu memang ada kebaikannya kerana pada tahun-tahun yang berikutnya ramai yang berhenti dan mana-mana yang tidak berhenti diberi amaran supaya memperbaiki taraf pengajaran mereka.

Masalah meninggikan taraf pelajaran serta menambahkan ilmu kanak-kanak telah sekurang-kurangnya dapat diatasi dengan adanya buku baru yang sesuai dengan kehendak kanak-kanak itu. Mungkin salah satu sebab yang menjemukan kanak-kanak itu membaca ialah apabila terjumpanya potongan ayat yang berbunyi demikian,¹⁰³ "Kuda ialah seekor binatang yang mempunyai kepala, dua mata, dua telinga dan satu hidung".

Dalam penerbitan buku-buku telah mendahului penulis-penulis lain. Tetapi ada juga pengarang lain yang telah menyumbangkan hasil karya mereka. Buku-buku yang siap tercetak pada masa itu dan digunakan ialah:¹⁰⁴

1. *Misal Huruf Rumi* disusun oleh R.O. Winstedt untuk darjah I.
2. *Kitab Hisab* oleh O.T. Dussek — satu panduan kepada pengajaran kira-kira bagi murid-murid darjah I dan II.
3. *Kitab Jaya Waras*, sebuah buku teks ilmu kesihatan disusun oleh E.N. Graham.
4. *Kitab Tawarikh* — sebuah sejarah berkenaan orang-orang Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu yang disusun oleh R.O. Winstedt.
5. *Kitab Alam Melayu* — sebuah buku Ilmu Alam berkenaan dengan Semenanjung dan Kepulauan Melayu disusun oleh R.O. Winstedt.
6. *Sebuah Peta Kepulauan Melayu* yang dicap dalam rumi disediakan oleh R.O. Winstedt.

Selain daripada itu murid-murid juga diajar membuat bakul, bertukang kayu dan membuat jaring juga diajarkan. Pendek kata perkara per-tukangan tangan itu diajarkan mengikut daerah-daerah yang membuat kerja-kerja harian. Sebagai contohnya Jeram sebuah kampung yang letaknya berhampiran dengan pantai, maka diajarkan murid-murid itu membuat jaring agar mereka juga boleh menjadi nelayan bila besar kelak.

Kesimpulan

Kesimpulannya perkembangan dari segi mata-mata pelajaran, penam-bahan sekolah dan murid-murid memang ada, tetapi perkembangan ini belum lagi mencapai satu kejayaan yang boleh dibanggakan.

Beberapa faktor yang boleh dijadikan sebagai alasan tentang kenapa kemajuan pelajaran darjah I masih mundur.¹⁰⁵ Salah satu sebabnya ialah guru yang mengajar darjah ini mungkin tidak berapa berpengalaman dengan

¹⁰² FSKS, 1465/1919, Laporan tahunan Negeri-negeri Melayu Bersekutu hlm. 19. Dalam Majalah Guru keluaran tanggal 1 September, 1925, disebut guru pelatih sebagai guru kecil.

¹⁰³ *Ibid.*, hlm. 21.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ FSKS, *Inspector of School*, 978/1920, Laporan tahunan bagi tahun 1919.

kanak-kanak kecil. Juga guru-guru lepasan dari maktab pada masa itu amatlah kurang dan selalunya mereka itu apabila keluar maktab ditugaskan menjadi guru besar.¹⁰⁶ Oleh sebab itu penyampaian asas kepada tiap-tiap satu mata pelajaran kurang memuaskan, dan akibatnya kanak-kanak itu tidak dapat menerima pelajaran yang disampaikan dengan terkesan.

Sungguhpun kerja-kerja mengawas guru-guru dan murid-murid ada dijalankan dengan dikelolakan oleh *Visiting Teacher* (Guru Pelawat), tetapi pada bulan Februari tahun 1920¹⁰⁷ untuk menambahkan kelancaran perjalanan sekolah-sekolah di lain-lain daerah seperti Hulu Selangor, Hulu Langat, Kuala Selangor dan Kuala Langat telah melantik empat orang guru kumpulan yang mempunyai fungsi yang lebih kurang sama dengan *Visiting Teacher*; hanya perbezaannya ialah mereka juga menjadi guru-guru besar di sekolah mereka. Tugas mereka hanya melawat sekolah-sekolah dalam kumpulan mereka dengan memberi tunjuk ajar berkenaan dengan kaedah pengajaran yang baik untuk disampaikan kepada murid-murid itu. Mereka juga akan menghantar laporan tiap-tiap bulan ke pejabat. Dengan cara ini pejabat sentiasa diberitahu tentang perkembangan kemajuan tiap-tiap sekolah ataupun sebaliknya terutama sekali sekolah-sekolah yang berjauhan dengan pejabat dan jarang sekali mendapat pengawasan dilakukan.¹⁰⁸

Dalam masa itu pun ada juga sekolah-sekolah yang tidak mengajar mata pelajaran kira-kira.¹⁰⁹ Kekurangan ini disebabkan tidak ada guru-guru yang mahir dalam cara penyampaian perkara itu. Jika ada pun sekolah-sekolah yang berpeluang murid-muridnya belajar kira-kira itu pun bercorak mekanikal. Mata pelajaran kira-kira tidak dapat memberi galakan kepada kanak-kanak untuk mengasah otaknya berfikir secara analitikal jika membuat kira-kira yang berupa masalah sahaja.

Pelajaran ejaan dikebanyakan sekolah sangat buruk,¹¹⁰ dan faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan itu ialah kerana satu perubahan baru telah diperkenalkan dan murid-murid terpaksa berfikir dua kali bagi satu-satu perkataan yang dihadapinya. Dengan itu timbul rasa keraguan dan ketidaktetapan pendirian untuk menulis perkataan yang betul. Dengan itu perlantikan seorang *Malay Assistant Inspector of School* yang baru diharapkan akan dapat memperbaiki serta meninggikan taraf pelajaran kanak-kanak.

Pada akhir-akhir tahun 1920 ini telah ada suara-suara kedengaran seperti sekumpulan penghulu-penghulu di Kuala Selangor¹¹¹ merayu supaya didirikan sebuah sekolah Inggeris di daerah mereka bagi menampung anak-anak buah mereka belajar. Ini tidak mendapat sambutan dari pihak berkuasa. Namun begitu pada bulan Julai sistem *grant-in-aids*¹¹² kepada murid-murid di sekolah Melayu, dan dengan ini dapatlah mereka belajar di sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

106 Temuduga dengan Encik Mohd. Yussuf bin Ahmad.

107 FSJKS, *Inspector of School*, 832/1921. Laporan tahunan bagi tahun 1920.

108 Ibid.

109 Lihat FSJKS, 978/1920.

110 Ibid.

111 FSJKS, *Inspector of School*, 832/1921. Laporan tahunan bagi tahun 1920.

112 Ibid.

Sejarah Penduduk dan Perkembangan Syarikat Kerjasama Kilang Padi di Sabak Bernam

MD. SOOD BIN MOHAMAD*

Pendahuluan

SYARIKAT kerjasama dalam Daerah Sabak Bernam telah mula bergerak cergas sejak suku abad yang lalu. Khasnya selepas Perang Dunia Kedua syarikat kerjasama wujud seiring dengan perkembangan penduduk yang bertumpu ke daerah ini untuk mencari penghidupan sebagai petani. Sehingga hari ini syarikat-syarikat kerjasama dalam Daerah Sabak Bernam berjaya mengekalkan peranannya sebagai 'Tiang Ekonomi Desa' yang walaupun dalam sepanjang hayatnya telah mengalami berbagai-bagai ancaman, tekanan mahupun cabaran. Peranannya dalam perusahaan menanam padi seperti memproses, memasar dan menyediakan beras untuk penduduk setempat terus berjalan walaupun sejak tahun 1967 ia hanya menjadi wakil sahaja kepada Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras, iaitu cawangan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang kemudiannya mulai tahun 1970 diubah menjadi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Sebanyak 98% daripada padi untuk kegunaan petani-petani adalah diproses di kilang-kilang syarikat kerjasama, sementara bakinya dikisar oleh kilang-kilang padi haram (tanpa lesen). Syarikat-syarikat kerjasama juga berfungsi sebagai Pusat Kredit Tempatan kepada Bank Pertanian yang mengeluarkan lebih daripada 20% jumlah keperluan kredit pertanian petani-

* Penulis ialah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1974.

petani.¹

Sehingga tahun 1972, bagi seluruh Daerah Sabak Bernam ada sebanyak tiga puluh buah syarikat kerjasama. Sebahagian besar daripada syarikat-syarikat tersebut terletak dalam kawasan jelapang padi. Sebanyak 27 buah daripada syarikat kerjasama itu berasaskan pertanian, iaitu:

| | |
|------------------------------------|---------|
| i. Syarikat Kerjasama Serbaguna | 11 buah |
| ii. Syarikat Kerjasama Kilang Padi | 11 buah |
| iii. Syarikat Kampung Bekerjasama | 2 buah |
| iv. Syarikat-syarikat lain | 3 buah |

sementara tiga buah lagi syarikat kerjasama yang bukan berasaskan pertanian ialah:

- i. Syarikat Kerjasama Pekerja-pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar Kerajaan Sabak Bernam/Kuala Selangor.
- ii. Syarikat Kerjasama Murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar.
- iii. Syarikat Kerjasama Serbaguna Pegawai-pegawai dan Kakitangan Lembaga Padi dan Beras Negara.

Sehingga tahun 1972 bilangan ahli syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian ialah 4,511 orang sementara ahli syarikat kerjasama yang bukan berasaskan pertanian ialah 432 orang. Bilangan ahli sentiasa bertambah dari masa ke masa. Misalnya pada tahun 1973 lebih daripada 100 orang telah masuk menjadi ahli baru, sementara saham-saham kepunyaan ahli sehingga tarikh tersebut berjumlah sebanyak \$203,193.00, iaitu \$181,684.00 adalah saham dalam syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian manakala \$21,509.00 jumlah saham yang dibeli dari syarikat-syarikat kerjasama yang lain.²

Pada waktu hampir sesuku abad syarikat-syarikat kerjasama itu berjalan, harta-harta yang dapat dikumpulkan dalam bentuk wang pertaruhan tetap dalam Bank Rakyat, saham-saham luar, tanah sawah, kebun kelapa, tapak kedai, bangunan kedai, tapak kilang, mesin-mesin kilang dan sebagainya — bernilai sebanyak \$489,330.00. Ini adalah nilai mengikut harga belian dan jika dikira menurut harga pasaran jelaslah harta-harta tersebut lebih daripada setengah juta ringgit.³

Dengan yang demikian syarikat kerjasama di Daerah Sabak Bernam ini memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan sosioekonomi penduduk tempatan. Oleh itu tujuan pengkajian ini adalah untuk menerangkan bagaimana institusi koperasi di daerah tersebut wujud dan berkembang dalam peranannya memenuhi keperluan-keperluan sosial dan ekonomi masyarakat perdesaan. Dalam konteks ini adalah munasabah buat saya meneliti sejarah perkembangan institusi tersebut sebagai suatu badan yang kegiatannya bukan

1 Temuramah dengan Encik Mokhtar bin Mohamad Tohar, Pegawai Kerjasama Sabak Bernam, 22 April 1974.

2 Laporan Tahunan, Pejabat Kerjasama Sabak Bernam, tahun 1973, hlm. 3.

3 Ibid., hlm. 3.

sahaja melibatkan aspek perekonomian malah merangkumi juga hal sosial dan politik.

Di dalam sebuah daerah yang terpencil, masyarakatnya berkembang secara perlahan dan kedatangan pengaruh luar amat terhad. Sehingga tahun 1960, daerah ini belum ada jalan raya yang dapat menghubungkannya dengan tempat-tempat lain.⁴ Kesukaran kerana tiadanya kemudahan prasarana seumpama jalan raya menyebabkan apa sahaja kemudahan yang terdapat yang memberi faedah kepada masyarakat adalah pokok. Ini termasuk institusi syarikat kerjasama.

Berdasarkan tanggapan yang demikian saya mencuba membincangkan bukan sahaja hal-hal rebah bangunnya sebuah syarikat kerjasama itu tetapi juga peranan individu-individu yang secara langsung menjadi pelopor, pembimbing malah pentadbir kepada syarikat kerjasama yang ditajakannya. Wujudnya sebuah syarikat kerjasama bermakna lahirnya beberapa orang pemimpin masyarakat desa yang secara langsung berpengaruh pula terhadap penduduk sekitarnya.

Meskipun tajuk ini lebih mirip kepada perbincangan hal-hal ekonomi, tetapi sejauh yang mungkin akan dihubungkan sama soal sosial serta politik. Misalnya, dalam menubuhkan sebuah syarikat kerjasama di sesebuah kampung, pemimpinnya juga kerap kali terdiri daripada Datuk Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Tuk Imam dan pemimpin-pemimpin tempatan lainnya. Secara langsung tujuan penubuhan sebuah syarikat kerjasama juga berkait rapat dengan tujuan memperkukuh ikatan sosial dan politik di kawasan itu. Faktor ini juga apabila bertembung dengan syarikat kerjasama lain yang ahli-ahlinya berbeza ideologi politik dan berlainan puak etniknya selalu menimbulkan perselisihan yang berlarutan hingga membawa kepada pergeseran sosial.

Keadaan tersebut dapat diambil sebagai contohnya daripada perselisihan yang berlaku di antara Syarikat Kerjasama Kilang Padi Parit Lima dengan Syarikat Kilang Padi Parit Enam, pada tahun 1960-an. Perselisihan itu membawa kepada perpecahan keahlian syarikat itu dan akhirnya pula kepada kemalapan perniagaan syarikat dan perpecahan masyarakat hingga wujud soal puak dan kaum kerabat.

Kajian ini saya hadkan hingga tahun 1972, iaitu apabila syarikat-syarikat kerjasama di daerah Sabak Bernam secara keseluruhannya diambil alih pengawasannya oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan tumpuan dikhususkan kepada syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian, khususnya dalam bidang perusahaan kilang padi.

Ini dilakukan kerana dianggapkan bahawa syarikat-syarikat kerjasama yang lain yang bilangannya tidak seberapa dan keahliannya merangkumi pekerja-pekerja luar, kakitangan kerajaan, badan berkanun, murid-murid sekolah kurang sekali melibatkan penduduk setempat. Di samping itu syarikat-syarikat tersebut baru sahaja ditubuhkan sejak awal tahun 1970-an.

Di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang, syarikat-syarikat kerjasama yang kebanyakannya dahulu hanya berfungsi untuk membeli, memasarkan

⁴ Cenderamata, *Perisytiharan Sabak Bernam menjadi Daerah ketujuh dalam Negeri Selangor, pada 1.7.1960*, hlm. 3. (Selepas ini disebut *Cenderamata* sahaja).

dan memproses padi petani-petani diubahsuai untuk berkhidmat dalam bidang-bidang lain yang lebih luas seumpama mengadakan perkhidmatan kredit pertanian, sebagai pembekal barang-barang keperluan pertanian dan perancangannya dikendalikan oleh kakitangan lembaga tersebut bersama-sama dengan ahli jawatankuasa syarikat-syarikat kerjasama di bawah pengawasannya.⁵

Oleh kerana bidang pelaksanaannya dengan segala rancangan di bawah lembaga itu masih di peringkat percubaannya maka bidang kajian ini juga tidak menyentuh hasil-hasil kejayaan yang dicapai olehnya selama ini. Dengan ini juga saya dapat mengkaji dengan lebih khusus pergerakan syarikat-syarikat kerjasama itu sendiri selama lebih kurang sesuku abad itu.

Jangka waktu tersebut dapat dianggap suatu masa yang panjang untuk sesebuah syarikat kerjasama itu tegak membangun dan berkembang ke arah kemandapan yang bermakna dalam perkhidmatannya kepada ahli-ahli. Sebaliknya, dalam tempoh tersebut juga terdapat syarikat-syarikat yang masih lagi menghadapi berbagai masalah dari segi modal atau pentadbiran, malah pergeseran ahli-ahlinya sendiri sehingga perjalanannya tetap dalam keadaan mundur. Meskipun keahliannya tidak meliputi seluruh penduduk daerah ini, pergeseran yang timbul acap kali membawa orang ramai ke arah persenggitan.

Akhirnya, kerana keseluruhan keahlian syarikat adalah terdiri daripada orang Melayu sahaja maka perbincangan ini juga memusatkan penceritaan yang berlandaskan keadaan yang berlaku dalam masyarakat tersebut; meskipun tidak dapat dinafikan perhubungan perdagangan melibatkan kaum-kaum lain seperti orang Cina, tetapi peranan mereka terbatas kepada hubungan perniagaan sahaja.

Daerah Sabak Bernam

Sehingga akhir abad ke-19, umumnya wilayah Sabak Bernam masih merupakan kawasan hutan. Kawasan-kawasan yang telah diterokai hanya terdapat di sekitar tebing Sungai Bernam. Di sini terdapat beberapa buah kampung kecil yang berkelompok-kelompok dengan penduduknya membuat pekerjaan menangkap ikan, mengeluarkan hasil hutan dan bercucuk tanam. Selain daripada itu ada juga perkampungan kecil di tebing-tebing Sungai Besar, Sungai Haji Dorani dan Sungai Burung yang didiami oleh beberapa keluarga yang menangkap ikan. Kerana kediaman mereka belum lagi tetap, maka kawasan-kawasan itu tidak dijadikan kampung halaman yang sebenarnya.

Daripada sumber yang layak dipercayai, kampung yang terawal ialah Kampung Datuk Khalifah yang terletak kira-kira 32 kilometer ke hulu Sungai Bernam, iaitu 19 kilometer dari pekan Sabak Bernam sekarang. Kampung itu dibuka oleh Datuk Khalifah dan anak-anaknya. Kemudian Raja Unus, iaitu Putera Sultan Ibrahim (Selangor), dengan seorang pengiringnya Haji Ali datang ke Sabak Bernam, membina kota di Seberang Perak (kini dinamakan Kampung Kota, bersetentangan dengan pekan Sabak Bernam),

5 Temuramah dengan Encik Harun bin Abd. Manan, Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang Suka Maju, Sabak Bernam, pada 25 Februari 1974.

manakala Haji Ali tinggal di Kampung Sabak.⁶ Sejak itu ramailah orang Melayu dari tempat lain datang membuat petempatan baru dengan berlandung di bawah pentadbiran Raja Unus, Haji Ali dan Datuk Khalifah.

Kawasan sawah di wilayah Sabak Bernam mula dibuka sejak awal abad ke-20, iaitu beberapa tahun sahaja setelah kedatangan Raja Unus. Perpindahan keluarga ke wilayah ini secara beramai-ramai berpunca daripada kekacauan perang saudara di Selangor yang berlarutan hingga ke Kampung Permatang (Kuala Selangor) dan sehingga awal tahun 1870-an masih belum dapat diselesaikan. Persengketaan antara keluarga dan puak itu menyebabkan ramai pengikut Raja Unus sendiri berpindah ke Sabah Bernam.⁷

Selain daripada itu akibat daripada kemasukan ramai orang Cina ke Selangor untuk membuka lombong bijih timah di Kuala Lumpur dan Kancing, menyebabkan Selangor kekurangan makanan. Beras terpaksa dibawa masuk dari Perak dan Kedah, dan harganya juga mahal. Kesempitan hidup ini menyebabkan ramai orang-orang Melayu pergi ke kawasan-kawasan yang boleh dibuka untuk bertanam padi.⁸ Di awal abad ke-20 berita pembukaan kawasan sawah di Sabak Bernam itu telah sampai ke pengetahuan penduduk-penduduk di kawasan pantai di negeri Johor seperti Batu Pahat dan Muar yang dewasa itu ramai didiami oleh orang-orang baru pindah masuk dari Indonesia. Mereka terdiri dari orang-orang Jawa, Bugis, Kampar, Banjar dan Mendeling.⁹ Ramai dari kalangan mereka berpindah semula membuat petempatan baru di daerah Sabak Bernam.¹⁰

Pada tahun 1920-an hampir separuh daripada kawasan sawah yang seluas 8,903 hektar itu telah diteroka dengan penduduknya seramai kira-kira 7,500 orang.¹¹ Mereka adalah orang-orang Melayu yang terdiri daripada berbagai-bagai golongan ethnik seperti Melayu Jati,¹² Banjar, Jawa dan Kampar dengan sedikit-sedikit golongan Mendeling dan Rawa.¹³ Sejak dekad kedua abad ke-20 mereka telah membawa bersama-sama keluarga dan sanak saudara masing-masing untuk membuat tempat kediaman yang tetap.

Mulai dari 1920-an kawasan sawah itu dibahagikan kepada dua mukim, iaitu Mukim Sungai Panjang dan Mukim Pancang Bedena. Tiap-tiap mukim ditadbirkan oleh seorang penghulu. Penghulu pertama mukim Pancang Bedena ialah Raja Abdullah bin Raja Ahmad sementara Mukim Sungai Panjang pula ditadbir oleh seorang penghulu muda bernama Engku Bahrum bin Engku Ismail.¹⁴

Kedua-dua mukim ini mengandungi lebih dari 20 buah kampung kecil seperti Kampung Datuk Khalifah, Bagan Terap, Parit Sembilan, Pancang Bedena, Sungai Besar, Sungai Limau, Simpang Lima, Sungai Haji Dorani dan sebagainya. Masing-masing kampung ditadbir pula oleh ketua-ketua

6 *Cenderamata*, hlm. 2.

7 Temuramah dengan Hj. Bahari Haji Hassan, 6.5.1974. Sungai Besar.

8 Temuramah dengan Encik Omar Bakey, 9.5.1974. Sungai Besar.

9 Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967. hlm. 185.

10 Temuramah dengan Encik Omar Bakey, 9.5.1974, di Sungai Besar.

11 *Ibid.*

12 Istilah Melayu Jati digunakan untuk golongan orang-orang Melayu yang asal atau telah beberapa generasi menetap di Tanah Melayu.

13 Temuramah dengan Encik Omar Bakey.

14 Temuramah dengan Raja Abdullah bin Raja Ahmad, 9.5.1974 di Sungai Besar.

kampung yang dipilih oleh penduduk kampung itu sendiri ataupun dilantik oleh penghulu mukim.

Suatu hal yang jelas kelihatan, tiap-tiap kampung itu menunjukkan kegemaran membentuk pola-pola penempatan yang hanya terdiri dari golongan ethnik yang sama. Umpamanya, dalam tahun 1930-an penduduk Kampung Parit Satu yang terdiri dari kira-kira 200 orang penduduk adalah 90% orang-orang Jawa; Kampung Pancang Bedena untuk Orang-orang Melayu Jati, sementara Kampung Parit Sembilan keseluruhannya terdiri dari Orang-orang Banjar.

Hakikat ini secara langsung menunjukkan wujudnya fahaman berpuak dan ethnik dan ketua-ketua kampung mereka merupakan pemimpin-pemimpin golongan ethnik itu sendiri. Sehingga Perang Dunia Kedua, oleh sebab tidak terdapatnya sebarang institusi sosial yang berfungsi menyatukan golongan-golongan tersebut, acapkali berlaku perselisihan puak. Misalnya, dalam tahun 1932 berlaku persengketaan puak Melayu dengan puak Banjar hingga mengakibatkan seorang Melayu terbunuh dan beberapa orang lagi cedera. Perselisihan ini mewujudkan perasaan dendam dan secara tidak langsung masing-masing golongan merasa lebih selamat tinggal di dalam kampung yang berjiran dengan golongan yang sama. Ini turut memperluaskan lagi jurang perhubungan sosial antara golongan.¹⁵

Perasaan berpuak-puak sedemikian rupa hanya mulai berkurangan selepas Perang Dunia Kedua akibat daripada pengalaman pahit di zaman Jepun dan ancaman komunis. Nampaknya apabila wujud suatu ancaman luar yang lebih membahayakan, masing-masing golongan sanggup melupakan perasaan berpuakan mereka dan bersatu menghadapi bahaya yang mendatang itu.

Selain itu faktor perkembangan pelajaran seperti terdirinya beberapa institusi pendidikan baik sekolah Melayu ataupun sekolah agama turut menyedarkan mereka tentang kepentingan perpaduan; sementara bagi golongan dewasa penubuhan institusi syarikat kerjasama yang walaupun masih lagi bercorak ethnik, tetapi sedikit sebanyak membantu menimbulkan perasaan bekerjasama di antara ahli-ahlinya.

Pekerjaan

Perusahaan menanam padi menjadi pekerjaan utama penduduk Sabak Bernam khasnya dari kedua-dua mukim Pancang Bedena dan Sungai Panjang. Di samping itu mereka juga menjadi pekebun-pekebun kecil kelapa, menanam sayur-sayuran, berternak, menangkap ikan dan mengeluarkan hasil-hasil hutan seperti rotan dan kayu api. Bidang pekerjaan perniagaan seperti berkedai runcit dimonopoli oleh orang-orang Cina yang tinggal berkelompok di pekan-pekan kecil seperti pekan Sabak Bernam, Sungai Besar, Sungai Haji Dorani dan Bagan Terap.

Hitung panjang tiap-tiap keluarga petani mempunyai tanah sawah seluas antara 1.2 hingga 2.4 hektar. Menurut temuramah yang dibuat dengan beberapa orang penduduk Kampung Parit Empat,¹⁶ pada tahun 1930-an

15 Temuramah dengan Ketua Kampung Parit Lima, Haji Muhammad Tubassar, 23.4.1974. Di Sungai Besar.

16 Penulis sendiri adalah anak kampung tersebut.

dari seramai 60 keluarga, 90% daripadanya memiliki tanah sawah seluas 2.4 hektar, manakala baki 10% lagi memiliki tanah sawah seluas antara 1.2 hingga 1.6 hektar. Pada ketika ini belum berlaku masalah kekurangan tanah sementelahan generasi mereka adalah peneroka awal dan pemecahan akibat pewarisan tanah belum berlaku secara meluas.

Sawah-sawah mereka ditanam padi sekali setahun, biasanya mengikut musim, iaitu bila tiba musim tengkujuh (Oktober hingga Februari) dan mengetam hasilnya dalam bulan April dan Mei. Sementara menantikan padi masak penduduk-penduduk kampung biasanya bekerja mencari kayu api di hutan-hutan paya yang berhampiran, menangkap ikan darat, mengambil upah bekerja di kebun-kebun kelapa dan bagi golongan belianya ada yang keluar ke lain kawasan, umpamanya pergi ke utara Perak dan Kedah untuk bekerja sebagai buruh-buruh menuai padi.

Pemergian mereka bekerja di kawasan-kawasan sawah tersebut telah menjadi kebiasaan yang berterusan hinggalah lewat tahun-tahun 1960-an apabila sawah-sawah di daerah ini mula menjalankan rancangan menanam padi dua kali setahun. Golongan belia ini pergi bekerja di sawah-sawah sanak-saudara mereka khasnya golongan Banjar yang ramai mempunyai sanak-saudara di kawasan Kuala Kurau, Parit Buntar dan Kerian, Perak.

Suatu fenomena yang wujud kesan dari pergerakan tenaga pekerja sumpama ini ialah kukuhnya ikatan kekeluargaan dan puak masing-masing golongan sehingga contoh yang paling nyata ialah berlakunya perkahwinan antara sesama mereka — sementelahan bila tiba musim menuai di kawasan sawah Sabak Bernam, belia-belia dari kawasan Perak dan Kedah pula datang ke daerah ini. Keduanya, hakikat penghijrahan ke bandar-bandar untuk mendapatkan pekerjaan lain belum ketara kelihatan. Mereka berpuas hati dengan pusingan pekerjaan menurut musim antara dua kawasan tersebut sahaja.

Apabila dijalankan rancangan menanam padi dua kali setahun, tenaga buruh yang berlebihan itu dapat digunakan sepenuhnya dan secara langsung menolong membanteraskan gejala pengangguran tidak ketara. Di samping itu tanah-tanah sawah tidak lagi tinggal kosong selama kurang lebih enam bulan pada tiap-tiap tahun.

Keadaan Selepas Pendudukan Jepun

Oleh kerana tekanan ekonomi yang sangat kuat, inflasi memuncak, kekurangan bahan-bahan makanan menjadi-jadi, maka ramai orang-orang dari kawasan pekan dan kebun kelapa berpindah tinggal di kawasan sawah. Disini, bukan sahaja mereka dapat berusaha bercucuk tanam tetapi juga terlepas dari bahaya kelaparan. Walaupun bekalan beras yang masih kurang, tetapi kerana jadi ditanam sendiri, simpanan untuk semusim dapat dibekalkan. Dengan yang demikian kawasan sawah mula menerima penduduk yang ramai. Tuan-tuan tanah yang dahulunya mengosongkan tanah sawah mereka kerana tinggal di pekan atau di kawasan kebun kelapa kini membuat tempat kediaman yang kekal di kawasan sawah padi.

Suatu hal yang masih kekal wujud ialah kecenderungan membuat tempat kediaman di kampung-kampung yang sama jenis ethniknya. Ini membuktikan bahawa gejala perasaan berpuak-puak itu masih lagi berkesan

walaupun perselisihan-perselisihan tidak berlaku.

Sejak tahun 1945, penduduk di kawasan sawah telah bertambah dengan pesatnya. Pada tahun tersebut jumlah penduduknya seramai 15,600 orang berbanding dengan beberapa tahun sebelum Perang dianggarkan hanya berjumlah 12,300 orang.¹⁷ Dalam banci tahun 1957 penduduk Sabak Bernam telah meningkat kepada 57,000 orang dan hampir setengah daripadanya tinggal di kawasan sawah.¹⁸

Pembangunan sosial mula dijalankan sebaik lewat tahun 1940-an. Misalnya sehingga tahun 1940 tujuh buah sekolah Melayu telah didirikan di kawasan sawah tersebut, iaitu:¹⁹

| Sekolah Melayu | Tahun |
|--------------------|-------|
| Pancang Bedena | 1910 |
| Parit Sembilan | 1947 |
| Parit Dua belas | 1949 |
| Sungai Besar | 1949 |
| Sungai Limau | 1949 |
| Sungai Haji Dorani | 1949 |
| Bagan Terap | 1949 |

Di samping itu didirikan juga beberapa buah sekolah agama yang sama ada didirikan berasingan bangunan atau menumpang di surau-surau. Misalnya, Sekolah Agama Rakyat Pekan Selasa (Sekolah Pondok) didirikan pada tahun 1954 dan Sekolah Arab Sungai Besar pada tahun 1956. Sebelum itu kanak-kanak diajar mengaji Quran di surau-surau oleh guru-guru agama yang dibayar gajinya oleh penduduk kampung itu sendiri. Murid-murid ini melanjutkan pelajaran agama mereka di sekolah-sekolah pondok yang lebih besar seperti Madrasah al-Ulum Batu 20, Bagan Datuh, Sekolah Al-Diniah, Kampung Lalang, Padang Rengas, Sekolah Muhammadiyah, Kelantan, dan ada yang pergi melanjutkan pelajarannya ke Timur Tengah.²⁰

Beberapa orang pelajar yang kembali semula setelah tamat pengajian mereka dilantik sebagai guru agama, imam dan khatib. Misalnya, Tuan Guru Haji Bahauddin dan Tuan Guru Haji Abdul Karim adalah lepasan dari Sekolah Arab di Mekah; Haji Ishak Haji Asmawi lepasan Sekolah Muhammadiyah, Kelantan, dan Haji Arshad bin Haji Saman, lepasan Madrasah al-Ulum, Bagan Datuh, Perak.²¹

Jalan-jalan untuk pergi ke kampung-kampung masih lagi sebagai lorong-lorong kecil yang becak apabila musim hujan. Ia dibina oleh penduduk kampung secara bergotong-royong. Ini berbetulan kerana keperluan membina tali air, tanah-tanah yang dicangkul dari parit-parit tali air itu dijadikan jalan. Ini sebagai salah satu faktor kelembapan kemajuan wilayah ini.

Hanya pada tahun 1959 kerajaan menjalankan rancangan membina

17 Pejabat Daerah Sabak Bernam, PDSB. 786(2), 7.5.1974.

18 *Cenderamata*, hlm. 16.

19 *Ibid.*, hlm. 10.

20 Temuramah dengan Haji Arshad bin Haji Saman, (Sungai Besar) 25.4.1974.

21 *Ibid.*

jalan raya untuk menghubungkan tempat ini dengan kawasan-kawasan lain seperti Tanjung Karang dan Teluk Intan.²²

Ke arah Pembentukan Syarikat Kerjasama

Sehingga tahun 1946 belum ada sebuah kilang padi pun didirikan di Daerah Sabak Bernam ini. Petani-petani menjualkan hasil padi mereka kepada yang membeli padi itu di Pekan Sungai Besar. Pengangkutan yang mereka gunakan hanya dengan basikal. Oleh kerana tiada kilang padi juga menyebabkan petani-petani menukarkan padi mereka kepada wang dahulu kemudian membeli beras di kedai-kedai runcit. Ini bermakna berlaku kerja berulang dan mereka mengalami kerugian. Setengah petani memproses padi itu sendiri untuk dijadikan beras dengan menggunakan lesung kaki; suatu alat penumbuk padi yang dibuat daripada kayu. Cara ini ternyata amat tidak produktif. Dalam sehari hanya dapat memproses kira-kira lima gantang beras sahaja dan dedaknya terbuang.

Pada akhir tahun 1946, terdapat tiga buah kilang padi kepunyaan peniaga-peniaga Cina yang masing-masing ditempatkan di Kampung Parit Tiga, Parit Enam Parit Sembilan. Kilang-kilang padi ini mengambil upah mengisar padi dengan bayaran 90 sen sepikul.²³ Kilang-kilang padi itu didirikan di kampung-kampung tersebut atas kawalan ketua-ketua kampung yang juga dipelawa memiliki sedikit saham. Dengan adanya sedikit kepentingan mereka di kilang tersebut, keselamatan kilang itu terpelihara dan bermakna juga wujud sedikit usaha perniagaan bersama antara kaum. Tetapi perhubungan ini hanya di peringkat pemimpin sahaja.

Kilang-kilang padi ini hanya berfungsi mengambil upah mengisar padi petani-petani untuk dijadikan beras dan menjual dedaknya kepada penternak-penternak ayam itik yang terdiri daripada orang-orang Cina di Kampung Bagan, Sungai Besar. Petani-petani masih menjual padi mereka untuk ditukarkan dengan wang kepada orang tengah di pekan Sungai Besar. Walau bagaimanapun dengan adanya kilang-kilang padi tersebut mereka tidak lagi bersusah payah menggunakan lesung kaki yang ternyata amat tidak menguntungkan itu.

Pada tahun 1949, sebuah kilang padi yang besar didirikan di pekan Bagan Terap. Kilang ini dimiliki oleh seorang saudagar Cina bernama Foo Soon Seng yang tinggal di Teluk Intan. Kilang padi ini boleh memproses padi sebanyak 13.5 tan sejam.²⁴ Kerana itu ia berupaya membeli padi petani-petani; tidak lagi hanya mengambil upah mengisar seperti kilang-kilang padi yang tersebut di atas. Ia didirikan di Bagan Terap kerana kemudahan-kemudahan pengangkutan menghantar padi dan beras yang dibeli dan diproses keluar daerah Sabak Bernam melalui pengangkutan bot mengikut Sungai Bernam.

Oleh kerana kesukaran-kesukaran yang dialami oleh penduduk Kampung Simpang Lima dan sekitarnya yang selama ini terpaksa menghantar padi mereka untuk diproses ke kilang-kilang padi persendirian di Parit

22 *Cenderamata*, hlm. 3.

23 Temuramah dengan Hj. Bahari bin Hj. Hassan, Sungai Besar, pada 6.5.1974.

24 *Cenderamata*, hlm. 6.

Tiga yang sejauh 13 km. itu, maka atas usaha ketua kampungnya Haji Sanusi bin Mandok bersama-sama dengan Haji Nawawi Abd. Rahman, Abd. Rahim bin Ahmad dan Haji Bahari bin Haji Hassan berjaya mengumpulkan penduduk-penduduk Kampung Simpang Lima untuk membincangkan hal rancangan membeli sebuah mesin pengisar padi dengan cara berkongsi.

Satu perjumpaan seramai kira-kira 150 orang penduduk kampung itu telah diadakan pada bulan November 1951 bertempat di surau (madrasah) Kampung Simpang Lima. Persetujuan telah tercapai untuk membeli sebuah mesin pengisar padi dengan nilai anggaran sebanyak \$6,000.00. Akhirnya dengan usaha pihak penajanya yang bersungguh-sungguh kilang itu berjaya didirikan pada bulan Mac 1952. Oleh kerana tidak ada mesin pengisar padi di sekitarnya kilang ini, ia memonopoli usaha memproses padi petani-petani Kampung Simpang Lima dan sekitarnya dengan pendapatan yang memuaskan.²⁵

Pada awal Mei 1952 kilang ini dilawati oleh Encik Abu Bakar Hussain, Pegawai Kemajuan Kerjasama bahagian Perak Selatan dan Tanjung Karang bersama-sama Pegawai Daerah Kuala Selangor²⁶ dan Penghulu Mukim Pancang Bedena dan mereka menyarankan kepada penduduk-penduduk kampung itu supaya kilang padi itu diperbesarkan lagi dengan cara menukarkannya kepada sebuah syarikat kerjasama. Persetujuan telah tercapai pada hari itu juga dengan sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan. Jawatankuasa itu terdiri dari:-

Haji Nawawi bin Abd. Rahman sebagai Yang Dipertua,
Haji Othman bin Ahmad sebagai Setiausaha,
Haji Jafri bin Haji Mansur sebagai Bendahari dan tujuh orang ahli jawatankuasa.²⁷

Semangat yang ditunjukkan oleh penduduk-penduduk kampung pada hari itu amat menggalakkan berdasarkan kepada jumlah saham yang dibeli oleh mereka pada hari itu sahaja berjumlah sebanyak \$800.00,²⁸ berbanding dengan taraf ekonomi mereka ketika itu adalah lemah. Ini juga membuktikan betapa kepercayaan mereka kepada konsep bekerjasama yang baru mereka dengar dan amat gembira untuk melihat kejayaan syarikat tersebut.

Syarikat yang dipersetujui itu dinamakan Syarikat Kilang Padi Bekerjasama Tanggungan Berhad. Inilah sebuah syarikat yang julung kalinya berjaya ditubuhkan dan selepas didaftarkan pada awal tahun 1953, syarikat ini berjaya mengumpulkan modal sebanyak \$2,200.00 atas jualan saham tiaptiap satu bernilai \$10.00. Ahli-ahlinya pada ketika ini berjumlah seramai 203 orang yang kebanyakannya terdiri daripada penduduk Kampung Simpang Lima sendiri.²⁹

Pada masa ini syarikat itu hanya ada sebuah mesin pengisar 18 kuasa

25 Temuramah dengan Haji Othman bin Ahmad, Pejabat Zakat Padi Sungai Besar, pada 26.8.1974.

26 Wilayah Sabak Bernam diisytiharkan sebagai sebuah daerah Negeri Selangor pada 1.7.1974. Sebelum ini pentadbirannya di bawah kuasa Pegawai Daerah Kuala Selangor. Lihat *Cenderamata*, hlm. 1.

27 Temuramah dengan Haji Nawawi bin Abd. Rahman, Ketua Kampung Pekan Selasa, Sungai Besar, pada 26.8.1974.

28 Temuramah dengan Haji Othman bin Ahmad, 26.8.1974.

29 Ibiq.

kuda dengan pekerja-pekerjanya seramai tiga orang. Mereka ialah Baharom bin Abd. Rahman, Haji Bahari bin Haji Hassan dan Abd. Rahman bin Abdullah. Ketiga-tiga mereka ini adalah ahli yang terbanyak memiliki saham syarikat itu.³⁰

Syarikat kerjasama ini menjadi contoh kepada petani-petani Daerah Sabak Bernam. Secara perlahan-lahan mereka mula menyedari akan kebaikan bersyarikat sebagai satu-satunya cara mengatasi masalah kekurangan modal untuk mendapatkan mesin pengisar padi. Sejak tahun 1953 itu kedengaran suara-suara permintaan dari penduduk kampung lain untuk menubuhkan syarikat kerjasama di kampung masing-masing. Pegawai Kemajuan Kerjasama yang ketika itu beribu pejabat di Teluk Intan turut menggalakkan perkembangan ini.

Haji Bahari bin Haji Hassan, seorang pekerja dalam Syarikat Kerjasama Kilang Padi Simpang Lima (SKKPS 5) mengambil daya usaha untuk penubuhan syarikat itu di kampungnya sendiri, iaitu Kampung Parit Satu Timur. Dengan usahanya bersama-sama dengan Haji Arshad bin Haji Ramli dan Haji Abu Samah bin Nordin Syarikat Kerjasama Kilang Padi Parit Satu Timur (SKKPP 1) berjaya ditubuhkan lewat tahun 1953 dengan ahli-ahlinya seramai 92 orang. Modal permulaannya berjumlah sebanyak \$12,456.00 diperolehi dari jualan saham dan wang pertaruhan pihak penaja sebanyak \$9,480.00.³¹ Yang jelas di sini ialah keupayaan dan daya usaha yang kuat dari penajanya hingga sanggup mengeluarkan wang pertaruhan yang besar untuk menjayakan syarikat tersebut. Mereka menyedari, terutamanya Haji Bahari bin Haji Hassan yang juga bekas penaja SKKPS 5, betapa perlunya sebuah syarikat seumpama itu di kampung mereka. Dengan ini telah tertubuh dua buah syarikat kerjasama kilang padi di Daerah Sabak Bernam.

Selanjutnya, seorang dari penaja SKKPP 1, iaitu Haji Arshad bin Haji Ramli bersama dengan Ketua Kampung Parit Lima Haji Ahmad Tubasar, Syarikat Kerjasama Kilang Padi Parit Lima berjaya ditubuhkan pada 7.9.1953 dengan modal sebanyak \$11,890.00. Ahli yang terdaftar pada masa itu ialah seramai 65 orang.³² Berikutnya, Ketua Kampung Parit Sembilan, Kadim bin Arshad bersama dengan Udin bin Awang, Haji Karim bin Mina, Haji Yusuf bin Bakar dan Long bin Ismail berjaya menubuhkan Syarikat Kerjasama Kilang Padi Parit Sembilan pada 1.10.1953 dengan modal sebanyak \$12,400.00 dan ahlinya seramai 72 orang.³³

Demikianlah satu demi satu syarikat kerjasama di daerah ini wujud dengan fungsinya mengisar padi petani-petani dan setengahnya turut mengadakan pasaran padi dan beras. Dalam tahun 1950-an sahaja 11 buah syarikat kerjasama yang serupa telah ditubuhkan di daerah ini. Perkembangan yang begitu pesat berjalan terus dalam tahun-tahun berikutnya sehinggalah pada tahun 1972 sebanyak 19 buah syarikat telah tertubuh (Lihat jadual 1).

30 Temuramah dengan Haji Nawawi bin Abd. Rahman, 26.8.1974.

31 Temuramah dengan Haji Bahari bin Haji Hassan, 6.5.1974.

32 Temuramah dengan Haji Baharudin Usi, Setiausaha SKKP Parit 5, pada 8.5.1974.

33 Temuramah dengan Encik Kadim bin Arshad, Ketua Kampung Parit 9, Sungai Besar, pada 4.5.1974.

Jadual I
Penubuhan Syarikat Kerjasama Kilang Padi
Daerah Sabak Bernam, tahun 1952—1972

| Nama Syarikat | Tarikh Ditubuhkan |
|---|-------------------|
| 1. Syarikat Kerjasama Kilang Padi (SKKP) Simpang 5, | September 1952 |
| 2. SKKP Parit 1 Timur, | Ogos 1953 |
| 3. SKKP Parit 5, | September 1953 |
| 4. SKKP Parit 9, | Oktober 1953 |
| 5. SKKP Parit Cabang, | April 1954 |
| 6. SKKP Parit 3 Sungai Haji Dorani, | Mei 1954 |
| 7. SKKP Parit 2 Timur, | Ogos 1954 |
| 8. SKKP Parit 6, | Oktober 1957 |
| 9. SKKP Parit 15, Sungai Nipah, | Oktober 1956 |
| 10. SKKP Tali Air 13, Sungai Nipah, | Disember 1957 |
| 11. SKKP Parit 11, Sungai Panjang, | Mei 1959 |
| 12. SKKP Parit 13, Sungai Panjang, | September 1961 |
| 13. SKKP Parit 3 Barat, | April 1963 |
| 14. SKKP Tenaga Bersama, Parit 2 Tengah, | September 1964 |
| 15. SKKP Parit 1 Barat, | Januari 1970 |
| 16. SKKP Tenaga Belia, Tebuk Pulai, | Januari 1971 |
| 17. SKKP Peket 60, Sungai Nipah, | November 1969 |
| 18. SKKP Batu 38, Sabak Bernam, | Februari 1971 |
| 19. SKKP Sungai Limau, | Januari 1972 |

Sumber: Jabatan Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, *Coop. S.B. 33/57/20* dan Lembaga Pertubuhan Peladang, Suka Maju, Sabak Bernam, *LPP. S.B. 33/74/20*.

Sebanyak tiga buah lagi syarikat kerjasama ditubuhkan akhir tahun 1972 setelah Lembaga Pertubuhan Peladang mengambil alih pentadbiran syarikat-syarikat kerjasama di daerah ini, tetapi dinamakan dengan Syarikat Kerjasama Serbaguna yang menurut pendaftarannya berfungsi bukan sahaja untuk memproses padi, tetapi termasuk bidang perniagaan lain. Syarikat-syarikat itu ialah, Syarikat Kerjasama Serbaguna (SKS), Parit Cangkat, SKS Peket 20 dan SKS Sri Saksama, Sungai Besar. Berikutan dengan penukaran nama syarikat-syarikat tersebut, lapan buah syarikat kerjasama kilang padi yang lain turut mengikut langkah tersebut, seperti antaranya SKKP Parit 5, menjadi SKS Parit 5 dan SKKP Parit 6 menjadi SKS Parit 6. Langkah ini digalakkan oleh pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) supaya syarikat-syarikat tersebut dapat meluaskan bidang perniagaan mereka meliputi semua aspek keperluan petani-petani seperti baja, racun serangga dan barang-barang keperluan hari-hari. Tegasnya dari 27 buah syarikat kerjasama Daerah Sabak Bernam yang berasaskan kepada pertanian 22 buah daripadanya adalah syarikat kilang padi sementara bakinya adalah syarikat-

syarikat kampung yang berfungsi membeli dan memasarkan hasil-hasil kelapa dan pisang.³⁴ Daripada 22 buah syarikat kerjasama kilang padi itu pula, lewat tahun 1972, 11 buah daripadanya telah meluaskan bidang perniagaannya sesuai dengan penukaran nama kepada syarikat kerjasama serbaguna itu.

Suatu perkara yang menarik perhatian ialah kepesatan perkembangan syarikat-syarikat kerjasama itu berkait rapat dengan kemajuan pertanian, khasnya perusahaan penanaman padi di Daerah Sabak Bernam itu. Tubuhnyanya sebuah syarikat dalam sebuah kampung bermakna suatu kejayaan bagi penduduknya dalam usaha mereka membaiki taraf perekonomian. Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan juga adanya gejala-gejala yang kurang sihat yang selalu mengakibatkan kemunduran syarikat-syarikat tersebut. Dalam hal ini ada berbagai-bagai faktor yang tali-temali dengan maju mundurnya sesebuah syarikat itu; baik dari segi modal, ahli, pentadbiran dan masyarakat ramai umumnya.

Sesuku Abad Dengan Syarikat Kerjasama

Suatu hakikat yang ketara dalam aspek perkembangan syarikat kerjasama kilang padi Daerah Sabak Bernam ialah keupayaannya mengadakan perkhidmatan membeli, memproses dan memasarkan padi petani-petani tanpa melalui orang tengah lagi. Keuntungan yang diperolehi atau sebaliknya terpulang kepada masing-masing syarikat dan oleh kerana sebahagian besar kegiatan perekonomian penduduk di kawasan sawah padi bergantung kepada hasil padi, maka bermakna lebih 90% daripada perekonomian mereka berkait erat dengan gerakan kerjasama itu.

Lebih kurang dua tahun selepas penubuhan beberapa buah syarikat kerjasama, kilang padi Foo Soon Seng yang bertempat di Bagan Terap itu telah ditutup kerana kurang mendapat sambutan. Begitu juga kilang-kilang padi persendirian di Parit Tiga, Parit Enam dan Parit Sembilan terpaksa ditutup oleh keadaan yang sama. Sebaliknya, dengan penutupan kilang-kilang itu, pemimpin-pemimpin syarikat kerjasama bersama dengan ketua kampung dan penghulu Mukim Pancang Bedena bercadang untuk menubuhkan sebuah kilang padi yang lebih besar dan mampu memproses sebahagian besar hasil padi petani-petani daerah itu. Atas usaha Haji Bahari bin Haji Hassan, Haji Arshad Haji Ramli, Haji Mohd. Nor bin Abdullah dan Haji Abu Samah Nordin (wakil dari beberapa buah syarikat kerjasama) menyambut saranan Datuk Penghulu dan suatu perjumpaan ramai telah berjaya diadakan pada 25.2.1955 dan persetujuan telah tercapai untuk mendirikan kilang yang dimaksudkan itu lengkap dengan tempat mengeringkan padi.³⁵ Dengan terdirinya kilang tersebut dirancangan akan dapat membekalkan beras kepada pengguna-pengguna di Daerah Sabak Bernam khasnya dan kawasan luar amnya.

Kilang yang dimaksudkan penubuhannya itu merupakan sebuah syarikat berhad yang menetapkan pemilikan sahamnya atas had minima sebanyak \$4,000.00. Akhirnya, apabila kilang ini didaftarkan pada awal tahun 1956 modal permulaannya ialah \$152,000.00 dengan keahliannya seramai 35

34 Temuramah dengan Encik Harun Abd. Manan, 25.2.1974.

35 Temuramah dengan Haji Bahari bin Haji Hassan, pada 6.5.1964.

orang.³⁶ Kesemua jawatankuasa penajanya telah dilantik sebagai jemaah pengarah dengan diketuai oleh Haji Bahari bin Haji Hassan sebagai pengerusinya.³⁷

Inilah satu-satunya syarikat berhad yang berjaya ditubuhkan di daerah ini dan perjalanannya dalam sepuluh tahun yang pertama begitu menggalakan. Syarikat ini berjaya membeli kira-kira 50% daripada padi petani dan kemudian memprosesnya sebelum dijual kembali sebagai beras kepada pemborong-pemborong beras.

Akan tetapi selepas pertengahan tahun 1960-an mula tergambar bayang-bayang kemalapannya. Menurut bekas pengurusnya Haji Bahari Haji Hassan, sehingga akhir tahun 1960-an syarikat ini terus menerima kerugian. Akhirnya ia dibeli terus oleh Haji Mohd. Nor Abdullah untuk mengusahakannya secara persendirian.

Satu masalah besar yang dihadapi ialah tidak terdapatnya sebarang butiran kira-kira kewangannya yang disimpan. Dikatakan setelah ia dimiliki secara bersendirian, semua kenyataan tentang kira-kira kewangannya telah musnah dan/atau dimusnahkan.

Persatuan Syarikat Kerjasama

Perkembangan syarikat kerjasama di Daerah Sabak Bernam amat pesat jika dilihat dari segi bilangan syarikat serta penambahan ahli dari tahun ke tahun. Sehingga tahun 1967 sahaja terdapat 14 buah syarikat kerjasama kilang padi yang berfungsi memberi perkhidmatan kepada ahlinya dan orang ramai lainnya dalam tugas mengisar padi untuk dijadikan beras, membeli padi petani-petani dan memasarkannya terus kepada kilang-kilang padi yang besar seperti Syarikat Kilang Padi Berhad, Sungai Besar dan syarikat-syarikat kilang padi di luar Daerah Sabak Bernam. Masing-masing syarikat itu berjalan sendiri-sendiri dengan ditadbir oleh ahli jawatankuasanya masing-masing.

Walaupun fungsi syarikat-syarikat itu pada dasarnya sama sahaja, tetapi dalam soal pentadbiran dan kegiatan perniagaan tidak terdapat suatu keseragaman. Umpamanya, dalam soal memberi hari kelepasan am kepada pekerja-pekerjanya, selalu bertelingkah. Ada syarikat yang bercuti pada hari Ahad, ada yang pada hari Jumaat dan ada setengah kilang memberi cuti pada hari keputeraan sultan, misalnya, tetapi ada yang sebaliknya. Gaji pekerja-pekerjanya juga berlainan walaupun tugasnya sama. Misalnya, Syarikat Kerjasama Kilang Padi Parit Lima memberi gaji \$130.00 kepada keraninya pada tahun 1955, sedangkan Syarikat Kerjasama Parit Dua memberi gaji sebanyak \$150. Disebabkan kedudukan kewangan dan kemajuan kedua-dua syarikat itu hampir sama sahaja,³⁸ maka pekerja-pekerja menyoal akan perbezaan ini.

Hal yang lebih merugikan lagi ialah kerana masing-masing syarikat membeli padi petani-petani dengan harga yang berlainan semata-mata kerana berlumba-lumba mendapatkan orang tengah untuk membeli padi-padi yang

36 Temuramah dengan Haji Bahari Haji Hassan, pada 6.5.1974 dan Temuramah dengan Haji Abu Samah bin Nordin, di Sungai Besar, pada 24.3.1974.

37 Ibid.

38 Temuramah dengan Haji Abu Samah bin Nordin, 24.3.1974.

mereka beli. Keadaan ini dalam jangka pendeknya boleh menaikkan harga padi, tetapi sebaliknya kerana keadaan yang tidak bersatu, syarikat-syarikat tersebut mudah dipermainkan oleh pihak orang tengah. Ini terbukti dari merosotnya harga padi di daerah ini pada tahun-tahun 1950-an itu. Misalnya, pada tahun 1953 harga padi bagi tiap-tiap pikul ialah \$12.00, tetapi pada tahun 1955 merosot menjadi \$9.00 sahaja.³⁹ Meskipun ada terdiri sebuah kilang padi yang besar di daerah ini tetapi masih tidak mencukupi untuk memproses padi petani-petani. Lagipun petani-petani mahukan wang tunai yang segera, sedangkan jika dijual kepada Syarikat Kilang Padi Berhad di Sungai Besar terpaksa menunggu beberapa minggu baharu mendapat wangnya. Kelambatan ini kerana syarikat tersebut terpaksa menjualkan dahulu beras yang dikisar daripada padi petani-petani itu sebelum ia dapat menjelaskan harga beliannya.

Kelembapan pentadbiran ini membawa kepada kemalapan syarikat berhad itu sendiri dan sebaliknya peranan orang tengah terus bertapak dengan kuatnya. Selain itu disebabkan tidak bersatunya syarikat-syarikat kerjasama itu hanya menguntungkan golongan orang tengah dan segelintir pemimpin-pemimpin syarikat yang berkepentingan sendiri. Tegasnya suasana seumpama ini amat mencengkam tenaga petani-petani. Mereka mengharapkan, dengan bersyarikat kepentingan mereka dapat diperjuangkan. Tetapi hal yang sebaliknya pula berlaku. Hal ini menyebabkan Pegawai Kemajuan Kerjasama mencadangkan kepada pemimpin-pemimpin syarikat kerjasama supaya berusaha untuk menubuhkan sebuah persatuan koperatif yang dapat menyelaraskan segala kegiatan syarikat-syarikat kerjasama di daerah ini.

Cadangan ini diterima oleh ahli jawatankuasa tiap-tiap syarikat kerjasama dan pada bulan Disember 1956 satu perjumpaan umum yang dihadiri oleh sekurang-kurangnya dua orang wakil dari tiap-tiap buah syarikat kerjasama⁴⁰ mengambil keputusan untuk bersatu tenaga bagi mencari penyelesaian dan merangkakan peraturan-peraturan penubuhan persatuan tersebut.

Akhirnya pada bulan Disember 1957 Persatuan Syarikat Kerjasama Kilang Padi (PSKKP) Sabak Bernam telah didaftarkan dengan dianggotai oleh lapan buah syarikat kerjasama kilang padi yang bersetuju membeli yuran/modal masing-masing sebanyak \$300.00.⁴¹ Sembilan orang ahli jawatankuasa telah dilantik, iaitu:-

1. Haji Bahari bin Haji Hassan,
2. Haji Abu Samah bin Nordin,
3. Haji Arshad bin Haji Ramli,
4. Haji Ishak bin Hassan,
5. Haji Othman bin Ahmad,
6. Mohamad bin Kahlan,
7. Shafie bin Haji Tuhalus,
8. Sidang Ajid bin Kassim,

39 Temuramah dengan Haji Abu Samah bin Nordin, pada 2.4.1974.

40 Sehingga tahun ini lapan buah syarikat kerjasama telah tertubuh di Daerah Sabak Bernam.

41 Temuramah dengan Haji Abu Samah bin Nordin, 2.4.1974.

9. Ustaz Jaafar bin Mohamad.⁴²

Buat permulaannya persatuan ini beribu pejabat di bangunan Syarikat Kerjasama Kilang Padi Parit Satu. Persatuan ini menjalankan fungsinya untuk:-

1. Membeli padi ahli-ahli, iaitu dari semua syarikat kilang padi. Kemudian, melalui persatuan ini dipasarkan semula ke kilang-kilang yang lebih besar seperti Perusahaan Kilang Padi Sungai Besar Berhad, Liang Heng Rice Mill, Tanjung Piandang, Hup Soon Rice Mill, Bagan Serai, Chin Hin Chan Rice Mill, Kuala Kurau dan Selangor Rice Mill Association, Kuala Lumpur.⁴³
2. Menyelaraskan pertadbiran syarikat-syarikat kerjasama kilang padi Daerah Sabak Bernam, seperti menyamakan upah buruh, hari kelepasan, upah mengisar dan menjadi badan perwakilan syarikat-syarikat kerjasama dalam perhubungannya dengan kerajaan dan pihak-pihak lain yang berkenaan.
3. Sebagai pembekal kepada ahli-ahlinya bahan-bahan keperluan syarikat seperti resit-resit belian, pengilangan dan sebagainya; membekalkan alat-alat ganti mesin dan minyak disel.⁴⁴

Menerusi persatuan ini syarikat-syarikat kerjasama tidak lagi terlibat dengan beberapa badan peminjam wang persendirian untuk dijadikan modal membeli padi petani-petani kerana mulai tahun 1958 persatuan ini mengeluarkan wang pendahuluan untuk pasaran padi kepada syarikat-syarikat kerjasama yang menjadi ahlinya sejumlah \$345,000.00. Wang ini diperolehi dari pinjaman Bank Agung (Bank Syarikat Kerjasama Rakyat Malaysia) sebanyak \$200,000.00 dan bakinya dari bank-bank perniagaan swasta.⁴⁵

Kedudukan kewangan untuk digunakan sebagai modal permulaan yang dipinjamkan oleh persatuan ini kepada tiap-tiap ahlinya ialah:-⁴⁶

| | | |
|-----|---------------------------------------|-------------|
| 1. | SKKP. Parit Lima | \$ 9,000.00 |
| 2. | SKKP. Parit Sembilan | 10,000.00 |
| 3. | SKKP. Parit Satu | 15,000.00 |
| 4. | SKKP. Parit Tiga | 15,000.00 |
| 5. | SKKP. Tali Air Tiga belas | 10,000.00 |
| 6. | SKKP. Parit Lima belas, Sungai Nipah, | 10,000.00 |
| 7. | SKKP. Parit Enam | 10,000.00 |
| 8. | SKKP. Simpang Lima | 15,000.00 |
| 9. | SKKP. Parit Cabang | 18,000.00 |
| 10. | SKKP. Parit Dua | 15,000.00 |
| | | <hr/> |
| | | 127,000.00 |

42 Penyata Tahunan, Persatuan Syarikat Kerjasama Kilang Padi, *PSKKP, SB. 114*. Pejabat PSKKP, Sungai Besar, 1957.

43 Temuramah dengan Haji Abu Samah bin Nordin, 2.4.1974.

44 *PSKKP, SB. 114*, Pejabat PSKKP, Sungai Besar, 1957.

45 Pejabat Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, *Coop. SB. No. 33/57*. 30.8.1974.

46 *Ibid.*

Usaha-usaha memberikan pinjaman pendahuluan untuk pasaran padi ini berjalan sehinggalah ke tahun 1967 apabila pembelian padi petani-petani ini diambil alih pemasarannya oleh FAMA.

Sesungguhnya dengan penubuhan persatuan syarikat kerjasama ini perniagaan ahli-ahlinya berjalan dengan lebih baik berbanding dengan keadaan sebelumnya. Ini dapat dibuktikan dari Jadual II yang menunjukkan kemajuan syarikat kerjasama selama kurang lebih 15 tahun dan selepas 10 tahun persatuan ditubuhkan.

Jadual II
Kedudukan dan Perjalanan SKKP Tahun 1967

| Nama SKKP. | Ahli | Modal Bahagian | Pendapatan |
|-------------------|------|-------------------|-------------|
| 1. Parit 1 | 53 | \$ 4,595.00 | \$ 9,508.75 |
| 2. Parit 2 | 120 | 4,320.00 | 6,956.31 |
| 3. Parit 2 Tengah | 185 | 9,842.00 | 3,987.82 |
| 4. Parit 3 Barat | 253 | 3,300.00 | 6,225.93 |
| 5. Parit 5 | 213 | 5,770.00 | 13,931.05 |
| 6. Parit 6 | 587 | 11,580.00 | 20,547.36 |
| 7. Parit 9 | 439 | 5,684.00 | 5,079.15 |
| 8. Parit 11 | 89 | 4,370.00 | 665.55 |
| 9. Parit 13 | 70 | 1,380.00 | 2,841.80 |
| 10. Parit 15 | 202 | 5,460.00 | 4,477.80 |
| 11. Parit 3 | 95 | 4,370.00 | 629.17 |
| 12. Parit Cabang | 107 | 8,020.00 | 6,307.20 |
| 13. Simpang 5 | 147 | 3,710.00 | 14,017.17 |
| 14. Tali Air 13 | 224 | 3,321.00 | 2,578.45 |
| | 2784 | \$75,722.00 | \$97,743.51 |

Sumber: Jabatan Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, *Coop. S.B. 33/67/20* 30.8.1974.

Meskipun pada perangkaan itu menunjukkan adanya gejala-gejala kemerosotan, tetapi pada amnya mencapai taraf memuaskan untuk mengkaji maju mundurnya perjalanan syarikat-syarikat kerjasama ini bolehlah dilihat dari dua ciri besar, iaitu bilangan ahli dan modal yang terkumpul dalam syarikat itu untuk pusingan perniagaan. Dalam hal ini bilangan banyak syarikat ditubuhkan tidak boleh dijadikan fakta menunjukkan keteguhan dan kemajuan perjalanan perniagaan syarikat itu. Sebaliknya, bilangan ahli sesebuah syarikat boleh dijadikan ukuran maju-mundurnya syarikat tersebut. Lebih ramai ahli yang bergabung, maka lebih maju pula perjalanan syarikat itu. Ahli merupakan tenaga yang menggerakkan syarikat itu selain dari menyumbangkan tenaga dan sokongan menghidupkan syarikat. Ahli-ahli jugalah yang menentukan luas atau sempitnya kegiatan syarikat itu. Misalnya, SKKP. Parit Enam pada tahun 1967 sahaja mempunyai keahlian seramai

587 orang.⁴⁷ Syarikat ini merupakan syarikat kerjasama yang termaju sekali di Daerah Sabak Bernam. Dalam tahun 1967 pendapatan syarikat ini mencapai angka \$20,547.36.⁴⁸ Sebaliknya SKKP. Parit Satu hanya mempunyai ahli seramai 53 orang dan SKKP. Parit Tiga belas seramai 70 orang.⁴⁹ Meskipun pendapatan dari SKKP. Parit Enam itu masih kecil dibandingkan dengan syarikat-syarikat kerjasama di bandar-bandar, tetapi bagi sebuah syarikat di desa angka yang dicapai itu sudah dapat dikatakan membanggakan.

Modal pula adalah faktor utama dalam operasi syarikat, tanpa modal yang besar syarikat akan lumpuh. Dengan ahli yang sedikit dan modal yang tidak mencukupi sesebuah syarikat itu tidak dapat berlumba dengan syarikat lain. Dalam hal ini jelas terbukti dari SKKP. Parit Tiga Belas Sungai Panjang yang hanya bermodal sebanyak \$1,380.00 pada tahun 1967.⁵⁰

Selain itu adalah menarik dibincangkan akan faktor-faktor yang membawa kepada kemunduran syarikat kerjasama itu dari segi sosial dan ekonominya. Sejak tertubuhnya SKKP. Simpang Lima pada tahun 1952 beberapa permintaan dari penduduk kampung lain diterima oleh Pejabat Kemajuan Kerjasama untuk menubuhkan syarikat seumpama itu di kampung mereka. Biasanya pegawai kemajuan kerjasama akan datang melawat kampung tersebut untuk membuat kajian kemungkinan membenarkan penubuhan sebuah syarikat di kampung tersebut. Sementara kerajaan menggalakkan penubuhan syarikat kerjasama, petani-petani pula berkehendakkan seboleh-bolehnya bangunan syarikat itu didirikan berhampiran dengan rumah mereka. Tujuan sebenar di samping kemudahan menghantar padi mereka, petani berkenaan mendapat faedah dari kerja-kerja buruh sambilan seperti mengangkut padi dan beras ke lori.

Di samping itu, adalah jelas dari tahun-tahun permulaan adanya kecenderungan memiliki saham syarikat oleh beberapa orang sahaja; dengan cara meminjam nama dua puluh hingga ketiga puluh orang sanak-saudara atau puak mereka sebagai ahli. Walaupun menurut peraturan bekerjasama keahlian sesebuah syarikat itu sentiasa terbuka, tetapi kebanyakan syarikat kerjasama di daerah ini menyekat kemasukan ahli baru. Penganjur-penganjurnya lebih suka melihat syarikatnya hanya dianggotai oleh kaum kerabat dan puaknya sahaja. Contohnya, seperti SKKP. Parit Satu hanya terdiri dari ahli-ahli yang sama loghat percakapannya, iaitu orang Jawa, SKKP. Parit Sembilan terdiri dari orang-orang Banjar dan SKKP. Peket 60 pula terdiri dari orang-orang Kampar.⁵¹ Walaupun terdapat golongan lain yang cuba memohon menjadi ahli, tetapi kemasukannya disekat dengan alasan ia bukan 'orang kita'.⁵² Jadi dalam bersyarikat pun faham berpuak-puak itu masih tidak dapat dikikis.

Akibatnya, perkembangan ahli menjadi statik. Berpunca dari hakikat

47 Lihat jadual II, hlm. 28.

48 Ibid.

49 Ibid.

50 Ibid.

51 Temuramah dengan pengerusi-pengerusi SKKP. Parit 1, Parit 9 dan Peket 60, pada 6.5.1974, 19.4.1974 dan 3.4.1974.

52 Temuramah dengan Haji Othman bin Ahmad, 26.8.1974.

ini operasi perniagaan yang dapat dilakukan oleh syarikat itu menjaid sempit dan lemah. Sungguhpun bilangan syarikat bertambah tahun demi tahun, tetapi kedapatan bilangan ahlinya berkurangan. Umpamanya, sejak ditubuhkan ahli SKKP. Simpang Lima ialah seramai 203 orang, tetapi pada tahun 1967 turun kepada 147 orang sahaja. Hanya selepas Pejabat Kemajuan Kerjasama ditempatkan di Sungai Besar pada tahun 1964 baharulah pengawasan yang lebih teliti dapat dijalankan dengan berkesan dan sikap menyekat kemasukan ahli baru dapat dihapuskan.⁵³

Di samping itu terdapat bukti penyelewengan yang dilakukan oleh penganjur-penganjur syarikat seperti menanamkan modalnya secara berlebihan sebagai wang pertaruhan pada peringkat awal dan kemudian mengeluarkannya semula setelah syarikat itu dapat berjalan sendiri dari modal saham. Tetapi keuntungan tahunan masih lagi diterimanya berdasarkan kepada wang pertaruhan asal yang didakwanya sebagai membantu syarikat itu menjadi maju. Kesempatan untuk kepentingan diri sendiri ini menjadi lebih buruk lagi jika pemimpin yang sebenarnya tidak layak itu diberi peluang memegang jawatan dalam jawatankuasa seperti pengerusi, setiausaha atau bendahari dengan alasan jasanya membantu mengongkosi penubuhan syarikat itu dahulu. Hal yang seumpama ini berlaku ke atas hampir semua syarikat kerjasama kilang padi di Daerah Sabak Bernam ini. Umpamanya, SKKP. Parit Satu, SKKP. Parit Dua Timur, SKKP. Parit Lima dan SKKP. Parit Tiga Timur, ahli jawatankuasa pentadbirnya terdiri dari orang-orang yang sama sehinggalah mereka itu berpindah, tidak berupaya atau meninggalkan dunia. Monopoli jawatan ini dapat dikekalkan kerana kebanyakan ahlinya adalah golongan kerabat atau puak mereka sendiri dan mereka juga orang yang berpengaruh di kampung itu. Sikap Orang Melayu di kampung-kampung pula jarang sekali menunjukkan penentangan kepada ketua-ketua kampung atau mereka yang dianggapkan sebagai ketua. Malah kerana adanya puak-puak, maka jarang terdengar suara penentangan dalam masa mesyuarat agung.

Jenis ahli juga menjadi satu faktor penting kepada kemajuan syarikat. Bilangan syarikat yang banyak tidak dapat dibanggakan kerana tenaga pentadbiran dan kedudukan ekonominya lemah. Sungguhpun tujuan menubuhkan syarikat adalah untuk membaiki taraf perekonomian, tetapi hasrat itu jarang tercapai dalam keadaan syarikat yang begitu rupa.

Anggota-anggota syarikat menggabungkan diri semata-mata untuk mendapat pinjaman dan kemudahan-kemudahan lain, sedangkan tanggungjawab terhadap syarikat dilupakan begitu sahaja. Misalnya, tujuan asal menubuhkan Persatuan Syarikat-syarikat Kerjasama Kilang Padi adalah untuk mengatasi tekanan orang tengah dan menyelaraskan pentadbiran syarikat-syarikat di samping membekalkan alat-alat keperluan dan pinjaman sebagai modal untuk pemasaran padi, tetapi kemudahan-kemudahan pinjaman itu banyak yang disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpin syarikat untuk kepentingan sendiri seperti dijadikan modal membeli tanah, perniagaan dan sebagainya.

Selanjutnya, banyak syarikat itu tidak menjelaskan hutang-hutangnya

53 Temuramah dengan Encik Mokhtar bin Mohamad Tohar, pada 22.4.1974.

kepada persatuan pada masa yang ditentukan. Pada tahun 1967 kedudukan hutang-hutang lapuk yang berlarutan sejak dari awal tahun 1960-an adalah jelas (Lihat Jadual III).

Jadual III

| | Nama Syarikat | Tahun | Hutang |
|----|-----------------------|-----------|-------------|
| 1. | SKKP. Parit 9, | 1960 | \$ 2,000.00 |
| 2. | SKKP. Parit 11, | 1961—1965 | 7,145.66 |
| 3. | SKKP. Parit 3, Timur, | 1961 | 5,382.61 |
| 4. | SKKP. Parit Cabang, | 1964 | 1,863.32 |
| 5. | SKKP. Parit 13, | 1965 | 247.65 |
| 6. | SKKP. Tali Air 13, | 1965 | 453.93 |
| 7. | SKKP. Parit 15, | 1966 | 770.60 |
| | | | \$17,862.77 |

Sumber: Laporan Tahunan Persatuan Syarikat Kerjasama Kilang Padi Sabak Bernam. *PSK KP*, SB. 114/69.

Walaupun jumlah hutang itu tidak besar, tetapi bagi sebuah persatuan yang sumber kewangannya bergantung kepada satu pusingan modal yang kecil, maka kesannya adalah ketara. Begitu juga dengan bekalan-bekalan bahan ganti dan resit-resit mengilang yang dibekalkan oleh persatuan ini tidak dibeli oleh ahli-ahli. Banyak yang tinggal lapuk menjadi sarang tikus dan sampah. Syarikat-syarikat kerjasama lebih suka menggunakan buku-buku biasa atau mencetak sendiri atas alasan murah dan mudah.

Faktor-faktor lain yang turut sama memundurkan syarikat kerjasama itu antaranya kerana ideologi kerjasama tidak difahami dengan mendalam oleh ahli-ahli syarikat. Mereka tidak tahu bagaimana harus bertanggung-jawab kepada syarikat dan kebanyakannya masih mendakwa untuk kepentingan sendiri, bukan kepentingan ramai atau bersama.

Kejahilan dalam mentadbir juga menjadi satu faktor yang membawa kemunduran. Ahli-ahli jawatankuasa kebanyakannya kurang berpelajaran dan malah buta tentang prinsip-prinsip bekerjasama yang sebenarnya. Rata-rata mereka yang dilantik adalah ketua-ketua kampung, imam, guru agama ataupun mereka-mereka yang berpengaruh sedikit oleh taraf perekonomiannya yang agak teguh. Misalnya, SKKP. Parit Sebelas, SKKP. Parit Tiga Belas SKKP. Parit Tiga Timur dan sebagainya pengerusinya adalah ketua kampung sementara jawatan setiausahanya banyak dipegang oleh imam, guru agama dan mereka yang ada sedikit pengaruh. (Lihat jadual IV).

Selanjutnya, kerana terbukti perjalanan sesebuah syarikat itu sentiasa malap, malah semakin mundur, kepercayaan penduduk kampung pun turut pudar. Daripada lima orang bekas ahli SKKP Parit Lima yang ditemuramah tentang sebab-sebab mereka keluar daripada menjadi ahli menyatakan

kehilangan kepercayaan kepada pentadbiran syarikat itu. Malah mereka tidak lagi yakin kepada prinsip bekerjasama. Seorang daripada, Muhammad bin Yusuf menyatakan, "Kita beli saham, masuk kerjasama, tapi yang kaya managernya."⁵⁴ Anggapan seumpama ini begitu menular di kalangan petani-petani sehingga mewujudkan satu sentimen yang kalau tidak diperbaiki akan terus melemahkan gerakan kerjasama di luar bandar. Kesan negatif yang ketara benar ialah tindakan ahli-ahli bertukar-tukar syarikat; misalnya, dalam masa antara tahun 1960 hingga 1967 SKKP Parit Lima dan SKKP Parit Enam mengalami kemerosotan dan pertambahan ahli yang besar. Ini dapat ditunjukkan dari perangkaan berikut:-⁵⁵

| Nama Syarikat | Ahi Tahun 1960 | Ahli Tahun 1967 |
|------------------|----------------|-----------------|
| SKKP. Parit Lima | 382 | 213 |
| SKKP. Parit Enam | 294 | 587 |

Dalam masa tujuh tahun keahlian SKKP Parit Lima telah merosot seramai 169 orang sementara SKKP Parit Enam pula bertambah sekali ganda, iaitu 293 orang. Kebanyakan ahli yang masuk menjadi ahli SKKP Parit Enam adalah bekas ahli SKKP Parit Lima. Akibat lain yang mengiringi pertukaran ahli ini bukan sahaja melemahkan syarikat, tetapi juga faktor-faktor lain dalam masyarakat, khasnya dalam aspek hubungan sosial.

Bilangan syarikat kerjasama yang bertambah tahun demi tahun juga menyebabkan operasi perniagaannya semakin kecil oleh semakin sempitnya kawasan (Lihat peta lampiran 2). Dalam tahun 1967 sebanyak 14 buah syarikat kerjasama menjalankan operasinya di kawasan sawah padi yang seluas 22,000 ekar itu. Ini bermakna secara hitung panjang tiap-tiap sebuah syarikat kerjasama hanya mempunyai kawasan 1,570 ekar sahaja. Jika tiap-tiap seekar sawah mengeluarkan hasil antara 300 ke 400 gantang (lebih kurang 16 pikul) bermakna dalam setahun berjumlah lebih kurang 2,500 pikul. Diandaikan kira-kira 50% padi itu diproses oleh syarikat kerjasama di kawasan itu, maka bermakna kilang itu hanya memproses kira-kira 12,500 pikul sahaja. Dengan upah tiap-tiap pikul sebanyak 90 sen maka berertilah sumber pendapatan syarikat tersebut dari bahagian kegiatan ini kira-kira \$11,250.00 setahun.

Dengan merujuk semula kepada jadual III di atas, SKKP Parit Enam pada tahun 1967 mempunyai pendapatan sebanyak \$20,547.36 sen. Kerana sumber pendapatan terbesar syarikat-syarikat kilang padi adalah dari upah memproses menjadikan beras, maka ini bererti suatu perbezaan pendapatan yang besar terdapat di antara syarikat-syarikat itu. Sebaliknya ada beberapa syarikat yang mempunyai pendapatan terlalu kecil, umpamanya SKKP Parit Sebelas yang hanya berjumlah \$655.55 pada tahun 1967 itu. Kurangnya pendapatan bererti kurangnya atau malah tiada langsung mengeluarkan dividen tahunan kepada ahli. Dan sebagai petani yang kurang memahami

54 Temuramah dengan Muhammad bin Yusuf, Parit Empat, Sungai Besar, pada 30.4.1974.

55 Temuramah dengan setiausaha SKKP Parit Lima, dan SKKP Parit Enam pada 24.5.1974 dan 5.4.1974. Lihat juga jadual II.

Jadual IV
Kedudukan Ahli Jawatankuasa SKKP Daerah
Sabak Bernam, Tahun 1967

| Nama Syarikat | Ahli Jawatankuasa | 1 | 2 | 3 | 4 | Lain-lain |
|--------------------|--|---|---|---|---|-----------|
| 1. Parit 1. | a. Haji Bahari Hj. Hassan b. Amrah Abd. Samad c. Yusuf Abdullah | x | | x | x | |
| 2. Parit 2. | a. Hj. Abu Samah Nordin b. Che' Sulong Hj. Osman c. Hj. Nazarudin Hj. Omar | x | x | | x | |
| 3. Parit 5. | a. Hj. Arshad Hj. Ramli b. Hussain Hassan c. Hj. Hanafiah Paker | | x | x | x | |
| 4. Parit 6. | a. Hj. Yahya Hj. Bakri b. Arshad Hj. Yassin c. Abd. Hamid Hj. Mokhtar | x | | x | | x |
| 5. Parit 9. | a. Sidang Yusuf Long b. Gumri Hj. Jantra c. Mohd. Nor Ahmad | x | x | x | x | |
| 6. Parit Cabang a. | Hj. Karim Astro b. Mat Taib Mahiddin c. Salikin Saulan | x | | | x | x |
| 7. Parit 11. | a. Bokhari Hj. Majri b. Tarium Md. Dandil c. Ahmad Hj. Ibrahim | x | x | | | x |

A. Menurut taraf, jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. (a., b., c.).

B. 1 = Ketua Kampung. 2 = Imam. 3 = Guru Agama. 4 = Peniaga.

Sumber: Jabatan Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, *Coop. S.B. 33/67/20* 30.8.1974.

hakikat sebenar kerjasama, mengurangkan kepercayaan mereka kepada syarikat itu.

Setakat ini telah diperincikan tentang faktor maju mundurnya syarikat-syarikat kerjasama kilang padi di daerah ini. Tetapi sebagai salah satu institusi yang begitu penting dalam kehidupan masyarakat perdesaan, ia tidaklah terlepas dan beberapa kelemahan yang bertali-temali dalam kehidupan manusia.

Tiap-tiap sebuah syarikat kerjasama terdapat sekurang-kurangnya lima atau enam orang ahli jawatankuasanya. Sudah menjadi kebiasaan mereka-mereka yang dilantik dalam mesyuarat agung untuk menduduki tempat ini adalah terdiri daripada mereka-mereka yang berpengaruh di kampung itu. Biasanya golongan yang dipandang tinggi di dalam sesebuah kampung ialah ketua kampung, imam, guru agama dan ahli perniagaan. Ini berlaku sementelahan kurangnya pihak yang berpengetahuan tinggi dan/atau tahu serba sedikit hal perniagaan serta hanya pihak-pihak yang tersebut itu selalu menerima sanjungan tinggi oleh konsep nilai masyarakat desa. Ini dibuktikan dari jadual IV di sebelah.

Dari jadual tersebut jelas daripada tujuh buah syarikat kerjasama kilang padi di Daerah Sabak Bernam ini, lima daripadanya dipengerusikan oleh Ketua Kampung sementara jawatan-jawatan penting lainnya kebanyakannya dipegang oleh imam, guru agama, peniaga dan lain-lain. Ini juga memperlihatkan sedikit sekali perubahan nilai pandangan masyarakat perdesaan khususnya masyarakat Melayu dari keadaan ketradisionalnya. Imam, ketua kampung, guru agama masih dianggap sebagai golongan yang berpengaruh dan dipandang tinggi, sehingga mereka-mereka itu juga diberi kepercayaan pula memimpin syarikat kerjasama mereka.

Sebagai seorang ketua kampung, tindakannya selalu didorong oleh alasan-alasan 'untuk kepentingan anak buahnya'. Dalam apa jua rancangan yang diajukan harus dibataskan kepada lingkungan anak buahnya. Ini diperkuatkan pula oleh sentimen 'orang kita'. Secara tidak langsung semua hal ini membawa kepada kelompok-kelompok puak dalam masyarakat itu. Misalnya, di awal tahun 1970 berlaku perselisihan kawasan perniagaan antara SKKP Parit Lima, dengan SKKP Parit Enam. Perselisihan ini menjadi besar hingga menimbulkan perasaan berpuak dan terpaksa dibawa ke mahkamah orang tengah.

Pejabat Kemajuan Kerjasama Negeri Selangor terpaksa campur tangan dan suatu majlis perdamaian diadakan di Pejabat Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam pada 20.7.1974, jam 3.00 petang.⁵⁶

Punca perselisihan ini ialah kerana SKKP Parit Enam mencero bohi kawasan perniagaan SKKP Parit Lima sebagaimana yang ditentukan oleh Pejabat Pendaftaran Kerjasama, menurut Ordinan Kerjasama 1948. Kawasan pertelinkahan itu ditunjukkan dalam peta tahunan SKKP Daerah Sabak Bernam.

Oleh kerana kawasan perniagaan SKKP. Parit Lima betul seperti yang didaftarkan kepada kerajaan, maka Pejabat Kemajuan Kerjasama Negeri Selangor telah membenarkan syarikat itu menjalankan perniagaan di kawasan

56 Pejabat Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, *bil. (212) dim. Coop. S.B. No. 19/71/11, 30.8.1974.*

pertikaian itu. Tetapi, pertelingkahan setakat ini tidak berakhir. Perasaan tidak puas hati tetap wujud. Pada 30.8.1972 berlaku suatu kejadian jenayah di mana Pengurus SKKP Parit Lima ditembak mati di Kampung Parit Enam dalam perjalanannya membawa wang tunai dari Bank Bumiputera Sungai Besar untuk modal pasaran padi. Menurut laporan polis wang sebanyak \$11,180.00 telah dirompak dan penjenayahnya belum dapat dikesan.⁵⁷ Oleh kerana motif pembunuhan ini berhubung dengan rompakan wang, maka peristiwa ini tidaklah menimbulkan syak wasangka mengenai perkaitannya dengan perselisihan di atas. Walau bagaimanapun gejala keraguan tetap menjadi persoalan.

Selanjutnya, kerana kebanyakan ketua kampung terlibat dalam politik, maka secara tidak langsung pimpinannya dalam syarikat kerjasama memperkuat kedudukan mereka dalam politik. Misalnya, kesemua ketua kampung daerah ini adalah sebagai ketua-ketua cawangan Partai UMNO. Juga menjadi kebiasaan, bangunan syarikat kerjasama kampung itu dijadikan sebagai pejabat cawangan parti dan tempat ahli-ahlinya bermesyuarat. Dalam hal ini bangunan syarikat kerjasama secara langsung menjadi tempat perkumpulan penduduk kampung. Ini sementara ketiadaan bangunan-bangunan lain yang lebih munasabah seperti dewan perhimpunan ramai dan sebagainya.

Kegiatan seumpama itu tidak terbatas kepada soal politik sahaja, tetapi juga kepada soal-soal kebudayaan dan agama. Misalnya, bangunan syarikat kerjasama selalu digunakan untuk perkumpulan penduduk kampung itu mengadakan kenduri 'tolak bala' dan kawasan lapang di bahagian hadapan bangunan itu dibina tempat-tempat bermain badminton dan sepak takraw untuk kegunaan belia-belia kampung itu.

Justeru demikian, dapatlah dikatakan bahawa institusi kerjasama di daerah ini amat penting dalam kehidupan masyarakat kampung kerana ia bukan sahaja menyentuh bidang perekonomian, malah sosial dan politik juga.

Penutup

Sepanjang hampir sesuku abad gerakan kerjasama kilang padi menjalankan kegiatannya di daerah Sabak Bernam ini tidaklah dapat dinafikan akan kejayaannya dalam lapangan perekonomian desa. Dalam sebuah syarikat, sekurang-kurangnya tiga jenis pekerjaan tetap dapat diadakan, iaitu jawatan pengurus, kerani dan seorang buruh di samping berpuluh-puluh orang lagi buruh yang berbentuk sementara diperlukan apabila tiba musim menuai padi. Ini secara tidak langsung membantu mengurangkan beban pengangguran di kawasan-kawasan luar bandar.

Dengan bersyarikat kerjasamalah petani-petani di daerah ini berjaya mengadakan suatu institusi perniagaan yang membolehkan mereka sedikit sebanyak mendapat pengalaman dalam lapangan perindustrian, walaupun aspek yang terlibat hanya dalam bidang pemerosesan dan pemasaran padi sahaja. Justeru ekonomi petani-petani itu sendiri sebahagian besarnya berkisar dalam lapangan ini, maka dapatlah dibanggakan kerana pengen-

57 Balai Polis Sungai Besar, "Kes Pembunuhan Hj. Ismail bin Haji Sulaiman", 29.8.1974.

daliannya dibuat oleh mereka sendiri.

Dari segi sosial, dengan bersyarikat kerjasama penduduk di wilayah perawahan (Mukim Pancang Bedena dan Sungai Panjang) secara langsung terdorong untuk berusaha bersama-sama meskipun tidak dapat dinafikan dengan bentuk keahlian yang cenderung untuk berpuak-puak yang membataskan integrasi sosial mereka. Akan tetapi dengan wujudnya PSKKP pada tahun 1957 itu fahaman demikian menjadi semakin kurang. Tiap-tiap buah syarikat mempunyai perwakilannya dalam ahli jawatankuasa persatuan. Badan ini seolah-olah sebuah majlis bersama yang berfungsi mengendalikan masalah dan rancangan mereka secara bersama. Walaupun terdapat banyak kelemahannya, tetapi aspek-aspek positif juga tidak dapat dinafikan. Misalnya lewat tahun 1960-an persatuan ini berperanan sebagai pusat penerangan menyampaikan berita-berita kemajuan syarikat kerjasama keseluruh negara. Ini dapat dilakukannya dengan berkesan kerana perhubungannya yang erat dengan pihak Jabatan Kemajuan Kerjasama Malaysia (Bahagian Penerangan dan Pelajaran) untuk mendapatkan bantuan perkhidmatan dan bahan-bahan untuk siaran kepada ahli.⁵⁸

Suatu kumpulan wang am bagi membiayai calon-calon dari anak-anak ahli ataupun ahli sendiri melanjutkan pelajaran tinggi telah dipersetujui dalam mesyuarat agung persatuan pada bulan Ogos 1970.⁵⁹ Tabung biasiswa ini mula dijalankan sejak tahun 1971 dan berjalan terus sehinggalah tugas persatuan ini diambilalih oleh Lembaga Pertubuhan Peladang Suka Maju pada tahun 1972.

Kelahiran pemimpin-pemimpin di peringkat perdesaan juga adalah berpunca dari peranan-peranan mereka dalam syarikat kerjasama ini. Pengaruh mereka dalam syarikat kerjasama pula memberi peluang kepada mereka untuk mendapat pengaruh dari segi politik.

Oleh kerana kemajuan yang dicapai oleh syarikat-syarikat kerjasama sepanjang lebih dua puluh tahun itu mendatar sahaja, maka pada awal tahun 1972 semua syarikat kerjasama di Daerah Sabak Bernam ini diawasi seluruhnya oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Dengan ini tujuan-tujuan untuk memperkukuhkan kedudukan perniagaan dan memperluaskan kegiatannya dapat dirancang dengan teratur.

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa gerakan kerjasama kilang padi di Daerah Sabak Bernam ini wujud sebagai salah satu institusi sosial yang terpenting hingga memberi kesan bukan sahaja dalam lapangan ekonomi, tetapi juga dalam aspek pengintegrasian penduduk-penduduk keseluruhannya.

58 Persatuan Syarikat Kerjasama Kilang Padi Sabak Bernam, *PSKKP. SB. 114/72*, 6.8.1974.

59 *Ibid.*

Bibliografi

Pihak perseorangan yang ditemuramah:

1. Haji Abu Samah bin Nordin, Parit Dua Timur, Sungai Besar. Pengerusi SKKP Parit Dua Timur, Bendahari UMNO Daerah Sabak Bernam, Peniaga.
2. Haji Arshad bin Haji Saman, Parit Lima Timur, Sungai Besar. Guru Agama Bersara, Petani.
3. Raja Abdullah Raja Ahmad, Sungai Nibung, Sekinchan. Penghulu Mukim Pancang Bedena (bersara 1959).
4. Haji Bahari bin Haji Hassan, Parit Satu, Sungai Besar. Bekas Ketua Kampung Parit Satu, Pengerusi SKKP. Parit Satu, Pengerusi PSKKP. Sabak Bernam, Timbalan Pengerusi UMNO Daerah Sabak Bernam, Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat Malaysia.
5. Haji Baharudin Usi, Parit Empat Timur, Sungai Besar. Setiausaha SKKP Parit Lima, Setiausaha PSKKP Sabak Bernam mulai 1974, Setiausaha UMNO Bahagian Sabak Bernam.
6. Encik Kadim bin Arshad, Parit Sembilan Timur, Sungai Besar. Bekas Ketua Kampung Parit Sembilan, Sungai Besar.
7. Harun bin Abd. Manan, Pengurus, Lembaga Pertubuhan Peladang Suka Maju, Sabak Bernam, Sungai Besar.
8. Mokhtar bin Mohamad Tohar, Pegawai Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, Sungai Besar.
9. Muhamad bin Yusuf. Parit Empat Timur, Sungai Besar. Petani.
10. Haji Muhammad Tubasar. Parit Lima, Sungai Besar. Ketua Kampung Parit Lima Barat, Sungai Besar.
11. Haji Nawawi bin Abd. Rahman, Pekan Selasa, Sungai Besar. Ketua Kampung Pekan Selasa.
12. Encik Omar Bakey, Pejabat Zakat Padi, Sungai Besar. Bekas Merinyu Kanan Jabatan Parit dan Taliair Sabak Bernam, Ketua Pejabat Zakat Padi Sabak Bernam.
13. Haji Othman bin Ahmad, Pejabat Zakat Padi Sabak Bernam, Kerani Pejabat Zakat.
14. Pengerusi-pengerusi (Sejak 1973) SKKP Parit Satu, Parit Sembilan dan Peket 60, Sungai Besar.
15. Setiausaha SKKP Parit Lima dan Parit Enam.


Artikel-artikel

1. Jabatan Kemajuan Kerjasama Sabak Bernam, Sungai Besar:
Coop. SB. 33/57.
Coop. SB. 33/67/20.
Coop. SB. 212, No. 19/71/11.
Laporan Tahunan 1973.
2. Persatuan Syarikat Kerjasama Kilang Padi Sabak Bernam.
PSKKP. SB. 114.
Laporan Tahunan PSKKP, SB. 1969.

3. Pejabat Daerah Sabak Bernam.
PDSB. 786 (2).
4. Lembaga Pertubuhan Peladang Suka Maju, Sabak Bernam.
LPP. SB. 33/74/20.
5. Balai Polis Sungai Besar.
"Kes Penyiasatan, Haji Ismail bin Haji Sulaiman. 30.8.1972".

Buku:

1. Cenderamata, *Perisytiharan Sabak Bernam Menjadi Daerah Ketujuh Dalam Negeri Selangor*, Sabak Bernam, 1.7.1960. ✓
2. Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.



Taburan SKKP Daerah Sabak Bernam.

Taburan SKKP Daerah Sabak Bernam.

Pendudukan Jepun di Hulu Langat⁺

ROSNANI IBRAHIM*

Pendahuluan

PEMERINTAHAN Jepun di Tanah Melayu yang bermula pada awal tahun 1942 telah membawa banyak perubahan dan menimbulkan berbagai-bagai pergolakan. Pemerintahan selama 3 tahun 6 bulan itu umumnya dikatakan telah membawa berbagai-bagai penderitaan dan kesusahan kepada orang-orang tempatan.

Sejarah pendudukan Jepun di Hulu Langat ini dianggap menarik oleh penulis kerana selain daripada dapat menambahkan bahan-bahan sejarah tempatan, pendudukan Jepun di kawasan ini memperlihatkan suatu keadaan yang berbeza daripada keadaan di beberapa tempat lain di Tanah Melayu yang pernah dikaji. Keadaan yang wujud di Hulu Langat tidaklah seburuk keadaan di tempat-tempat lain seperti yang pernah ditulis oleh Abdullah Haji Rahman mengenai 'Pendudukan Jepun di Sungai Choh'; 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang oleh Lim Beng Kooi dan 'Pendudukan Jepun di Melaka' oleh Zalfan Mohd Rashid (salinan kajian ini terdapat di bahagian Perkhidmatan Penerbitan dan Penyelidikan, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur). Di Hulu Langat tidak banyak kedapatan keganasan dan pencerobohan yang dilakukan oleh tentera Jepun.

Yang paling menarik sekali dalam pendudukan Jepun di Hulu Langat

- + Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada teman penulis, saudari Norini Mokhtar dan keluarganya yang tinggal di Batu 15¼, Dusun Tua, Hulu Langat kerana bersusah-payah menemukan penulis dengan beberapa orang tokoh untuk ditemuramah; dan menerima penulis tinggal di rumah mereka semasa kajian ini dijalankan. Juga penghargaan kepada Encik Aziz Mat Ton yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan panduan kepada penulis dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih juga kepada tokoh-tokoh yang telah ditemuramah, pegawai dan kakitangan di Bahagian Perkhidmatan Penerbitan dan Penyelidikan, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur yang telah memberikan kemudahan dan kerjasama kepada penulis.
- * Penulis adalah lulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

ini ialah tentang penguasaan Jepun di rumah peranginan di Dusun Tua (sekarang dikenali sebagai Pusat Belia Dusun Tua) yang dijadikan hospital dan tempat berehat bagi tentera-tentera Jepun yang cedera dari seluruh Asia Tenggara. Penambahan bangunan telah dibuat semasa pemerintahan Jepun di sini.

Pada keseluruhannya, pihak tentera Jepun tidak memberikan layanan yang buruk kepada penduduk-penduduk tempatan di Hulu Langat yang hampir keseluruhannya terdiri dari orang-orang Melayu. Walaupun begitu terdapat beberapa keganasan ke atas orang-orang Cina yang tinggal di Batu 18, Batu 9 dan Sungai Lui di Hulu Langat ini.

Dalam menjalankan kajian, penulis bergantung sepenuhnya kepada sumber-sumber lisan dari para penduduk tempatan. Kurangnya bahan-bahan bertulis mengenai pendudukan Jepun di Selangor menyebabkan sumber-sumber lisan terpaksa digunakan. Ini ditambah pula oleh ketiadaan rekod-rekod mengenai daerah Hulu Langat dalam tahun-tahun 1940 hingga 1946 yang boleh digunakan sebagai bahan rujukan. Mungkin rekod-rekod ini telah musnah akibat peperangan. Akhbar-akhbar yang diterbitkan semasa pemerintahan Jepun juga sangat terhad untuk dijadikan bahan rujukan utama walaupun penulis menggunakan bahan lisan dengan sepenuhnya, tetap kebenaran faktor-faktor ini diuji berdasarkan beberapa pendapat dan keterangan mereka yang ditemuramah.

Dalam menggunakan bahan-bahan lisan ini penulis menghadapi masalah tiadanya tarikh, angka-angka dan nama-nama yang boleh dipertanggungjawabkan. Kebanyakan mereka yang ditemuramah tidak ingat tarikh, angka-angka dan nama-nama yang merupakan bahan penting dalam penulisan sejarah. Jadi dalam hal ini, penulis terpaksa menjalankan kajian tanpa ada bahan-bahan tersebut.

Latar Belakang Sejarah Hulu Langat

Secara keseluruhannya, sejarah awal Hulu Langat tidak banyak yang dapat dikesan. Hulu Langat setakat yang diketahui telah dibuka oleh orang-orang Melayu yang berhijrah dari Sumatera. Orang-orang Melayu ini yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Jawa, Mendeleng dan Rawa telah membuka kawasan-kawasan di Hulu Langat dan membuat petempatan masing-masing. Perkampungan secara berkelompok ini diletakkan di bawah penguasaan ketua masing-masing, sama ada ketua kampung atau Datuk Dagang. Ketua-ketua kampung ini bertanggungjawab mengawal keadaan kampung masing-masing dan mengendalikan urusan pentadbiran dan hal-hal lain di dalam kampung. Ketua-ketua ini juga menjadi orang perantara antara orang kampung dengan pihak pentadbir iaitu wakil Sultan.¹

Daerah Hulu Langat, di mana Sungai Langat melalui kawasan ini adalah di bawah kekuasaan sultan Selangor. "Hulu Langat sebagai sebuah daerah pernah diletakkan di bawah jagaan Raja Kahar (putera Sultan Abdul Samad) sehinggalah British masuk mentadbir daerah itu".²

1 Untuk keterangan lanjut, sila lihat Bab 1 thesis Intanjudin bin Ismail, "Sejarah Ulu Langat", kajian ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977/78 yang tersimpan salinannya di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

2 Ibid., hlm. 173.

Penduduk-penduduk di Hulu Langat dalam zaman awal ini menjalankan kegiatan pertanian sara diri dengan mengerjakan sawah-sawah padi atau berhuma (padi bukit). Di samping itu mereka menanam jagung, pisang dan tanaman-tanaman makanan yang lain sebagai hasil sampingan. Memang sejak awal lagi, komposisi penduduk di kawasan Hulu Langat ini adalah terdiri daripada orang-orang Melayu walaupun mereka ini adalah pendatang dari Sumatera.

Kemudian dalam tahun 1880-an, British telah mengambilalih pentadbiran Hulu Langat telah membawa beberapa perkembangan ke atas daerah ini. "Dalam tahun 1883, secara rasminya Hulu Langat mulai ditadbirkan oleh Kerajaan British. Pada masa itu H.C. Syers dilantik menjadi Pemangku Pegawai Daerahnya yang pertama".³ Jawatan ketua-ketua kampung telah terus dikekalkan di bawah pentadbiran British dan telah diberi penentuan-penentuan yang lebih jelas lagi.

Pentadbiran British di Hulu Langat telah membawa berbagai-bagai perubahan dari segi komposisi penduduk, kegiatan ekonomi dan kemajuan kawasan-kawasan di Hulu Langat. Pembukaan kawasan-kawasan baharu telah membawa kepada pertambahan penduduk di Hulu Langat. Lebih ramai orang-orang Melayu telah datang ke Hulu Langat. Kegiatan perlombongan telah dijalankan di bawah pentadbiran British dan ini telah membawa masuk orang Cina untuk bekerja di lombong-lombong di Hulu Langat di samping menjadi peniaga-peniaga. Beberapa petempatan orang-orang Cina dengan bilangan keluarga yang kecil telah dibuka di kawasan Batu 9, Sungai Lui dan Batu 18. Orang-orang Melayu tidak terlibat secara besar-besaran dalam perusahaan melombong ini cuma mereka menjalankan usaha melombong secara kecil-kecilan. Perkembangan perusahaan melombong telah membawa kepada pembinaan jalan raya di kawasan ini bagi memudahkan kegiatan tersebut dijalankan.

Walau bagaimanapun perusahaan melombong bijih di Hulu Langat ini telah merosot. "Perusahaan bijih timah di Hulu Langat yang merupakan perusahaan penting sejak 1880-an sebenarnya telah mulai merosot sejak 1910-an".⁴ Kemosrotan ini membawa kepada perpindahan buruh-buruh Cina ke kawasan lain dan hanya tinggal sebahagian kecil keluarga Cina menetap di beberapa kawasan di Hulu Langat.

Selepas kemosrotan perusahaan bijih timah ini, tumpuan ekonomi telah berubah kepada pembukaan ladang-ladang getah. Perkembangan tanaman kopi dan getah telah membolehkan orang-orang Melayu melibatkan diri dalam tanaman eksport di samping terdapatnya dusun buah-buahan yang sememangnya menjadi salah satu ciri perkampungan Melayu.

Keadaan ekonomi tradisi ini berlarutan hinggalah ke zaman Jepun di mana ekonomi pertanian telah lebih diutamakan untuk mengisi keperluan penduduk yang kekurangan bahan makanan akibat peperangan, dan yang lebih penting lagi ialah untuk kegunaan tentera Jepun yang sentiasa mengawal kerja-kerja pertanian, terutamanya padi. Penanaman dan penuaian padi adalah di bawah pengawasan Jepun dan bekalan beras telah dicatu.

3 Ibid., hlm. 23.

4 Ibid., hlm. 96.

Kedatangan Tentera Jepun

Serangan Jepun ke atas Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941 adalah titik-titik permulaan kejatuhan Tanah Melayu ke tangan Jepun. Hanya dalam masa yang singkat, iaitu selepas 70 hari pendaratannya di Kota Bharu, Tanah Melayu dan Singapura telah dapat dikuasai oleh Jepun. Pendudukan Jepun bermula setelah kejatuhan pihak British di Singapura pada 15 Februari 1942.⁵

Kelemahan pertahanan British di Tanah Melayu dan Singapura mudah ditawan oleh tentera Jepun. Tentera-tentera Jepun yang mempunyai semangat dan disiplin yang kuat serta terlatih itu telah dengan mudah dapat mengalahkan tentera-tentera British yang tidak mempunyai sebarang persiapan dan tidak lagi mendapat sebarang bantuan ketenteraan. Pihak British tidak membuat sebarang persiapan untuk menghadapi peperangan kerana British menganggap Jepun tidak mempunyai kekuatan ketenteraan memandangkan kepada keadaan ekonomi negara Jepun pada masa ini yang dianggap tidak membolehkan Jepun melibatkan diri dalam sebarang peperangan. Kelemahan pertahanan tentera British ditambah pula dengan tenggelamnya kapal *H.M.S. Prince of Wales* dan *H.M.S. Pepulse* yang membawa bantuan untuk menguatkan lagi pertahanan Tanah Melayu di Laut China Selatan.

A faith in the Bushido spirit, with its overtones of cheerful loyalty unto death, rather than surrender or retreat and the Kamikaze sacrifice were beyond comprehension to the outsiders, but the Japanese believed that it was their mission to take their own strength to their fellow Asians.⁶

Kejayaan tentera Jepun ini ditambah pula oleh kerjasama yang diberikan oleh penduduk tempatan, terutamanya orang-orang Melayu yang benci pemerintahan British. Adanya propaganda yang disebarkan mengenai tujuan baik kedatangan orang-orang Jepun telah menyebabkan orang-orang Melayu percaya Jepun bertujuan untuk membebaskan negara ini daripada penjajahan British.

They had come as 'liberators' to restore Asia for the Asians — Hakko Ichiu (Universal brotherhood) was to unite all of the 'freed' peoples through idealism and humanity.⁷

Jepun cuba mengeksploitasi ekonomi tempatan untuk mendapatkan ban-

5 Jepun menguasai Tanah Melayu dan Singapura secara berperingkat-peringkat. Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941. Kemudian mara ke Jitra pada 12 Disember 1941. Jepun menguasai Kedah pada 15 Disember 1941. Pulau Pinang dikuasai pada 19 Disember, Ipoh pada 28 Disember dan mara ke Kuala Lumpur yang dikuasai pada 11 Januari 1942. Seremban dikuasai pada 14 Januari, Melaka 16 Januari dan Johor Bahru pada 31 Januari 1941. Singapura telah dibom oleh tentera Jepun pada 4 Februari 1942 dan Singapura kalah pada 15 Februari 1942. Lihat: A.E. Percival, *The War in Malaya*, Orient Longmans, Calcutta, 1957. Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Jits & Co. Ltd., Singapore 1964. D.K. Palit, *The Campaign in Malaya*, Palit & Dutt, Dehra Dun, India, 1971.

6 Horner, Layton, *Japanese Military Administration in Malaya and The Philippines*, Arizona, 1973, hlm. 3.

7 Ibid., hlm. 4.

tuan dalam peperangannya dengan pihak Berikat. Tujuan ekonomi memang tidak lepas daripada sebarang penjajahan, baik oleh kuasa barat mahupun kuasa timur. Pentadbir Jepun juga cuba meluaskan pengaruh kebudayaannya. Nama Singapura telah ditukar kepada Syonan (cahaya Selatan) dan Malaya menjadi Malai. Cubaan untuk meluaskan pengaruh kebudayaan Jepun ini jelas sekali dalam dasar pelajaran Jepun yang diperkenalkan. Pentadbiran Jepun telah mengawal mass media dan bentuk-bentuk hiburan untuk dijadikan propaganda ketenteraan dan kebudayaan Jepun. Slogan 'Asia Timur Raya'; 'Asia Untuk Asia' dan 'persaudaraan sejagat' yang dilaung-laungkan oleh pihak Jepun adalah untuk menambat hati dan mendapat sokongan daripada masyarakat tempatan, terutamanya orang-orang Melayu. Pengaruh barat cuba dihapuskan dan diganti dengan satu kuasa Asia.

Tentera Jepun yang telah dapat menguasai Kuala Lumpur pada 11 Januari 1942 telah mara ke selatan menuju Seremban, Johor Bahru dan akhirnya Singapura. Semasa kemaraan menuju ke selatan inilah sebahagian dari tentera Jepun telah masuk ke daerah Hulu Langat dan menguasai kawasan ini tanpa peperangan. Di Hulu Langat tiada sebarang bentuk pertahanan yang dilakukan oleh tentera British kerana kawasan ini agak jauh ke dalam dari jalan besar.

Penduduk-penduduk Hulu Langat memang telah mengetahui tentang penguasaan tentera Jepun di utara Tanah Melayu melalui siaran radio dan akhbar-akhbar.⁸ Penduduk Hulu Langat hanya keluar beramai-ramai untuk melihat sendiri tentera Jepun sebagai suatu kuasa baharu yang telah dapat menguasai sebahagian dari Tanah Melayu. Tiada sebarang sambutan atau alu-aluan yang diberi sebagaimana yang diterima oleh tentera Jepun di Kuala Lumpur.

Tentera-tentera Jepun sama ada berjalan kaki, berkereta, menaiki lori atau berbasikal telah masuk melalui jalan raya yang merintang daerah Hulu Langat. Kali pertama kemasukan Jepun ke daerah ini telah menimbulkan perasaan takut di kalangan penduduk tempatan, kerana pada masa ini telah berlaku rampasan barang-barang makanan. Tentera Jepun yang sedang keletihan dan kelaparan ini telah mengambil telur ayam, menangkap ayam, itik dan kambing dari rumah orang-orang kampung. Kendaraan-kendaraan kepunyaan orang-orang kampung seperti basikal dan beberapa buah kereta telah diambil untuk kegunaan tentera Jepun.⁹

Setelah mendapati daerah Hulu Langat selamat daripada sebarang ancaman musuh, tentera Jepun telah mengambil alih rumah peranginan di Dusun Tua untuk dijadikan markas pentadbiran mereka. Rumah peranginan atau lebih terkenal dengan panggilan 'kem' (*camp*), sebelum ini adalah rumah peranginan bagi pegawai-pegawai tinggi Kerajaan.¹⁰

8 Keterangan daripada Tuk Daud bin Jehamong bersua 70 tahun yang tinggal di Dusun Tua, Hulu Langat pada 9 November 1978.

9 Ada di antara tentera Jepun yang telah memaksa beberapa orang kampung memanjat pokok buah-buahan walaupun ada di antara buah-buahan ini yang tidak boleh dimakan (seperti buah pinang masak yang cantik kelihatan) atau buah-buahan yang muda (bergetah dan pahit seperti langsung, pisang) tetapi tentera Jepun yang jahil tentang buah-buahan ini tetap mengancam supaya buah-buahan itu diturunkan. Basikal orang-orang kampung dirampas walaupun buruk asalkan boleh digunakan dan digantikan dengan basikal tentera Jepun yang telah tidak boleh digunakan lagi.

10 Keterangan Pak Alias bin Mukun bersua 55 tahun yang tinggal di Batu 16, Hulu Langat pada 10 November 1978.

Semasa kedatangan tentera Jepun di kem ini, Sultan Hishamudin (Sultan Selangor pada masa itu) yang lari dari Kelang akibat serangan tentera Jepun menginap di rumah peranginan ini. Tentera Jepun telah memaksa Sultan Hishamudin balik ke Kelang sementara harta bendanya telah dirampas.¹¹ Jepun yang mengambil polisi untuk menambat hati orang-orang Melayu telah memberi layanan yang baik kepada Sultan Hishamudin. Tentera Jepun juga menghormati baginda yang diketahuinya sebagai lambang kedaulatan bangsa Melayu. Langkah ini tentunya dapat menunjukkan yang Jepun adalah sebagai kawan kepada orang-orang Melayu'. Sokongan boleh didapati daripada orang-orang Melayu asalkan pihak Jepun tidak mengganggu kedaulatan raja, agama dan adat istiadat bangsa Melayu.

Jepun yang mengambil alih rumah peranginan itu telah menamakannya sebagai kem Dusun Tua 'Bioing' (Air panas) kerana di situ memang terdapat kolam air panas dengan nombor telefonnya 4259.¹²

Kem ini telah dijadikan hospital oleh pihak Jepun. Mungkin keadaan daerah Hulu Langat yang dianggap aman dengan penduduknya yang sebahagian besar terdiri daripada orang-orang Melayu, menyebabkan pihak Jepun merasakan tempat ini sesuai untuk dijadikan hospital. Hospital ini menempatkan tentera-tentera Jepun yang cedera dari seluruh kawasan peperangan di Asia seperti dari Singapura, Borneo, New Guinea, Indo China, Burma dan Thailand.¹³ Mungkin kerana di daerah Hulu Langat ini tidak terdapat markas tentera, maka undang-undang tentera yang terlalu ketat tidak dikenakan ke atas penduduk tempatan.

Pentadbiran Jepun di Hulu Langat

Pentadbiran Jepun, walau di mana sahaja tidak banyak perbezaannya. Biasanya suatu pendapat umum yang selalu dibuat ialah pentadbiran Jepun telah memberikan layanan yang berbeza kepada kaum-kaum yang terdapat di Tanah Melayu. Biasanya bangsa Melayu akan mendapat layanan yang boleh dianggap lebih baik daripada kaum-kaum terbesar yang lain seperti kaum Cina dan India. Juga ternyata walau di mana-mana pun, kaum Cina yang dikatakan mendapat layanan paling buruk akibat dari sentimen anti-Cina yang ada pada orang-orang Jepun yang lahir dari Perang Cina-Jepun. Orang-orang Melayu biasanya akan dikatakan sebagai 'kawan' orang-orang Jepun dan orang-orang Cina hanya patut 'disembelih' sahaja. Walaupun begitu orang-orang Melayu tidak terlepas dari kekejaman dan undang-undang tentera Jepun yang dilaksanakan secara kekerasan.

Walaupun pada dasarnya pentadbiran tentera ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu, dan bagi beberapa kawasan, terutama di kawasan bandar pentadbiran tentera dilaksanakan dengan sepenuhnya secara kekerasan; tetapi di Hulu Langat undang-undang tentera tidak dijalankan dengan ketat. Penduduk-penduduk bebas menjalankan sebarang kegiatan ekonomi dan sosial tanpa ada gangguan dari pihak Jepun. Keadaan yang agak tenteram dan bebas ini mungkin kerana tidak begitu ramai tentera Jepun di kawasan

11 Keterangan Pak Alias Mukun.

12 Keterangan Pak Alias Mukun yang bekerja di dalam kem semasa pemerintahan Jepun.

13 Keterangan Abu Bakar bin Jahampong berusia 55 tahun sekarang menjadi Tuk Empat kawasan Batu 15, Dusun Tua pada 10 November 1978.

itu. Lagipun tentera Jepun hanya bertugas mengawal kem yang dijadikan hospital itu. Hanya kadangkala sahaja beberapa orang tentera Jepun terutamanya pesakit-pesakit yang beransur sembuh yang keluar mengacau harta benda orang-orang kampung.

Umumnya dalam masa pemerintahan Jepun, keamanan dan ketenteraman adalah terkawal. Masalah-masalah jenayah yang dilakukan terutamanya oleh orang-orang tempatan berkurangan kerana adanya hukuman keras yang dikenakan.

Sebagai langkah keselamatan untuk menjaga ketenteraman kampung, pentadbiran Jepun telah menubuhkan pasukan pengawal kampung yang dikenali sebagai 'jikeidang'.¹⁴ Bagi tiap-tiap 10 buah rumah di dalam kampung, ada 'jikeidang' yang akan mengawalinya. 'Jikeidang' akan bertanggungjawab atas setiap kejadian di dalam kawasan kawalan mereka. Dengan adanya struktur pasukan 'jikeidang' ini, penyusupan musuh seperti komunis (dipanggil 'konsantong'¹⁵ oleh orang-orang Jepun) dapat dielakkan. Keluar masuk penduduk kampung dikawal. Sebarang pertambahan bilangan ahli keluarga dalam sesebuah rumah perlu dilaporkan kepada 'jikeidang' yang bertugas dan diterangkan hubungan antara keluarga itu dengan orang yang baharu datang itu (ini mesti dilakukan kalau ada orang yang datang bermalam). Pengawalan 'jikeidang' juga bertujuan untuk mencegah penyeludupan barang-barang makanan kepada musuh.

Dalam struktur kawalan 'jikeidang', anggota-anggotanya terdiri dari penduduk tempatan yang umumnya berumur 20 tahun ke atas. 'Jikeidang' diketuai oleh 'danco'. Pengawal 'jikeidang' adalah petugas sukarela untuk menolong menjaga kampung tanpa mendapat bayaran atau gaji dari pihak Jepun, tetapi biasanya 'jikeidang' mendapat beberapa keistimewaan seperti mendapat kad catuan makanan lebih di samping kuasa untuk menangkap orang-orang yang disyaki.¹⁶ Dalam hal inilah beberapa kejadian penyalahgunaan kuasa berlaku, seperti kejadian beberapa penganiayaan ke atas mereka yang tidak bersalah.¹⁷

Dalam menjalankan tugas, dua orang 'jikeidang' mengambil giliran bertugas selama 4 jam setelah melaporkan diri di pondok khas. 'Jikeidang' akan memakai lencana kain yang berlambangkan bendera Jepun yang dililit di lengan kiri masing-masing. 'Jikeidang' tidak mempunyai sebarang pakaian seragam khas.¹⁸ Dengan adanya pasukan 'jikeidang' ini, keamanan dan keselamatan kampung di Hulu Langat boleh dikatakan terjamin terutamanya kerana tiada sebarang gerakan penentangan atau gerakan gerila yang biasanya berlaku di kawasan yang ramai penduduk Cina. Kawasan Hulu Langat yang kawasannya ramai didiami oleh orang-orang Melayu tidak terlibat dalam gerakan-gerakan anti-Jepun ini.

Pentadbiran Jepun di Hulu Langat memberi tumpuan khas kepada kem

14 Panggilan 'jikeidang' ialah mengikut pemahaman penduduk Hulu Langat. Di kawasan lain mungkin panggilan ini berbeza walaupun perkataan asasnya seakan-akan sama. Panggilan 'jikeidang' ini disahkan oleh semua mereka yang ditemuramah.

15 Keterangan Pak Alias Mukun.

16 Keterangan Pak Abu Bakar Jahamong.

17 Keterangan Pak Alias Mukun.

18 Keterangan Mokhtar bin Utih berusia 45 tahun, masih tinggal di Hulu Langat.

atau hospital mereka di sini. Di hospital ini terdapat ketua-ketua yang menadbirkan perjalanan hospital serta pengawal-pengawal yang mengawal keliling hospital ini sebagai langkah berjaga-jaga. Sebagai tenaga tambahan kepada pengawal-pengawal Jepun yang bertugas di situ, tentera Jepun telah menubuhkan pasukan 'Heiho' iaitu askar-askar terdiri dari orang Melayu tempatan.

'Heiho-heiho' ini adalah penduduk di sekitar kem tersebut yang kebanyakannya dipaksa bertugas untuk menjaga kawasan kem. Sebahagian besar daripada mereka berusia dalam lingkungan 20 tahun. Pada masa ini terdapat lebih kurang 15 orang 'heiho' yang kesemuanya dimestikan tinggal disalah satu bangunan di dalam kem. 'Heiho-heiho' mempunyai jadual waktu yang mesti diikuti setiap hari. Pagi-pagi lagi 'heiho-heiho' dikehendaki bangun dan berlari sejauh dua batu mengelilingi kem. Kemudian perbarisan diadakan, dipaksa mengadap dan menundukkan kepala ke matahari terbit sebagai penghormatan kepada 'Tenno Heiho' (Maharaja Jepun) di samping menyanyikan lagu 'kamigayo' iaitu lagu kebangsaan Jepun. 'Heiho' bertugas bergilir-gilir, seorang pada setiap malam untuk menjaga kawasan kem. 'Heiho' diberikan pakaian seragam seperti pakaian tentera Jepun dan dilengkapi dengan senapang tetapi tidak dibekalkan dengan peluru. 'Heiho' mendapat gaji bulanan \$60/- (enam puluh ringgit mata wang Jepun sahaja) serta bekalan makanan; tetapi tidak mendapat sebarang hari cuti dan hanya boleh keluar meninggalkan kawasan kem dengan kebenaran pegawai tinggi Jepun yang bertugas.¹⁹

Ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, sistem ketua kampung dan penghulu dikekalkan dengan bidang kuasa yang agak terhad. Ketua kampung dan penghulu menjadi orang perantaraan antara pihak pentadbir Jepun dengan penduduk-penduduk tempatan. Melalui ketua-ketua kampung inilah Jepun mendapat tenaga buruh paksa yang diperlukan bagi pembinaan segala bangunan, jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang penting. Buruh-buruh paksa ini didapati melalui ketua-ketua kampung atau dipaksa sendiri oleh tentera Jepun. Tugas ketua-ketua kampung tetap kekal tetapi mestilah mengikut arahan pegawai-pegawai Jepun. Begitu juga keadaannya di Hulu Langat di mana ketua-ketua kampung di beberapa kawasan di sekitar Hulu Langat tetap memegang jawatan masing-masing. Tidak banyak bezanya tugas ketua kampung sebelum kedatangan Jepun dengan semasa pemerintahan Jepun.²⁰ Tugas-tugas mengenai soal-soal tanah, kutipan cukai dan hal-hal kebajikan anak-anak buah masih lagi dijalankan oleh ketua-ketua kampung.

Penduduk tempatan dimestikan memberi penghormatan kepada tentera Jepun dengan cara menundukkan kepala ketika melintasi di hadapan mereka. Cara penghormatan begini mesti dilakukan untuk mengelakkan daripada sebarang kemungkinan tindakan yang akan dilakukan oleh tentera Jepun. Biasanya mereka yang enggan melakukannya akan ditempeleng atau dijemu

19 Keterangan Abu Bakar Jahampong yang sekarang menjadi Tuk Empat di Dusun Tua. Keterangan ini beliau dapati daripada cerita-cerita arwah Tuk Empat sebelumnya yang bertugas semasa pemerintahan Jepun.

20 Keterangan Abu Bakar Jahampong yang sekarang menjadi Tuk Empat di Dusun Tua. Keterangan ini beliau dapati daripada cerita-cerita arwah Tuk Empat sebelumnya yang bertugas semasa pemerintahan Jepun.

di tengah panas. Begitu juga di Hulu Langat, keadaan ini tetap berlaku tetapi tidaklah dengan berleluasa kerana tentera Jepun hanya mengawal dan menumpukan kegiatan di dalam kem sahaja dan tidak meronda ke seluruh kampung. Jadi barang siapa yang melalui kem terpaksa menundukkan kepala sebagai memberi penghormatan kepada tentera Jepun yang berkawal di situ. Dalam memberi penghormatan ini, berlaku juga beberapa peristiwa di mana beberapa orang Melayu dikenakan hukuman oleh tentera Jepun kerana keengganan mereka. Kebanyakan daripada hukuman ini berlaku pada masa permulaan pemerintahan Jepun. Tentera Jepun yang tidak tahu berbahasa Melayu dengan orang-orang Melayu yang tidak mengerti bahasa Jepun telah menyebabkan timbulnya berbagai-bagai masalah. Salah faham selalu timbul akibat tiadanya komunikasi antara kedua-dua pihak ini. Akibat tiadanya pengertian inilah maka ramai antara penduduk-penduduk tempatan yang dihukum.

Keadaan Ekonomi

Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu telah menyebabkan kemelesetan ekonomi. Peperangan yang menyebabkan berlakunya sekatan-sekatan ekonomi kepada negara-negara di bawah jajahan Jepun di Asia sebagai cara melemahkan kekuatan tentera Jepun. Tanah Melayu yang bergantung kepada import beras dari Thailand dan Burma telah mengalami kekurangan beras. Kekurangan ini menyebabkan pentadbir Jepun telah mengambil langkah mencatu penggunaan beras supaya tentera Jepun dapat mengambil sebahagian daripada beras hasil tanaman penduduk tempatan untuk kegunaan mereka.

Keadaan ini seperti ini berlaku di Hulu Langat. Pada permulaannya pentadbir Jepun tidak mengawal penuaian dan penyimpanan beras tetapi setelah beberapa bulan, mungkin kerana kekurangan beras akibat peperangan yang masih berlaku, tentera Jepun mulai merampas padi penduduk-penduduk penduduk kampung tidak dibenarkan menuai padi tanpa pengawasan tentera Jepun. Memproses padi untuk dijadikan beras walau dengan apa cara sekalipun langsung tidak dibenarkan. Pesawah-pesawah dipaksa menanam dan menuai pada masa-masa yang ditentukan di bawah jagaan tentera Jepun. Padi yang dituai akan dilonggokkan di satu tempat. Padi ini akan dibawa untuk disimpan di sebuah rumah khas yang dijadikan gudang padi. Walaupun ada pengawasan ke atas penanaman dan penuaian padi ini, masih ada orang-orang kampung yang mencuri-curi 'melurut' padi di waktu malam kerana kekurangan makanan. Padi yang dicuri tadi ditumbuk jauh di hutan.²¹

Catuan beras telah dijalankan di mana setiap minggu, diberikan beras pada kadar secupak seorang. Jadi kadar beras yang didapati bergantung kepada ramainya ahli keluarga dan tidak boleh melebihi untuk bekalan seminggu sahaja. Catuan beras ini tidak berlanjutan, iaitu hanya dalam masa kira-kira setahun sahaja. Kemudian ada di antara penduduk kampung yang

21 Keterangan Tuk Daud Jahampong, 'melurut' padi iaitu padi yang masak tadi dilurut untuk memisahkannya dari tangkainya. Jadi tidak perlu disabit pokok padi untuk mengelakkan dari diketahui oleh pengawas Jepun.

tidak mendapat catuan beras langsung; dan mulalah ubi kayu dimakan untuk menggantikan nasi. Kekurangan makanan merupakan satu keadaan yang tidak dapat dilupakan oleh mereka yang pernah merasakan keadaan hidup di bawah pemerintahan Jepun.

Kad catuan juga dikeluarkan untuk gula, beras, susu dan pakaian, tetapi kad ini hanya dapat digunakan untuk jangka masa pendek sahaja kerana kemudiannya tidak terdapat lagi barang-barang ini.

Untuk mengatasi masalah kekurangan beras, pihak Jepun telah menggalakkan dan memaksa penduduk-penduduk kampung bersawah dan berladang supaya menghasilkan barang-barang makanan. Menanam padi harus mengikut cara-cara yang ditunjukkan oleh Jepun. Sebagai langkah menggalakkan penanaman padi, pihak Jepun telah memberi biji benih dan baja percuma kepada petani-petani. Semasa mengubah, padi harus ditanam dengan jarak enam inci setiap rumpun dan diukur kelurusannya dengan tali. Kerja-kerja pengubahan anak padi ini biasanya di bawah pengawasan Jepun dan sesiapa yang enggan mengikut cara-cara ini akan dipukul. Bagi kawasan-kawasan yang tidak diawasi, semasa mengubah, pengawas Jepun akan datang kemudiannya untuk memastikan cara pengubahan anak padi yang diajarkan itu diikuti oleh petani-petani.²²

Semasa pemerintahan Jepun, Jepun telah menggalakkan penanaman padi 4 bulan dengan benih padi yang dinamakan 'Padi Kanan Dua' dan 'Padi Reso'.²³ Jadi, pesawah-pesawah akan menanam padi dua kali setahun sebagai langkah menambah bekalan beras.

Akibat keadaan ekonomi yang meleset dan keadaan hidup yang terdesak, maka pada masa pemerintahan Jepun, barang-barang yang amat sukar didapati telah cuba dibuat sendiri oleh penduduk-penduduk kampung. Jadi buat masa ini, gula telah dibuat dari kelapa atau dari air nira. Minyak kelapa dibuat dari santan kelapa tetapi ini pun sukar kerana kelapa telah melambung harganya. Barang-barang keperluan lain seperti sabun, benang dan lain-lain akan cuba dibuat sendiri. Pada masa ini, kain untuk dibuat baju langsung tiada sehinggakan jika ada kematian, mayat akan dibungkus dengan tikar sahaja sebelum ditanam. Pakaian yang ada untuk dipakai biasanya bertampal-tampal akibat ketiadaan kain dan kadang-kadang ditampal dengan getah.²⁴

Ubi kayu telah menjadi makanan utama untuk menggantikan beras, dan akibatnya berbagai-bagai penyakit terutamanya penyakit sembab dan pekung dihadapi oleh penduduk-penduduk tempatan. Penyakit sembab terjadi dengan meluasnya dan telah menyebabkan banyak kematian berlaku. Dalam keadaan ini, kanak-kanaklah yang paling dikasihani kerana ketiadaan beras dan susu. Oleh itu ibu bapa atau ketua keluarga akan cuba mencari beras di tempat-tempat lain atau menyembunyikan beras untuk makanan anak-anak. Perbuatan ini kalau diketahui atau dapat ditangkap akan membahayakan nyawa mereka, tetapi kepentingan keluarga lebih diutamakan.

22 Keterangan Tok Daud Jahampong. Tentara Jepun menggunakan pelepah kelapa yang telah dibuang daun-daunnya untuk memukul pesawah yang membuat kesalahan semasa pengubahan anak padi.

23 Keterangan Pak Alias Mukun.

24 Keterangan Pak Alias Mukun.

Jadi dalam hal ini, penduduk-penduduk mesti berhati-hati. Mujurlah pemerintahan Jepun hanya 3½ tahun sahaja dan kalau berlanjutan dan keadaan ekonomi tidak diperbaiki, akan ada penduduk-penduduk kampung di Hulu Langat yang mati kebuluran. Semakin lama semakin kurang bahan-bahan makanan. Gula, susu, pakaian dan kebanyakan barang-barang lain dianggap sebagai barang-barang mewah.²⁵ Penderitaan kekurangan makanan inilah yang menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk-penduduk di Tanah Melayu.

Kebanyakan penduduk tempatan menganggap zaman pemerintahan Jepun sebagai zaman penderitaan dan kesusahan. Mungkin di tempat lain zaman ini juga dianggap zaman penyeksaan, tetapi di Hulu Langat penyeksaan dan hukuman ke atas penduduk tempatan tidak selalu berlaku. Kesukaran yang paling dirasai oleh penduduk di Hulu Langat ialah untuk mendapat bahan-bahan makanan sedangkan dalam hal-hal lain tiada masalah besar yang dihadapi. Kesukaran mendapat bahan makanan telah mendorong ramai di antara orang-orang lelaki di Hulu Langat yang berusaha memburu binatang di hutan yang berhampiran di samping memancing ikan yang sememangnya biasa dilakukan sebelum ini. Kadangkala ada kumpulan yang memburu ini yang mendapat rusa atau kijang dan dagingnya dimasak dengan ubi yang menjadi makanan utama.²⁶ Adanya hasil buruan yang hanya sekali-sekala inilah yang menolong menambah bahan-bahan makanan berzart kepada keluarga masing-masing.

Kegiatan-kegiatan Sosial

Salah satu matlamat perluasan kawasan oleh tentera Jepun ialah untuk memperluaskan pengaruh kebudayaan Jepun. Jadi dalam mencapai matlamat ini, sistem pelajaran yang dipraktikkan di sekolah-sekolah di seluruh kawasan jajahannya adalah sistem yang mengutamakan bahasa Jepun. Bahasa Jepun dijadikan sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah. Pelajar-pelajar diajarkan tentang kebudayaan Jepun melalui lagu-lagu.

Sekolah-sekolah di Hulu Langat mendapat guru-guru Jepun dari 'Kem Bioing'. Guru-guru ini ditugaskan mengajar bahasa Jepun dan mengajar tulisan 'Katakama' dan 'Kanji' iaitu sistem tulisan Jepun. setiap pagi sebelum masuk ke bilik darjah, pelajar-pelajar akan berkumpul mengadap bendera Jepun yang mengadap matahari terbit dan menyanyikan lagu 'kamigayo' sebagai tanda penghormatan kepada kerajaan dan Maharaja Jepun.²⁷ 'Nippon-go' cuba dijadikan bahasa rasmi di sekolah-sekolah bagi menggantikan bahasa Inggeris di samping bahasa tempatan dikekalkan.

Ramai di antara penduduk-penduduk di Hulu Langat yang bekerja di bawah Jepun sebagai buruh membuat jalan, menimbus tanah dan membina rumah dan jambatan terutamanya di dalam kem. Bangunan-bangunan di

25 Menurut kebanyakan mereka yang ditemuramah, dalam masa kesukaran barang-barang makanan ini, sedaya upaya kanak-kanak akan diberi makan nasi satu kali sehari sementara orang dewasa 2 hari sekali. Itupun dicampur dengan ubi.

26 Keterangan Tok Daud Jahampong.

27 Keterangan Mokhtar bin Utih.

dalam kem ini ditambah untuk kegunaan Jepun. Lebih daripada 300 orang bekerja sebagai buruh di kem ini.²⁸ Pekerja-pekerja ini akan diketuai oleh seorang mandur Melayu yang dilantik oleh tentera Jepun. Sikap dan layanan tentera Jepun kepada buruh-buruh ternyata amat berbeza dengan layanan dan sikap kepada orang-orang kampung. Layanan yang kasar diterima oleh buruh-buruh ini. Mana-mana buruh yang didapati malas akan dipukul, ditempeleng atau disepak. Pekerja-pekerja diberi gaji 70 sen (tujuh puluh sen) sehari, dan dalam pada itu bagi pekerja-pekerja yang didapati rajin akan ditanda di kad kerja mereka. Gaji pekerja akan dibayar pada sebelah petang. Yang mempunyai tanda kerajinan di kad kerja akan diberi bayaran gaji lebih 15 sen (lima belas sen) sebagai ganjaran.²⁹

Masalah komunikasi timbul antara pekerja-pekerja dengan pihak Jepun yang biasanya mengakibatkan timbul salah faham. Oleh itu Jepun biasanya akan melantik orang-orang Melayu yang faham atau tahu sedikit sebanyak bahasa Jepun sebagai mandur untuk memudahkan arahan diberi. Mandur-mandur ini bertugas mengawasi perjalanan pekerjaan buruh-buruh, menerima arahan daripada ketua Jepun dan mengambil pekerja-pekerja baharu. Adanya mandur telah mengurangkan hukuman keras yang dikenakan kepada buruh-buruh kecuali bagi mereka yang didapati malas atau 'mencuri tulang'. Tentera Jepun yang mempunyai disiplin dan semangat yang kuat ini memberikan layanan yang buruk kepada pekerja-pekerja di bawah arahan mereka. Hukuman-hukuman berat selalu sahaja dikenakan kalau arahan-arahan ini dilanggar, dan adalah menjadi 'kepentangan' mereka melihat pekerja-pekerja yang malas atau tidak mengikut arahan dengan betul.

Walaupun Jepun telah dapat menguasai Tanah Melayu dan mengawal pentadbirannya tetapi pentadbir Jepun mengambil langkah tidak sekali-kali mencampuri hal-hal mengenai adat istiadat dan agama bangsa Melayu. Orang-orang Melayu bebas mengamalkan agama dan adat istiadat mereka tanpa adanya sebarang gangguan daripada tentera Jepun. Keadaan ini memang wujud walau di mana-mana pun. Sembahyang berjemaah bebas dilakukan dan tentera Jepun tidak sekali-kali akan mencoroboh masuk atau mengacau di kawasan masjid. Upacara-upacara adat seperti kenduri kahwin juga boleh dijalankan tanpa gangguan.

Kebebasan ini dirasakan di Hulu Langat di mana penduduk-penduduk yang keseluruhannya orang-orang Melayu bebas menunaikan sembahyang berjemaah sama ada sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, sembahyang hari raya dan sembahyang sunat yang lain yang biasa dilakukan di masjid-masjid dan surau-surau. Memang menjadi kebiasaan penduduk-penduduk kampung lebih suka mengadakan sembahyang berjemaah daripada sembahyang bersendirian di rumah. Berkumpul beramai-ramai ini membolehkan mereka berbincang mengenai keadaan yang mereka alami, juga sebagai cara 'menanyakan khabar' antara satu sama lain.

Penduduk-penduduk di Hulu Langat bebas bergerak dan berjalan ke mana-mana sahaja di kawasan kampung. Tidak terdapat kawalan-kawalan ketat di sepanjang jalan di Hulu Langat kerana pihak Jepun merasakan

28 Keterangan Pak Alias Mukun.

29 Keterangan Pak Alias Mukun.

kawalan begini tidak perlu memandangkan tiadanya sebarang penentangan kepada tentera Jepun, dan kerana boleh dikatakan keseluruhan penduduk di Hulu Langat terdiri daripada orang-orang Melayu yang dianggap sebagai kawasan Jepun, kecuali di kawasan-kawasan tertentu yang ada beberapa keluarga Cina yang sangat kecil bilangannya berbanding dengan penduduk-penduduk bangsa Melayu.

Dalam upacara adat istiadat pula, penduduk-penduduk tempatan bebas menjalankan sebarang upacara adat ini. Dalam beberapa hal, ada di antara tentera Jepun yang datang menengok kenduri kahwin dan persandingan yang dijalankan. Walaupun pada zaman pemerintahan Jepun beras dan barang-barang makanan lain sukar didapati tetapi orang-orang Melayu yang memang mementingkan adat akan tetap mengadakan upacara kenduri kahwin biarpun secara kecil-kecilan. Biasanya makanan yang disediakan semasa kenduri ialah ubi kayu yang dicampur dengan sedikit nasi dengan lauk ikan masin dan sayur-sayuran kampung. Nasi minyak, daging atau ayam tidak termimpikan pada masa itu.³⁰ Walaupun begitu, sedaya upayanya upacara kenduri dan persandingan diadakan dan pada masa ini ramailah tentera-tentera Jepun yang datang sama meraikan upacara ini. Kehadiran mereka biasanya tidak mendatangkan sebarang masalah kerana sikap mereka yang tidak menghalang hal-hal adat orang-orang Melayu sebagai tanda penghormatan untuk menambat hati bangsa Melayu sebagai golongan terbesar di sini.

Hal-hal mengenai kebudayaan bangsa Melayu juga tidak diganggu oleh tentera Jepun. Pada setiap malam Jumaat akan diadakan pertunjukan nyanyian dengan kerjasama penduduk-penduduk kampung atau ditayangkan filem-filem Jepun. Sebuah pentas "tempat main wayang" disediakan oleh tentera Jepun di Dusun Tua. Jadi pada malam Jumaat ramai penduduk kampung keluar melihat pertunjukan-pertunjukan yang diadakan. Bagi pertunjukan nyanyian, pemuda-pemuda tempatan akan memainkan alat-alat muzik yang ada pada mereka seperti biola, rebana, serunai dan gong sementara pembesar suara disediakan oleh orang-orang Jepun. Meriah suasana pada setiap malam pertunjukan kerana tiadanya sebarang bentuk hiburan lain. Nyanyian-nyanyian dalam bahasa Jepun (lagu-lagu Jepun) amat digalakkan dan akan menerima pujian dari ketua Jepun yang biasanya hadir sama.³¹ Kepandaian bertutur bahasa Jepun dan menyanyikan lagu-lagu Jepun memang menjadi kebanggaan penduduk-penduduk tempatan dan biasanya akan mendatangkan faedah kepada mereka. Kepandaian ini membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik di kem atau dilantik menjadi 'jikeidang' atau akan menjadi orang yang 'rapat' dengan Jepun.

Pertunjukan nyanyian yang mengutamakan lagu-lagu Jepun dan tayangan filem yang kebanyakannya ialah filem-filem Jepun ini adalah sebagai cara untuk memperluaskan pengaruh kebudayaan Jepun di kawasan yang dikuasainya ini. Jadi selain daripada menyebarkan kebudayaan Jepun

30 Menurut keterangan beberapa orang yang ditemuramah, pengantin akan duduk di lantai dengan pakaian yang buruk (dianggap paling baru pada masa itu) dan berkain pelekat atau dipinjam kain-kain songket yang ada dalam simpanan saudara-mara yang agak mampu. Hiasan pelamin dan tempat tidur pengantin biasanya ialah hiasan dan kelambu yang disimpan oleh orang-orang yang terdahulu yang sudah lusuh; dicuci dan digantung sebagai syarat perhiasan.

31 Keterangan Pak Abu Bakar Jahampong.

melalui sistem pelajaran di sekolah-sekolah, pertunjukan ini dapat menyebarkan pengaruh Jepun di kalangan penduduk kampung. Di sinilah propaganda Jepun disebar di samping ditanamkan semangat anti-British. Boleh dikatakan pentadbir Jepun mengawal seluruh mass media dan bentuk-bentuk hiburan supaya mengikat lunas-lunas yang mereka kehendaki. Penyebaran dan perluasan pengaruh kebudayaan Jepun memang menjadi salah satu matlamat perjuangan dan penaklukan mereka. Kuasa dan pengaruh Barat mahu digantikan dengan satu kuasa Asia. Kebudayaan barat yang telah meresapi ke dalam masyarakat Melayu cuba diambil alih oleh kebudayaan Jepun.

Kekalahan dan Pengunduran Tentera Jepun

Kekalahan Jerman yang menjadi sekutu Jepun dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 telah mengubah kedudukan Jepun. Tentera Jepun mulai mengalami beberapa kekalahan. Tentera laut Jepun yang pada peringkat awal peperangan merupakan angkatan yang kuat dan sangat dibanggakan telah mulai lemah kerana kekurangan kelengkapan-kelengkapan perang. Pada pertengahan tahun 1945, tentera Berikat telah mengebom bandar Nagasaki dan Hiroshima dengan bom atom, dan kedua-dua bandar ini telah musnah sama sekali. Kelemahan tentera Jepun, ditambah pula oleh kehancuran kedua-dua bandar yang mengakibatkan banyak nyawa terkorban telah menyebabkan Jepun mengambil keputusan untuk menyerah kalah tanpa syarat. Penyerahan ini diisytiharkan pada 15 Ogos 1945. Kekalahan dan penyerahan ini menamatkan tahap pemerintahan Jepun di Asia.

Penduduk-penduduk di Hulu Langat ada mendapat berita tentang pengeboman ke atas kedua-dua buah bandar di Jepun itu. Khabar-khabar angin tentang kekalahan tentera Jepun didengar dari penduduk-penduduk yang berulang-alik ke Kuala Lumpur atau Kajang.

Sebelum penyerahan diri, pentadbir Jepun telah memberhentikan buruh-buruh yang bekerja di dalam kem. Pemberhentian ini dijalankan seminggu sebelum tentera-tentera Jepun bersama-sama dengan kakitangan dan pesakit hospital meninggalkan kem tersebut.³²

'Heiho-heiho' yang bekerja dengan Jepun mengetahui tentang kekalahan Jepun ini dan kemungkinan tentera British akan datang semula. 'Heiho-heiho' Melayu ini menganggap keadaan mereka tidak selamat kerana mungkin timbul salah faham yang menganggap mereka sebagai sebahagian dari askar-askar Jepun. Beberapa orang penduduk kampung yang mengetahui dengan sah kekalahan Jepun terutamanya yang ada hubungan persaudaraan dengan 'heiho-heiho' ini telah menasihatkan supaya 'heiho-heiho' meninggalkan kem sebelum ditangkap oleh askar-askar British. Kesemua 'heiho' yang berjumlah 15 orang telah berpakat untuk sama-sama melarikan diri. Mereka lari pada waktu subuh melalui tingkap tempat kediaman mereka di dalam kem ke kawasan-kawasan yang jauh dari kem dan sukar dikesan oleh tentera Jepun. Waktu subuh ini sesuai kerana pemeriksaan dan perbarisan belum diadakan lagi. Kebanyakan daripada 'heiho-heiho' lari bersembunyi

32 Keterangan Pak Alias Mukun.

di kampung Telombong iaitu di kawasan Sungai Tekah.³³

Ketiadaan 'heiho-heiho' ini kemudiannya disedari oleh tentera Jepun yang datang memeriksa tempat kediaman mereka setelah tiada di antaranya yang keluar berbaris. Tentera-tentera Jepun ini kemudiannya berusaha mengesan dan mencari 'heiho-heiho' ini dengan cara menghubungi keluarga dan saudara-mara mereka tetapi tidak berjaya kerana tiada seorang pun daripada 'heiho' ini yang lari pulang ke rumah masing-masing. Tambahan pula keluarga dan saudara-mara mereka tidak tahu-menahu akan pakatan melarikan diri ini kerana tiadanya perhubungan antara 'heiho' dengan orang-orang di luar kem.³⁴ Tentera Jepun bersama-sama dengan kakitangan hospital beransur-ansur meninggalkan kem untuk menyerah diri di Kuala Lumpur. Pesakit-pesakit dan perkakas-perkakas yang perlu telah diangkut dengan terak tentera yang berulang-alik dari Kuala Lumpur. Proses mengosongkan kem ini mengambil masa lebih kurang seminggu di mana semua kerja-kerja pemindahan dijalankan sendiri oleh tentera Jepun tanpa bantuan dari penduduk-penduduk tempatan.³⁵

Sebagaimana kedatangan mereka dahulu, begitu jugalah pemergian mereka di mana penduduk-penduduk kampung hanya keluar beramai-ramai melihat pengunduran tentera Jepun dari Hulu Langat. Tidak timbul sebarang reaksi, dan keadaan kampung adalah seperti hari-hari lain, cuma terdapat beberapa perkumpulan yang membincangkan tentang kekalahan Jepun dan tentang keadaan yang bakal mereka hadapi selepas pengunduran ini nanti. Tentera-tentera Jepun berundur dari Hulu Langat secara aman dan penduduk-penduduk tempatan tidak pula menunjukkan sebarang bentuk penentangan. Padahal di masa pemerintahan Jepun, berbagai-bagai penderitaan telah mereka alami. Reaksi ini mungkin kerana tentera Jepun tidak selalu bertindak keras dan zalim kepada penduduk di sini.

Kekalahan tentera Jepun menyebabkan kejatuhan nilai mata wang Jepun. Mata wang Jepun mulai tidak laku pada 25 Ogos, 1945.³⁶ Akibat dari kejatuhan nilai mata wang ini, ramai antara penduduk-penduduk tempatan yang mengalami kerugian terutamanya bagi mereka-mereka yang banyak menyimpan duit Jepun. Penyesalan pun timbul kerana tidak menggunakan duit Jepun itu semasa nilainya masih ada lagi.

Penyerahan dan pengunduran tentera Jepun telah memberi peluang kepada orang-orang Cina memerintah Tanah Melayu. Selepas kekalahan Jepun, tidak wujud sebarang bentuk kerajaan pemerintah dan kesempatan ini digunakan oleh orang-orang Cina untuk mengisytiharkan pemerintahan mereka. Kebanyakan daripada orang-orang Cina ini ialah dari anggota *Malayan People Anti Japanese Army* (M.P.A.J.A.) yang bergerak di dalam hutan menentang pemerintahan Jepun yang menindas kaum Cina. Pemerintahan Cina ini merupakan sebagai pembalasan dendam kepada bangsa Melayu yang mendapat layanan lebih baik daripada pihak Jepun. Pada masa ini penangkapan, pencolekan dan pembunuhan ke atas orang-orang Melayu

33 Keterangan Abdul Hadi bin Utih.

34 Keterangan Mokhtar bin Utih — adik kepada Abdul Hadi yang menjadi 'heiho'. Mokhtar telah disoal tentang kehilangan abangnya dari kem.

35 Keterangan Pak Alias Mukun.

36 Keterangan Tuk Daud Jahampong.

telah berlaku terutamanya kepada orang-orang yang dianggap sebagai kuncu-kuncu Jepun.

Kem yang dikosongkan setelah pengunduran tentera Jepun telah dikuasai oleh orang-orang Cina. Beberapa kejadian pencolekan ke atas beberapa orang Melayu yang pernah bekerjasama rapat dengan Jepun terutamanya 'jikeidang-jikeidang' yang pernah menganiaya keluarga-keluarga Cina di Hulu Langat telah berlaku, tetapi tidaklah begitu berleluasa. Ini mungkin kerana tidak banyak berlaku penganiayaan kepada keluarga-keluarga Cina semasa pemerintahan Jepun. Tambahan pula memang tidak ramai orang-orang Cina di daerah Hulu Langat ini.

Pemerintahan Cina yang menindas orang-orang Melayu ini tidaklah lama. Setelah 14 hari pemerintahan ini berjalan, tentera-tentera British masuk ke Tanah Melayu. *British Military Administration* (BMA) telah mengambil alih pemerintahan di Tanah Melayu. BMA ini adalah sebagai langkah sementara menuju ke arah pentadbiran awam. Keadaan ekonomi dan ketenteraman awam mula dipulihkan kembali.

Kesimpulan

Pendudukan Jepun di Hulu Langat memperlihatkan suatu keadaan yang berbeza dengan beberapa tempat lain di Tanah Melayu umumnya dan di Selangor khususnya. Tiada keganasan dan pencerobohan berlaku secara berleluasa. Tentera Jepun tidak memberikan layanan yang buruk kepada penduduk tempatan kecuali yang melanggar undang-undang yang ditetapkan. Penduduk-penduduk tempatan bebas bergerak dan menjalankan aktiviti-aktiviti sosial tanpa gangguan. Tentera Jepun hanya mengawal sektor pertanian yang merupakan pekerjaan utama di daerah ini sebagai langkah menambahkan bahan makanan dan supaya makanan tidak diseludup kepada anggota-anggota gerakan bawah tanah yang menentang Jepun.

Keganasan dan pencerobohan tentera Jepun di Hulu Langat ini tidak berleluasa mungkin kerana memandangkan komposisi penduduk di sini yang kebanyakannya terdiri dari bangsa Melayu. Pembunuhan dan pencerobohan ada dikatakan berlaku di kawasan orang-orang Cina seperti di Sungai Makau (Sungai Tekah) tetapi di kawasan lain yang 100% penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu, tidak berlaku sebarang pencerobohan yang hebat. Memang pada awal kedatangannya tentera Jepun bertanyakan tentang komposisi penduduk kampung-kampung di situ. Tentera Jepun yang mengambil polisi terbaik-baik dengan orang-orang Melayu merasakan keadaan keselamatan di kampung-kampung ini boleh dianggap terjamin dan tidak perlu dilaksanakan undang-undang tentera dengan ketat. Tentera Jepun hanya mengawal di kem yang mereka gunakan sebagai hospital dan di kawasan bandar Hulu Langat yang menjadi persimpangan ke beberapa kawasan lain.

Memang umumnya dikatakan orang-orang Cina mendapat layanan yang buruk. Ramainya bilangan keluarga Cina di sesuatu kawasan itu menentukan sikap dan layanan tentera Jepun. Di kawasan-kawasan ini pembunuhan terjadi secara berleluasa. Keadaan di kawasan-kawasan ini berbeza sekali jika dibandingkan dengan keadaan di Hulu Langat. Umpamanya semasa pen-

dudukan Jepun di Pulau Pinang,³⁷ ramai orang-orang Cina telah dibunuh kerana terlibat atau disyaki terlibat dalam kegiatan anti-Jepun. Orang-orang Serani (Eurosian) juga diletakkan di bawah pengawasan kerana sikap mereka yang pro-British.

The other terror in Penang was Tadashi Suzuki, commonly referred to, by the local people, as the "Long Haired Terror", because of the long hair which he kept, reaching down to his shoulder. He was the chief of Penang Fire Brigade and had earned himself the reputation of cutting off people's heads'.³⁸

Di Hulu Langat, tiada seorang pun tentera Jepun yang dikenali ramai sebagai paling kejam; malah daripada kenyataan beberapa orang yang ditemuramah, ketua-ketua Jepun tidak suka orang-orang mereka mengacau harta orang-orang kampung. Kalau adapun pencerobohan biasanya dilakukan oleh pesakit-pesakit yang mencuri-curi keluar melalui jalan di belakang kem untuk mencuri telur ayam dan buah-buahan. Penceroboh-penceroboh yang diketahui oleh ketua-ketua Jepun atau dapat ditangkap akan dihukum.³⁹

Kesemua mereka yang ditemuramah mengakui bahawa tentera Jepun yang ada tidak menangkap dan menceroboh kaum wanita di Hulu Langat; cuma kaum wanita tidaklah dibenarkan berjalan-jalan dengan bebas hanya tinggal di dalam rumah terutamanya kalau ada tentera Jepun yang datang mencari makanan.⁴⁰ Keadaan ini berbeza dengan di Jeram, Selangor di mana kaum wanita akan melumurkan arang di muka mereka kalau ada tentera Jepun yang datang atau lari bersembunyi ke dalam hutan buat beberapa waktu. Ini adalah kerana telah berlaku beberapa kejadian pencerobohan ke atas kaum wanita.⁴¹

Keadaan Hulu Langat sebelum dan semasa pemerintahan Jepun tidaklah jauh bezanya cuma keadaan ekonomi yang jatuh yang sememangnya dialami di mana-mana pun di seluruh negara. Tiada penindasan ke atas penduduk kampung. Berdasarkan kepada keadaan ini boleh dikatakan lebih baik dari kawasan-kawasan lain umpamanya di Sungai Choh;⁴² pendudukan dan penindasan tentera Jepun telah menyebabkan penduduk-penduduk di situ terpaksa mencari perlindungan sementara (selama seminggu) di dalam hutan kerana pertempuran antara tentera Jepun dengan tentera British yang berkubu di situ. Hanya enam bulan setelah pendudukan Jepun, penduduk kampung Sungai Choh telah pindah membuka kawasan baharu di Sungai Guntung sebagai cara mengelakkan penindasan dan tekanan tentera Jepun dan untuk memulakan kerja-kerja menanam padi.⁴³ Penindasan hebat ke atas penduduk-penduduk di Sungai Choh ini yang keseluruhannya terdiri

37 Lim Beng Kooi, 'Japanese Occupation in Penang'. Graduation Exercise, University of Singapore, 1975.

38 Ibid., hlm. 12.

39 Keadaan ini memang diakui oleh semua mereka yang ditemuramah malah dikatakan tentera Jepun mesra dengan penduduk Melayu di situ terutamanya di sekitar kem.

40 Keterangan Puan Kalsom binti Haji Abdul Hamid berusia 50 tahun yang sekarang menjadi isteri kepada Tuk Empat Abu Bakar.

41 Keterangan Puan Fatimah Haron yang pernah tinggal di Jeram Selangor semasa pemerintahan Jepun pada 12 November 1978.

42 Abdullah Haji Rahman, 'Pendudukan Jepun di Sungai Choh', mini tesis, Universiti Malaya, 1976.

43 Ibid., hlm. 4.

daripada bangsa Melayu mungkin kerana tentera Jepun menganggap mereka sama-sama membantu British mempertahankan kawasan itu dalam pertempuran sebelum penguasaan Jepun. Sementara di Hulu Langat tiada sebarang pertahanan untuk menyekat kemaraan tentera Jepun juga tiada timbul sebarang penentangan.

Kekurangan makanan dan pakaian memang menjadi perkara lumrah dalam masa pemerintahan Jepun. Walaupun begitu kebuluran tidak berlaku kerana sebagai kawasan kampung dapat mengadakan bahan-bahan makanan sebagai menggantikan beras. Walaupun beras amat sukar didapati di tempat-tempat lain, tetapi di Hulu Langat, masih ada beras untuk makanan. Namun begitu ia tidak dimakan setiap hari, cuma mungkin dua atau tiga hari sekali bagi orang-orang dewasa. Kesukaran dan penderitaan tidak dapat dielakkan daripada dialami oleh mana-mana kawasan jajahan Jepun di Asia tetapi penindasan tidak berlaku di Hulu Langat. Mungkin ini kerana Hulu Langat jauh dari markas tentera dan tidak ramai bilangan tentera Jepun yang menduduki kawasan-kawasan di Hulu Langat. Kem di Dusun Tua tidak dijadikan markas tentera tetapi dijadikan rumah sakit dan tempat berehat bagi tentera-tentera Jepun yang cedera dari seluruh Asia.

Pendudukan Jepun telah membuahkan semangat nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu terutamanya setelah pemerintahan Cina selama 14 hari. Walaupun di Hulu Langat tidak diasaskan parti-parti kiri yang memperjuangkan hak-hak bangsa Melayu tetapi pengaruh parti-parti kiri ini turut sama dirasakan di Hulu Langat. Ramai antara penduduk-penduduk Hulu Langat yang menganggotai PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), BATAS (Barisan Tani Se Malaya), API (Angkatan Pemuda Insaf), AWAS (Angkatan Wanita Sedar) yang ditubuhkan selepas kemasukan kembali British ke Tanah Melayu.

Senarai nama mereka yang ditemuramah

1. Nama: Abdul Hadi bin Utih
Umur: 46 tahun
Latar belakang: Berasal dari Hulu Langat, berpendidikan sekolah Melayu. Pernah menjadi 'heiho' secara paksa semasa pemerintahan Jepun. Beliau telah lari ke kampung Telombong sebelum tentera Jepun meninggalkan kem. Sekarang beliau masih tinggal di Hulu Langat dengan berkebud dan menjalankan perniagaan runcit secara kecil-kecilan.
2. Nama: Abu Bakar bin Jahampong
Umur: 55 tahun
Latar belakang: Berasal dari Sumatera, Indonesia. Beliau pernah menjadi askar Melayu di Singapura. Beliau telah ditahan di Singapura selama 14 hari setelah kejatuhan Singapura ke tangan tentera Jepun. Kemudian beliau bekerja di Jabatan Parit dan Taliair di Jalan Bangsar dan berulang-alik dari Hulu Langat. Sekarang beliau menjadi Tuk Empat di kawasan Batu 15, Dusun Tua, Hulu Langat.
3. Nama: Alias bin Mukun
Umur: 55 tahun
Latar belakang: Lahir di Hulu Langat. Berpendidikan sekolah Melayu. Semasa pemerintahan Jepun beliau bekerja sebagai buruh di kem Bioing. Kemudiannya dilantik menjadi mandur.
4. Nama: Daud bin Jahampong
Umur: 70 tahun
Latar belakang: Berasal dari Sumatera. Bekerja sebagai petani, iaitu menanam pisang dan jagung di samping menjadi peraih pisang. Semasa pemerintahan Jepun beliau bersawah dan ada membuat pertukaran barang-barang makanan dengan tentera Jepun. Sekarang beliau masih tinggal di Hulu Langat.
5. Nama: Fatimah binti Haron
Umur: 45 tahun
Latar belakang: Berasal dari Jeram, Kuala Selangor, berpendidikan sekolah Melayu. Beliau tinggal di Batu 20, Jeram, Kuala Selangor semasa pemerintahan Jepun. Sekarang beliau tinggal bersama-sama keluarganya di Petaling Jaya, Selangor.
6. Nama: Kalsom binti Abdul Hamid
Umur: 50 tahun
Latar belakang: Berasal dari Hulu Langat dan sekarang menjadi isteri kepada Tuk Empat Abu Bakar Jahampong.
7. Nama: Mokhtar bin Utih
Umur: 45 tahun
Latar belakang: Berpendidikan sekolah Melayu. Pernah menjadi budak suruhan di kem Bioing semasa pemerintahan Jepun. Sekarang beliau bekerja sebagai *store keeper* setelah bersara daripada angkatan tentera.

Sejarah Lembaga Pelabuhan Kelang Dalam Rancangan Malaysia Pertama

MOHD. SANI BIN MOHD. TAHAR*

PELABUHAN Kelang merupakan sebuah pelabuhan utama di Malaysia. Kemudahan pelabuhan ini terbahagi kepada dua, iaitu Pelabuhan Baru yang terletak di sebahagian pantai Selat Kelang Utara.

Kedua-duanya terletak kira-kira 6 km. di antara satu dengan yang lain. Pelabuhan Lama dikenali sebagai Pelabuhan Selatan dan yang kedua itu ialah Pelabuhan Baru. Lembaga Pelabuhan Kelang bertanggungjawab bagi kedua-duanya.

Pelabuhan-pelabuhan ini menjadi pusat penyebaran barangan atau menerima barang dari luar untuk kawasan penghasilan yang di sekitar 160 km. ukuran keliling di pedalaman Tanah Besar Semenanjung Tanah Melayu. Sekitar kawasan inilah terdapatnya bilangan kawasan penghasilan yang besar seperti kawasan perlombongan bijih timah, ladang-ladang getah, kelapa sawit dan kawasan perusahaan ringan dan berat.

Tidak jauh dari pelabuhan ini ialah kawasan perindustrian yang dihubungkan oleh Lebuhraya Persekutuan. Di sinilah terdapatnya kilang-kilang perusahaan seperti Chemical Company of Malaysia (ICI), Dunlop Malaysia Industries, National, Berjaya Kawat, Associated Motors, Champion Motor, Lam Soon dan berbagai-bagai lagi.

Ibukota atau ibu negara Malaysia adalah kira-kira 48 km. jauhnya dari pelabuhan ini dan ia merupakan kawasan perindustrian juga. Kemudahan perhubungan di antara pelabuhan ini dengan ibukota ialah melalui lebuhraya

* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1979.

persekutuan. Di antara ibukota dengan pelabuhan ini ialah Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang. Di luar kawasan 160 km. ini pula dihubungkan oleh rangkaian jalan raya dan keretapi ke negeri-negeri lain seperti ke Pahang, Terengganu dan Selatan Kelantan, serta sebahagian negeri Perak.

Pelabuhan Selatan

Pelabuhan ini menjadi pelabuhan eksport barangan penghasilan negara ini. Ia mempunyai tujuh buah dermaga, ini termasuk dermaga untuk kapal-kapal kecil dan kapal-kapal laut lepas. Kapal kecil lebih merupakan kapal-kapal penyusur pantai. Jumlah panjang dermaga ialah lebih kurang 1027 meter dan airnya sedalam antara lima hingga sembilan meter.¹

Disebabkan pelabuhan ini mengendalikan barang-barang eksport, maka terdapat tangki-tangki serta saluran paip dibina untuk kegunaan menguruskan eksport bahan cecair seperti susu getah, dan minyak kelapa sawit. Pusat pengendalian cecair ini ialah kepunyaan badan-badan berkanun ataupun syarikat-syarikat persendirian seperti FELDA, Sime Darby, Barlow, Jomalina, Dunlop, Socfin dan sebagainya. Juga terdapat dermaga pengendalian minyak petrol. Ini merupakan satu sahaja barangan import yang dikendalikan oleh Pelabuhan Selatan ini. Bagi syarikat Shell, ia mempunyai dermaganya sendiri, yang lain seperti Esso, BP, Caltex dan Mobil menggunakan dermaga kepunyaan Lembaga. Pengendalian barangan eksport pada tahun 1976 ialah 2,892,387 tan.

Selain daripada itu di Pelabuhan Selatan juga disediakan pangkalan tongkang-tongkang bagi kemudahan pemunggahan hasil kayu balak, papan lapis, dan juga untuk memunggah barang dari kapal yang berlabuh di tambatan-tambatan yang jauh sedikit dari dermaga.

Pada 1976 Pelabuhan Selatan didatangi oleh 1,518 buah kapal dan dari jumlah itu 1,358 buah dikendalikan oleh pihak Lembaga dan baki, 160 buah lagi dikendalikan oleh dermaga persendirian.

Pelabuhan Utara

Ia pula menjadi pelabuhan pengendalian mengimport barangan yang dibeli dari luar negeri. Pelabuhan ini mempunyai sebelas buah dermaga yang beraneka jenis, seperti Dolphin, Kontena, Dermaga untuk kapal-kapal kargo dan juga kapal-kapal penyusur pantai.²

Jumlah panjang dermaganya ialah lebih kurang 1760 meter dan dalam airnya di sekitar dermaga ialah antara 5 meter hingga 13 meter. Barangan import yang dibawa masuk melalui pelabuhan ini adalah barang keperluan seperti gula mentah, jentera, makanan dalam tin, bahan-bahan kimia dan berbagai-bagai lagi keperluan untuk perusahaan, kegunaan harian dan pembangunan negara. Jumlah pengendalian barangan import pada tahun 1976 ialah 2,387,774 tan. Bilangan kapal yang datang berlabuh dan menggunakan pelabuhan ini ialah 2,018 buah.³

1 Drafts of Country Paper for Asean Port Authorities Meeting at Jakarta 1976. *Kelang Port Authority Paper*, hlm. 48.

2 Ibid.

3 *Laporan Kemajuan Lembaga Pelabuhan Kelang 1976, Pelabuhan Utara*, hlm. 4.

Bahagian Kontena telah mengendalikan sejumlah 567,490 tan barang. Sementara bilangan TEU⁴ meningkat kepada 59,288 Teu. Pecahan pengendalian kontena ialah:

- i) Import berjumlah 280,866 tan
- ii) Eksport berjumlah 286,624 tan

Seperti yang dinyatakan di awal tadi pelabuhan ini dianggap sebagai pelabuhan pengendalian import, tetapi ada juga barangan eksport dikendalikan di sini, terutamanya getah, papan lapis dan kayu balak.

Jumlah kapal kontena yang singgah di Pelabuhan Utara ini ialah 283 buah pada tahun 1976. Khidmat utama kontena ialah ke Eropah dan Timur jauh. Juga terdapat pertambahan bilangan kapal-kapal membekal atau *feeder* yang datang membawa kontena dari Sabah, Sarawak, Indonesia dan Singapura. Jumlahnya ialah 65 buah pada tahun itu.

Pengendalian Lembaga Pelabuhan Kelang Secara Am

Nilai dagangan yang dikendalikan oleh pelabuhan ini ialah \$6,453.5 juta pada tahun 1976. Ini merupakan 34.8% dari jumlah nilai dagangan bagi seluruh Semenanjung Malaysia yang berjumlah \$15,555.8 juta. Pecahan mengikut ialah import sebanyak \$3,155.6 juta.⁵

Pergerakan penumpang dilakukan oleh 81 buah kapal yang singgah di pelabuhan ini pada tahun 1976. Dari jumlah itu 55 buah adalah kapal penumpang sebenar, 21 buah kapal penumpang serta barang dan lima buah kapal haji. Bilangan penumpang yang melalui pelabuhan ini ialah 16,585 orang.⁶

Jumlah kapal yang telah singgah di kedua-dua pelabuhan ini ialah 3,536 buah dengan jumlah GRTnya⁷ 26,276,213 tan. Jumlah kapal kontena ialah 283 buah.

Dengan gambaran sepintas lalu ini nampaklah pada kita akan kepentingan Lembaga Pelabuhan Kelang dalam kegiatan ekonomi negara ini. Penglibatannya dalam mengendalikan 34.8% daripada jumlah sepenuhnya nilai dagangan Semenanjung Malaysia, memperlihatkan kepentingan serta peranannya yang begitu penting. Dengan ini sewajarnya Lembaga Pelabuhan Kelang dikatakan sebuah pelabuhan terpenting di Malaysia Barat.

Pelabuhan Swettenham sehingga Perang Dunia Kedua

Pelabuhan yang pertama ialah di Bandar Kelang, iaitu kira-kira 10 km. dari pelabuhan yang ada sekarang. Ianya terletak di tepi Sungai Kelang di bandar itu. Keadaannya di peringkat awal merupakan sebuah pangkalan atau jeti di penghujung jalan keretapi dari Kuala Lumpur ke Kelang. (Pada masa itu dikatakan Bukit Kuda). Kapal-kapal yang datang ialah dari Syarikat Straits Steamship. Perhentian keretapi itu telah dibina sejak tahun 1886 oleh The Federated Malay States Railways.⁸

⁴ TEU bererti 20 kaki unit bersamaan (20 feet equivalent unit).

⁵ *Laporan Kemajuan Lembaga Pelabuhan Kelang 1976*, Nilai Dagangan yang melalui Pelabuhan Kelang, hlm. 6.

⁶ *Ibid.* Pergerakan Penumpang, hlm. 6.

⁷ GRT — bererti jumlah berat keseluruhan kapal itu.

⁸ D.L. Allen, *Report on Major Ports of Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1951, hlm. 34.

Jeti ini kemudiannya tidak digunakan lagi secara luas kerana bermula dari tahun 1899 jalan keretapi ini (Kuala Lumpur ke Bukit Kuda) telah disambung terus ke Port Swettenham⁹ (sekarang Pelabuhan Kelang). Bermula dari tarikh inilah kepentingan jeti ini mula pudar kerana pengendalian barangan telah beralih tempat ke Port Swettenham. Namun begitu jeti ini tetap digunakan sehinggalah siapnya pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Kelang. Ketika itu yang mudak hanyalah kapal-kapal kecil atau lebih tepat tongkang-tongkang. Keadaannya terus merosot bila Perang Dunia Kedua meletus. Jambatan itu dirobuhkan digantikan dengan jambatan pelampung, menyebabkan tidak dapat tongkang-tongkang memudiki sungai ini hingga ke jeti yang ada itu.

Port Swettenham wujud sebagai pelabuhan pada kira-kira tahun 1900, iaitu setahun selepas penyambungan jalan keretapi dari Kuala Lumpur ke Port Swettenham. Dengan adanya perhentian keretapi di Port Swettenham, terbinalah sebuah jambatan atau dermaga 'T' atau limbungan beras menggantikan tugas pelabuhan asal atau jeti di Kelang itu. Hal inilah juga menyebabkan jambatan menyeberangi Sungai Kelang dibina bagi memudahkan pengangkutan mengikut jalan darat. Pada permulaannya, Port Swettenham tidak menjadi persaingan yang hebat kepada Pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura. Ini kerana, Port Swettenham hanya mengendalikan barangan yang kecil sama ada untuk import atau eksport. Tambahan pula pelabuhan ini belum mendapat perhatian wajar dari syarikat-syarikat perkapalan yang luar dari Straits Steamship Company.

Keputusan membina pelabuhan air dalam di Port Swettenham untuk bandar Kuala Lumpur secara rasmi dilakukan pada 1911. Keputusan ini dibuat terutamanya atas sebab-sebab ekonomi dan politik British. Pada peringkat awalnya telah berlaku perbalahan dalam menentukan tapak pembangunan pelabuhan ini. Akhirnya dipersetujui iaitu di kawasan paya bakau arah ke selatan muara Sungai Kelang.

Di peringkat pertamanya dibina limbungan 'T' (*Wharf*) air dalam sepanjang 308 meter dalam mana iaitu dihubungkan dengan daratan dengan menggunakan jambatan. Di daratan pula dibina *transit shed* atau gudang pemindahan barang yang kecil di bahagian belakang jambatan itu. Kawasan ini pada mulanya kecil dan tidak mencukupi tetapi kemudiannya diperbesarkan. Jalan keretapi pula dibina di belakang gudang pindah barang ini.

Pada peringkat awalnya penubuhan Pelabuhan Swettenham ipi tidak mendapat sokongan dari syarikat perkapalan. Bagi mereka dirasakan sudah mencukupi dengan dua buah pelabuhan yang terdapat di Singapura dan Pulau Pinang yang jaraknya hanya 805 km. itu. Hal ini menyebabkan Pelabuhan Swettenham tidak diiktiraf sebagai pusat pelabuhan untuk kiraan tarif (*Base Port of Calculating Tariff*).¹⁰ Dengan itu syarikat perkapalan ini mengenakan *surcharge* atau bayaran \$5.00 setan bagi barangan yang hendak dibawa masuk ke pelabuhan ini, tetapi bagi getah dikecualikan. Ini juga menyebabkan tidak banyak kapal berlabuh di pelabuhan ini. Perkara ini

9 Ibid.

10 Ibid., hlm. 35.

berlanjutan sehingga 1925, ditambah pula dengan kemudahan kelengkapan pelabuhan yang tidak mencukupi. Untuk mengelakkan dari berlabuh di pelabuhan ini kapal-kapal itu berlabuh jauh di tengah perairan Selat Kelang. Barang-barang diangkut dengan menggunakan tongkang-tongkang yang ditunda, dibawa dari kapal ke arah pelabuhan. Mengikuti banci, pada 1926 hanya 21 buah kapal sahaja berlabuh di Pelabuhan Swettenham.

Namun demikian kapal-kapal penyusur pantai tetap menggunakan pelabuhan ini. Hasil daripada tindakan pemulanan oleh syarikat perkapalan ke atas barangan yang hendak dibawa masuk ke Pelabuhan Swettenham ini, menyebabkan kapal-kapal penyusur pantai beroleh keuntungan. Ini disebabkan barangan eksport dibawa oleh kapal-kapal kecil penyusur pantai ke Singapura dan dipunggah pula ke kapal-kapal besar di situ. Namun demikian tindakan ini gagal menghalang perkembangan Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian pada tahun 1934, *surchage*¹¹ ini telah dibatalkan sama sekali. Pada tahun 1936 pula melalui perundingan di antara negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan Negeri-negeri Selat serta kerjasama kerajaan British di London, Pelabuhan Swettenham menjadi pelabuhan singgah dan diletakkan dalam pengiraan tarif untuk kegunaan sepenuhnya. Sejak itulah Pelabuhan Swettenham setanding dan sama pentingnya dengan pelabuhan-pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura.

Kesulitan dan rintangan yang dihadapi oleh Pelabuhan Swettenham dari awal kewujudannya hingga tahun 1924 yang hanya menerima kedatangan kapal-kapal kecil, telah berubah. Bermula dari tahun 1929 dan seterusnya jumlah pengendalian barangan di pelabuhan ini telah bertambah dan telah mencapai angka 600,000 tan. Walaupun pada tahun-tahun kemelesetan jumlah pengendalian merosot, tetapi setelah zaman meleset pulih, pengendalian Pelabuhan Swettenham bertambah, terutama pada tahun 1939. Pelabuhan Swettenham mencapai kemuncaknya pada tahun 1940. Pada tahun seterusnya iaitu zaman Perang Dunia Kedua (1941—1945) keadaannya berubah semula kerana Jepun memerintah Tanah Melayu.

Berikut ialah perkembangan pengendalian jumlah berat barangan yang dikendalikan oleh Pelabuhan Swettenham dari 1911—1941.

| Tahun | Eksport | Import | Jumlah (Dalam tan) |
|-------|---------|---------|--------------------|
| 1911 | 37,570 | 207,894 | 245,464 |
| 1912 | 44,569 | 219,037 | 263,606 |
| 1913 | 53,795 | 250,852 | 304,647 |
| 1914 | 53,414 | 233,046 | 206,460 |
| 1915 | 53,542 | 121,345 | 224,887 |
| 1916 | 58,670 | 159,521 | 217,191 |
| 1917 | 64,228 | 144,267 | 208,495 |
| 1918 | 60,157 | 135,422 | 195,579 |
| 1919 | 68,505 | 141,875 | 210,380 |
| 1920 | 68,317 | 184,211 | 252,528 |
| 1921 | 63,415 | 140,934 | 204,309 |

11 Ibid., hlm. 36.

| | | | |
|------|---------|---------|-----------------------|
| 1922 | 69,271 | 134,764 | 204,035 |
| 1923 | 71,716 | 184,660 | 256,376 |
| 1924 | 74,537 | 229,436 | 303,973 |
| 1925 | 87,129 | 272,889 | 360,018 |
| 1926 | 107,101 | 347,456 | 454,857 |
| 1927 | 93,360 | 418,945 | 512,305 |
| 1928 | 126,833 | 469,700 | 596,533 |
| 1929 | 161,059 | 440,779 | 601,838 |
| 1930 | 139,091 | 372,413 | 511,504 |
| 1931 | 120,496 | 254,725 | 375,221 |
| 1932 | 115,673 | 192,540 | 308,213 |
| 1933 | 148,678 | 204,052 | 352,730 |
| 1934 | 149,398 | 249,513 | 298,911 |
| 1935 | 133,912 | 262,751 | 396,663 |
| 1936 | 141,945 | 309,243 | 451,188 |
| 1937 | 169,806 | 400,749 | 570,555 |
| 1938 | 141,823 | 386,515 | 528,338 |
| 1939 | 152,568 | 384,590 | 537,158 |
| 1940 | 183,574 | 428,236 | 611,810 |
| 1941 | 143,329 | 388,756 | 532,085 ¹² |

Semasa pemerintahan Jepun antara tahun 1941 hingga 1945 Pelabuhan Swettenham menghadapi zaman malap. Kalau sebelum itu Pelabuhan Swettenham sibuk dengan pengendalian barangan dalam mana pekerja-pekerja berkerja mengikut giliran lapan jam pertukaran, keadaan berubah sama sekali. Keretapi jarang-jarang datang ke Pelabuhan Kelang. Mengikut salah seorang bekas pekerja keretapi yang ditemui dan pernah bekerja dalam zaman Jepun di situ mengatakan bahawa keadaannya lengang, keretapi datang sekali-sekala, kadang-kadang hanya gerabak sahaja yang tiba dari pekan kecil bernama Batu Tiga, Padang Jawa, dan Kelang; itu pun secara ditolak atau disorong oleh orang.¹³

Kegiatan pelabuhan mati sama sekali. Kalau sebelum itu terdapat pengendalian barangan eksport dan import, tetapi kini hanya dijalankan pengendalian eksport secara yang amat kecil sekali, itu pun oleh pemerintah Jepun tempatan sekitar pelabuhan dan bandar sekelilingnya dan bandar Kelang sendiri untuk kepentingan dirinya sendiri.

Pelabuhan Swettenham semasa Pemerintahan Jepun 1941—1945

Pelabuhan Swettenham mengalami kerosakan yang teruk semasa Perang Dunia Kedua dan dengan itu ia telah dibaikan. Dermaga untuk kapal-kapal penyusur pantai telah tidak dapat digunakan kerana dua buah kapal karam semasa serangan Jepun dan telah menghalang kapal-kapal lain untuk rapat ke dermaga.

¹² *Ibid.*, hlm. 36—37.

¹³ Wawancara dengan En. Abd. Wahid Mohd. Zin, pada 18.4.1978. Beliau ialah bekas pekerja Keretapi Tanah Melayu. Lahir pada 1918, bekerja dengan KTM (1936—1973) sebagai pemandu bot tunda kapal di pelabuhan.

Apabila Jepun menyerah kalah pada 1945 tugas utama angkatan tentera British ialah mengeluarkan bangkai kapal yang karam itu, tapi tidak membawa apa-apa kejayaan. Akhirnya tugas mengeluarkan bangkai kapal itu diberikan kepada kontraktor yang telah berjaya menyediakan kembali kemudahan berlabuh bagi kapal-kapal di dermaga ini, limbungan bagi dermaga ini juga musnah semasa perang akibat pelanggaran.

Pemerintahan Jepun juga telah mengakibatkan kerosakan yang banyak terhadap alat kelengkapan bagi pengendalian pelabuhan ini. Antaranya yang rosak dan musnah ialah lima buah *portal Cranes* untuk kegunaan di dermaga laut lepas, diikuti pula oleh bot-bot tunda (*tug boats*) dan tongkang-tongkang. Dari bilangan yang banyak itu cuma tiga buah saja yang selamat, tetapi keadaannya uzur.

Sebelum perang pelabuhan ini, mempunyai dua buah *slipways*;¹⁴ satu kepunyaan kerajaan negeri Selangor dan yang satu lagi kepunyaan Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Seperti lain-lain kemudahan, kedua-dua *slipways* ini juga terbiar dan tidak diambil perhatian. Namun begitu mereka bercadang dan berusaha untuk membina *dry dock*,¹⁵ iaitu limbungan kejuruteraan. Rancangan ini telah tidak dilaksanakan kerana perang menjelang tamat.

Bukan sahaja Pelabuhan Swettenham yang mengalami kerosakan, malah jambatan keretapi di Kelang, kira-kira 10 km. dari pelabuhan ini, yang menjadi jalan penghubung melalui darat, terutama jalan keretapi dari Kuala Lumpur telah juga dimusnahkan oleh pihak Jepun semasa menyerang dulu. Dengan kemusnahannya jambatan keretapi ini (yang menjadi nadi kemunculan Pelabuhan Swettenham) menyebabkan kegiatan pengangkutan barangan ke situ terputus dan menghadapi kemalapan. Dengan itu semasa pemerintahan Jepun di pelabuhan yang utama di Tanah Melayu ini telah tidak bergerak sama sekali.

Bila perang tamat, pihak British yang datang semula mentadbirkan Tanah Melayu telah berusaha memulihkannya untuk membolehkan Pelabuhan Swettenham berperanan dalam kegiatan ekonominya seperti sebelum perang dahulu.

Pemulihan Pelabuhan Swettenham

Di dermaga-dermaga, pemulihannya tidaklah menggalakkan sepertimana di pelabuhan-pelabuhan lain. Kerja pemulihan disatukan bersama-sama dengan memajukan serta menambahbaikan lagi susunan serta pembentukan semula Pelabuhan Swettenham itu. Pemulihan kemudahan pengendalian dilakukan dengan menggunakan alat-alat ganti dari United Kingdom.

Dermaga untuk keperluan kapal-kapal penyusur pantai telah diperbaiki dengan adanya dermaga berbentuk 'T' yang telah dicantumkan dari bentuk asalnya yang terpisah antara satu dengan lain itu. Percantuman ketiga-tiga dermaga bentuk 'T' ini telah membesarkan dermaga-dermaga itu dan jauh

14 Bererti kawasan membaiki bot-bot tunda, tongkang-tongkang serta lain kerja kejuruteraan untuk membaiki kemudahan pengendalian pelabuhan.

15 Bererti pelabuhan untuk membaiki kapal-kapal besar dan kecil, di mana di limbungan itu airnya boleh dikeringkan dan diisikan bila diperlukan supaya mudah menjalankan kerja membaiki.

berbeza keadaannya dari sebelum perang dulu. Kapal-kapal karam yang menjadi penghalang kepada dermaga dibersihkan, sementara dalam air di dermaga itu telah digali menjadikan dalamnya 5.4 meter. Usaha mendalamkannya diteruskan dan akhirnya dermaga ini boleh digunakan oleh kapal-kapal laut lepas yang sederhana besar dan beratnya.

Dermaga bagi kapal-kapal laut lepas di bahagian selatan pelabuhan ini yang terbiar sama sekali semasa perang dahulu masih belum dibaiki. Di situ terdapat banyak lumpur dan airnya menjadi sangat cetek. Akibatnya, hampir 46 meter kawasan dermaga itu tidak boleh digunakan sehingga tahun 1949.¹⁶

Dermaga terapung bagi kegunaan memunggah getah untuk eksport semasa sebelum perang telah digantikan dengan dermaga terapung No. 4 dan No. 5. Dermaga No. 4, tidak lama digunakan, kerana telah dimusnahkan tidak lama selepas itu.¹⁷ Disebabkan bertambahnya kerja pemunggaan hasil getah untuk eksport, maka pihak berkuasa keretapi Tanah Melayu telah membaiki serta melengkapkan dermaga tongkang dan kapal penyusur pantai di Sungai Aur. Kelengkapan di sini disediakan dengan keren-keren berkuasa elektrik seberat 1½ dan 3 tan. Ia kemudian dilengkapi pula dengan keren seberat 10 tan yang boleh digerak-gerakkan.

Pemulihan penggunaan tongkang-tongkang pula tidak seperti pemulihan keperluan pengendalian di atas dermaga-dermaga. Mula-mula pihak keretapi telah dijanjikan dengan 50 buah tongkang pendaratan tentera, tetapi janji itu tidak dilaksanakan. Namun demikian pihak keretapi terpaksa menerima 66 buah tongkang yang boleh muat 30 tan tiap-tiap satu. Tongkang-tongkang ini tidak lengkap dan jauh lebih kecil dari apa yang dijanjikan dulu. Kesemua tongkang pengangkut barang ini tidak boleh tahan lebih daripada lima tahun. Dengan itu pihak berkuasa keretapi telah mendapatkan melalui perdagangannya 20 buah tongkang angkut barang seberat 100 tan.¹⁸

Namun demikian, kemudahan ini masih tidak dapat menampung dan mengendalikan kepesatan kemajuan dan pertambahan barangan di pelabuhan ini. Untuk mengatasinya pihak berkuasa keretapi telah membina 20 buah tongkang yang beratnya antara 60 hingga 65 tan. Selain dari itu telah dikeluarkan tawaran bagi membekalkan tongkang-tongkang yang serupa bagi menggantikan tongkang-tongkang kecil seberat 30 tan menjelang tahun 1950. Akhirnya di Pelabuhan Swettenham dapat dilihat satu angkatan tongkang yang berjumlah lebih daripada 4,000 tan kesemuanya.

Kedudukan kapal atau bot tunda di Pelabuhan Swettenham lebih memuaskan. Pelabuhan ini mempunyai dua buah kapal tunda dan empat buah bot tunda. Empat buah daripadanya adalah saki-baki perang. Yang baru ialah bot tunda UNRRA didapati pada tahun 1949.¹⁹

Sebelum perang, polisi keretapi telah tidak menggalakkan pembinaan jalan raya. Tetapi selepas perang selesai masalah jalan raya ke Pelabuhan Swettenham diambil perhatian olehnya. Jalan raya di sekitar kawasan pelabuhan telah dibaiki dan dibina. Dengan ini jalan raya dan jalan keretapi

¹⁶ D.L. Allen, *op. cit.*, hlm. 41.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 41.

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 42.

menjadi alat perhubungan yang penting di pelabuhan ini. Dengan pembinaan semula jalan raya dan gudang-gudang di sekitar pelabuhan, maka Pelabuhan Swettenham menjadi semakin maju.

Kemajuan yang nyata ialah terdapatnya pembangunan tambahan ke arah selatan kawasan dermaga yang ada itu. Ini berlaku dengan wujudnya pusat-pusat pengendalian minyak kelapa sawit dan getah cecair. Sebelum Perang hanya dua buah syarikat mengendalikannya, iaitu Malayan American Plantations dan Socfin Palm Oil. Selepas Perang terdapat pula syarikat-syarikat seperti Socfin Latex, Harrison dan Crossfield Latex dan Boustead Latex yang turut serta. Ini diikuti pula oleh pembinaan pusat pengendalian kelapa sawit yang besar. Kesemua bahan cecair ini dibawa ke dermaga melalui dua buah mesin pam yang dibina tinggi dari paras tanah ke dermaga-dermaga. Ini dibuat supaya di bawahnya boleh dilalui oleh kenderaan jalan raya dan keretapi.

Selain daripada gudang-gudang kepunyaan keretapi, terdapat juga gudang-gudang kepunyaan syarikat-syarikat persendirian seperti Malayan Fertilisers dan Harper Gilfillan & Co. Ltd. Ketika ini, iaitu pada tahun 1951 pihak berkuasa keretapi mempunyai kawasan gudang seluas 16,406 meter persegi. Ini adalah 1,201 meter persegi lebih daripada sebelum perang dulu. Tambahannya menuju matlamat 37,160 meter persegi untuk kawasan gudang yang sedang dirancangkan ketika itu bagi menampung kesesakkan dan bantahan dari pihak syarikat-syarikat yang mengatakan kawasan simpanan di gudang-gudang tidak mencukupi.

Kemajuannya tidak dapat berjalan dengan baik, kerana pada permulaan penubuhannya pelabuhan ini tidak terdapat perancangan yang teliti. Ini menyebabkan ianya penuh sesak dan tidak teratur. Pelabuhan ini tidak dapat disamakan dengan Pelabuhan Pulau Pinang atau Pelabuhan Singapura kerana pada mulanya ia hanya dimaksudkan menjadi perhentian terakhir perjalanan keretapi sahaja.

Pengendalian barangan oleh Pelabuhan ini dari 1947—1950.

| Tahun | Melalui Dermaga Lembaga Pelabuhan | Melalui Dermaga Persendirian | Jumlah: (Kiraan tan) |
|-------|---|---------------------------------|----------------------|
| 1947 | 507,158 | 37,835 | 574,993 |
| 1948 | 599,405 | 114,366 | 713,771 |
| 1949 | 613,135 | 101,264 | 714,399 |
| 1950 | 762,235 | 117,294 | 879,529 |

Setelah mengalami perkembangan pesat dalam jangka waktu yang singkat, maka pihak berkuasa keretapi mempunyai niat untuk membesarkan dan mencari tapak baru bagi Pelabuhan Swettenham, iaitu di Selat Kelang Utara. Ini ditambah pula oleh kelengkapan di pelabuhan yang sedia ada tidak

20 *Memorandum On Malayan Railway Administration: Prepared by the Manager of Malayan Railway Administration for the member of the Railway Board & Port Swettenham Board, September, 1958.* hlm. 70.

memuaskan pihak yang berkaitan. Walaupun tapak baru menjadi idaman, tidak pula bererti tapak lama Pelabuhan Swettenham hendak dimusnahkan, malah yang baru menjadi sebahagian daripada yang lama. Dengan ini Messrs. Coode, Vaughan Lee, Frank and Gwyther, Consulting Engineers, telah dijemput membuat penyelidikan ke atas tapak baru di Selat Kelang Utara. Pihak perunding ini diminta menasihatkan pihak berkuasa keretapi dalam melaksanakan projek yang pertama kali dirancang serta dicadangkan sejak tahun 1930-an lagi.²¹

Hasil penyelidikan itu diterima pada 6 Oktober, 1949 dan telah mengesahkan cadangan terhadap tambahan dermaga di kawasan asal. Ukuran dalam bagi dermaga-dermaga ini dapat dikekalkan tanpa sebarang kesulitan, iaitu sedalam antara 5 hingga 5½ fathom (7.6 meter hingga 9 meter). Dermaga yang asalnya dua buah boleh dijadikan empat buah, malah boleh ditambahkan hingga enam buah; ini pun mengikut keperluan perdagangan yang melalui pelabuhan ini. Dalam masalah pemendapan, pihak perunding merasakan tidak perlu dasar laut di dermaga ini dikorek, tetapi perlu diselidiki dan dikaji pada tiap-tiap tahun. Ini adalah kerana kawasan ini merupakan kawasan paya dan selalu direndam air pasang. Juga pihak perunding merasakan yang paras jalan keretapi harus dinaikkan hingga 1.5 hingga 1.8 meter tinggi dari yang ada ketika itu dan paras lantai atau pelantar dermaga harus berada 6 meter tingginya dari paras air surut. Dengan laporan ini syarikat perunding itu telah dapat memberikan gambaran yang sungguh menggalakkan serta berfaedah untuk pegawai-pegawai tadbir Pelabuhan Swettenham, iaitu Malim Kanan (*pilot*), Syahbandar (*Harbour Master*), serta Ketua Jurutera Binaan Keretapi untuk tindakan mereka selanjutnya.

Juga pihak perunding telah memberikan cadangan tentang perlunya sebuah jambatan melintasi Sungai Kelang ke Selat Kelang Utara, dalam mana di bawah jambatan ini dapat dilalui oleh kapal-kapal kecil, tetapi perbelanjaan jambatan ini terlalu tinggi. Anggaran yang dibuat untuk melaksanakannya ialah £ 1,519,000.00. Kemudian pihak syarikat perunding juga mencadangkan pembinaan gudang-gudang dan jalan keretapi yang belanjanya berasingan. Tetapi pihak keretapi telah membuat kajian sendiri dan menganggarkan belanja untuk kerja dermaga dan jalan keretapi berserta gudang dalam lingkungan £ 1,622,000.00.²² Keputusan muktamad untuk menjalankan pembinaan kerja tapak baru itu belum diperolehi.

Sementara pihak perunding menjalankan kajian, pihak tuan punya kapal-kapal menyatakan rancangan itu terlalu mahal kerana tidak bersesuaian dengan kepentingan pelabuhan yang dibahagi dua itu. Malah bagi mereka ada baiknya pelabuhan lama itu diperbaiki dan disediakan kemudahan yang cukup untuk kerja-kerja pengendalian. Tetapi dari kajian para perunding, rancangan pembesaran pelabuhan lama tidak dibuat. Sementara itu pendapat awal pihak berkuasa menyatakan bahawa pelabuhan yang ada saja boleh dimiliki kapal, tetapi di bahagian lain tidak boleh kerana mendapan lumpur.

21 D.L. Allen, *op. cit.*, hlm. 43.

22 *Ibid.*, hlm. 44.

Pentadbiran Pelabuhan Swettenham sehingga tahun 1950.

Pegawai Tadbir:

Pada mulanya, iaitu sebelum Perang Dunia Kedua Pelabuhan Swettenham ditadbir di bawah Ketua Stesyen (*Station Master*). Akibat salah faham, pada 1948 dilantik seorang Pengurus Pelabuhan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelabuhan. Tugas serta tanggungjawab ke atasnya sama dengan Penolong Pengurus Trafik sekarang ini. Pegawai yang dilantik, walaupun dari pegawai keretapi, mempunyai pengalaman bekerja dengan kapal di pelabuhan Calcutta.

Perubahan pentadbiran ini disambut baik oleh pihak tuan punya kapal. Pengurus Pelabuhan dibantu oleh dua orang Pengurus Dermaga dan seorang Pegawai Trafik.

Buruh:

Buruh-buruh adalah melalui kontrak dengan pihak pemborong pekerja. Tenaga buruhnya ialah sebanyak 50 kumpulan; tiap-tiap satu kumpulan seramai 12 orang. Golongan yang teramai bekerja di pelabuhan ini ialah orang-orang India; ada sedikit saja kelompok orang Cina dan 12 kumpulan pekerja Melayu yang ditubuhkan hanya pada tahun 1948. Sejak tahun 1947, tenaga buruh menikmati hari bekerja sebanyak 26 hari sebulan dan ditambah empat hari cuti bergaji tiap-tiap bulan. Selain dari itu pekerja juga dibayar lebih masa, kerja malam, kemudahan perubatan dan belanja kematian. Satu mogok besar-besaran yang disokong oleh pihak Komunis berlaku di pelabuhan ini selama tiga minggu pada tahun 1948 dan ini mengakibatkan kerugian yang besar. Dengan itu satu mahkamah khas dilantik pada bulan Mei 1948 bagi mengkaji tentang mogok itu dan memberi cadangan terutama mengenai masalah keperluan perumahan dan bekalan air. Ini berlaku kerana pada masa perang 93 buah rumah pekerja dan tiga buah rumah berderet musnah. Pihak mahkamah juga mencadangkan agar tenaga kerja kontrak ini diambil alih sepenuhnya oleh pihak pentadbiran itu.

Untuk mengatasi masalah perumahan ini langkah utama yang diambil ialah diadakan *Human Quarantine Station*;²³ yang mana sebelum ini, stesyen ini digunakan untuk mengkaratinakan atau mengurung orang-orang India yang berhijrah ke sini melalui Pelabuhan Swettenham. Pusat ini dijadikan kawasan kediaman bagi buruh-buruh pelabuhan dan pekerja-pekerja pelabuhan yang lain. Untuk mengatasi masalah mendapat pekerja kontrak diwujudkan sebuah syarikat berasingan bagi maksud tersebut. Sehingga 1 Ogos, 1949, tugas memunggah turun dan naik barang-barang dari pelabuhan ke keretapi di Pelabuhan Swettenham diberikan kepada Tan Teck Bee.²⁴ Selepas tarikh itu sebuah syarikat yang dikenali dengan nama Cargo Handling Corporation telah mula bergiat dalam bidang ini. Pihak berkuasa keretapi mempunyai 3,000 saham yang tiap-tiap satu bernilai \$100.00 dalam mana 50% saham telah dibayar. Daripada lima orang pengarah, tiga darinya ialah daripada pentadbiran keretapi, sementara Tan Teck Bee menjadi Pengarah Urusannya.

23 Ibid., hlm. 45.

24 Ibid.

Sebuah syarikat lagi pula telah membeli perniagaan Tan Teck Bee untuk kontrak memunggah masuk barangan, iaitu Syarikat Kuala Stevedoring. Syarikat ini tidak berjalan dengan baik dan tidak kekal lama; akhirnya diambilalih oleh orang lain pula.

Seperti yang telah disebutkan di awal-awal tadi, kemudahan untuk syarikat-syarikat tertentu terdapat di Pelabuhan Swettenham ini. Kepunyaan persendirian itu ialah Syarikat Shell yang mempunyai jambatan atau dermaganya sendiri di mana syarikat ini membayar cukai tapak kepada kerajaan negeri Selangor. Lain-lain syarikat minyak seperti Standard Oil Company menggunakan dermaga air dalam kepunyaan Pelabuhan Swettenham.²⁵

Di pelabuhan ini tidak terdapat kemudahan pendaratan percuma, kecuali barangan seperti kayu api dan atap; selainnya seperti pemunggahan ikan di bahagian utara pelabuhan ini, pihak keretapi mengenakan sedikit bayaran.

Jabatan Marin

Jabatan ini tidak pula bertanggungjawab terhadap Pelabuhan Swettenham, tetapi bertanggungjawab terhadap rumah api, pelampung kapal, boyar-boyar, serta menjaga keselamatan kapal di sekitar perairan pelabuhan. Pada keseluruhannya, pihak keretapi bertanggungjawab penuh bagi perjalanan pentadbiran di Pelabuhan Swettenham ini. Dengan itu Jabatan Marin di Pelabuhan Swettenham ini tidak beroleh apa-apa pendapatan yang khusus selain daripada kutipan cukai ke atas sampan, tongkang-tongkang dan lain-lain pengangkutan air secara persendirian yang digunakan di sekitar perairan pelabuhan ini.

Dari segi penduduknya, walaupun Pelabuhan Swettenham berkembang maju, tetapi kawasan sekitarnya tidak menjadi sebuah bandar yang besar. Penduduknya yang tinggal di sini lebih merupakan pekerja-pekerja pelabuhan dan keretapi ketika itu. Lain-lain penduduk terdiri daripada pegawai-pegawai polis, kastam, imigresen dan agen-agen kapal.

Perangkaan Pengendalian barangan di Pelabuhan Swettenham adalah berdasarkan laporan tahunan keretapi Tanah Melayu yang diberikan kepada Lembaga Pentadbir dan Penasihat Pelabuhan Swettenham:

Pengendalian (mengikut tan) sejak selepas perang hingga tahun 1949²⁶
zaman pentadbiran tentera,

| | Import | Eksport | Jumlah |
|----------------------|-----------|---------|---------|
| Sept. 1945—Mac 1946 | 1,195,956 | 34,142 | 230,098 |
| April—Disember, 1946 | 240,342 | 102,387 | 342,729 |
| 1947 | 338,407 | 249,927 | 588,334 |
| 1948 | 467,259 | 256,531 | 713,790 |
| 1949 (½ tahun) | 233,667 | 128,159 | 351,826 |

Pelabuhan Swettenham pada 1950-an

Dengan berkembangnya kegiatan perdagangan di Pelabuhan Swettenham

²⁵ Ibid., hlm. 46.

²⁶ Ibid., hlm. 48.

selepas pemulihannya, pada 1951, sebuah jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Pelabuhan-pelabuhan Kebangsaan (The Federal Ports Committee) telah dibentuk oleh kerajaan untuk mempertimbangkan langkah-langkah supaya kemudahan serta peralatan di pelabuhan-pelabuhan Persekutuan diperbaiki. Dalam laporan jawatankuasa itu ia memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap cadangan pembinaan tiga buah dermaga air dalam di Selat Kelang Utara. Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan cadangan tersebut pada 19 November, 1952.²⁷

Pihak jawatankuasa yang memberi cadangan itu telah membuat cadangannya berdasarkan kepada matlamat yang Pelabuhan Swettenham telah dapat mengendalikan barangan seperti berikut, iaitu barangan kering: 600,000 tan setahun, barangan cecair: 100,000 tan setahun, barangan dari tongkang: 50,000 tan setahun dan barangan dari kapal penyusur pantai: 250,000 tan setahun. Dengan itu jumlah pengendalian: 1,000,000 tan setahun.²⁸

Sebenarnya, sebelum itu pun, iaitu pada 1936 Lembaga Penasihat Pelabuhan telah memberikan cadangan untuk membina dermaga tambahan di Pelabuhan Selatan apabila angka pengendalian barangan mencapai 450,000 tan setahun tetapi tidak menjadi kenyataan disebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi di seluruh dunia. Ini diikuti pula oleh Perang Dunia Kedua.

Menjelang 1958 jumlah berat barangan yang dikendalikan telah meningkat ke angka lebih dari sejuta tan. Umpamanya pada 1957 barangan yang dikendalikan telah mencapai angka 1.3 juta tan. Untuk keterangan lanjut mengenai pengendalian barangan di pelabuhan ini dari tahun 1951—1959, lihat rajah di bawah ini:²⁹

Jumlah barangan yang diselenggarakan (tan)

| Tahun | Dermaga Pelabuhan | | Dermaga Persendirian | Jumlah |
|-------|-------------------|--------------|--------------------------|--------|
| | kering (000) | cecair (000) | | |
| | | | Menyusur Pantai (000) | (000) |
| 1951 | 736 | 70 | 14 | 159 |
| 1952 | 720 | 110 | 10 | 159 |
| 1953 | 730 | 180 | 11 | 103 |
| 1954 | 660 | 230 | 12 | 101 |
| 1955 | 820 | 259 | 12 | 110 |
| 1956 | 900 | 262 | 13 | 112 |
| 1957 | 900 | 310 | 12 | 112 |
| 1958 | 858 | 309 | 22 | 105 |
| 1959 | 888 | 319 | 19 | 105 |

27 *Memorandums On Malaysian Railway Administration*, hlm. 82.

28 *Ibid.*, hlm. 82.

29 *New Port at North Klang Straits*, Malayan Railway Administration, 27 December, 1963, hlm. 12.

Dengan ini nyata sekali perlunya dibina tiga buah dermaga air dalam kerana dengan adanya dermaga-dermaga ini dapatlah dikendalikan perdagangan dengan lebih lancar, licin, teratur dan menguntungkan.

Hasilnya pada penghujung tahun 1958 satu tawaran telah dikeluarkan bagi pembinaan tiga buah dermaga dan tiga buah gudang pindah barang di atas dermaga, berserta dengan jalan keretapi dan jalan raya dari pantai ke dermaga. Jalan raya sepanjang 5.6 km dari bandar Pelabuhan Kelang dan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Kelang juga dibina serentak. Sebagai tambahan, tawaran juga dikeluarkan bagi memberikan angka perbelanjaan untuk pembinaan dermaga yang keempat. Jurutera Perunding bagi perojek ini ialah Messrs. Code & Partners of London. Ia telah menyediakan rajah pelan tapak pelabuhan dan dokumen tawaran yang lengkap untuk rancangan pembinaan ini sepertimana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelabuhan Swettenham.

Anggaran perbelanjaan untuk kerja ini ialah M\$43 juta. Pada penghujung bulan Julai, 1958, kerajaan Amerika Syarikat bersetuju memberi pinjaman US\$10 juta (M\$30 juta) dari tabung Pinjaman Pembangunan Amerika Syarikat untuk perojek ini. Pinjaman ini ialah untuk kerajaan Persekutuan.³⁰

Pentadbiran Pelabuhan Swettenham sebelum 1963

Tugas pengurusan di pelabuhan sebelum tahun 1963 diketuai oleh seorang Pengurus Kanan Pelabuhan yang bertanggungjawab terus kepada Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu. Di bawahnya ialah Pengurus Pelabuhan. Selainnya ialah 795 orang pekerja Jabatan Pelabuhan, 143 orang pekerja Jabatan Jurutera Awam, 197 orang pekerja *slipway* dan 87 orang pemandu lokomotif, traktor, keren dan lori. Jumlah semua pekerja di bawah tadbir Lembaga Pelabuhan ialah seramai 1224 orang.³¹

Pekerja buruh di dermaga, limbungan, gudang dan tempat simpan barang disediakan oleh syarikat persendirian iaitu Cargo Handling Corporation Limited, sebuah anak syarikat Pentadbiran Keretapi yang mempunyai saham 98%. Kerja-kerja *stevedor* pula disediakan bersama oleh Syarikat Cargo Handling Corporation dan dua buah lagi syarikat persendirian yang bukan anak syarikat pentadbiran keretapi tetapi ada hubungan secara tidak langsung dengan pentadbiran keretapi.

Waktu bekerja pada peringkat awal ialah antara jam 7.30 pagi hingga 10.30 malam. Tetapi disebabkan berlakunya dakwaan kesesakan dari pihak pengusaha perkapalan, waktu bekerja ditambah menjadi 24 jam tujuh hari seminggu. Sebelum rancangan ini dilaksanakan, kerja giliran ikut masa dua giliran itu ditambah dengan kerja lebih masa, serta dibuat pembayaran bonos bagi setiap kerja tambahan yang berlebihan. Ini menyebabkan pendapatan dan pengendalian di pelabuhan ini bertambah.

Kadar bayaran yang dikenakan oleh Lembaga Pelabuhan kepada perkhidmatan di Pelabuhan Swettenham dibuat di bawah Ordinan Keretapi 1948 seperti yang dicatatkan dalam buku Tarif Pelabuhan Swettenham Buku

30 *Memorandum On Malayan Railway Administration*, hlm. 83.

31 *Ibid.*, hlm. 78.

I, yang diterbitkan dalam bulan April 1956.³²

Kerja penyelarasan oleh kerani-kerani juga dilakukan di pelabuhan. Kerani-kerani di pihak Lembaga dan pihak syarikat atau agen perkapalan menjalankan tugas ini. Oleh kerana ada aduan di mana tugas kedua-dua pihak ini kurang memuaskan, menyebabkan pihak Lembaga Pelabuhan Swettenham membuka sekolah untuk melicinkan tugas mereka pada Mac, 1958. Tujuannya ialah supaya kerja-kerja dari kedua-dua pihak menjadi baik, sempurna dan mendatangkan kesan.

Urusan kastam di pelabuhan dikendalikan sepenuhnya, oleh seorang Penolong Pengawal Kastam. Pegawai kastam ini ditempatkan di tempat-tempat pemindahan barangan, dan sebahagian pula bertugas di luar untuk menyelenggarakan pungutan cukai barang dieksport dan import. Selain daripada itu ada juga pegawai kastam yang ditugaskan meronda supaya dapat mencegah penyeludupan. Penyelenggaraan yang terlampau ketat menyebabkan selalu berlaku kelewatan, dan ini merugikan pihak tuan-tuan punya barangan. Masalah yang dihadapi oleh Lembaga Pelabuhan Swettenham ketika ini ialah:

- i) Pada mulanya Pelabuhan Swettenham dibentuk untuk tujuan pengendalian barangan yang tidak begitu besar telah berubah menjadi terlalu besar.
- ii) Kemudahan di dermaga tidak mencukupi dengan bertambahnya bilangan kapal-kapal yang berlabuh.
- iii) Kemudahan untuk pemunggaan dari kapal dengan tongkang juga tidak mencukupi.
- iv) Kemudahan menyimpan barangan terhad.
- v) Tempat simpanan atau tempat menguruskan penghantaran barangan yang ada terbina telah mengganggu pihak berkenaan untuk membesarkan pelabuhan yang ada.
- vi) Kapal-kapal yang datang selalunya tertumpu pada masa yang tertentu sahaja, iaitu di penghujung atau awal bulan, dan ini menyebabkan kesesakan. Itulah antara lain masalah Lembaga Pelabuhan Swettenham ketika itu. Barangan yang dikendalikan oleh Pelabuhan Swettenham adalah:

Import

Beras
Gula
Tepung
Minyak dan minyak petrol
Jentera (berat & ringan)
Kenderaan
Kain-kain
Besi-besi
Aspkalt

Eksport

Getah keping
Getah cecair
Minyak kelapa sawit
Kepingan besi yang tidak berguna
Bijih timah
Lain-lain hasil galisan selain
timah, balak, papan lapis

32 Ibid., hlm. 79.

Simen
 Baja Phosphate
 Barang makanan, seperti buah-buah
 daging, susu dan sebagainya.

Jenis kapal yang datang berlabuh dan menggunakan pelabuhan ini adalah:³³

| Tahun | Luar | Tempatan | Minyak | Penumpang | Jumlah |
|-------|-------|----------|--------|-----------|--------|
| 1951 | 709 | 180 | 191 | 45 | 1,125 |
| 1952 | 815 | 138 | 120 | 42 | 1,115 |
| 1953 | 831 | 213 | 106 | 10 | 1,160 |
| 1954 | 1,000 | 238 | 158 | 34 | 1,430 |
| 1955 | 1,059 | 256 | 106 | 31 | 1,452 |
| 1956 | 1,032 | 251 | 85 | 31 | 1,399 |
| 1957 | 1,154 | 243 | 111 | 24 | 1,532 |

Berdasarkan perangkaan yang ini nyatalah pada kita akan perkembangan Pelabuhan Swettenham ini sejak selepas perang sehingga zaman Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Perkembangan inilah mendorong kerajaan dan pihak berkuasa keretapi khususnya untuk membesarkan lagi pelabuhan sesuai sebagai pelabuhan utama negara ini.

Organisasi Lembaga Menjelang Rancangan Malaysia I

Pada 1 Julai, 1963 Lembaga Pelabuhan Swettenham dengan rasminya menjadi sebuah Jabatan Berkanun di bawah Akta Parlimen, iaitu Undang-undang Lembaga Pelabuhan 1963. Terdahulu daripada itu pelabuhan ini adalah di bawah tadbiran Keretapi Tanah Melayu. Di bawah akta ini Lembaga Pelabuhan Swettenham diberi kuasa sepenuhnya di mana ia diberikan hak untuk melibatkan dirinya dalam memberi dan menerima tawaran-tawaran dan boleh didakwa serta mendakwa. Lembaga harus mempunyai ahli-ahli di mana seorang Pengerusi dilantik oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, seorang Pengurus Besar berserta tidak kurang lima atau tidak lebih tujuh orang ahli-ahli yang dilantik oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Ahli-ahli Lembaga memegang jawatan untuk setahun sahaja dan boleh ditimbangkan untuk dilanjutkan masanya, kecuali Pengurus Besar. Ketika ini ada sembilan orang ahli Lembaga Pelabuhan Swettenham yang mana termasuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar.³⁴

Di bawah akta ini Lembaga mempunyai kuasa yang luas untuk melaksanakan tugas-tugas yang perlu dan munasabah dalam pengurusan, kemajuan, pembangunan dan perkembangan pelabuhan. Kuasa yang luas itu adalah untuk menggerakkan jentera pentadbiran serta memperolehi kawasan atau harta benda, menguruskan pelaksanaan perprojek-perojek,

³³ Ibid., hlm. 70.

³⁴ *Transport Development in Malaysia*, Annex C, D, Ports, prepared by Coverdale & Colpitts Consulting Engineers in Cooperation with Robert R. Nathan Associates, INC. Consulting Economists, hlm. 25.

dermaga-dermaga serta pekerja-pekerja, menggunakan kadar bayaran atas pengendalian kargo, mengawas pergerakan keluar masuk kapal-kapal di kawasan pelabuhan, dan berbagai-bagai tugas dalam menggerakkan perjalanan sesebuah pelabuhan. Kesemua tugas yang hendak dijalankan atau dilaksanakan perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Perhubungan untuk mendapatkan pinjaman bagi melaksanakan kemajuan, pembangunan serta perkembangan pelabuhan ini.

Pengurus Besar ialah Ketua Pegawai Pentadbir dan bertanggungjawab mengawasi semua kegiatan di pelabuhan. Beliau dibantu oleh seorang Penolong Pengurus Besar, Setiausaha, Pengurus Trafik, Ketua Jurutera dan Ketua Akauntan. Jabatan Pengurusan Perkhidmatan (*The Management Services Department*) ialah jabatan yang dibentuk untuk menganalisa dan mengkaji perjalanan pelabuhan. Ia juga bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain di dalam Lembaga ini serta bertanggungjawab terhadap perkembangan perbadanan, membentuk kaedah serta cara pengurusan di pelabuhan keseluruhannya supaya bergerak dengan lancar dan licin.

Lembaga Pelabuhan Swettenham mempunyai Jawatankuasa Perunding yang dilantik di mana mengandungi Pengerusi Lembaga Pelabuhan sendiri, Pengurus Besar Pelabuhan dan orang-orang perseorangan yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan yang bertanggungjawab terhadap pelabuhan. Jawatankuasa Perunding Pelabuhan ini diperlukan hanya untuk perkara-perkara mengenai penukaran kadar bayaran perkhidmatan di pelabuhan, rancangan pembesaran dan pembangunan pelabuhan dan lain-lain perkara yang diarahkan oleh menteri.

Jawatankuasa Lembaga Pelabuhan bermesyuarat sebulan sekali untuk mengkaji dan meneliti perjalanan serta perkara-perkara yang berbangkit di pelabuhan. Jawatankuasa Lembaga Pelabuhan mempunyai jawatankuasa kecil yang lain di bawahnya iaitu:-

- i) Jawatankuasa Kewangan, mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga berhubung dengan belanjawannya yang dibentangkan oleh pihak pentadbiran.
- ii) Jawatankuasa Perancangan, mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai perkembangan gerakan dan kemudahan di pelabuhan.
- iii) Jawatankuasa Perkhidmatan, mengendalikan soal-soal syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekerja di pelabuhan dan juga pengambilan pegawai kanan untuk Lembaga.

Pentadbiran

Mengikut Laporan Tahunan yang berakhir pada 31 Disember, 1964 Lembaga bermesyuarat sebanyak 19 kali untuk melaksanakan tugas mereka. Dalam pada itu mesyuarat jawatankuasa kecil seperti Jawatankuasa Perkhidmatan telah diadakan. Tidak ketinggalan juga Jawatankuasa Kewangan yang bermesyuarat untuk membuat anggaran perbelanjaan dan menyemak serta membaiki kedudukan kewangan Lembaga. Bagi Jawatankuasa perunding Lembaga pula, mesyuarat mereka tertumpu kepada mengkaji kadar pembayaran, serta tingkatan pembayaran kepada lembaga dan mengemukakan

syor-syor yang perlu diambil perhatian oleh Lembaga. Dalam hal ini pihak Lembaga telah mengambil tindakan hasil dari saranan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Perunding itu seperti yang telah diwartakan pada 3 September, 1964.

Selain daripada itu, Lembaga telah membuat beberapa tambahan terhadap undang-undang pelabuhan. Yang nyata ialah pada peraturan jawatan mengikut seksyen 15 Undang-undang Lembaga untuk peraturan jawatan dan peraturan kakitangan. Jumlah pekerja dan kakitangan Lembaga seperti yang terdapat pada akhir tahun 1965 dan perbandingannya dengan tahun 1963 memperlihatkan perkembangan terhadap pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan.³⁵

Angka Perbezaan Jumlah Kakitangan Lembaga Mengikut Peringkat dari tahun 1964—1965

| Jabatan | Peringkat Tinggi | | Tingkatan I | | Tingkatan II | | Tingkatan III | | IMG | |
|-------------|------------------|-----|-------------|-----|--------------|-----|---------------|-----|-----|-----|
| | '64 | '65 | '64 | '65 | '64 | '65 | '64 | '65 | '64 | '65 |
| Pentadbiran | 3 | 3 | 1 | 3 | 1 | 1 | 22 | 36 | 3 | 4 |
| Trafik | 1 | 1 | 8 | 6 | 8 | 12 | 408 | 408 | 524 | 516 |
| Akaun | — | 1 | 3 | 1 | 3 | 3 | 69 | 64 | 3 | 2 |
| Jurutera | 1 | 1 | 4 | 5 | 3 | 5 | 22 | 22 | 250 | 268 |
| Jumlah | 5 | 6 | 16 | 15 | 15 | 21 | 521 | 530 | 780 | 790 |

Jumlah Kakitangan Lembaga Mengikut Tahun Berdasarkan Jabatan-jabatan dalam Lembaga

| Jabatan | 1963 | 1964 | 1965 |
|-------------|-------|-------|-------|
| Pentadbiran | 25 | 30 | 47 |
| Trafik | 907 | 949 | 943 |
| Akaun | 69 | 77 | 71 |
| Jurutera | 275 | 280 | 301 |
| Jumlah | 1,276 | 1,336 | 1,362 |

Menjelang perlaksanaan Rancangan Malaysia Pertama, pihak Lembaga mengalami satu hubungan perusahaan yang agak baik antara Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu yang mewakili kakitangan Lembaga. Namun demikian berlaku juga beberapa tindakan perusahaan oleh ahli-ahli

³⁵ Laporan Pentadbiran dan Kira-kira Lembaga Pelabuhan Swettenham tahun berakhir 1964, hlm. 10 dan untuk Tahun 1965, hlm. 14.

kesatuan yang datang dari kumpulan-kumpulan pemandu keren, umpamanya pada 14 April, 1964 hingga 20 April, 1964.³⁶ Ini berlaku kerana mereka menuntut kenaikan gaji. Sungguhpun begitu setelah mendapat kebenaran dari Kementerian, lembaga telah meluluskan tuntutan gaji tambahan bagi mereka dan juga kerani-kerani.

Dalam pada itu, dalam usahanya untuk menimbulkan kecekapan bekerja lembaga melaksanakan dasar menghantar beberapa orang pegawainya untuk mendapat latihan. Antara pertubuhan yang dimaksudkan Lembaga Pelabuhan Singapura, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Keretapi Tanah Melayu dan juga menghadiri seminar-seminar yang diadakan di dalam dan di luar negeri.

Dalam tahun 1965 pula satu peristiwa penting berlaku di Lembaga ini iaitu pertukaran pentadbiran bagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja keretapi seramai 1,021 orang yang menjadi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dibawah tadbir Lembaga Pelabuhan Swettenham. Ini berlaku kerana bertukarnya pengendalian Pelabuhan Swettenham dari tangan Keretapi Tanah Melayu ke tangan Lembaga Pelabuhan Swettenham pada 1 Julai 1963. Peristiwa ini berlaku bila kerajaan Malaysia mengeluarkan Warta Bilangan 16 pada 25 Mac 1965.³⁷ Dengan ini kerja-kerja pemindahan dan pemilihan pegawai-pegawai serta kakitangan yang berkaitan diberikan peluang untuk mempertimbangkan serta memikirkan pemilihan sama ada hendak kekal di pentadbiran lama atau yang baru untuk tempoh selama setahun bermula dari tarikh dinyatakan oleh kerajaan.

Seperti tahun 1964 juga, hubungan perusahaan antara majikan dengan kesatuan sekerja sangat memuaskan, namun demikian ada juga perselisihan kecil-kecilan berlaku tetapi dapat diatasi oleh kedua-dua pihak demi untuk kebaikan bersama. Juga dalam tahun 1965, beberapa orang pegawai dihantar berlatih di beberapa buah institusi untuk tujuan mendapatkan pengetahuan yang lebih dalam mengendalikan tugas di pelabuhan ini. Antara tempat-tempat itu ialah pelabuhan-pelabuhan di England, Jerman, India dan di beberapa institusi latihan dalam negeri.

Perkembangan Lembaga Pelabuhan Swettenham

Dalam memperkatakan perkembangan Lembaga Pelabuhan Swettenham elok dibuat penelitiannya berdasarkan pembahagian Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan. Dengan ini mudahlah bagi kita melihat perkembangannya menjelang Rancangan Malaysia Pertama.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, kepentingan pelabuhan telah meningkat di mana jumlah muatan yang dikendalikan pada 1957 berjumlah 1.3 juta tan, telah meningkat hampir sekali ganda menjadi 2.04 juta tan pada tahun 1964. Dengan itu langkah membesarkannya dilakukan. Perkembangan dan pembangunan dirancang mengikut dua peringkat: rancangan tergepar Kementerian Pengangkutan dan pembangunan jangka panjang Selat Kelang Utara.

36 *Laporan Pentadbiran dan Kira-kira LPS tahun 1964*, hlm. 11. (LPS ialah Lembaga Pelabuhan Swettenham).

37 *Administration Report & Accounts of the Port Swettenham Authority for the year ending 31st December, 1965*, hlm. 13.

Rancangan Tergempar Kementerian Pengangkutan di Pelabuhan Selatan

Rancangan tergempar ialah penambahan satu tambatan untuk kegunaan kapal-kapal pesisir sepanjang 107 meter dan tambatan kapal-kapal laut lepas sepanjang 146 meter. Ini disertai pula dengan pembinaan sebuah gudang punggah dan pindah barang. Selain daripada itu pembinaan tiga buah jeti tongkang-tongkang tambahan dengan gudang pindah barangnya seluas 3,716 meter persegi dan ditambah pula dengan kawasan lapang simpanan terbuka. Ini bertujuan untuk membolehkan Pelabuhan Selatan mengendalikan urusan barangan sementara menunggu pelabuhan Selat Kelang Utara dibuka.

Kemudahan yang terdapat di Pelabuhan Selatan sementara siapnya pembinaan peringkat pertama Pelabuhan Utara, ialah:

- a) Tiga buah dermaga laut lepas, panjangnya 454 meter. Ini dapat merapatkan kapal-kapal yang bilangannya antara tiga atau empat buah, dengan syarat kapal-kapal itu tidak melebihi 76 meter panjangnya.³⁸
- b) Dua buah dermaga pantai sepanjang 290 meter.
- c) Lima buah pelampung dan dua buah tambatan.
- d) Syarikat Shell mempunyai jeti yang membolehkan kapal sepanjang 128 meter berlabuh dan merapat.
- e) Terdapat juga tiga buah dermaga tongkang-tongkang.

Kemudahan pengendalian dan tempat simpanan barangan pula ialah:

- a) Tempat simpan barangan yang bertutup berjumlah 35,190 meter persegi dan daripada jumlah tersebut 14,068 meter persegi disewakan kepada syarikat-syarikat persendirian.
- b) Tempat simpan barangan yang tidak bertutup seluas 1,115 meter persegi.
- c) Keren-keren ganteri disediakan yang boleh mengangkut barang seberat antara lima hingga 10 tan.
- d) Treler-treler dan trektor juga disediakan untuk mengangkut barang dari gudang ke gudang dan dari kapal ke lori disertai juga dengan beberapa buah *forklift*.
- e) Diadakan hubungan jalan keretapi dan jalan raya ke semua gudang-gudang transit dan kawasan tanah lapang dan dermaga.

Dengan adanya kemudahan yang disediakan serta tambahan-tambahan itu, pihak Lembaga telah dapat menghasilkan pencapaian berikut:

- a) Jumlah pengendalian muatan pelabuhan bertambah lebih kurang 60%.
- b) Kelewatan dan gangguan muatan serta kapal dapat diatasi dengan memuaskan.
- c) Pengendalian buruh bertambah, hitung panjangnya dari 4.8 tan untuk tiap-tiap kumpulan menjadi 10.3 tan.

38 Laporan Kemajuan Tahunan Lembaga Pelabuhan Swettenham, Pendahuluan, 1964, hlm. 7.

Pembangunan Jangka Panjang Pelabuhan Selat Kelang Utara

Letaknya ke arah barat laut Pelabuhan Selatan dan arah sebelah timur Selat Kelang Utara. Keadaan lautnya tenang kerana dilindungi oleh pulau-pulau seperti Pulau Kelang, disertai pula dengan tebing-tebing yang luas dan mempunyai kawasan lapangan yang mencukupi bagi tujuan pelayaran (lihat peta).

Keadaan air pasang surut di selat ini berlainan dari lain-lain tempat di Tanah Melayu, di mana paras tinggi air pasang lebih kurang lima meter dan surut pula lebih kurang 3 meter. Arus di Selat Kelang Utara ini berulang-alik, arah ke utara masa air surut dan menghala ke selatan waktu air pasang. Kelajuan arus mencapai angka lebih kurang dua knot, terutama bila air pasang penuh.

Perbelanjaan peringkat ini memerlukan anggaran berjumlah \$40,158,000.00 dan dari jumlah itu \$30 juta disediakan oleh American Development Loan Fund. Rundingan untuk mendapatkan pinjaman ini dilakukan pada tahun 1959.³⁹ Baki wang yang diperlukan dipinjamkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu kepada pihak berkuasa pelabuhan.

Dermaga yang hendak dibina ialah sepanjang 759 meter dan lebar 62 meter dan dapat merapatkan empat buah kapal serentak. Tiap-tiap dermaga mempunyai bangsal pindah barangan seluas 4,645 meter persegi tiap-tiap satu.⁴⁰ Dermaga ini dihubungkan dengan pantai oleh tiga buah jejambat, sebuah untuk kegunaan jalan keretapi dan jalan raya serentak dan dua buah lagi untuk kegunaan jalan raya. Penggunaan sepenuhnya pelabuhan ini bermula pada Januari 1964.

Kawasan pantainya seluas 8.9 hektar; di tanah lapang daratan inilah terdapat gudang-gudang menyimpan barang-barang, bangunan pentadbiran, kawasan lapangan terbuka bagi simpanan barangan dan kawasan meletak gerabak keretapi. Ini disertakan juga dengan kawasan gudang seluas 6,503 meter persegi. Selain kawasan seluas 8.9 hektar itu, pihak kerajaan negeri telah menyediakan kawasan tanah seluas 178 hektar lagi untuk perkembangan pelabuhan ini dari masa ke semasa.

Alat-alat jentera bagi punggah-memunggah barangan disediakan dan dibantu pula oleh buruh-buruh yang bekerja mengikut giliran. Alatan yang disediakan berjumlah kira-kira 1.5 juta ringgit, antaranya ialah 44 buah *Forklift Trucks*, Lima *Towing Tractors*, 22 *Trailers* muatan 10 tan, 30 *trailers* muatan tiga ton, 10,000 *Pallets* (pelapik kayu untuk mengangkat barang dengan forklif). 1 *Mobile Heavy Lift Crane*, 1 *Heavy Duty Forklift Truck*.⁴¹ Dengan ini dijangkakan yang pelabuhan baru dapat mengendalikan barangan berjumlah 800,000 tan setahun.

Keperluan perhubungan darat ke pelabuhan ini dirancang dengan baik, dalam mana kemudahan jalan raya dan jalan keretapi disediakan. Kedua-duanya lebih kurang sepanjang 4 km. dari Pekan Pelabuhan Kelang merentasi pula Sungai Kelang menuju ke Pelabuhan Utara ini. Dengan itu

39 *New Port at North Klang Straits; Port Swettenham*, 27th December, 1963, by the Malayan Railway Administration, hlm. 14.

40 *Ibid.*, hlm. 16.

41 *New Port at North Klang Straits*, hlm. 16.

sebuah jambatan disediakan untuk ini. Panjang jambatan ialah 228.6 meter dan siap dibina pada 30 Jun 1962.

Pengendalian Lembaga Pelabuhan Swettenham (1961—65)

Perkembangan pembangunan Lembaga Pelabuhan Swettenham ini selari pula dengan perkembangan pengendalian barangan yang diuruskan. Perkembangan pengendalian barangan bererti bertambah pesatnya pendapatan Lembaga Pelabuhan Swettenham dari tahun ke tahun. Mengikut perangkaan dari tahun 1961—1965 ternyata terdapat perkembangannya. Secara kasar perangkaan itu adalah seperti berikut:

| Tahun | Muatan yang diselenggarakan |
|--------------|------------------------------------|
| 1961 | 1.68 juta tan. |
| 1962 | 1.90 juta tan. |
| 1963 | 2.03 juta tan. |
| 1964 | 2.039 juta tan. |
| 1965 | 2.273 juta tan. ⁴² |

Bilangan kapal yang datang menguruskan import dan eksport di pelabuhan ini juga bertambah. Bilangan mengikut tahun adalah seperti berikut:


| Tahun | Bilangan Kapal |
|--------------|--------------------------|
| 1961 | 1,539 buah |
| 1962 | 1,740 buah |
| 1963 | 1,727 buah |
| 1964 | 1,728 buah |
| 1965 | 2,017 buah ⁴³ |

Adanya pembinaan dermaga baru di Selat Kelang Utara telah dapat menguruskan barangan yang kian bertambah dari tahun ke tahun. Dengan itu peranan Pelabuhan Selatan (lama) telah dapat ditumpukan khas untuk barangan eksport negara ini dan import cecair sahaja. Bagi Pelabuhan Utara (baru) tumpuan khas hanya kepada barangan yang diimport. Pembahagian begini dapat melicinkan serta dapat memberikan satu perkhidmatan yang baik, sempurna dan lancar.


Walaupun telah dibina pelabuhan baru dengan empat buah dermaga, namun ianya tidak dapat menampung kepesatan jumlah barangan yang bertambah dari masa ke masa. Dengan itu rancangan pembangunan dan Pembesaran mengikut jangka masa tertentu diperlukan. Oleh itu pihak berkuasa Kementerian Pengangkutan telah membuat rancangan mengembang dan membesarkan lagi Pelabuhan Swettenham yang kemudiannya menjadi Pelabuhan Kelang ini mengikut strategi Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya. Perancangan ini perlu untuk menampung penglibatan dan pengendalian yang bertambah, serta meletakkan Pelabuhan Swettenham setanding dengan pelabuhan-pelabuhan lain di rantau sebelah sini.

⁴² Laporan Kemajuan Lembaga Pelabuhan Swettenham, 1964, hlm. 22.

⁴³ Port Swettenham Authority, Handbook of Information.



PELAN TAPAK PELABUHAN SELAT KELANG UTARA.



PELABUHAN KELANG DAN KAWASAN PEDALAMAN.